



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 22	Selasa	1 Oktober 2013
----------------	---------------	-----------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 25)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.62	(Halaman 26)
Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013	(Halaman 42)
USUL-USUL:	
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 25)
- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 166)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Kenaikan Caj Perkhidmatan IWK – <i>Y.B Tuan Ng Wei Aik (Tanjong)</i>	(Halaman 166)
■ Ancaman Kepada Kebebasan Bersuara Rakyat - <i>Y.B. Tuan N. Surendran a/l Nagarajan (Padang Serai)</i>	(Halaman 168)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Selasa, 1 Oktober 2013

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) bagaimana dengan ada pihak-pihak berkuasa seperti polis trafik, JPJ, SPAD, LPKP dan perkhidmatan *online*, seorang pemandu yang memiliki 16 saman (belum dijelaskan), dari 3 negeri (Johor, Selangor dan Melaka), masih boleh memandu bas pelancong yang mengakibatkan tragedi kemalangan Genting Highlands baru-baru ini (*Star, page 3, 25/08/2013*); dan
- (b) berapa ramai lagikah pemandu kenderaan pengangkutan awam yang mempunyai kes tertunggak dengan pihak-pihak berkuasa tetapi masih memandu pengangkutan awam.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan semakan rekod Polis Diraja Malaysia, pemandu bas henti-henti yang terlibat dengan tragedi kemalangan pada 21 Ogos 2013 di Genting Highlands mendiang Lim Kok Hoe masih mempunyai 16 saman yang belum selesai iaitu 15 saman atas kesalahan melebihi had laju dan satu saman atas kesalahan menghalang lalu lintas.

Oleh kerana pendakwaan untuk saman-saman pemandu ini masih belum dilaksanakan di mahkamah maka Jabatan Pengangkutan Jalan tidak dapat menyenaraihitamkan lesen pemandu tersebut. Bagi kesalahan yang dikuatkuasakan oleh JPJ di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, jumlah pemandu kenderaan pengangkutan awam yang memiliki Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) yang mempunyai rekod saman tertunggak sehingga 19 September 2013 adalah sebanyak 72,316 orang.

Walau bagaimanapun, JPJ tidak mempunyai rekod berhubung pemandu-pemandu tersebut masih memandu pengangkutan awam. Untuk makluman Yang Berhormat Kalabakan, adalah menjadi tanggungjawab pengusaha-pengusaha pengangkutan awam untuk memastikan pemandu-pemandu mereka mempunyai rekod bersih dan tidak mempunyai saman-saman

tertunggak. Penguatkuasaan secara *self-regulatory* ini adalah lebih berkesan dalam menambah baik kualiti dan perkhidmatan pengangkutan awam.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, soalan begitu singkat sekali. Dia tidak memuaskan saya.

Beberapa Ahli: Jawapan, jawapan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jawapan itu tidak memuaskan saya. Ini kerana, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, JPJ, polis tidak boleh mengambil tindakan. Terpulang kepada pemandu-pemandu dan perkhidmatan kenderaan awam. Jadi, kalau begini 72,000 setakat ini tidak ada tindakan yang diambil. Mungkin polis, JPJ dan badan-badan lain tidak ada kuasa.

Macam mana kita harapkan pengangkutan awam ini boleh menjalankan tugas yang betul-betul kerana selepas ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada banyak lagi kemalangan. Kenapa kita tidak tarik sahaja lesen mereka ini, yang 72,000 ini. Jadi, kita minta Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, dia juga pemangku Menteri, minta ambil tindakan. Kita gubal undang-undang. Kita bagi kuasa kepada polis, JPJ dan badan-badan lain untuk tidak perlu pergi mahkamah. Terus tarik sahaja jika sekiranya ada undang-undang yang kita adakan itu. Jadi, saya minta jawapan dari Menteri, bolehkah kita berbuat demikian? Kita beri kuasa kepada badan-badan ini untuk bertindak.

Tidak perlu lagi kita mahu bawa pergi mahkamah. Makan masa yang begitu lama. Jadi, kita minta bolehkah atau tidak kita bagi kuasa kepada polis, JPJ dan lain-lain?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, benar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kalabakan. Pihak kerajaan memang memandang serius perkara ini dan akan mengambil tindakan dengan langkah-langkah untuk menggantung dan membatalkan lesen-lesen pemandu-pemandu yang kerap melanggar peraturan dan undang-undang jalan raya.

Sehubungan dengan itu, satu kaedah baru yang lebih ketat akan dilaksanakan oleh pihak JPJ dan akan terus menggantung dan membatalkan lesen-lesen pemandu yang didapati kerap melanggar undang-undang jalan raya ini. Sehubungan itu, saya sendiri telah mengarahkan pihak MIROS untuk mempengerusikan satu jawatankuasa bagi memastikan tiada pemandu yang boleh membahayakan rakyat di atas jalan raya.

Pemandu-pemandu yang menjadi ancaman kepada nyawa pengguna jalan raya ini akan terus dikeluarkan daripada jalan raya ini. Maka, dengan itu pihak JPJ akan dinasihatkan untuk menubuhkan satu unit khas untuk mengambil tindakan terus terhadap pemandu-pemandu yang membahayakan kepada rakyat untuk tidak terus memandu di jalan raya. Terima kasih.

■1010

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita ada macam-macam undang-undang. *One of the best in the world*. Kita semua ada tapi kerap kali kemalangan tidak terkawal. Saya dapat jawapan dari kerajaan, untuk setiap kematian, *economic lost* adalah lebih kurang RM500,000. Asasnya adalah ini Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kerana dia ada saman, tindakan dari jabatan dan sebagainya. *The reality is*, ialah Tuan Yang di-Pertua, *driver* kita dibayar gaji yang teruk. Ramai di antaranya dibayar komisen. Itu

adalah asas yang perlu diambil tindakan untuk menolong mereka. Ramai di antara mereka tidak ada SOCSO. Kalau kita tengok, ramai di antara *driver bus* ada kerja 18 jam.

Jadi, ini adalah yang perlu diambil tindakan dan perhatian. Macam mana kementerian dapat memberi perhatian kepada perkara-perkara ini kerana ini adalah asas. Yang lain semua adalah berkaitan. Apakah yang boleh dibuat oleh kementerian supaya mengatasi masalah yang kerap kali kerajaan dan kementerian enggan mengetahui dan mencari jalan untuk menyelesaikan perkara ini.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat. Maka, seperti saya sebutkan tadi, pihak MIROS akan menjadi pengerusi untuk mengatasi isu kemalangan jalan raya yang semakin meningkat dan membahayakan. Kita tahu bahawa kemalangan di Genting ini merupakan kemalangan yang paling teruk dalam sejarah Malaysia. Maka, sebab itu pihak kementerian amat serius dalam perkara ini dan akan mengambil kira untuk menghukum juga syarikat-syarikat yang tidak dapat mengurus dalam *human resource* kakitangan. Khususnya pemandu-pemandu kerana kita tidak mahu pihak syarikat menggunakan kaedah secara *trip*. Ini kerana kalau secara *trip*, ianya tidak akan mengambil kebajikan kepada pemandu supaya ianya lebih selamat di atas jalan raya.

Maka, pandangan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat akan dipertimbangkan untuk dirumuskan satu pendekatan yang baru.

2. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan:

- (i) mengapa kadar perahan minyak kelapa sawit (OER) diturun daripada 18.7% kepada 17.5% sedangkan kadar pro rata Malaysia hanya turun daripada 20.13% kepada 19.72%; dan
- (ii) mengapa "*processing fee*" kepada pekebun kecil dinaikkan daripada RM50 kepada RM60 per tan (FFB)

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Telok Kemang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar perahan minyak sawit ataupun *oil extraction rate* (OER), dengan izin nasional pada tahun 2012 telah meningkat kepada 20.35% berbanding dengan 20.12% pada tahun 2011. Di antara faktor yang mempengaruhi kadar OER adalah kualiti buah tandan segar (BTS) atau dengan izin, *fresh fruit bunches* (FFB) kelewatan penghantar FFB ke kilang-kilang untuk diproses dan juga faktor cuaca.

Kadar OER akan berubah mengikut bulan dan kawasan berdasarkan kepada antara lain faktor cuaca. Umpamanya, pada bulan Mei dan Jun 2013, disebabkan oleh cuaca yang lembap, kadar OER di kawasan tengah Semenanjung telah mencatatkan penurunan OER sebanyak 0.39% kepada 19.67% dan pada bulan Jun 0.30% kepada 19.37%.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan kos *processing fee*, dengan izin yang dinaikkan daripada RM50 kepada RM60 setan bagi FFB ianya adalah berpunca daripada kos penyimpanan yang terpaksa ditanggung oleh kilang-kilang sawit semasa stok yang tinggi. Umpamanya, di dalam bulan Ogos 2012 sehingga bulan Mac 2013, stok minyak sawit negara telah melebihi paras 2.0 juta tan sebulan. Walau bagaimanapun, mulai Jun 2013, paras stok minyak sawit Malaysia telah menurun kepada paras purata stok 1.6 juta tan sebulan.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan terus menasihatkan industri supaya tidak mengenakan kos-kos berlebihan agar ianya tidak menjejaskan pendapatan para pengusaha tanaman sawit terutamanya pekebun kecil. Sekian, terima kasih.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kejatuhan OER menyebabkan inflasi kepada industri sawit. Ia menyebabkan kehilangan hasil dan juga peningkatan kos pengeluaran. Dua kesan ini turut menjejaskan industri sawit secara keseluruhannya sehingga terdapat kawasan-kawasan tanaman sawit yang tidak dapat dituai kerana harga yang ditawarkan tidak mampu menampung kos. Jika OER tidak ditingkatkan, negara tidak dapat menyaingi negara-negara yang lain dalam pengeluaran kerana mereka ada banyak kemampuan untuk membuka kawasan baru. Alasan mengenai dengan kenaikan harga BTS sudah pun diatasi kerana harga BTS ini tidak boleh diambil kira kerana longgokan buah itu ialah bercampur dengan BTS yang tidak ada kualiti. Maka, ini telah pun dibuat persetujuan supaya hanya perahan itu ialah dikira yang dibuat di kilang.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah kawalan yang dibuat oleh kerajaan? Ini kerana masalah ini sudah dibuat kajian 20 tahun yang lalu, merancang untuk mengatasi masalah dan kawalan ini ada dalam peraturan yang dikeluarkan oleh PORLA. Jadi, setakat mana kawalan ini dikuatkuasakan supaya pengilang-pengilang mengikut peraturan, manual pengedaran buah kelapa sawit terbitan PORLA. Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Telok Kemang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang tepat Tuan Yang di-Pertua, bahawa kadar OER mempengaruhi harga dan juga mempengaruhi untung rugi ataupun pendapatan tinggi rendah kepada pekebun kecil. Namun, itu jugalah yang digunakan di kebanyakan negara. OER tidak dikawal sepenuhnya oleh MPOB tetapi kami pihak MPOB menghantar pegawai NKEA sejak tahun 2011 ke kilang-kilang Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan buah-buah yang elok dan yang kurang bermutu ataupun yang busuk yang dijangka OERnya rendah, diasingkan terlebih dahulu.

Bermakna, di situ sudah ada satu tindakan untuk memastikan pekebun ataupun yang menghantar BTS itu ke kilang, tidak terus mengalami ataupun mendapat OER yang terus rendah tetapi diasingkan. Bila diasingkan mungkin ada OER yang tinggi dan pihak MPOB juga telah meletakkan pegawai-pegawai MPOB, pegawai-pegawai selain daripada pegawai NKEA di kilang-kilang itu untuk terus memberi khidmat nasihat kepada pekebun-pekebun kecil khususnya untuk menjalankan ataupun mengambil langkah-langkah amalan pertanian yang baik. Dengan menggunakan baja yang sesuai, menyuburkan semula tanah, kerana ini berkait rapat juga dengan

kualiti BTS yang dihasilkan oleh pokok dan juga memilih anak-anak benih yang lebih bermutu apabila ketika untuk menanam semula misalnya. Pihak kilang juga, kita menasihatkan supaya bertukar kepada teknologi yang lebih canggih dengan peralatan-peralatan yang lebih moden supaya kerugian itu dapat dikurangkan dan secara tidak langsung ianya dapat memberi manfaat. Kalau kilang itu maju dan berteknologi tinggi, ianya secara tidak langsung mengurangkan kos pengilang dan memberi manfaat secara langsung kepada pekebun-pekebun kecil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1020

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang pada pagi ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, ramai pekebun kecil terutama di kawasan Parlimen saya memilih untuk menanam kelapa sawit ini kerana harga CPO nya yang lebih tinggi kalau kita bandingkan dengan tanaman-tanaman lain. Walau bagaimanapun, kita tengok akhir-akhir ini, harga CPO ini agak rendah dan pada hari ini juga saya dimaklumkan harganya ialah RM470, kalau kita bandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini yang harganya pernah mencecah sehingga ke RM800.

Jadi soalan tambahan saya pada pagi ini adalah, apakah trend harga rendah ini akan berterusan? Saya juga mohon supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi makluman ataupun memberi jangkaan harga CPO ni sehingga akhir tahun ini. Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih adinda saya Yang Berhormat Parit Sulong.

Kita semua sedia maklum Tuan Yang di-Pertua bahawa harga CPO atau harga sesuatu komoditi adalah ditentukan oleh banyak faktor, terutamanya di peringkat antarabangsa kerana kita eksport dan kebelakangan ini, pertumbuhan ekonomi dunia yang lembap terutamanya kepada negara-negara pengimport, memberi kesan yang nyata kepada harga komoditi ataupun harga CPO untuk kelapa sawit ini. Begitu juga dengan longgokan ataupun lebih bekalan, juga turut memberikan kesan kepada harga di mana itu faktor asas ekonomi di mana lebih penawaran memberi kesan kepada penurunan harga untuk permintaan dan sebagainya.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, harga CPO yang ada pada hari ini masih saya kira dalam keadaan yang tidak terlalu rendah seperti pada satu ketika dahulu pada tahun 1981 misalnya, pada awal tahun 2000 jatuh, tapi pada tahun 2008 sudah mula meningkat. Pada hari ini juga melihat kepada suku tahun ketiga tahun 2013 kepada ekonomi negara-negara pengimport seperti China, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, India misalnya, memang mencatat pertumbuhan ekonomi yang agak lembap.

Namun seperti yang saya katakan tadi, ianya masih lagi agak stabil di paras RM2,300 pada lapan bulan pertama tahun ini, dan kita jangka harga purata sampai ke akhir tahun 2013 ini tidak akan jatuh daripada harga RM2,300, dan mungkin boleh mencecah kepada RM2,400 satu tan Tuan Yang di-Pertua. Itu pun dengan usaha-usaha kita mengawal penawaran, bekalan dan juga kita mungkin akan mengambil langkah untuk menggalakkan lagi pekebun-pekebun kecil yang

mempunyai usia pokok yang melebihi 25 tahun supaya menanam baru, supaya kita boleh mengurangkan bekalan pada ketika pokok baru ditanam tersebut Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Actually* OER ini ditentukan mengikut wilayah oleh PORLA. Kita sedar bahawa antara faktor itu seperti yang dinyatakan tadi bergantung kepada *maturity* pokok itu, kematangan. Bermaksud apabila pokok itu makin tua maka minyaknya lebih. Jadi kita sedar bahawa dalam masa yang sama industri perladangan kelapa sawit ini telah pun menarik minat pelbagai negara, maka *competition* ataupun saingan makin hebat. Umpamanya negara Indonesia dan sebagainya, mungkin Malaysia kini sudah pun jatuh menjadi pengeluar kedua di dunia.

Jadi apakah langkah-langkah kerajaan yang telah pun diambil atau sedang diambil untuk mempelbagaikan lagi penggunaan minyak ini? Dengar cerita, kata dahulu hendak membio-dieselkan. Jadi minyak diesel pun naik harga sedikit kadar subsidi diesel dikurangkan. Adakah penggunaan biodiesel ini berada dalam tahap boleh dikomersialkan ataupun masih di tahap percubaan ataupun dalam tahap *research* ataupun penyelidikan? Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. OER ini tepat. Ianya dipengaruhi oleh kematangan buah sawit itu yang dibawa ke kilang tetapi bukanlah dalam tempoh satu tahun tuai, ataupun sampai lima tahun tuai, yang paling bagus kualitinya untuk perahan minyak itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Jerlun bagi tahu semakin tua semakin bagus minyaknya [*Ketawa*] Itu soalnya.

Dato' Noriah binti Kasnon: Tidak. Mungkin kepada lelaki tetapi tidak kepada buah sawit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Tidak, ini minyak kelapa sawit, buah kelapa sawit.

Dato' Noriah binti Kasnon: Tidak, tidak Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mungkin untuk Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, untuk buah sawit dalam tuaian tahun pertama hingga tahun ketujuh, ataupun keenam, ianya masih mempunyai kualiti yang agak rendah. Maknanya OER masih lagi rendah perahan minyaknya itu masih tidak cukup kualiti tinggi, tetapi yang paling matang adalah tahun kelapan hingga tahun keenam belas. Kemudian tahun ketujuh belas sampai tahun kedua puluh, lima *life spend* nya bukan macam manusia Tuan Yang di-Pertua. Dia sudah semakin menurun dan itulah yang saya kata tadi terpaksa mengamalkan *good agriculture practices*, baja yang lebih sesuai dan sebagainya, dan itu memang ditentukan di setiap wilayah. Ia tidak sama OER ini mengikut bulan, mengikut cuaca, mengikut kawasan dan sebagainya tapi kita monitor.

Untuk makluman Yang Berhormat Jerlun juga, Tuan Yang di-Pertua tadi beliau ada bertanya antaranya, apa yang kita laksanakan untuk memperkukuhkan penggunaan sawit ini? Selain daripada kita jual CPO tapi kita juga membuat penggunaan biodiesel B5 sekarang ini sudah mula digunakan di selatan. Di Johor sudah dilancarkan pengguna B5 iaitu penggunaan diesel sawit 5% dan telah juga diperluaskan di wilayah dan *insya-Allah* akan menjangkau ke utara. Selain daripada B5 ini juga kita sedang berbincang untuk menggunakan B7 yang mana penggunaan biodiesel sawit ini lebih tinggi iaitu 7% dan selepas B7 itu *insya-Allah* kita memang sudah memandang jauh untuk pergi kepada B10 pula. Tuan Yang di-Pertua itu adalah antara satu lagi usaha untuk memperluaskan produk-produk sawit kita selain daripada produk-produk di bidang makanan, kosmetik dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang penting ialah penjagaan tidak kira tua atau muda Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya jemput Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin.

3. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan pakar perubatan tradisional Melayu-Islam yang telah diiktiraf oleh kementerian berbanding pakar-pakar daripada perubatan tradisional yang lain serta adakah ada kerjasama yang dijalinan di antara kerajaan dengan mereka; dan
- (b) berdasarkan maklumat, didapati kementerian kurang memberi perhatian terhadap penglibatan pakar perubatan tradisional Melayu-Islam, dari sudut pengiktirafan kepakaran, produk ubatan dan sokongan terhadap aktiviti berkaitan. Mengapa ini berlaku.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Besar. Soalan ini berkenaan dengan perubatan tradisional Melayu-Islam.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengenal pasti enam bidang amalan utama di bawah perubatan tradisional dan komplementari iaitu perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional India dan perubatan tradisional Cina, perubatan Islam, homeopati dan juga terapi komplementari.

Bidang amalan perubatan tradisional Melayu adalah berbeza daripada perubatan Islam. Di bawah perubatan tradisional Melayu KKM telah mengenal pasti empat sub bidang amalan iaitu:

- i) urut;
- ii) perubatan herba;
- iii) bekam; dan juga
- iv) perbidanan.

Manakala perubatan Islam merupakan satu usaha dalam mencari rawatan untuk penyakit fizikal dan rohani yang dilakukan oleh seorang Muslim yang berpengetahuan dan mahir dalam

kaedah rawatan dengan menggunakan ayat Al-Quran, hadis, amalan ulama Muktabar serta mahir menggunakan kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan syarak.

■1030

Akta Perubatan Tradisional & Komplementari 2013 telah diwartakan pada bulan Februari 2013 dan sedang menunggu. Minta maaf Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2012 telah diwartakan pada bulan Februari 2013 dan sedang menunggu untuk dikuatkuasakan. Apabila akta ini dikuatkuasakan kelak, Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari yang ditubuhkan akan menjalankan pendaftaran ke atas para pengamal perubatan tradisional dan komplementari. Melalui pendaftaran ini, kelayakan dan pengamalan pengamal akan dinilai. Justeru pihak majlis akan dapat mengenal pasti pakar-pakar yang berpengalaman dan berkemahiran bagi setiap bidang amalan yang telah didaftarkan.

Kenyataan bahawa KKM kurang memberi perhatian terhadap perubatan Melayu Islam adalah tidak benar sama sekali. Pihak kementerian sentiasa bersikap telus dan adil serta sentiasa menyokong sebarang usaha yang dijalankan oleh para pengamal selagi tidak bercanggah dengan polisi kerajaan. Pihak kementerian sentiasa menjalin kerjasama dengan para pengamal ini terutama dalam mendapatkan input teknikal berhubung bidang amalan mereka. Seperti dalam membentuk garis panduan amalan pembangunan standard dan kurikulum pengajian serta dalam sebarang usaha untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme pengamal perubatan tradisional dan komplementari.

Para pengamal yang dijemput untuk memberikan input teknikal ini dinilai berdasarkan kelayakan dan pengalaman mereka melalui badan-badan pengamal yang telah dilantik oleh KKM. Sebagai contoh KKM telah bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam seperti JAIS dan pengamal-pengamal perubatan Islam yang berpengalaman serta berkelayakan dijemput semasa pembentukan garis panduan amalan perubatan Islam. Selain itu kementerian juga bekerjasama dengan pihak JKM dalam menjalankan kajian untuk membangunkan indeks pematuhan piawaian syariah bagi pengamal perubatan Islam.

Dalam pembangunan standard dan kurikulum pula, pihak kementerian telah bekerjasama dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta para pengamal perubatan Islam. Dalam membangunkan standard Diploma Perubatan Islam yang kini sedang ditawarkan oleh *Cyberjaya University College of Medical Sciences*. Selain itu dalam bidang perubatan tradisional Melayu pula, KKM turut terlibat dalam membantu pembangunan standard Diploma Urut Melayu dan Ijazah Perubatan Melayu. Seramai 22 orang pengamal perubatan tradisional Melayu telah berjaya mengikut kursus Diploma Lanjutan dalam Urut Melayu yang telah ditawarkan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Semasa pembentukan standard ini juga wakil pengamal yang berkelayakan dan berpengalaman dijemput untuk memberikan input teknikal berhubung bidang amalan mereka.

Di samping itu dalam bidang penyelidikan, KKM sedang bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam usaha untuk mendokumenkan pengetahuan dan pengalaman pengamal-pengamal perubatan tradisional Melayu, terutama dalam penggunaan

herba tempatan oleh para pengamal itu dalam perubatan mereka. Selain itu juga KKM sentiasa menjalankan penilaian teknologi kesihatan dalam bidang perubatan tradisional dan komplementari untuk mencari bukti saintifik dalam bidang amalan. Contohnya amalan bekam dan terapi nutrisi agar rakyat dapat menikmati penggunaan perubatan tradisional dan komplementari yang selamat dan berkesan.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Soalan tambahan Yang Berhormat Menteri. Dalam mengamalkan perubatan tradisional Melayu Islam ataupun perubatan alternatif ini, ia melibatkan ubat-ubatan ataupun herba yang tertentu. Kita faham bahawa Kementerian Kesihatan ada mewujudkan Jawatankuasa di bawah negara di mana ramai jawatankuasanya dan terdiri daripada orang Melayu dan Islam. Akan tetapi soalan saya, rungutan-rungutan daripada mereka ini kebanyakannya adalah daripada apabila mereka mengadakan satu perubatan ataupun herba itu ianya sukar untuk mendapat kelulusan daripada kementerian.

Keduanya diharapkan pihak kementerian dapat memberi maklumat tentang bantuan-bantuan kewangan kerajaan yang diberikan kepada mereka terutamanya dari segi latihan, dari segi herba, bantuan untuk mengeluarkan ubatan herba ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang sudah itu soalan.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Terima kasih dan akhir sekali diharapkan kalau kerajaan dapat menyelaraskan perubatan tradisional kita dapatlah mengelakkan penipuan-penipuan dan juga yang terdapat dalam perubatan tradisional Melayu Islam ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Yang Berhormat Padang Besar terima kasih. Tentang produk herba, kalau ikut peraturannya mereka hendaklah merujuk kepada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan. Produk ini akan diperiksa, dibuat penilaian dan bila didapati sesuai atau tidak ada bahan-bahan yang dilarang maka boleh mereka diluluskan. Akan tetapi kebanyakan sekarang ini mereka macam-macam dia letak ubat lain ditambah jadi ini yang kebanyakan ubat ini tidak lulus.

Tuan Yang di-Pertua sebenarnya dalam hal *complementary medicine* ini, akta sudah lulus dan telah diwartakan pada bulan Februari tahun ini. Lepas ini kita akan adakan mewujudkan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari. Masa itu kita boleh bincang tentang bantuan kerajaan ataupun bentuk latihan dan sebagainya. Jadi belum sampai ke peringkat itu lagi. Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih. Tadi Timbalan Menteri ada menyebut tentang bagaimana kelayakan pengamal-pengamal perubatan ini diberi ataupun diiktiraf oleh persatuan-persatuan mereka. Setakat ini saya ingin tahu adakah menjadi cadangan daripada pihak kementerian apabila piawai ini telah ditetapkan, maka selepas ini pengamal-pengamal perubatan Islam tradisional dan Melayu ini perlu menjadi syarat untuk mereka pengamal ini, mesti ada *practicing certificated* ini. Setakat ini saya ingin tahu adakah kementerian telah mengenal pasti ataupun menyenaraihitamkan mereka-mereka yang mendakwa menjadi pengamal

perubatan Islam dan tradisional ini tetapi telah mendapat aduan tentang mereka. Apakah tindakan kementerian terhadap pengamal-pengamal begini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sekarang ini di hospital-hospital kerajaan sudah 11 hospital kerajaan telah pun mengadakan pusat-pusat perubatan tradisional ini. Sebanyak 11 saya boleh sebutlah di Hospital Seberang Jaya, Kepala Batas, Hospital Sultan Ismail, Hospital Sultanah Nur Zahirah, Hospital Sultanah Hajjah Kalsom, Hospital Sultanah Bahiyah, Hospital Raja Perempuan Zainab 2, Hospital Port Dickson dan Hospital Duchess of Kent, Hospital Sarawak dan juga Hospital Rehabilitasi, Cheras. Maknanya mereka telah pun diiktiraf oleh kerajaan. Sebenarnya sudah ramai pesakit telah pun dirujuk kepada pusat-pusat ini untuk rawatan mengurut, untuk akupunktur, sudah ada. Kalau rekod ini, sudah ada. Seramai 26,297 orang telah pun dirujuk kepada pusat-pusat ini daripada hospital kerajaan. Sebanyak 148,000 jumlah rawatan.

Jadi setakat ini peraturan kita tidak membenarkan lagi kita hendak senarai hitamkan sesiapa lagi belum ada majlis. Saya kira bila sudah ada majlis, kita sudah boleh buat peraturan dan masa itu kita boleh senarai hitamkan.

4. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) kursus-kursus yang disediakan oleh pihak Universiti Teknologi Mara; dan
- (b) bilangan pelajar dalam kursus-kursus ini mengikut kaum bagi pelajar-pelajar tempatan dan luar negara.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua ada *point of order* berkenaan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiu semasa sesi jawab lisan...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya faham, saya faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau sudah faham sila duduk.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, masalah sekarang urusan kerajaan betul tetapi sekarang soalan adalah kerana urusan kerajaan.

■1040

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiu, saya nasihatkan Yang Berhormat Setiu duduk. Sebab kita sudah sebut beberapa kali semasa sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan, tidak ada peraturan yang dikemukakan. Selepas ini boleh kemukakan. Sila.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan untuk

mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat kerana berjaya menang kembali satu kerusi di jawatankuasa eksekutif pusat dan pelantikan Yang Berhormat sebagai Naib Pengerusi DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, boleh minum kopi selepas ini.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat lebih daripada 250 program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) di peringkat asasi, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan doktor falsafah yang merangkumi bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan, kesihatan dan kebajikan, pendidikan, perkhidmatan, pertanian dan veterinar, sains sosial, perniagaan dan perundangan, sains, matematik dan komputer, sastera dan kemanusiaan.

Maklumat lanjut berkaitan program pengajian yang ditawarkan ini boleh juga diperoleh di laman sesawang UiTM iaitu www.uitm.edu.my dan pada masa yang sama saya juga ingin mengucapkan syabas kepada pihak pengurusan Parlimen yang telah menaiktarafkan portal Parlimen mereka juga.

Yang Berhormat Ipoh Barat, seksyen 1A Akta Universiti Teknologi Mara UiTM, 1976 [*Akta 173*] menjelaskan bahawa, UiTM bukan di bawah Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian kementerian mengekalkan perkara-perkara berkaitan UiTM di bawah Akta 173 yang berkuat kuasa. Kementerian hanya membenarkan UiTM menawarkan program pengajian kepada pelajar antarabangsa dengan peratusan yang minimum iaitu 5%. Ini bertujuan untuk melatih pelajar bersaing di peringkat antarabangsa di masa hadapan. Input dan maklum balas daripada pelajar antarabangsa yang belajar ketika ini boleh dijadikan panduan yang berguna di samping mendapat pembinaan *networking* ataupun jaringan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan kedua tidak dijawab iaitu berapa pelajar-pelajar tempatan dan berapa pelajar-pelajar di luar negara. Kalau tidak ada jawapan sekarang, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, MARA memberikan keutamaan kepada pelajar-pelajar kita dalam 250 kursus merangkumi semua kursus yang diberikan di universiti. Saya difahamkan bahawa pelajar-pelajar di MARA, kalau kita mengambil total pelajar di MARA adalah lebih daripada semua universiti tempatan termasuk Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia, universiti selatan, universiti apa di negara ini. Ini menunjukkan ia menjadi *primary university* di negara ini.

Jadi soalan yang berkaitan adalah macam mana Yang Berhormat, macam mana kementerian dan kerajaan tentang pendirian mereka untuk menyalurkan, memberi lebih ruang dalam nama 1Malaysia supaya semua rakyat termasuk masyarakat-masyarakat miskin dari masyarakat India, Cina boleh meneruskan pelajaran mereka di Universiti Teknologi MARA. Ini kerana semua adalah anak-anak Malaysia, semuanya adalah *taxpayers* di negara ini dan kalau kita tengok bersambung dengan itu matrikulasi di negara di mana lebih 10% sekarang diberikan

kepada yang bukan Melayu. Adakah kerajaan akan memikirkan supaya memberi ruang kepada sedemikian?

Berkaitan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, ia mesti ranking QS, tahun dahulu menunjukkan Universiti Teknologi MARA telah jatuh dari ranking 601 kepada 701. Standardnya dari tahun ke tahun semakin jatuh. Jadi, apakah tindakan yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini supaya bolehkah kita kata rankingnya boleh dinaikkan sekurang-kurangnya...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Jatuh, tak payah masuklah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Dari 200 ataupun 300. Ini adalah kerana perkara yang mustahak, berjuta-juta kalau saya tidak silap Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Ipoh Barat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Lebih daripada RM3 bilion diagihkan untuk MARA. Kalau tiap-tiap tahun universiti ranking jatuh, *it doesn't make sense*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Jadi apa usaha yang dibuat [*Dewan riuh*] Apabila saya bercakap benar UMNO ini dia *very excited* lah. *You speak the truth action the devil*. Ini adalah perkara [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat panjang sangat ini. Soalan, soalan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: MIC. Untuk orang India, Yang Berhormat tahu. Bolehkah Yang Berhormat sebagai orang India berusaha mendapatkan sekurang-kurangnya masyarakat India ke MARA. *If cannot, you must do something*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Sila.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Tiga soalan. Saya minta maaf kerana maklumat Yang Berhormat minta, saya ada tetapi untuk menjimatkan masa itu saya akan berikan secara bertulis. Akan tetapi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat, peratus pelajar tempatan di kesemua bidang-bidang itu lebih 99% dan hanya kurang 1% sahaja kita beri peluang kepada peratus pelajar antarabangsa.

Antara jurusan yang mendapat permohonan yang paling tinggi ialah jurusan bidang kesihatan dan kebajikan dan itu pun kita berikan 0.78% kepada pelajar antarabangsa. Semua bidang ini tidak melebihi 1% walaupun ada peluang untuk 5% pelajar. Akan tetapi secara terperinci akan kita edarkan kepada Yang Berhormat dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat juga.

Atas soalan yang mana sama ada boleh diberikan ruang kepada pelajar-pelajar yang bukan bumiputera. Memang ada perancangan. Akan tetapi Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, UiTM juga telah menubuhkan satu fakulti yang boleh dikatakan – diberi nama *International Education College* yang berkuat kuasa mulai tahun ini. INTEC yang diberi nama ini, anak syarikat UiTM memberikan peluang kepada semua pelajar tanpa mengira agama, bangsa

dan juga latar belakang. Ini merupakan satu IPTS. Maklumat lanjut mengenai INTEC ini boleh kita dapati melalui laman sesawang mereka sendiri iaitu www.intec.uitm.my

Ranking ini satu perkara yang amat serius, kita sedar bahawa kita perlu lebih banyak IPTA-IPTA dan juga IPTS. Kita menggalakkan mereka menjadi satu menara gading ataupun universiti yang bertaraf antarabangsa. Dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, kita memang telah melakarkan bagaimana kita hendak menambahbaikkan *ranking* universiti. Bukan sahaja UiTM tetapi semua universiti IPTA-IPTA di Malaysia dan kita memohon kerjasama daripada semua rakyat Malaysia untuk memberikan kepercayaan kepada semua IPTA dan saya pasti kita akan berjaya dalam masa yang terdekat ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. UiTM ini lahir daripada aspirasi bumiputera, kongres Melayu, kongres bumiputera yang pertama. Kalau kita hendak tengok dalam Dewan ini ramai yang pernah belajar di UiTM. Yang Berhormat Kemaman, Pengerang, Parit Sulong, Jerlun. Yang Berhormat Kuala Selangor pun menjadi Pensyarah Kanan Fakulti Perundangan. Yang Berhormat Putatan, nombor calon tidak tahulah.

Bukti dan prestasi UiTM memang telah diketahui seantero dunia. Malah *vice president* pertamanya masih hidup. Memandangkan bahawa *ranking* itu ya ada *ranking* tetapi macam UTAR, tidak ada *ranking* langsung, UiTM ini ada *ranking*. *Alhamdulillah*. Ada tidak perancangan masa depan pengurusan UiTM dan kementerian untuk melihat dan membenarkan kerana asas dan semangat penubuhan UiTM itu adalah untuk memberi peribumi peluang belajar. Ada tidak polisi hendak buka dan hasrat mengantarabangsakan UiTM agar peribumi Indonesia, minoriti Melayu Selatan Thai ataupun peribumi Fiji umpamanya, diberikan peluang untuk datang dan belajar di UiTM.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Umum tidak dapat menafikan bahawa kejayaan dan kebolehan UiTM yang telah berjaya melahirkan ramai pemimpin-pemimpin.

■1050

Malah ramai pemimpin-pemimpin yang berada di Dewan yang mulia ini merupakan bekas mahasiswa-mahasiswi UiTM. Saya ucap terima kasih kepada UiTM yang telah berjaya menonjolkan pemimpin-pemimpin tersebut. Kerajaan tidak akan sama sekali meninggalkan fakta-fakta itu, kita sedar, kita terima dan kita akan terus memberi penekanan dan memperkasakan UiTM. Kita, seperti mana yang telah saya beri jawapan kepada Yang Berhormat Ipoh Barat sebentar tadi. Proses ataupun Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) ini merangkumi bagaimana kita dapat menambah baik atas soalan yang mana memberi peluang kepada peribumi negara-negara yang lain. Buat masa ini pun mereka boleh mengambil bahagian dalam kursus-kursus.

Kita telah menempatkan 5% kepada pelajar-pelajar antarabangsa. Mereka boleh memohon sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat keperluan untuk memasuki bidang-bidang yang tertentu di UiTM ini Yang Berhormat. Saya harap jawapan ini dapat memberi sedikit penjelasan dan pencerahan. Terima kasih Yang Berhormat.

5. **Datuk Raime bin Unggi [Tenom]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) kos perbelanjaan bulanan dan tahunan operasi, pentadbiran dan pengurusan BERNAMA TV pada 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan lapan bulan pertama tahun 2013; dan
- (b) apakah pembaharuan-pembaharuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan BERNAMA TV dalam usaha saluran berita rasmi kerajaan itu berdaya saing dengan saluran berita antarabangsa seperti CNN, Al Jazeera, Sky News dan BBC.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom di atas soalan yang dikemukakan. BERNAMA TV merupakan anak syarikat agensi berita BERNAMA secara berusaha sama dengan pihak swasta. Hingga tahun 2011 pihak pengurusan BERNAMA mengambil alih sepenuhnya pengendalian operasi BERNAMA TV. Secara perincian perbelanjaannya daripada tahun 2008 pada waktu mula ditubuhkan, kos operasi bagi saluran berita adalah kira-kira RM25.4 juta, manakala pada tahun berikutnya RM21.5 juta. Tahun 2010 sebanyak RM23.8 juta dan 2011 sebanyak RM20 juta.

Sehingga sekarang beberapa usaha di buat untuk mengurang kos tersebut, dalam tahun 2013 kos operasi bulanan BERNAMA TV adalah purata RM1 juta sebulan. Ini bermakna sehingga bulan Ogos yang lepas, jumlah perbelanjaannya kira-kira RM8 juta. Pihak kami berusaha untuk menyusun kembali dan menstrukturkan kembali BERNAMA TV untuk menjadikan ia satu saluran berita yang lebih berdaya saing. Kami sedar kalau hendak di bandingkan dengan berita-berita antarabangsa seperti CNN, Al Jazeera, Sky News, BBC dan sebagainya, BERNAMA TV masih berada di peringkat terlalu awal kerana sifatnya adalah buat masa sekarang adalah lebih bersifat domestik, bersifat siaran di peringkat dalam negara semata-mata.

Namun begitu, di bawah pendigitalan RTM, kita akan mencari satu *synergy* yang baik untuk digandingkan dengan beberapa keupayaan yang ada antara RTM dan BERNAMA TV dengan harapan pada suatu masa nanti kita akan mengadakan dua lagi saluran berita. Satu, saluran berita Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu dan satu lagi saluran berita sepenuhnya dalam bahasa Inggeris.

Kita akan melihat bahawa beberapa aspek yang penting di dalam saluran berita yang dianggap lebih berkesan dan lebih berdaya saing. Misalnya berita mesti terkini. Sebolehnya bersifat *real time*, apa yang berlaku sekarang di siarkan sekarang. Lebih banyak *breaking news* yang akan di buat. Ia mesti tepat dan kita percaya bahawa saluran berita yang baik mestilah bersifat seimbang. Kita juga mengkaji tentang konsep saluran berita BERNAMA sekarang ini, apakah satu saluran berita yang mempunyai pelbagai bahasa sebagai suatu yang munasabah dan praktikal.

Oleh sebab dalam dunia sekarang ini didapati tidak ada lagi, tidak ada suatu saluran berita yang pelbagai bahasa. Apakah ia di anggap memberi kesan kepada *flow* ataupun kepada aliran

penonton menonton suatu berita sekiranya berlaku perkara-perkara yang memerlukan *breaking news*. Misalnya, berlaku kemalangan bas yang jatuh di gaung. Misalnya sedang mereka menonton saluran tersebut tiba-tiba terhenti dengan berita-berita bahasa lain. Jadi, di anggap apakah ia praktikal untuk meneruskan konsep begini ataupun di fikirkan cara lain yang lebih berkesan.

Kita juga percaya bahawa saluran berita sekarang ini tidak boleh di salurkan melalui satu platform sahaja. CNN tidak berasaskan kepada platform televisyen. Ia mesti diperbagaikan, ada SMS *alert*, ada menggunakan platform melalui *internet* yang di pelbagaikan cara persembahannya dan bukan semata-mata dengan cara menyiarkan melalui saluran TV. Ini adalah antara perkara yang menjadi asas untuk menstrukturkan kembali BERNAMA TV dan juga siaran televisyen melalui RTM dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan seperti mana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, yang mana kerajaan telah mengambil BERNAMA TV pada tahun 2011 akibat beberapa masalah dalaman yang dihadapi oleh BERNAMA TV. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ketahui bahawa negara kita pada hari ini telah terletak di tangga 145 daripada 179 buah negara dalam ranking Indeks Kebebasan Media 2013 dan ini menunjukkan penurunan sebanyak 23 anak tangga berbanding pada tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, ingin meminta kepada pihak Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang di ambil oleh Pihak kementerian dalam memastikan BERNAMA TV ini memberi kadar liputan yang seimbang dan neutral tanpa mengira parti politik yang mana kita sering dengar kata mereka, kita tidak ada kebebasan dalam media. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mewajibkan setiap GLC yang ada di negara kita untuk mengiklankan perkhidmatan dan juga produk mereka kepada BERNAMA TV bagi membolehkan siaran berita 24 jam itu berterusan bernafas. Malah berkeupayaan dalam operasi jangka panjang, yang mana kita lihat kos operasi semakin lama semakin turun. Jadi, pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Saya kira ada tiga perkara yang di sebutkan tadi. Pertama, mengenai kos operasi dan bagaimana untuk mencari suatu model perniagaan yang baik. Jika kita lihat kalau perbelanjaan makin kurang, ia akan mengehadkan keupayaan, misalnya untuk membuat liputan secara *real time*, *breaking news* dan sebagainya, kos yang tinggi. Selain daripada dari segi meningkatkan keupayaan, mencari seorang pemberita yang baik, yang memberi ulasan yang baik dan sebagainya. Ia mempunyai memerlukan keupayaan yang tersendiri.

Kedua, ia dikaitkan dengan soal— saya setuju bahawa di dalam stesen televisyen, berita yang baik mesti bersifat seimbang. Seimbang mesti di lihat dari dua perkara. Satu, seimbang kalau dilihat antara pemaparan antara pemimpin-pemimpin atau parti-parti politik. Perkara ini telah kita lihat, misalnya telah kita cuba, sebagainya contohnya saya sendiri meminta BERNAMA TV menulis

surat kepada parti-parti politik misalnya dalam pertandingan CEC DAP baru-baru ini menulis surat membenarkan BERNAMA TV membuat liputan. Saya di fahamkan bahawa ia telah memberikan liputan yang lebih menyeluruh kepada pertandingan dalam CEC. *Insyah-Allah* sekiranya parti-parti lain juga mengadakan pertandingan mereka, perlu membuat liputan, saya minta supaya BERNAMA TV membuat liputan. Itu dari satu sudut.

Akan tetapi yang lebih penting dalam konteks demokrasi yang sebenarnya bukan sahaja di lihat keseimbangan antara pemberitaan seorang pemimpin dengan pemimpin yang lain. Satu parti politik dengan parti politik yang lain tetapi keseimbangan antara pemimpin dengan soal rakyatnya. Berita-berita rakyat mesti diperbanyakkan. Bukan sekadar berita-berita yang memberi liputan kepada *event* ataupun acara-acara yang berkaitan dengan kerajaan, berkaitan dengan pemimpin tertentu dan sebagainya.

■1100

Soal merakatkan berita itu adalah lebih penting dan mesti diseimbangkan. Yang ketiga yang disebutkan tadi ialah tentang soal *ranking* yang saya kira itu dibuat oleh badan *Reporters Without Borders* iaitu tentang indeks kebebasan *press* atau akhbar kita. Saya kira perkara ini ada banyak perkara yang perlu difahami. Banyak orang mengatakan bahawa kebebasan *press* ini hanya dikaitkan dengan soal kawalan kerajaan. Ada negara misalnya, tahun lepas sebelum tahun ini, Indonesia. Misalnya, sebuah negara Indonesia yang selepas berlakunya reformasi dalam negara tersebut, berakhirnya pemerintahan Presiden Suharto yang dahulu, mereka tidak ada lagi kawalan daripada segi lesen surat khabar dan sebagainya. Kalau siapa nak terbitkan surat khabar, terbitkan. Ia bergantung pada permintaan dan penawaran.

Kalau laku, boleh teruskan kalau tidak, tak boleh diteruskan. Akan tetapi *ranking* mereka pada tahun tersebut masih 144-145, masih lagi teruk kerana ia ada kaitan juga tentang soal keselamatan kepada pemberita. Jadi, kalau negara tersebut walaupun tidak ada undang-undang kerajaan yang dikaitkan dengan soal pelesenan, soal permit dan sebagainya tetapi kalau pemberita tersebut rasa tidak selamat kerana ada faktor-faktor lain, ianya juga memberi kesan kepada *ranking*. Kalau kita lihat tentang laporan kenapa tahun lepas iaitu tahun ini, laporan yang terakhir, kita agak merosot. Pada waktu tersebut kita lebih baik daripada Indonesia, 124 misalnya. Akan tetapi merosot turun kepada 145 ialah tentang salah satu daripada perkara yang menjadi indikator kepada *ranking* yang dibuat tersebut ialah tentang peristiwa Bersih.

Jadi, bermakna ada beberapa wartawan yang telah dipukul pada waktu tersebut dan yang terlibat dalam memukul tersebut bukan kerajaan tetapi dikatakan bahawa ia melibatkan perbuatan daripada *demonstrator* di situ yang menjadikan bahawa wartawan kita merasa tidak selamat. Ini juga memberi kesan kepada *ranking* kita, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Telah dijelaskan tadi tentang beberapa keadaan terkini mengenai BERNAMA TV. Saya sering membaca, terdapat pelbagai rungutan tentang masalah yang berlaku di dalam Bernama TV. Jadi, saya ingin memohon penjelasan. Apakah kerajaan bersedia untuk melakukan tindakan yang tegas bagi memulihkan Bernama TV. Dalam erti kata

maknanya memberikan mereka standard yang sama seperti mana televisyen yang lain di Malaysialah, belum lagi kita sebut soal CNN dan sebagainya. Berkaitan dengan keterbukaan kerajaan untuk memberikan liputan seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Saya ingin dapatkan penjelasan, apakah kerajaan tidak bersedia untuk memberikan ruang yang terbuka kepada semua pihak. Sama ada kerajaan atau Pakatan Rakyat agar kami semua dapat menikmati lesen TV dan sebagainya. Agar kita dapat memberikan ruang kebebasan kepada mana-mana pihak untuk memberikan berita-berita yang baik atau berita-berita yang membina agar ada keterbukaan di situ sebagaimana yang dibangkitkan tadi tentang Indonesia. Di Indonesia, saya fikir mereka boleh mengkritik Presiden secara terbuka dan membina. Ini saya fikir tidak berlaku dalam negara kita dan apakah kementerian bercadang untuk membuat perubahan seperti ini. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Pertama, untuk memperbaiki apa yang dikatakan pengurusan BERNAMA TV, itu perkara yang telah kita usahakan. Sebab itu pada asalnya ianya adalah meliputi pengurusannya berasaskan pada kerjasama dan usaha sama antara Bernama itu sendiri dengan tiga syarikat yang lain. Akan tetapi masalahnya *business model*nya ataupun model perniagaannya yang sukar untuk mereka mengendalikan BERNAMA TV yang boleh memberikan keuntungan dan ianya menjejaskan operasi. Sebab itu sekarang ini Bernama sendiri mengambil alih operasi dan dianggap ianya boleh bertahan sehingga *insya-Allah*, pihak kerajaan akan memberikan tumpuan yang lebih untuk menjadikan operasi ataupun pengendalian Bernama TV ini lebih berdaya tahan dan lebih berdaya maju.

Saya juga telah meminta supaya dikatakan lebih seimbang. Kalau liputan-liputan mengenai kegiatan-kegiatan parti politik yang berbeza dan sebagainya mestilah lebih terbuka. Perkara ini adalah merupakan satu perkara yang perlu dibuat secara beransur-ansur. Contohnya, saya katakan bahawa RTM itu sendiri telah memulakan siaran RTM Parlimen macam yang kita ada sekarang ini. Apa yang kita bincangkan dan telah saya sebutkan dahulu secara yang terbuka. Liputan tentang perbahasan Parlimen sekarang ini disiarkan secara terus. Tidak ada lagi *edit*, tidak ada lagi soal ada suntingan dan sebagainya dan ianya disiarkan terus. Habis sehingga jam 11.30 disiarkan terus melalui IPTV dan boleh ditonton oleh sesiapa walaupun perbahasan ini berlarutan sehingga waktu malam dan sebagainya.

Ini adalah merupakan satu keterbukaan yang telah kita tunjukkan. Tentang membenarkan parti-parti politik mengadakan saluran TV, belum lagi dalam pemikiran yang ada kerana tak banyak negara dalam dunia dikatakan bahawa setiap parti politik dibenarkan mengadakan saluran masing-masing, stesen televisyen masing-masing. Ini kerana pada waktu sekarang, antara perkaranya ialah keterhadan, tentang soal spektrum yang ada. Sebab itu kalau RTM, misalnya nak tambah stesen dia pun kita tak boleh buat. Nak ada RTM 1, RTM 2, RTM 3, 4, 5 dan 6 tidak boleh buat kerana spektrum yang ada sekarang adalah terbatas. Sehingga proses pendigitalan sepenuhnya dapat dikendalikan pada tahun 2015 dan 2017 nanti, ianya membolehkan lebih banyak stesen televisyen untuk mengadakan saluran masing-masing. Terima kasih.

6. **Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan penerima dan nilai rumah bantuan nelayan bagi Parlimen Kuala Nerus pada tahun 2012/2013 serta bagaimana kaedah pemilihan tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus yang ingin tahu berhubung dengan Projek Rumah Nelayan yang dilaksanakan oleh kerajaan, khususnya di kawasan Parlimen Kuala Nerus. Kita telah melaksanakan projek baik pulih rumah di Kuala Nerus ini. Projek yang dibuat ialah untuk baik pulih, sebanyak 86 buah rumah telah pun dibaikpulihan dengan peruntukan sebanyak RM675,400. Dalam pertanyaan ini Yang Berhormat juga bertanya tentang syarat-syaratnya. Syarat-syaratnya adalah seperti berikut;

Warganegara Malaysia,

- (i) Berumur 18 tahun ke atas,
- (ii) Bekerja sebagai nelayan, dan;
- (iii) Memiliki kad nelayan yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan.

Pemohon-pemohon memohon kepada persatuan nelayan kawasan dan permohonan ini dinilai oleh persatuan nelayan kawasan bersama-sama dengan Majlis Pembangunan Pertanian kawasan Parlimen. Selepas itu ianya dikemukakan kepada satu jawatankuasa induk projek khas ini di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Keputusan dibuat di situ untuk meluluskan permohonan dan setelah itu, pelaksanaannya akan dibuat dengan peruntukan diberikan melalui MPTD ataupun Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan. Saya kira itu sahaja jawapan yang sudah saya kira mencukupi.

■1110

Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung isu agihan kewangan yang seumpama ini, disebut oleh Menteri tadi kewujudan Majlis Pertanian Kawasan Parlimen (MPKP). Boleh saya tahu siapakah di kalangan ahli ini dan adakah Ahli Parlimen di kawasan terbabit berhak dan layak juga untuk menjadi salah seorang daripada ahli jawatankuasa. Kita juga melihat keperluan yang melibatkan keperluan rakyat kerana saya bimbang dengan senario yang berlaku di negeri Terengganu selepas kemenangan yang agak besar juga bagi Parti Islam SeMalaysia (PAS), dilihat di sana ada sedikit unsur, macam kalau istilah tidak eloknya macam dendam politik, hingga banyak kes permohonan daripada mereka yang dilihat seolah-olah berbaju hijau dan tidak berbaju biru dihalang, disekat tanpa ada sebarang jawapan atau keputusan yang tepat.

Maka saya sendiri mahu satu jaminan daripada Menteri mewakili kerajaan supaya unsur-unsur seumpama ini dapat kita elakkan, apatah lagi saya yakin dengan realiti selepas pasca PRU-13, kita selalu dendangkan konsep perdamaian nasional, perpaduan nasional dan saya yakin kita boleh lihat satu era baru, urusan kita bersama rakyat antara orang politik dengan bukan politik.

Saya yakin kita boleh pergi lebih jauh ke depan untuk kita elakkan apa yang berlaku sebelumnya dan kita pegang pada apa yang disebut oleh Allah [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Jangan sampai kebencian kamu kepada sesuatu kaum mendorong kamu menjadi penjenayah untuk tidak berlaku adil. Berlahu adillah dan saya yakin bahawa Menteri-Menteri kita dan pasca PRU-13 ini semua berpusing menjadi terbaik, adil pada semua rakyat. Maka saya mahu jaminan daripada Menteri terutamanya supaya setiap orang berhak mendapatkan hak mereka walaupun apa *color* baju mereka yang dibenarkan oleh Perlembagaan [*Dewan riu*] dan juga Majlis Pertanian Kawasan Parlimen. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kenapa bersorak? Tidak ada akhlak kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Menteri.

Seorang Ahli: Ikut peraturanlah.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yang Berhormat yang berakhlak, kita cakap sebelum saya hendak jawab tentang proses pemilihan melalui MP3 tadi, jangan bercakap di mulut saja hendak perpaduan tapi di belakang kita bantai. Ini tidak betul. Siapa yang mendoakan 'KO' ini siapa? Orang kata orang Melayu UMNO ini Islam tidak betul ini siapa, siapa dia? Bukan orang yang berbaju hijau kah?

Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Hendak saya jawab kah?

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tidak payah jawablah. Ini saya hendak jawab soalan.

Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kalau tidak beri orang jawab kenapa tanya? Berilah saya menjawab.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Apa hendak bersyarah pula. Jagalah akhlak itu.

Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Berilah peluang saya jawab kerana timbulkan isu.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Jaga akhlak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawapan kementerian.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Kita ada peraturan. Saya bercakap Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat bercakap saya duduk. Itulah peraturan.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya dulu, dasar Kerajaan Barisan Nasional tidak ada pilih kasih dalam membantu rakyat. Itu sebab kita beri banyak tender-tender pun orang PAS yang dapat. Betul tak?

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Banyak rezeki yang diperolehi daripada itu digunakan untuk hentam kerajaan balik. Kita pun tidak kisah sangat, pasal kita tahu kita buat baik *insya-Allah*, Allah SWT akan merestui kerja baik kita. Jadi berhubung dengan MP3 ini nelayan di Kuala Nerus ini, sebahagian besarnya orang PAS juga yang dapat, bukan orang UMNO. Kalau

Yang Berhormat kata tuduh, ada orang UMNO saja, orang PAS tidak dapat, tolong bagi nama. Saya hendak tengok senarai. Tidak ada, jangan buat tuduhan tidak berasas. Kita tidak ada pilih kasih dalam ini.

Rakyat yang perlu mendapat pertolongan kita tolong, tidak ada pilih kasih tetapi kalau Yang Berhormat hendak duduk dalam Majlis Pembangunan Pertanian ini tidak bolehlah, pasal ini adalah sebahagian daripada jentera kerajaan, Kerajaan Pusat Barisan Nasional. Macam mana pula Yang Berhormat hendak duduk dalam Jabatan Kerajaan Barisan Nasional? Kita sendiri pun di negeri-negeri Pakatan, kita tidak duduk dalam jabatan ataupun GLC kerajaan negeri, tidak ada.

Jadi jangan kita *double standard*. Bila berhubung dengan Kerajaan Pusat, kita hendak duduk situ, apabila kerajaan kita, kita tak beri. Dulu apabila sudah menang, tadika pun hendak guna dewan pun tak boleh, tutup dewan. Kita hendak guna dewan, hendak ajar budak-budak bersekolah, budak kecil pun kunci dewan. Inilah Pakatan dan PAS yang buat ini. Tempat saya dulu berlaku semasa 11 bulan memerintah. Itu sebab Allah SWT itu tarik balik kuasa itu. Cukuplah itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sibuti. Ini berkaitan Kuala Nerus.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Ya ini nelayan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terlebih dahulu saya berterima kasih kepada kerajaan kerana banyak di kawasan saya rumah nelayan ini dibuat oleh kerajaan dan ingin saya hendak mengatakan di sini supaya peruntukan khas seperti ini, projek-projek khas seperti ini dilanjutkan, diteruskan supaya rakyat benar-benar merasakan bahawa mereka dibela nasib mereka terutama sekali nelayan sebab nelayan ini ada waktu musim tengkujuh tidak boleh pergi ke laut dan tidak ada pendapatan apa-apa. Terima kasihlah kerana kerajaan memberi imbuhan RM200 sebulan dan lebih kurang 10 sen setiap satu kilo pendapatan mereka. Maka teruskan projek khas ini. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ya terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Kita mempunyai 98,000 nelayan di seluruh negara dan menjadi hasrat kerajaan untuk membantu mereka dari segi perumahan ini dengan lebih baik lagi, dan kita telah meluluskan satu projek baru iaitu penempatan semula. Kita bukan baik pulih saja, *repair* saja, kita tengok, tidak begitu memadai. Kang kita ketuk-ketuk sedikit dia punya dinding, dah atap pula yang roboh. Ketuk-ketuk atap pula, ia punya tiang roboh. Jadi tidak cukup, tidak memadai.

So kerajaan kita telah mengambil keputusan untuk melaksanakan penempatan semula yang dimaksudkan membina baru, rumah baru supaya nelayan mendapat kemudahan asas dan juga rumah seperti orang lain juga. Kenapa mereka mendapat kemudahan yang lebih rendah atau *substandard*? Dengan sebab itu, umpamanya setakat ini kita telah mendapat kelulusan sebanyak RM152 juta untuk penempatan rumah nelayan, penempatan semula di Pangkor umpamanya telah diluluskan dengan jumlah RM26 juta, di Kuala Perlis RM13 juta, di Bunut Redang, Pahang RM43 juta, Kuala Bara di Melaka RM5 juta, di Kampung Buit... ini kena sebut baik-baik, Kampung Buit

jangan salah sebut, iaitu RM16 juta dan Tanjong Dawai RM49 juta, melibatkan 1506 buah rumah yang akan dibina dalam satu kawasan penempatan yang baru.

Akan tetapi di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat sekalian, projek seperti ini memerlukan tanah di mana rumah-rumah ini untuk dibina, dan tanah memerlukan kerjasama daripada kerajaan negeri. Jadi kita harap kerajaan-kerajaan negeri, kerajaan negeri di bawah Barisan Nasional ini tidak ada masalah saya ingat, tapi kalau di Pulau Pinang, di Selangor ini, kurangkanlah berpolitik itu, bagilah tanah ini untuk kepentingan nelayan. Harap kerjasama yang sepenuhnya daripada kerajaan negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

7. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah pihak kerajaan berhasrat untuk membina kuarters kediaman kepada kakitangan Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat di Bahagian Bintulu, Sarawak pada masa terdekat ini; dan
- (b) berapa jumlah kakitangan Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat di Bintulu yang masih belum mendapat kuarters kediaman tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih dan tahniah kerana di akhirnya Yang Berhormat Bintulu mendapat nombor tujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Bintulu membangun pesat. Pembangunan pesat ini membolehkan permintaan kepada rumah, tinggi. Wakil rakyatnya pun semakin hebat. Jadi dengan itu Setiausaha Kerajaan Persekutuan di Sarawak telah mengemukakan kepada Kerajaan Pusat permohonan untuk membina Rumah-rumah persekutuan di Bintulu. Permohonan ini telah pun dibuat melalui *rolling plan* pertama pada tahun 2010 dan *rolling plan* ketiga pada tahun 2011. Masih lagi dalam pertimbangan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bilangan anggota Kerajaan Persekutuan di Bintulu ialah seramai 6,949 orang. Yang masih menunggu untuk mendapatkan rumah ialah seramai 130 orang. Kita tahu bahawa yang lain-lain itu mereka tidak memohon kerana mungkin mereka tahu bahawa kuarters tidak mencukupi. Sekarang ini harga rumah di Bintulu ialah antara yang termahal iaitu di antara RM700 ke RM1,500.

Bilangan kesemua kuarters Kerajaan Persekutuan di Bintulu adalah sebanyak 570 unit yang melibatkan Kuarters Gunasama Persekutuan sebanyak 79 unit, Kuarters Pejabat Pelajaran Bintulu sebanyak 300 unit, Hospital Bintulu sebanyak 82 unit, kastam sebanyak 57 unit, Jabatan Laut sebanyak 20 unit dan juga Jabatan Bomba sebanyak 32 unit. Jadi kita akan mengikut giliran. Pegawai-pegawai bujang kita suruh mereka *share*. Dalam keadaan begini saya rasa senario ini berlaku juga di banyak tempat di mana bandarnya membangun dan permintaan kepada rumah tinggi.

Kerajaan Persekutuan akan berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah ini lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana ramai yang terpaksa menyewa di luar, rumahnya mahal,

semua ini kita ambil perhatian. Saya percaya wakil rakyat yang berkenaan yang cukup aktif dan hebat ini mampu untuk berbuat sesuatu supaya permohonan Setiausaha Kerajaan Persekutuan di Sarawak itu dapat dipercepatkan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan memanglah cantik. Memanglah kita nombor satu.

Kita tadi mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang mengatakan terdapat 6,000 lebih kakitangan Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat di Bintulu. Akan tetapi kita dengar kediaman untuk semua pegawai Kerajaan Persekutuan cuma hanya saya kira 2,000 pun tidak sampai. Masih lagi ada kekurangan sebanyak 3,000 atau 4,000 unit rumah untuk kakitangan Kerajaan Persekutuan. Sekarang pegawai-pegawai kerajaan menyewa rumah di Bintulu. Tadi Yang Berhormat Menteri pun sebut dalam RM700 ke RM1,500 tetapi elaun perumahannya hanya RM300. Macam mana pegawai kerajaan boleh hidup di Bintulu ini?

Saya hendak tanya soalan tambahan ini. Apakah cara pihak kerajaan dapat membantu kakitangan Kerajaan Persekutuan yang tidak mempunyai kuarters sedangkan elaun perumahan yang diperuntukkan oleh kerajaan tidak mencukupi untuk menanggung sewa rumah ini? Saya harap Yang Berhormat Menteri tidak menjawab "*akan pertimbangkan*". Kalau boleh bagi jawapan positif. *[Disampuk]* Memang jangan "*kongkalikung*".

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat jangan mempunyai sangkaan jahat kepada saya ya? *[Ketawa]*

Pertama sekali kita ada pelbagai cara untuk kita laksanakan projek yang pihak kerajaan tidak memerlukan atau menggunakan peruntukan awal. Jadi Yang Berhormat sebagai ahli perniagaan, saya mengesyorkan supaya membuat cadangan-cadangan – bukan Yang Berhormat Bintulu, termasuk yang lain. Termasuk juga Yang Berhormat daripada PAS, termasuk kawan saya yang baik daripada Kuala Nerus, supaya kita buat cadangan-cadangan yang ada hubung kait bagaimana kita hendak laksanakan projek kerajaan sekiranya peruntukan tidak mencukupi.

Kita buat melalui PFI – boleh, IBOT, *turnkey*. Jadi Yang Berhormat tahu bahawa kekangan yang ada kepada pihak kerajaan ini, kerajaan mampu untuk melaksanakan di tahap demikian rupa. Walau bagaimana pun kita mengalu-alukan usaha pihak persendirian untuk berbuat apa yang telah saya sebutkan tadi termasuk PR1MA sebab semalam saya jawab mengenai PR1MA. PR1MA ini kita bina rumah yang berharga di antara RM100,000 ke RM400,000 yang mempunyai pendapatan di antara RM2,500 sehingga RM7,500. Ini semua pendekatan Yang Berhormat, bukan sahaja boleh memohon tetapi boleh menyertai. Ini cukup positif bukan "*kongkalikung*" punya jawapan. *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri, mustahak saya kata kita sekarang beri elaun sebanyak RM300 tidak cukup untuk menyewa rumah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Peraturan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Akan tetapi jawapan belum dapat lagi macam mana kita boleh bantu. Ini *matter*, kalau tidak dijawab memang "*kongkalikung*".

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hal yang itu *coming soon*. Yang Berhormat ini adalah orang yang tidak sabar. Sabar! Kalau Yang Berhormat sabar, sudah pasti Yang Berhormat akan dapat apa Yang Berhormat hendak. Perbanyakkan bersabar. Saya sendiri sabar lima tahun Yang Berhormat dan saya berada di sini. Timbalan Yang di-Pertua juga ya. *[Ketawa]*

Okey, mengenai tajuk ini balik berhubung dengan kekurangan elaun dan sebagainya, saya rasa bukan dihadapi oleh Bintulu tetapi di semua tempat. Ini ialah fenomena umum. Kalau sekiranya ada suasana yang khusus maka kita harus berbuat sesuatu tetapi untuk saya jawab bahawa Yang Berhormat Bintulu boleh naik RM300, esok Yang Berhormat Kuala Terengganu pun minta macam itu. Dia pun teruk juga sebab nelayan tidak boleh keluar ke laut dan sebagainya. Jadi macam-macam alasan. Jadi kita tidak boleh ambil alasan yang sedemikian rupa untuk kita naikkan elaun dan sebagainya. Akan tetapi pendekatan yang baik ialah membina lebih banyak rumah yang mana sekarang ini pihak kerajaan terbuka untuk membina lebih banyak rumah melalui PR1MA dan juga melalui program-program lain yang telah diunjurkan oleh kerajaan.

Saya rasa kali ini Yang Berhormat bukan sahaja mencadangkan tetapi Yang Berhormat boleh menyertai dalam program-program yang telah diaturkan oleh pihak kerajaan. Kita bersimpati tentang apa yang berlaku di Bintulu. Yang Berhormat saya percaya boleh menggunakan pendekatan-pendekatan lain termasuk datang berbincang dengan pihak kerajaan bagaimana kita boleh selesaikan masalah ini termasuk seperti yang pernah berlaku di sebuah bandar dahulu apabila universiti tidak ada di negeri yang berkenaan, maka diisytiharkan bahawa universiti itu sama luasnya seperti negeri itu.

Jadi universiti yang paling besar dalam dunia sekarang ialah UniMAP iaitu Universiti Perlis di mana penempatan penuntutnya seluruh negeri Perlis yang mana dia sewa habis semua tempat untuk membolehkan universiti ini ditingkatkan *populations* kepada 10,000 orang. Jadi saya percaya ada rumah-rumah di sana yang boleh pihak kerajaan sama-sama turun ke padang untuk menyelesaikan perkara ini termasuk menyewa menjadikan kuarters di mana tempat-tempat yang diperlukan terutamanya bagi mereka yang berjawatan kritikal yang memerlukan mereka ada syif 24 jam. Ini saya rasa memerlukan tempat tinggal dan sebagainya.

Lagi sekali Yang Berhormat, terima kasih di atas jawapan ini dan saya harap Yang Berhormat dan juga pihak kerajaan dapat berbuat sesuatu untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau tidak rakyat akan menuduh kita "*kongkalikung*".

■1130

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat. Selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan usul untuk

menangguhkan Mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2) berkenaan dengan Isu Kematian Pelatih PLKN.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya memohon Tuan Yang di-Pertua supaya usul ini dapat diterima kerana ia memenuhi tiga syarat iaitu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Seperti mana yang Tuan Yang di-Pertua sedar bahawa kes kematian pelatih...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa Yang Berhormat Sepang. Saya juga telah menerima usul dan juga jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Speaker kita, Tuan Yang di-Pertua kita bahawa betul perkara ini perkara tertentu, berkehendakkan disegerakan dan ada kepentingan orang ramai tetapi berkehendakkan disegerakan sebenarnya mengikut alasan yang telah diberikan bahawa kes ini di dalam siasatan polis dan telah diambil tindakan segera dan juga bahawa Jabatan Khidmat Latihan Negara juga sedang memantau dan dari segi pelaksanaan SOP di semua kem bagi aspek keselamatan. Jadi, keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey saya hendak tanya adakah penolakan itu penolakan dalam kamar atau penolakan macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dalam kamar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau dalam kamar saya mohon Tuan Speaker supaya Tuan Speaker merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 18(7). Izinkan saya membaca, "*Tuan Yang di-Pertua boleh menolak dalam kamar mana-mana usul yang dikemukakan kepadanya bahawa jika Tuan Yang di-Pertua berpuas hati...*" ada tiga syarat:

(a) pencadangnya hanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak payah baca saya faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi sekarang kalau dikatakan bahawa usul saya ditolak kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya sebagai Speaker sekarang juga bersetuju dengan keputusan dalam kamar yang telah diputuskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Keputusan adalah muktamad Yang Berhormat Sepang. Jadi sekiranya Yang Berhormat Sepang faham terhadap peraturan dan *point of order* kita.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, bagi satu minit sahaja. Saya hendak mengatakan bahawa kalau ditolak di bawah 18(7) sepatutnya alasan-alasan yang dikemukakan di bawah 18(7). [*Dewan riuh*] Akan tetapi apa yang dikemukakan bukan di bawah 18(7). Tidak ada satu pun dalam surat yang diberikan kepada saya bahawa usul ini ditolak

di bawah 18(7), sama ada berniat mengambil peluang untuk bercakap ataupun telah dibincangkan ataupun melanggar mana-mana syarat atau peraturan mesyuarat.

Maknanya kalau sekiranya Tuan Speaker menolak di bawah 18(7) mestilah diterangkan salah satu *clause* ini (a), (b), atau (c). Jadi oleh kerana itu saya berpendapat bahawa saya berhak untuk membaca paling kurang usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak perlu, tidak perlu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Speaker...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Keputusannya dalam kamar dan juga keputusan saya adalah muktamad. Peraturan Mesyuarat 43, jadi saya harap Yang Berhormat Sepang boleh duduk..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Speaker dia hanya muktamad kalau sekiranya betul. Kalau ini keputusan tidak betul kita boleh *review* balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG FI (JABATAN MUZIUM MALAYSIA) (PENGESAHAN) 2013

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengesahkan pemungutan Fi berkenaan dengan kemasukan mana-mana Muzium yang ditadbir atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1991 hingga 11 Jun 2012; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.34 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu 2 Oktober 2013.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) 2013

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."
[Hari Keempat]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.62 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Bukit Gantang, sila.

11.36 pg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Pengerusi. Saya ingin bertanya berkenaan dengan sebanyak RM20 juta wang yang diperuntukkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan bolehkah jelas syarikat mana yang dapat projek untuk pengeluaran *MyKad* dan yang keduanya ialah berkenaan dengan apakah ada di kalangan setiap penguat kuasa yang ada di negara ini untuk membaca *MyKad* untuk elak IC palsu ini dimiliki oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Yang ketiga ialah berkaitan juga dengan peruntukan RM20 juta ini iaitu mengenai pemberian *MyKad* dan juga kewarganegaraan dan apakah syarat-syarat ataupun SOP yang digunakan oleh KDN kerana ada beberapa kes di kawasan saya. Satunya ialah berkenaan dengan seorang pemuda yang sudah pun 23 tahun, dia kebetulan dia pergi ke maknya dan ayahnya ada pergi ke India kemudian lahir di sana. Kesilapan mak dan ayahnya kerana tidak *report* kepada kedutaan menyebabkan sampai hari ini dia tidak mendapat IC ataupun kerakyatan

di negara ini jadi sebab itu saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 090300 – Program Khusus Sistem Biometrik Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional NexCode. Juga Pengurusan Imigresen – 040100. Pengurusan Imigresen daripada RM253 juta lebih penambahan yang telah dibelanjakan lagi ialah RM11 juta lebih.

Saya ingin bertanya di dalam pengurusan imigresen ini adakah penambahan ini termasuk pembinaan depot-depot tambahan untuk pendatang asing yang telah ditahan kerana apa yang kita tahu kita hanya ada 20 depot yang sedia ada dan penangkapan baru ini dalam Ops untuk menahan pendatang-pendatang asing dalam program 6P itu beribu-ribu. Jadi dimanakah mereka ini ditempatkan dan apakah perbelanjaan sebenarnya di dalam menanggung PATI yang diletakkan di pusat-pusat penahanan sementara ini?

■1140

Mengenai sistem biometrik warga asing, saya ingin mengetahui berapakah bayaran kepada syarikat pengurus untuk setiap pendaftaran pendatang asing ini? Baru-baru ini kementerian telah mengeluarkan beberapa angka pekerja asing yang telah didaftarkan melalui sistem biometrik 6P ini ialah seramai 2,320,034 orang. Namun, separuh daripadanya iaitu lebih sejuta orang adalah pekerja asing yang sudah sah. Pendatang asing tanpa izin seramai lebih 1,303,000 orang adalah pendatang asing tanpa izin. Hanya 536,000 orang daripada PATI yang didaftarkan melalui sistem biometrik ini yang dapat diputihkan dan ada majikan, sementara lebih 605,000 orang belum diputihkan.

Jadi, saya ingin bertanya, apakah yang akan kita lakukan dengan lebih 605,000 orang PATI yang belum diputihkan? Saya dengar, entah betul atau tidak maklumat saya ini bahawa di dalam beberapa ops yang lepas, hampir 2,000 orang daripada mereka ditahan di Hutan Melintang iaitu pusat penahanan sementara. Persoalannya ialah mereka ini akan dihantar balik tetapi perbelanjaan itu perlu ditanggung oleh keluarga mereka di Indonesia. Persoalannya, sekiranya untuk mengusir mereka keluar ini, keluarga mereka tidak dapat dikesan, apakah yang akan berlaku kepada PATI-PATI yang duduk di pusat penahanan sementara ini?

Saya juga ingin mendapat pengesahan dakwaan yang mengatakan bahawa kod biometrik ada yang bertindih. Jadi, ini menyebabkan kesusahan kepada syarikat-syarikat pengurus. Ada beberapa perkara yang dalam perbincangan saya dengan mangsa-mangsa daripada orang awam yang mengatakan kenapa 605,000 orang ini kita hendak hantar balik sedangkan Bangladesh ada 1.4 juta orang hendak datang balik ke sini? Kenapa tidak mereka ini diserap, diberi pengesahan kehadiran, kemudian diserap di dalam permohonan majikan-majikan yang memerlukan pekerja? Itu satu.

Kedua, lebih 605,00 orang ini kebanyakan sudah tinggal di Malaysia buat sekian lama. Mereka menjadi tenaga kerja kepada usahawan-usahawan mikro yang tidak mampu untuk mengambil pekerja asing melalui agensi-agensinya dengan levi yang tinggi dan sebagainya. Mereka tidak mampu. Seramai 605,00 orang ini tidak mungkin rasanya untuk kita mengusir kesemuanya. Jadi, saya ingin bertanya, apakah pelan kerajaan untuk jangka masa panjang kerana dikatakan untuk seorang PATI yang sudah mendaftar dalam sistem biometrik dalam Program 6P ini, kita ada satu lagi PATI yang tidak mendaftar. Maknanya kita mungkin ada satu juta orang lagi PATI yang tidak mendaftar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tumpukan perbincangan kepada butiran dan huraian butiran boleh dilihat di muka surat sebelas daripada risalah yang diedarkan. Yang Berhormat Tanjong.

11.44 pg.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk maksud B.62 Butiran 090300 – Sistem Biometrik Warga Asing. Pada asalnya peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM55 juta. Maka kali ini kita ingin mendapatkan kelulusan untuk peruntukan tambahan sebanyak RM51.8 juta. Saya ingin bertanya, apakah tujuan sebenar peruntukan yang begitu besar, yang hampir sama dengan peruntukan asal, yang perlu diluluskan dan sama ada ia berkaitan dengan tujuan mengeluarkan kad pengenalan khas kepada 1.4 juta pekerja Bangladesh yang akan dibawa ke negara kita mulai awal tahun depan. Kad pengenalan khas tersebut akan dilengkapi dengan fungsi RFID, sistem biometrik, kad debit dan sebagainya yang kos bagi setiap satu kad adalah RM37 jikalau ikut peruntukan tambahan yang diperlukan.

Sehingga kini, tiada sebarang penafian yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri atau Kerajaan Bangladesh terhadap pengumuman Menteri Dalam Negeri pada 22 Ogos 2013 bahawa 1.4 juta orang pekerja warga Bangladesh akan dibawa masuk ke dalam negara kita. Walaupun Menteri Sumber Manusia sendiri yang menyatakan bahawa 1.4 juta orang merujuk kepada jumlah rakyat Bangladesh yang mendaftar untuk bekerja di luar negara. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri terhadap pengumumannya, sama ada pengumuman tersebut adalah sesuatu yang betul dan peruntukan tambahan yang dibentangkan adalah berkaitan dengan rancangannya untuk membawa masuk 1.4 juta orang pekerja Bangladesh ke Malaysia sehingga rezeki pendapatan rakyat jelata Malaysia akan terjejas pada akhirnya.

Berkenaan dengan Butiran 040100 – Pengurusan Imigresen. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada ia terlibat dengan pembukaan ruang pejabat baru untuk Pejabat Imigresen Georgetown yang sempit dan tidak dapat menampung keperluan warga kota Georgetown. Berdasarkan jawapan yang saya peroleh dalam sidang Parlimen yang lepas, Jabatan Imigresen ingin membuka ruang pejabat baru di kawasan sekitarnya bagi menambah baik tahap perkhidmatan kaunter-kaunternya. Sila jelaskan sama ada tempat yang baru telah dikenal pasti

dan bilakah agaknya ruang pejabat baru dapat dibuka untuk menangani masalah kesesakan di Pejabat Imigresen Georgetown?

Saya juga ingin bertanya, bilakah Kerajaan Persekutuan akan menunaikan janjinya untuk memindahkan depot tahanan imigresen di Juru selaras dengan janji yang telah ditaburkan pada pilihan raya yang lepas, yang mana selepas depot tahanan ini dipindahkan, maka rancangan rumah mampu milik dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani.

11.47 pg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020000 – Logistik dan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Saya ingin bertanya kementerian. Sebanyak RM50.6 juta diminta untuk keperluan perbelanjaan Ops Daulat di negeri Sabah. Semalam, kita telah meluluskan RM8.4 juta untuk Kementerian Pertahanan. Soalan saya ialah kita hendak tahu berapakah anggota polis yang terlibat dalam Ops Daulat di Sabah. Kedua... Adakah ia sama dengan tentera kerana jumlah yang dipohon agak besar. Kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan. Adakah ia sama banyak dengan tentera? Itu yang pertama.

Kedua, tentang Unit Peronda Bermotosikal. Daripada RM10 juta yang kita minta ini, berapakah unit motosikal yang diperlukan dan dia punya kuasa kuda (CC)? Adakah penyelaras, duit selenggaraan telah dimasukkan dalam permohonan ini? Ini kerana saya perhatikan bahawa ada kes-kes di mana motosikal ada tetapi duit hendak *repair* tidak ada. Banyak motosikal yang tersadai di balai polis kerana tidak ada duit hendak *repair*.

Ketiga Tuan Pengerusi ialah tentang Butiran 040000 dan Butiran 030000 – Penjara. Saya hendak tanya adakah pegawai penjara yang berpangkat sarjan contohnya sama gajinya dengan pegawai polis yang berpangkat sarjan? Adakah gaji mereka sama ataupun ada perbezaan walaupun pangkat sama? Kalau tidak sama, kenapa? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas itu Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan selepas kedua-dua ini Yang Berhormat Menteri bolehlah menjawab.

11.49 pg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin menyentuh satu perkara sahaja di bawah Kementerian Dalam Negeri ini iaitu Butiran 020600 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, yang memohon ataupun yang telah membelanjakan tambahan lebih RM121 juta. Semasa Pilihan Raya Kecil Kuala Besut, satu jawapan bertulis telah diberikan kepada Yang Berhormat Seremban yang mengatakan bahawa terdapat lebih 3,000 anggota polis yang dikerahkan bertugas dalam pilihan raya kecil tersebut dengan perbelanjaan melebihi RM8 juta.

Sejumlah 3,000 lebih anggota polis di tempat yang ada 17,000 pengundi, bermakna *ratio* polis dengan pengundi cukup tinggi. Satu polis untuk lima orang pengundi. Ia telah menimbulkan satu suasana tidak *natural* kepada kempen pilihan raya tersebut. Dengan ramainya kehadiran polis, mereka bergerak dalam rombongan motosikal pun kadang-kadang 50 buah sekali masuk kampung. Saya melihat ini dengan mata saya sendiri, menimbulkan satu suasana yang tidak asli kepada kempen tersebut. Tentulah ia akan memberi kesan terhadap psikik ataupun pemikiran pengundi-pengundi kita di Malaysia.

Apa kata kalau kita kembali kepada suasana pilihan raya umum di mana jumlah polis yang diagihkan kesemua kawasan munasabahlah dengan suasana pilihan raya dan tidak terlalu ramai sehingga menyebabkan kempen itu sudah terkesan. Kini kita akan berhadapan dengan Pilihan Raya Kecil DUN Sungai Limau di Kedah dalam tempoh tahun 2013 ini. Apakah jumlah yang sama juga akan diturunkan dan kita akan memerlukan pertambahan RM8 juta lagi? Jadi, saya berharap Tuan Pengerusi, Kementerian Dalam Negeri menggunakan budi bicaranya untuk mewujudkan satu suasana kempen yang selesa. Tidak perlu menurunkan sebegitu ramai polis sehingga menjejaskan perkhidmatan di sesetengah tempat di mana polisnya telah digerakkan. Saya harap kementerian mengambil perhatian atas pandangan tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat PJ Selatan.

11.52 pg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040100 – Pengurusan Imigresen. Saya mendapat kompelin, aduan daripada pelancong, daripada warga China yang mengatakan semasa mereka masuk ke Malaysia ini, Imigresen ini, ada sekatan-sekatan yang khusus untuk warga China. Di mana terutama untuk individu, di mana mereka perlu ada *cash* lebih sekurang-kurangnya RM4,000 dan juga perlu ada tunjukkan tiket kapal terbang pulang. Kalau tidak, mereka akan disoal siasat dua, tiga jam.

Saya rasa ini tidak ada adil untuk warga China yang mereka hendak datang untuk melancong. Adakah sekatan sekarang ini ditentukan ataupun telah dimaktubkan oleh KDN, Imigresen untuk menyekat mereka masuk ke Malaysia? Adakah ini merupakan SOP yang disediakan oleh KDN?

Saya ingin merujuk kepada Butiran 020600 - Keselamatan Dalam Negeri dan juga Ketenteraman Awam. Saya ingin merujuk kepada kes ragut di kawasan saya. Kes Mendiang Goh Lee Koon, umur 27 tahun yang meninggal pada 17 September. Kes ragut berlaku pada 12 September di Taman Seri Manja, PJS 3 di mana dia diragut pada malam, selepas itu masuk ke hospital. Lima hari kemudian meninggal.

Saya hendak tahu apakah hasil siasatan dan juga adakah tangkapan-tangkapan telah dibuat kerana kawasan Taman Seri Manja PJS 3 memang merupakan satu kawasan hitam di mana setiap hari berlaku kes ragut. So, saya hendak tahu apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak polis, terutamanya Petaling Jaya untuk menangani kes-kes ragut di kawasan

itu? Begitu juga tentang sebanyak RM10 juta untuk membiayai motosikal untuk anggota unit rondaan. Dari RM10 juta ini, berapakah motosikal yang telah diperuntukkan di PJ Selatan ini?

Saya nampak ada banyak motosikal rondaan dan polis. Mereka buat kumpulan. Sejumlah 12 biji jalan bersama. Saya rasa ini bukan satu cara yang terbaik. Kita minta dua atau tiga, empat motosikal jalan bersama, bukan 10 motosikal atau 15 motosikal jalan bersama. Ini tidak boleh, tidak berapa kesan untuk menangkap kes ragut, peragut-peragut di sekitar PJ Selatan. Kes ragut ini bukan setakat berlaku di Taman Seri Manja PJS 3, juga berlaku di Seksyen 17, Seksyen 1, 2, 3, 4, PJS 1. Kawasan ini merupakan kawasan yang di mana setiap hari berlaku kes ragut. Kes semakin bertambah. Sepertimana yang saya tadi sebut, Mendiang Goh Lee Koon merupakan mangsa kes ragut di kawasan Taman Seri Manja. So, saya pohon Kementerian Dalam Negeri tingkatkan usaha supaya banyakkannya rondaan. Semasa saya mengadu kepada OCPD MPPJ at PJ, mereka mengatakan mereka kekurangan kereta rondaan, mereka kekurangan anggota polis. Sudah lima tahun dah jawapan yang sama. So, saya minta pihak KDN tambahkan unit rondaan dan juga tambahkan anggota polis untuk menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

11.57 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu yang dibangkitkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya nampak semua persoalan yang dibangkitkan relevan kepada kementerian ini.

Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada cadangan-cadangan yang telah diberi, khususnya kepada Yang Berhormat PJ Selatan yang membangkitkan soalan rondaan polis di kawasan beliau. Yang Berhormat Bukit Gantang tadi telah membangkitkan soalan yang RM20 juta diperuntukkan untuk menampung peningkatan pengeluaran Mykad kepada pihak Jabatan Pendaftaran. Soalannya, apakah kegunaan wang sejumlah RM20 juta dan syarikat mana yang dianugerahkan kontrak bekalan untuk membekalkan Mykad?

Yang Berhormat, peruntukan RM20 juta adalah untuk menampung bekalan Mykad disebabkan peningkatan permohonan Mykad di seluruh negara dan struktur baru diperkenalkan pada tahun 2012. Lagi pun selain daripada itu Yang Berhormat, pihak Jabatan Pendaftaran juga giat menjalankan aktiviti-aktiviti mereka di luar bandar. Apa yang dikatakan *mobile team* mereka yang *outreach program*, dalam program *outreach* yang membuatkan kerja-kerja di luar bandar dan di seluruh negara. Ini telah memperbanyakkan permohonan dan membangkitkan kesedaran di kalangan masyarakat kita di Malaysia ini. Dengan itu, maka peruntukan yang diperlukan itu makin bertambah Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, hendak tahu berkenaan dengan satu kos Mykad itu berapa? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Biar saya habis jawapan soalan yang asal Yang Berhormat ya. Pegawai belakang akan bagi saya satu kos, berapa kos satu Mykad. Persoalan yang kedua yang disoal Yang Berhormat ialah soalan macam mana hendak membaca butiran-butiran yang terletak ataupun disimpan dalam *chip* dalam Mykad.

■1200

Jadi jawapannya Yang Berhormat ialah syarikat yang mendapat tender sebagaimana yang disebut pinta oleh Yang Berhormat Datasonic Technologies Sdn. Bhd. dan kontrak telah dianugerahkan secara tender terbuka Yang Berhormat. Jadi bukanlah secara *selective tender* ataupun tender dibuat oleh pihak kerajaan sahaja. Sebenarnya tender terbuka, dan kerajaan....

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat, yang saya tanya tadi...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Biar saya nabiskan Yang ketiga Yang Berhormat...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tidak, yang saya tanya tadi ialah adakah penguat kuasa itu dibekalkan dengan alat untuk membaca Mykad? Saya tidak tanya syarikat. Supaya dapat elak penipuan IC.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, terima kasih. Biarlah saya jawab yang itu dulu, kembali ke Yang Berhormat Batu nanti.

Kerajaan juga telah membekalkan agensi-agensi penguat kuasa dengan pembaca Mykad. Kerajaan juga mempunyai sistem *Myldentity* di mana maklumat penduduk dapat dibaca secara *online* oleh agensi-agensi tersebut Yang Berhormat. Jadi maknanya agensi penguat kuasa ada mempunyai alat untuk membaca Mykad, kalau Mykad itu dianggap atau dikhuatiri palsu, ataupun bukan yang sebenarnya.

Jadi Yang Berhormat, yang kedua ialah daripada...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebelum itu Tuan Pengerusi, tanya, celahan sikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Petani.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Alat yang dibekalkan kepada penguat kuasa ini termasuk juga kah yang diberikan kepada pegawai-pegawai polis dalam kereta-kereta peronda kita supaya bila kita tahan seseorang itu contohnya, maknanya diambil IC, polis boleh *check on the spot*. Polis masuk kereta, dan alat itu berada dalam kereta mereka. Tidak payah bawa orang ini, tahan ini ke balai polis dan sebagainya. Adakah alat itu juga diletakkan dalam kereta? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Buat masa ini kita belum membekalkan pihak-pihak agensi-agensi lain umpamanya

polis dengan *Mykad reader* Yang Berhormat. Jadi walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu adalah baik, dan kita ambil perhatian, dan pegawai saya di belakang sana akan catat cadangan-cadangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat itu.

Soalan daripada Yang Berhormat Kota Raja - kerajaan dalam usaha untuk menyelaraskan PATI, telah mendaftarkan iaitu mendaftarkan PATI di bawah program 6P. Tujuannya Yang Berhormat 6P ini ialah untuk mendaftar, untuk memutih dan untuk mengusir, dan sebagainya pihak-pihak ini. Jadi dalam keadaan mendaftar ataupun memutih ini Yang Berhormat, kita kena perlukan kerjasama daripada pihak majikan. Kalau ada pihak majikan yang memohon kepada pihak kerajaan untuk mendapat pekerja-pekerja daripada kalangan mereka yang di sini, Menteri telah memberitahu, barang siapa pekerja-pekerja asing yang dibawa ke negara ini, yang mana telah tertipu oleh pihak-pihak majikan, ataupun dahulunya syarikat-syarikat *out-sourcing*, mereka ini akan diberi keutamaan untuk didaftarkan, diputih dan diberi pekerjaan di negara ini dengan syarat ada majikan-majikan ataupun syarikat-syarikat yang mahu mengambil mereka bekerja Yang Berhormat.

Lagipun keperluan syarikat-syarikat terhadap pekerja ini bukanlah boleh kerajaan *fixkan*, dengan izin. Ia adalah atas keperluan syarikat-syarikat itu sendiri. Umpamanya syarikat perladangan. Apa ciri-ciri manusia pekerja, guna tenaga yang mereka mahu, dan begitu jugalah syarikat-syarikat pembinaan, peniaga kecil, runcit dan sebagainya, ataupun restoran yang mempunyai ciri-ciri pekerja yang mereka pilih, dan bukan atas naluri kerajaan yang memaksakan orang memasuki sektor-sektor pekerjaan yang kita tawarkan ataupun mereka yang telah datang ke sini dan tertipu oleh majikan-majikan terdahulunya Yang Berhormat.

Jadi apa yang dikatakan tadi, diumumkan, dikatakan 1.4 juta pekerja daripada Bangladesh, sebenarnya Yang Berhormat, jumlah 1.4 juta pekerja Bangladesh yang disebut itu adalah mereka yang berada di Bangladesh sekarang, tetapi ingin datang ke Malaysia, dan bersedia untuk datang ke Malaysia jikalau Malaysia ini perlukan guna tenaga pekerja yang lain, selepas Malaysia menjalankan pengusiran ataupun program 6P ini Yang Berhormat. Jadi maknanya belum lagi ada orang ini dibawa ke Malaysia tapi mereka berminat untuk datang ke Malaysia.

Yang Berhormat daripada Tanjong - apa tujuan sebenar peruntukan pendaftaran NRS tadi, jumlah RM51 itu juta tadi? Jadi jawapannya ialah untuk membayar perkhidmatan, pengurusan dan pengambilan data biometrik warga-warga asing yang datang ke Malaysia, supaya ini juga kita boleh membantu negara kita mengetahui mereka yang datang ke sini, sebagai *illegal immigrant* dan sebagainya, PATI ini, dan kita telah usir. Kita mempunyai rekod orang-orang yang sedemikian oleh kerana dulunya kita tidak mempunyai rekod-rekod yang tertentu. Jadi kadang-kadang ada disebut bahawa selepas kita mengusir, si anu keluar daripada negara kita, selepas itu dia boleh masuk dengan nama lain, dengan *identity card* yang lain pula lagi.

Jadi dengan adanya biometrik, perkara ini tidak akan berlaku lagi Yang Berhormat...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta penjelasan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Saya ingin bertanyakan kos yang setiap orang pendatang asing ini, di bawah rancangan sistem biometrik ini?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Kos pendaftaran di bawah rancangan ini untuk setiap pendatang asing.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Dia macam ini Yang Berhormat. Biometrik ini ia berfungsi ialah alat untuk biometrik ini disediakan oleh satu syarikat, dan syarikat ini telah dilantik oleh pihak UKAS ataupun Kementerian Kewangan, bukan oleh Jabatan Imigresen, ataupun KDN, dan tiap-tiap warga asing yang datang sini, menggunakan sistem biometrik ini akan membayar kos sebanyak RM50 yang mana kita dahulunya iaitu Jabatan Imigresen membuat *collection*. Apabila Jabatan Imigresen buat *collection*, daripada sumber kewangan yang *collected* ataupun dikumpulkan oleh pihak Imigresen ini, dimasukkan ke dalam kumpulan wang yang disatukan.

Apabila di masuk ke dalam kumpulan wang yang disatukan, wang ini juga akan dikeluarkan untuk membayar syarikat yang telah menyediakan alat itu tadi. Dengan sendirinya jawapan kepada soalan ini ialah sebenarnya, kerajaan tidak ada berbelanja apa-apa dalam soal kemasukan ini. Dia dibuat secara PFI oleh syarikat yang membekalkan kerajaan dengan alat biometrik ini Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang mana?... [*Dua orang Ahli bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu saya yang buat keputusan Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Timbalan Menteri.

Penjelasan yang saya minta adalah tentang pekerja daripada Bangladesh dan saya ucap terima kasih atas penjelasan tadi tentang angka 1.4 juta pekerja yang di uar-uarkan dalam beberapa perbincangan. Akan tetapi saya ingin membawa kepada perhatian Timbalan Menteri bahawa hakikatnya ialah, setiap hari ada enam pesawat yang datang, enam pesawat langsung, *its a direct flight*, dengan izin, datang setiap hari daripada Dhaka ke KLIA, dan membawa lebih kurang seribu *passengers*lah, *Bangladeshi* yang masuk dalam negara kita kononnya dengan Visa Pelancong majoritinya dan ada sebahagian yang bawa kononnya adalah Visa Mahasiswa, *Student Visa*, dengan izin.

Seribu orang setiap hari, enam pesawat mendarat. Kalau kita bandingkan dengan negara India, India adalah jauh lebih besar tetapi hanya setiap hari tiga pesawat datang, tapi dari Bangladesh enam...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Visa Pelancong tak ada orang bawa isu tadi Yang Berhormat

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Maksud saya dalam pasport dia, di *stamp* Visa Pelancong yang mereka peroleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tahu, tapi isu Visa Pelancong tidak dibawa, tidak dibahaskan dalam perbahasan awal tadi.

■1210

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tahu tetapi berbalik kepada isu pekerja sebab maksud saya adalah maklumat yang saya dapat dan saya sudah buat laporan polis...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah. Teruskanlah Yang Berhormat. Saya cuma ingin mengambil perhatian pasal peraturan mesyuarat, katakan ...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: ...apa yang tadi dibahaskan. Tidak apalah. Teruskan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya mengucapkan terima kasih atas peringatan itu. Saya akan tunjuk *point* itu yang berkaitan dengan apa yang disebut tadi oleh Timbalan Menteri. Maklumat yang saya sudah terima dan saya sudah buat laporan polis ialah kebanyakan permohonan untuk visa pelancongan ini bukan permohonan yang sah, yang dibuat dengan dokumen yang dipalsukan dan mereka datang sebenarnya untuk bekerja dalam negara ini. Inilah berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Timbalan Menteri. Memang pengeluaran visa itu adalah di luar bidang kuasa kementerian sebab itulah di Suruhanjaya Tinggi di Dhaka di sana. Akan tetapi kemasukannya dan maklumat yang saya terima menunjukkan bahawa apabila kita nampak mereka masuk ke KLIA adalah jelas mereka bukan pelancong *bona fide* dan mereka datang untuk bekerja di sini. Ini adalah isu imigresen. So, ini berkaitan dengan kemasukan pekerja-pekerja dengan bilangan yang begitu besar juga, hampir 1,000 orang setiap hari. Saya minta perkara ini disiasat oleh Timbalan Menteri dan saya sudah membuat laporan polis, saya sudah sanggup bagi satu salinan. Saya sudah bawa isu ini juga kepada SPRM.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Baik Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya minta perkara ini disiasatlah. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya sebenarnya memberi peluang kepada Yang Berhormat walaupun perkara ini baru dibangkitkan, tidak ada dalam ucapan tadi. Walau bagaimanapun, saya juga mengetahui bahawa Yang Berhormat pernah mengumumkan dalam satu akhbar, ada dengar juga membuat laporan polis berhubung dengan perkara ini dan kita masih menyiasat. Akan tetapi kenyataannya, kita sebenarnya memang ada pelancong-pelancong yang datang ke negara ini bukan sahaja dari Bangladesh, dari negara-negara lain. Dia datang sebagai pelancong selepas itu melihat negara ini keadaan di negara ini yang mana mereka boleh hidup di negara ini oleh kerana mendengar negara ini boleh mengambil pekerja-pekerja, mereka mengambil peluang. Memang ada Yang Berhormat. Itulah kenapa di negara ini kita dibanjiri oleh masyarakat asing yang ingin bekerja di Malaysia.

Jadi dalam masa yang sama itulah kenapa kita membuat Program 6P ini untuk mencari, memutih, mengusir mereka yang kalau datang sebagai pelancong, dia mesti balik apabila visa-visa mereka sudah tamat. Mereka juga kalau datang sebagai pelancong dari negara ASEAN umpamanya, mereka tidak berhak bekerja, mereka juga diusir keluar kalau dijumpai bekerja. Jadi

kerja imigresen ini ialah berterusan Yang Berhormat. Akan tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana laporan Yang Berhormat telah buat, kita menunggulah jawapan daripada pihak polis. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya bertanya mengenai yang sama tadi mengenai pelancongan tadi sebab Timbalan Menteri telah menjawab, cuma saya merasakan bahawa mereka datang dengan visa pelancong tetapi akhirnya mereka tidak balik, tinggal dalam negara kita, tetapi bagaimana imigresen *trace* mereka, bagaimana imigresen dapat tahu bahawa mereka ini tidak keluar? Kita ada rekod mereka ini tidak keluar tetapi apakah langkah imigresen untuk menahan mereka sebab di antara yang ramai yang saya sebut PATI tadi yang Timbalan Menteri tahu, adalah mereka yang datang dahulu dengan VOA. Sekarang tidak ada VOA lagi, bukan? Yang kita sudah diberitahu *Visa On Arrival* sudah tidak diberi lagi. Maknanya mereka datang dengan visa pelancong yang diambil mungkin di negara masing-masing. Jadi bagaimana polis *track*, imigresen *track* mereka ini?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Memang itu adalah tugas dan tanggungjawab pihak imigresen dan polis Yang Berhormat. Kita juga memahami bagaimana payahnya pihak imigresen dan polis untuk *track* mereka sebagaimana Yang Berhormat sebut, datang ke sini sebagai pelancong, selepas itu menerap dalam masyarakat yang mukanya hampir sama dengan kita juga Yang Berhormat. Kalau Indonesia dia masuk kampung orang Melayu, kalau dia bercakap mungkin kita sangka dia orang Melayu. Akan tetapi kalau mereka yang datang dari Bangladesh, dari India dan Pakistan umpamanya, payah betul kita hendak mengetahui sama ada mereka ini dari Pakistan ataupun dari mana, memang.

Walau bagaimanapun, pihak imigresen telah mempunyai kebijaksanaan dan pengetahuan yang mencukupi untuk mengetahui di mana mereka ini. Itulah kenapa apabila kita jalankan *operations* yang tertentu mereka boleh mengetahui bahkan orang bertanya kepada saya bagaimana pihak imigresen boleh mengesan. Soalan Yang Berhormat pernah ditanya kepada saya oleh masyarakat di luar sana. Jadi saya akan mengatakan tiap-tiap pegawai sama ada dia polis ataupun imigresen, mereka dilatih untuk mengetahui bagaimana untuk menjalankan tugas mereka sebaik mungkin. Kalau tidak, negara ini akan dibanjiri oleh masyarakat yang ingin duduk di negara ini, boleh mendapat – kerana di sini mereka boleh mencari kehidupan yang lebih selesa, lebih baik dari negara mereka sendiri. Jadi, untuk tidak panjang sangat Yang Berhormat, biar saya jawab mereka yang bersoal dalam ucapan tadi Yang Berhormat, selepas itu saya beri peluang, terima kasih.

Daripada Yang Berhormat Bukit Gantang lagi, SOP kewarganegaraan. Penganugerahan kewarganegaraan Malaysia adalah berdasarkan Bahagian III Perlembagaan Malaysia. Jadi, ia mempunyai banyak syarat, undang-undang dan sebagainya. Sistem ini kita telah guna pakai - kita tidak lari daripada sistem perundangan kita. Kita gunakan Perlembagaan.

Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, soalan perkahwinan. Perkahwinan mereka yang pergi ke India selepas itu tidak melaporkan anak semasa lahir di

kedutaan kita di sana dan kembali ke sini akhirnya, anak itu tidak mendapat kewarganegaraan Malaysia. Jadi sistem kita ialah sebenarnya ringkas, *simple*. Kalau ada dua *couple* ataupun ...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Pasangan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Pasangan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua pasangan, kita kena memperjelaskan dahulu pertama, sama ada dia berkahwin secara halal ataupun tidak dan perkahwinan ini diterima oleh kerajaan dan adakah anak ini dilahirkan selepas kahwin ataupun sebelum perkahwinan. Jadi ini ada perbezaan di bawah Perlembagaan Yang Berhormat. Kalau anak ini dilahirkan selepas perkahwinan yang diterima oleh pihak Kerajaan Malaysia, dengan sendirinya anak ini kalau salah seorangnya daripada ibu atau bapa itu ada anak warganegara Malaysia, anaknya menjadi warganegara Malaysia.

Akan tetapi kalau perkahwinan itu tidak sah ataupun anak itu telah dilahirkan sebelum perkahwinan, kewarganegaraannya terletak pada ibunya, mengikut ibunya. Kalau ibunya orang India, ibunya orang Indonesia, ibunya orang Saudi Arabia, malanglah bagi dia, dia tidak boleh mendapat nikmat yang diberi oleh Perlembagaan tetapi dia terpaksa menggunakan bahawa dia adalah warganegara asing, bukan warganegara ...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tunggu Yang Berhormat, sampai saya habis, ya. Warganegara Malaysia. Jadinya, orang di peringkat ini bukanlah mereka tidak ada cara untuk mencari jalan kerana ada lagi peruntukan di bawah Perlembagaan yang membolehkan mereka memohon tetapi itu atas budi bicara kerajaan di bawah Perlembagaan untuk memberi kewarganegaraannya. Kalau betul-betul boleh dibuktikan anak ini daripada pasangan ini tadi, kerajaan bersimpati dan kerajaan bersikap pengasih dan penyayang, Yang Berhormat.

Jadi soalan kes spesifik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, tolong majukan butiran-butiran yang khusus kepada saya. Janganlah tulis atas kertas *newspaper* sahaja Yang Berhormat. Lebih elok kalau ditulis atas kertas yang baik-baik sedikitlah. Senang kita pandang butiran itu, jelas namanya ibunya dan sebagainya. *Insyah-Allah*, kita akan pertimbangkan macam mana dia boleh dibantu ataupun ditolong oleh pihak kementerian. Yang Berhormat, sila.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan *clarification* yang saya minta adalah ini. Di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dan juga dalam kalangan masyarakat India di Semenanjung, berpuluh ribu ada yang tidak mempunyai dokumen identifikasi ataupun mempunyai IC merah ataupun langsung tidak ada IC ataupun IC hijau dan sebagainya. Dalam banyak daripada kes ini, mereka lahir di negara kita, ada yang lahir pada tahun 30-an di negara kita, di Semenanjung Malaysia, di Kedah dan sebagainya. Akan tetapi sehingga hari ini tahun 2013 tidak diberi IC biru ataupun kewarganegaraan.

■1220

la juga masalah ini menjadi lebih teruk apabila kita dapat banyak kes di mana turun temurun generasi demi generasi mereka tidak dapat kewarganegaraan walaupun mungkin nenek atau pun datuk lahir di Malaysia tahun 30-an disebabkan tidak ada dokumen kewarganegaraan,

anak mereka pula juga tidak dapat lepas itu cucu pun sama. Baru-baru ini saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu mengenai kes Sarojini yang telah diselesaikan selepas kita memfailkan kes di mahkamah. Jadi soalan saya dan yang saya minta adalah bahawa memandangkan banyak sangat kes seperti ini, apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan perkara ini kerana terlalu ramai dalam kes-kes seperti ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya melapor diri ke kementerian ini selepas pilihan raya yg lepas Yang Berhormat. Perkara yang saya fikir sebagai satu perkara yang pokok pada ketika itu masuk ke kementerian ini Yang Berhormat ialah soalan pendaftaran anak-anak, oleh kerana implikasinya banyak. Kalau anak-anak itu tidak didaftar, dia tidak mendapat kad pengenalan dan dia tidak dapat bersekolah. Kalau telah bersekolah tidak boleh menyambung persekolahan. Saya memberitahu dengan pemimpin-pemimpin negeri yang saya jumpai, saya kata, "*this will become the future problem of this country*" Jadi saya kata kita kena bersama menyelesaikan masalah ini.

Jadi sebenarnya Yang Berhormat saya telah pergi ke Sabah dan Sarawak berbincang dengan Ketua Sarawak dan Ketua Menteri Sabah dan saya juga mempunyai program-program lain untuk pergi ke Perak umpamanya dan pergi ke tempat-tempat yang dimaklumkan kepada saya, banyak mereka-mereka yang perlu kad pengenalan dan bantuan pendaftaran ini. *Insyallah*, kita akan teruskan proses ini Yang Berhormat tetapi masalahnya Yang Berhormat, mereka yang tidak mempunyai dokumen-dokumen dahulunya adalah payah untuk mereka membuktikan sendiri sama ada dilahirkan di Malaysia ataupun anak Malaysia. Ini adalah berlandaskan SOP-SOP yang telah kita buat selama beberapa puluh tahun sudah kita pakai.

Akan tetapi *alhamdulillah*, semenjak Menteri ini mengambil alih dan saya bersama dengan beliau, kita telah minta supaya Jabatan Pendaftaran melihat semula SOP-SOP yang mereka pakai sama ada boleh relevan ataupun tidak dewasa ini dalam keadaan yang kita lihat sekarang. Dan apakah mekanisme yang baru dan dimanakah letak pihak-pihak yang tertentu umpamanya wakil-wakil rakyat, ketua-ketua masyarakat, pemimpin-pemimpin masyarakat yang boleh membantu kita untuk mengenal pasti seseorang itu supaya jangan kita mendaftar orang dari Bangladesh, orang dari India, Pakistan, Indonesia atau Filipina sebagai rakyat Malaysia.

Ini juga kita cuba elakkan dan saya telah memberi arahan sebenarnya di Sabah umpamanya, kita tidak akan sentuh mana-mana perkara yang masih dalam selidikan pihak *Royal Commission of Inquiry* (RCI). Selain daripada itu, kita akan ambil tindakan supaya...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta penjelasan Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: ...Anak-anak yang didaftar walaupun ada rintangan-rintangan undang-undang negeri yang berkenaan, umpamanya di Sabah. Walaupun Jabatan Pendaftaran sudah buat penyelidikan sudah pasti yang anak ini adalah anak Malaysia, ibu bapanya orang Malaysia, dia tidak boleh kalau *late registration* selepas 42 hari anak ini tidak didaftar, ia menjadi *late registration*. Sistem untuk SOP dia berlainan Yang Berhormat. Jadi, dia kena pengesahan daripada *first class magistrate* kalau di negeri Sabah. Akan tetapi kalau di negeri Sarawak dia kena ada pengesahan daripada penghulu, kapitan Cina dan ketua rumah.

Jadi sistem ini atau undang-undang ini masih diguna pakai dan kita masih ingat masih 18 *point agreement* dengan 20 *years point agreement* di Sabah yang kita kena hormat undang-undang ini. Nasib kita di Semenanjung, perundangan-perundangan yang sama masih diguna pakai apabila pihak pendaftaran telah mengenal pasti dan pasti orang ini rakyat Malaysia boleh diberi MyKad sama ada kad hijaukah, kad merahkah atau kad biru berlandaskan apa yang dilihat oleh pihak pendaftaran sewajarnya.

Jadi Yang Berhormat, proses *outreach* program kita ini, kita laksanakan berterusan supaya kita berharap semua pihak wakil rakyat membantu bahkan di Sabah dan di Sarawak saya sudah meminta wakil rakyat bantu saya. Beri saya di mana *point*. Saya boleh beri *team* kita ke satu-satu tempat yang mana mereka akan kenal pasti dan mereka boleh cam dan pastikan sesiapa yang boleh diberikan kad-kad yang tertentu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tiga orang bangun Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Penampang dan tambah seorang lagi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, semua yang tidak berucap atau soal Yang Berhormat. Jadi yang berucap tadi tidak dapat dijawab Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hah! Jawab dahululah yang berucap, boleh.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya minta maaf dahulu Yang Berhormat. Yang berucap itu saya hendak jawab dahulu ini.

Bilangan petugas Ops Daulat di Sabah. Daripada Yang Berhormat Sungai Petani ya. PDRM mahu memobilisasikan enam di Sabah sempena Ops Daulat Yang Berhormat. Kekuatan ini meliputi pengurusan pegawai dan anggota-anggota dari pasukan Gerakan Am, Jabatan Siasatan Jenayah dan Cawangan Khas. Yang Berhormat dari Sungai Petani juga bertanya, peruntukan untuk menyelenggarakan motosikal untuk Unit Rondaan Jenayah. Sebenarnya saya semalam semasa berbincang dengan pegawai menumpu khusus kepada soalan motosikal ini Yang Berhormat.

Kita sebenarnya dijanjikan oleh kerajaan untuk mendapat 4,000 motosikal untuk rondaan khas. Di kalangan 4,000 ini tiap-tiap setahun kita keluarkan seribu, seribu tetapi untuk masa ini kita mengeluarkan 1,400. Itulah sumber kewangan yang bertambah tadi yang RM10 juta itu Yang Berhormat. Itulah untuk yang 400 unit motosikal, 255cc kuasanya merupakan Suzuki Yang Berhormat. Jadi memang saya juga mengetahui bahawa soalan pembiayaan ataupun *maintenance cost* ini Yang Berhormat.

Jadi saya telah membangkitkan perkara ini dan kita telah merangka supaya tiap-setiap kereta dan setiap motosikal yang ada pada pihak-pihak agensi kerajaan khususnya di bawah KDN diperuntukkan *maintenance cost*. Jangan ada motor atau kereta tetapi tidak jalan, kita ambil perhatian cadangan Yang Berhormat amat baik dan saya ucapkan terima kasih atas cadangan

tersebut. Jadi Yang Berhormat, banyak lagi soalan ini sebab saya terganggu oleh kerana soalan-soalan tadi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi Yang Berhormat, ada satu soalan yang berkaitan, boleh atau tidak?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ringkas sahaja Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Dinyatakan di sini bahawa ada RM10 juta untuk membiayai unit rondaan motosikal. Tuan Pengerusi, saya merasakan jumlah ini agak besar tetapi yang saya pelik di Sepang baru-baru ini ada pondok polis di Taman Putra Perdana ditutup sedangkan di situ antara tempat yang banyak *illegal immigrant* di situ. Jadi saya rasa keadaan di situ memerlukan polis. Saya telah mengambil inisiatif sebagai Ahli Parlimen untuk kita cari duit untuk kita beli satu kabin dan buat balai polis sementara dengan kerjasama daripada IPD Sepang.

Jadi saya mohonlah supaya pihak Menteri mengambil maklumat tentang ini dan kalau boleh saya difahamkan sudah ada tapak untuk balai polis di sebelah Masjid Putra Perdana. Saya harap dapat disegerakan pembinaan sebab keadaan jenayah di situ agak membimbangkan. Kes-kes yang melibatkan pecah rumah ini sering berlaku di situ. Jadi saya harap pihak kementerian dapat mengambil langkah segeralah. Kita membantu pihak polis juga. Kita beli, cari kabin dengan siap *air-cond* semua.

Cuma kita minta ada ditempatkan polis sahaja. Itu tidak melibatkan duit kerajaan. Sepatutnya saya boleh *claim* daripada pihak Menteri. Akan tetapi kita hendak tolong juga menyelesaikan masalah jenayah ini. Kedua, sedikit sahaja tentang saya juga minta supaya Yang Berhormat Menteri mengambil inisiatif untuk membuka semula dua pejabat, yang pertama Pejabat Imigresen di Cawangan Sungai Pelik iaitu di Bandar Baru Salak Tinggi yang telah ditutup juga atas kerana tidak mampu membayar sewa sebab pihak tuan tanah telah menaikkan sewa dan juga Pejabat Pendaftaran Negara di Sungai Pelik juga di Bandar Salak Tinggi, juga ditutup.

■1230

Jadi, sudah ada tiga balai polis, Jabatan Imigresen dan juga Jabatan Pendaftaran Negara. Penduduk telah bertanya saya, minta tolonglah sebab dia kata di situ mereka perlu kan sangat kedua-dua pejabat itu untuk uruskan IC dan sebagainya. Saya minta tolong buka balik. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat dan terima kasih juga atas janji kerjasama dengan polis dan KDN berhubung dengan menangani jenayah. Jadi, *insya-Allah* saya akan bincang dengan pegawai saya di Cawangan Pembangunan KDN dan juga IGP berhubung dengan *police station* Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya banyak lagi jawapan ini. Jadi, saya janji akan bagi jawapan bertulis. Jawapannya ada di sini Yang Berhormat. Jawapan bertulis dan terima kasih kepada sokongan-sokongan yang diberikan oleh semua Ahli yang sudah membahaskan tadi. Tidak ada pun yang marah pada saya ataupun caci pada saya. Semua menyokong...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Tidak jawab soalan saya. Yang Berhormat...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jawapan Yang Berhormat pun akan saya bagi juga. Motosikal jangan ramai sangat. Dua, tiga biji satu orang. Jangan... satu tempat.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Kes... Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi, saya akan ambil tindakan juga Yang Berhormat. Saya akan bincang dengan IGP. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Pilihan raya punya polis ramai-ramai ini Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah, dijawab bertulis itu. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa sejumlah RM205,132,100 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM205,132,100 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN JENAYAH
(PINDAAN DAN PEMERLUASAN) 2013****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Peraturan Mesyuarat 22. Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita di Parlimen berdepan dengan 11 rang undang-undang yang akan dibentangkan oleh kerajaan untuk diputuskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan Mesyuarat 22 mana Yang Berhormat? Panjang 22 itu, (1), (2), (3), (4)?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Peraturan Mesyuarat 22(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Di mana Aturan Urusan Mesyuarat yang dibentangkan membuktikan bahawa ada 11 rang undang-undang yang akan diputuskan dalam tempoh tiga hari. Jadi, sebelum Yang Berhormat Menteri membuat bacaan kali yang kedua, saya ingin dapatkan pengesahan daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada kesemua rang undang-undang ini akan dibentangkan dalam tempoh tiga hari dan diputuskan ataupun kerajaan bersedia untuk menarik balik rang undang-undang ini.

Ini kerana, ianya memberi kesan kepada perbahasan. Kalau 11 dibentangkan, pastinya ia memberi kesan kepada tempoh perbahasan rang undang-undang yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Persoalan saya, apakah adil untuk membentangkan 11 rang undang-undang dalam tempoh 3 hari? *Ridiculous*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Nanti Tuan Yang di-Pertua, sebab ini satu isu yang besar. Soal keselamatan negara, keselamatan rakyat dan saya percaya Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat dan juga Barisan Nasional bertanggungjawab untuk memberikan input yang terbaik dalam menggubal rang undang-undang ini.

Kementerian Dalam Negeri gagal adakan dialog dengan *Bar Council*. Gagal mengadakan dialog dengan *stakeholders*. Hari ini cuba hendak pendekkan perbahasan dengan Ahli Parlimen. Bagaimana perkara ini boleh berlaku? Oleh sebab itu saya minta jaminan daripada Tuan Yang di-Pertua supaya perkara ini diputuskan sekarang, sama ada rang undang-undang ini akan dibentangkan kesemuanya dalam sesi ini, tiga hari untuk 11 rang undang-undang.

Menteri kata tidak. Kalau tidak bangun. Beritahu rang undang-undang mana yang akan ditarik sebab kita hendak tahu juga. Ini kerana ianya akan memberi kesan kepada perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya faham Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Itu satu Tuan Yang di-Pertua. Keduanya, kita juga ada cadangan untuk bertemu dengan Peguam Negara untuk melihat apakah kerajaan telah berbincang dengan Peguam Negara dalam membentangkan rang undang-undang ini kerana terlihat percanggahannya cukup besar. Kalau kita lihat kenyataan Peguam Negara pada satu forum baru-baru ini, pada 24 Ogos 2013, Peguam Negara mengesahkan bahawa negara tidak memerlukan undang-undang pencegahan untuk menangani jenayah serius kerana pengalaman menunjukkan pasukan polis adalah mampu bertindak dengan baik. Ini ucapan Peguam Negara. Kemudian, Peguam Negara sebutkan lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah panjang Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Satu sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Ini Peguam Negara menyatakan dalam kes penjenayah ganas Botak Chin, ketika itu Peguam Negara mampu menyelesaikan kes bukan di bawah Undang-undang Pencegahan, bukan di bawah Ordinan Darurat mahupun Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sebaliknya di bawah perundangan biasa. Ini ketegasan yang dibuat oleh Peguam Negara.

Akan tetapi dalam rang undang-undang yang dibentangkan ada lagi *detention without trial* selama dua tahun dan ini juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah masuk dalam rang undang-undang. [*Dewan riu*]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Betul, betul Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah masuk isu Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak rumuskan, saya hendak rumuskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya bagi sedikit masa. Yang Berhormat habiskan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Oleh sebab itu saya hendak tanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak. Soalan Yang Berhormat, sama ada diberi keadilan atau tidak membahaskan 11 rang undang-undang. Itu isu Yang Berhormat bawa.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Betul. Ini kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Maknanya, Yang Berhormat tidak bolehlah masuk dalam perkara-perkara, butiran-butiran dalam undang-undang KDN ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Betul. Cuma Tuan Yang di-Pertua, hujah saya ialah saya hendak tahu apakah ada tempoh perbincangan yang munasabah? Kalau 11 rang undang-undang dibentangkan pastinya tidak munasabah sama sekali. Akan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua boleh memberi jaminan perkara ini ditarik balik supaya boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan yang pernah dilakukan pada tahun 2005. Ketika kerajaan hendak bentangkan CPC dan *Penal Code*.

Kita tidak bawa terus dalam bacaan kali kedua. Kita bincang di Jawatankuasa Pilihan. Mengapa perkara ini tidak dilakukan dalam keadaan kita mahu... [*Dewan riu*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Membentangkan satu rang undang-undang yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, baik Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua buat *ruling*. Apakah Tuan Yang di-Pertua setuju 11 rang undang-undang dalam tiga hari?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak jawapan sebelum Yang Berhormat Menteri boleh meneruskan bacaan kali yang kedua. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tahu sedikit sahaja. Mengenai *point* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gombak, sangat-sangat penting khasnya oleh kerana Yang Berhormat Menteri tidak ada apa-apa rundingan atau *consultation* yang dia janji dengan semua *stakeholder*. Memandangkan bahawa SUHAKAM, Proham dan lain-lain pertubuhan-pertubuhan hak asasi ada cadangan bahawa perlulah ini ditangguhkan, adakan satu perbincangan yang mendalam. Ini jangan disalah tafsir bahawa kita memihak kepada penjenayah atau geng *warlord*, khasnya oleh kerana IGP ada kata bahawa kempen terhadap geng *warlord* itu berjaya. Mustahak bahawa daripada segi keadilan dan dari segi hak asasi bahawa lebih masa diberi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

■1240

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Bukan sahaja kita tetapi NGO-NGO, Suhakam dan PROHAM untuk membincang sebelum kita teruskan perbincangan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, soal 11 rang undang-undang dibentangkan dalam Parlimen dalam tempoh dua minggu perbahasan bukanlah satu perkara yang tidak pernah berlaku. Kerajaan mempunyai kuasa dan hak untuk membentangkan sebanyak mana rang undang-undang.

Soal tempoh tiga hari ini adalah tempoh yang tinggal untuk kita berbahas. Jika ada rang undang-undang yang tidak sempat dibahaskan tentu sekali rang undang-undang itu boleh ditarik dan diangkat untuk dibahaskan terserah kepada keputusan kerajaan dalam sesi yang akan datang. Soal sama ada kita berlaku adil untuk membahaskan satu-satu rang undang-undang dalam tempoh masa Yang Berhormat, ini merupakan perkara yang subjektif. Kita boleh berbahas dua hari, satu hari, satu minggu, terlalu subjektif. Ada rang undang-undang yang kita bahas cuma satu hari suntuk dan diluluskan dalam Dewan, maknanya ia subjektif. Tidak ada satu jangka waktu yang menentukan bahawa perlu sepuluh hari untuk berlaku adil, tidak. Tugas Speaker akan beri keadilan yang sebaik-baiknya untuk semua pihak berbahas mengambil bahagian dalam perbahasan setiap rang undang-undang.

Jadi, *ruling* saya Yang Berhormat, saya tidak berhasrat untuk memberhentikan bacaan kali kedua rang undang-undang ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, kita minta pandangan daripada pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Pihak kerajaan patut menasihatkan seperti yang tadi ada tanda-tanda sedikitlah daripada Menteri Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Isu apa lagi Yang Berhormat?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Berapakah masa, apakah cadangan daripada kerajaan, adakah semua 11 ini dijalankan sampai habis ataupun satu atau mana yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu akan diputuskan oleh kerajaan. Ianya berlaku dalam...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Berapa lama?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: ...Dalam sidang Parlimen kita. Banyak rang undang-undang yang dibentang dibacakan kali pertama. Tidak sempat dibahas, ditarik dan dibaca semula bacaan kedua kalinya, ditarik oleh kerajaan pada hujung sesi hari Khamis ini dan akan dibacakan semula pada sesi yang akan datang, bergantung kepada keputusan yang dibuat oleh kerajaan. Hak kerajaan, kerajaan mempunyai hak untuk membentang rang undang-undang Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak, tidak, sedikit sahaja saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Soal sama ada 11 ini telah dipersetujui oleh Tuan Yang di-Pertua, saya yakin ianya telah dipersetujui mengikut Perkara 22(1).

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Masa, berapakah masa yang akan diperuntukkan untuk setiap rang undang-undang?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Soal ini soal yang biasa berlaku Yang Berhormat, kita boleh bagi masa 20 minit, 10 minit, 30 minit, bergantung kepada masa yang ada.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Itu adalah masa untuk ucapan. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua adalah apakah tempoh kita akan bagi untuk *second reading*...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *Still, still.* Soalnya Yang Berhormat, sama ada kita berlaku adil atau tidak, seperti yang saya jelaskan dalam...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Itulah penjelasan yang kita hendak, bukan kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: ...Penjelasan saya sebelum ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kita kata- *I think* tidak boleh dinafikan dua-dua pihak setuju, inilah satu rang undang-undang, khususnya yang pertama itu, yang sangat penting. Kita pun hendak kerjasama dalam hal untuk buat sebaik mungkin untuk negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Itu bukan isu. Isunya ialah seperti yang Yang Berhormat kata, masa diperlukan untuk buat perbahasan yang baik untuk semua pihak. Itu penjelasan yang diminta yang kita belum dengar sampai sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak boleh tentukan perbahasan akan dua hari, tiga hari, saya tidak boleh tentukan. Tugas Tuan Yang di-Pertua adalah untuk membagi

masa sebaik-baik Yang Berhormat. Jika kita mempunyai - jika kerajaan berhasrat untuk luluskan lima kah, empat kah, sepuluh kah daripada 11 rang undang-undang ini. Pihak Tuan Yang di-Pertua akan membagikan masa yang sebaik-baiknya bagi setiap rang undang-undang itu. Pada takat ini Yang Berhormat, kita adalah berdasarkan kepada 11 rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan kerana kita belum dimaklumkan mana-mana rang undang-undang yang perlu dibahaskan kali ini atau sesi akan datang.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua maklumkan sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua belum dimaklumkan rang undang-undang mana yang akan ditarik. Akan tetapi daripada *signal* tangan yang diberikan oleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak nampak pula Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak, Menteri yang bertanggungjawab soal Parlimen, dia ulang *signal* itu. Maknanya, ada beberapa rang undang-undang yang akan ditarik. Itu pertama. Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua, memang biasa ada rang undang-undang selepas bacaan kali yang pertama, tidak sempat di bahas dalam sesi ini, ditangguhkan sesi yang akan datang. Boleh, itu saya tidak ada masalah tetapi rang undang-undang ini terlalu penting, tentang keselamatan rakyat dan negara [Disampuk] [Dewan Riu]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Nanti dahulu. Maknanya... [Disampuk] Saya jemput Yang Berhormat Paya Besar untuk bangun.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada macam itu Yang Berhormat, tidak ada jemput-jemput, tidak ada.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak, kalau tidak dia menjerit di bawah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak belum lagi.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak, maksud saya kalau ada 11 rang undang-undang, maknanya perbahasan yang ini terlalu pendek, betul atau tidak? Setuju atau tidak? Jadi, di mana seriusnya kerajaan, seolah-olah tidak serius, itu yang pertama. Kedua, daripada 11 rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, empat adalah Kementerian Dalam Negeri dan sekarang Menteri Dalam Negeri ada di sini. Saya ingat masa yang terbaik untuk Menteri Dalam Negeri bangun menyatakan kementerian akan bentangkan kesemua empat rang undang-undang...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak ada keperluan macam itu Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Atau kementerian akan tarik tiga rang undang-undang. Jadi, senang kita, Tuan Yang di-Pertua, untuk agihkan masa yang munasabah untuk kita bahas. Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua menyatakan tadi beliau berasaskan kepada 11 rang undang-undang untuk diagihkan tempoh perbahasan. Mana boleh 11 rang undang-undang dalam tiga hari.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dapat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak boleh! Kalau Tuan Yang di-Pertua sambung sampai pukul 12 pun...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Ya, cukuplah Yang Berhormat. Saya mintalah Yang Berhormat Menteri untuk buat bacaan kali kedua.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya harap, saya minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kementerian akan teruskan dengan kesemua empat rang undang-undang...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah tidak ada keperluan Yang Berhormat, tidak ada keperluan. Menteri tidak perlu jelaskan pada ketika ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Itu untuk memudahkan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Mana rang undang-undang yang diteruskan ataupun ditarik, tidak ada keperluan Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Alasan tidak boleh terima. Rang undang-undang tadi tu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya yakin rang undang-undang ini penting seperti Yang Berhormat katakan. Pihak Yang Berhormat anggap rang undang-undang ini, rang undang-undang ini penting, pihak penyokong kerajaan pun anggap rang undang-undang ini penting Yang Berhormat. Jadi, saya yakin semua pihak anggap rang undang-undang ini penting. Biarlah proses perjalanan Mesyuarat ini tidak terganggu, kita bahas mengikut prosedur yang ditentukan dalam Dewan, Yang Berhormat. Saya ingin tegaskan lagi, saya tidak berhasrat untuk menangguhkan perbahasan ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk teruskan.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua satu, satu perkara sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Mengenai keperluan. Tuan Yang di-Pertua tadi sebut bahawa tiada keperluan. Sebenarnya, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Gombak itu, di bawah Perkara 22 iaitu isu *Aturan Urusan Mesyuarat*. Perlu dijawab oleh Menteri yang mempunyai tanggungjawab bagi Parlimen ataupun Menteri Dalam Negeri. Ini jelas daripada soalan yang ditanya di bawah Perkara 22, itu soalnya. Sebenarnya, bukan tugas Tuan Yang di-Pertua, tetapi Menteri yang masih belum bangun dan memberi penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, Yang Berhormat mesti faham.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Hanya satu perkara sahaja. Satu perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua. Isu mengenai *Aturan Urusan Mesyuarat* ini perlu dibincangkan di antara pihak kerajaan dan pihak pembangkang.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terutamanya bila ada 11 rang undang-undang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya selesaikan Yang Berhormat ya.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Jadi, saya minta supaya penjelasan diberi oleh Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat mesti adil kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak 11 rang undang-undang dikemukakan oleh kerajaan. Pada ketika ini, pada peringkat ini, Tuan Yang di-Pertua telah pun meluluskan bacaan kali pertama 11 rang undang-undang. Kesebelas rang undang-undang itu telah pun dijadualkan untuk dibahaskan pada sesi ini. Itu yang mesti Yang Berhormat, kalau dipersetujui, diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan untuk di bahas 11 rang undang-undang. Itu pada ketika ini.

Saya katakan tidak ada keperluan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bertanya kepada Menteri, mana daripada 11 rang undang-undang akan ditarik, tidak boleh. Kecuali ada usul daripada kerajaan menulis kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan bahawa mereka berhasrat, kerajaan berhasrat untuk menarik balik rang undang-undang ini.

Jika diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua, ia akan dibawa dalam Dewan ini untuk diputuskan. Untuk memutuskan. Itu prosedur dia. Sebab itu saya katakan pada ketika ini, peringkat ini, tidak ada keperluan untuk mana-mana Ahli Yang Berhormat bertanyakan mana-mana Menteri, mana rang undang-undang yang perlu ditarik balik. Jadi, pada akhir sesi nanti, hari Khamis nanti, mana rang undang-undang yang tidak sempat di bahas, kerajaan akan menulis secara rasmi kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua akan memutuskan untuk dibawa usul dalam Dewan ini. Itu Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Baik Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau tidak ada gangguan, tiga hari boleh selesai Tuan Yang di-Pertua. Kalau ganggu, tiga bulan pun tidak boleh selesai. Jadi, minta jangan ganggulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

■1250

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Maknanya setakat ini Tuan Yang di-Pertua berasaskan 11 rang undang-undang selesai bacaan kali kedua, dibuka perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, itu prosedur Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Baik saya hendak tahu berapa minit Tuan Yang di-Pertua hendak beri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Setakat ini tidak akan ada *time limit*. Kita akan bagi.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tidak ada *time limit*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Setakat ini, setakat ini. Kecuali diputuskan oleh Speaker bahawa seperti yang ...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Gombak, seperti biasalah Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Sekarang Tuan Yang di-Pertua sedang *preside*, sedang mempengerusikan. Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua dengan kedudukan dan kuasa yang ada sekarang, berapa minit Tuan Yang di-Pertua hendak bagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya katakan Yang Berhormat. Saya sudah jawab soalan. Duduk dahulu Yang Berhormat Seputeh. Saya sudah jelaskan kepada Yang Berhormat, pada ketika ini belum ada keputusan untuk mengehendkan masa, maknanya tidak ada had masa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bermakna Yang Berhormat Gombak boleh berbahas satu hari pun tidak apa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, tetapi Yang Berhormat ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Belum dihadkan. Bermakna Yang Berhormat Gombak berdiri satu hari pun boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Akan tetapi Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ini Yang Berhormat Kinabatangan hendak jadi Speaker kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Speaker Dewan mempunyai kuasa untuk mengehendkan masa pada bila-bila masa. Maknanya saya katakan sekarang ini belum ada had masa tetapi petang nanti, jam 6 petang kah nanti, jam 8 malam kah nanti, jika Yang di-Pertua *preside* pada ketika itu, melihat keadaan perlu mengehendkan masa, maka perlu dihadkan masa. Itu termaktub dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat *[Tepuk]* Kita baca kali kedualah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah bertemu dengan Tan Sri Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri hendak jawab kah?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, jalan terus Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya semua...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dia bukan tidak tahu prosedur ini, dia sudah biasa.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tidak, tidak semua cadangan...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sudah lalui...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ... Tuan Yang di-Pertua, saya ikut.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: ...Sekian lama. Ini alasan Yang Berhormat Gombak menolak rang undang-undang ini dipinda. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, minta diteruskan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tidak, saya...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak perlu melayan perkara-perkara yang remeh temeh ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita bacaan kedualah Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Seputeh pun tahu peraturan dan Yang Berhormat Gombak pun tahu.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya bertemu dengan Tan Sri Yang di-Pertua....

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dia saja hendak melengah-lengahkan sebab itu tidak menjadi Menteri Besar Selangor tu.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Dengarlah dahulu.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya sudah ambil semua...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sebab itu dia tidak menjadi Exco tu...

Seorang Ahli: Pindaan-pindaan yang dibuat ini sebenarnya *[Dewan riuh]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Saya juga harap tidak ada sekatan masa dan tidak ada sekatan kepada pembahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak boleh...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Siapa yang bangun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak boleh cakap sekarang....

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Diberikan peluang untuk berhujah. Tidak ada sekatan-sekatan. Itu yang paling penting agar semua orang boleh berhujah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ulasan saya berpandukan kepada...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Peraturan mesyuarat. Sudah jelas dalam peraturan mesyuarat katakan, Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk mengehadakan masa pada ketika jika diperlukan. Itu di dalam peraturan mesyuarat. Jadi kita tidak boleh mempertikaikan itu Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Rang undang-undang ini penting saya melihat ada beberapa Ahli-ahli Parlimen di kalangan Ahli-ahli Parlimen pembangkang

mengemukakan pindaan-pindaan, penting! Kita teruskan proses ini seperti yang setiap kali kita lakukan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cukup sampai di sinilah.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Kalau Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Kenapa rang undang-undang ini begitu susah untuk dibacakan kali kedua. Setiap kali kita buat, inilah prosedurnya. Inilah prosedurnya Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tidak, kalau Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Gombak duduklah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Bagi 10 minit, tidak mungkin...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Tidak ada had waktu pada ketika ini saya katakan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: ...Tuan Yang di-Pertua, jangan layanlah Yang Berhormat Seputeh ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Selesai Yang Berhormat Menteri, saya tidak akan ada had waktu ketika ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kalilah Yang Berhormat Gombak, bercakap satu hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak sempat sudah ini. jam 12 sudah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...*Ruling* saya, saya tidak lagi *entertain*, saya tidak lagi bagi peluang Yang Berhormat Seputeh...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau berani kita bahas dululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Keputusan saya, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk baca kali yang kedua *[Tepuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak patutlah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya silakan Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dalam akta ini...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, bagi peluang Yang Berhormat Seputeh rehat dahulu di luarlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Keputusan *Select Committee* yang mengkaji semula CPC dan *penal code* beberapa tahun yang lepas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Bersama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, dahulu kita guna satu setengah tahun untuk mengkaji semua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat....

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Seputeh, peraturan apa bangun ni?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Untuk mendengar pandangan...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Dan meluluskan secara melulu, macam ini mana boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini tidak menghormati hak asasi manusia.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini macam *secret society*...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: ...Dan salam sejahtera.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Punya kelakuan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Saya tengah menunggu *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua tentang 22(1)...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah buat Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ya tentang 22(1) ...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat. Sudah banyak kali dah. Dah tiga kali saya sebut.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Soalan saya ialah, dan ada kena mengena dengan perkara kepentingan orang ramai, atau dengan *Aturan urusan Mesyuarat* dan ahli itu telah mendapat kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua untuk mengeluarkan pertanyaan itu. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua memberikan keputusan tentang perkara yang tersebut, kena mengena dengan perkara kepentingan orang ramai dan dengan *Aturan Urusan Mesyuarat* yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ada kaitannya dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak berbangkit lagi perkara ini. Yang di-Pertua Dewan, Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia sudah meluluskan rang undang-undang ini dibacakan kali yang pertama. Saya sekarang ini adalah untuk melancarkan proses bacaan kali kedua. Sudah tidak berbangkit, 22(1) itu sudah tidak berbangkit kerana Yang di-Pertua telah mengizinkan bacaan kali pertama 11 rang undang-undang Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Akan tetapi dalam proses itu kita ada peraturan mesyuarat yang boleh diguna pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah. Tan Sri Yang di-Pertua sudah melihat semua itu, lazim yang kita buat dalam Dewan ini Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Kalau itu jawapan Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah bertemu dengan Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia, Speaker Dewan Rakyat. Beliau menyatakan kepada saya dan memberikan nasihat kepada saya untuk merujuk perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Saya telah merujuk perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, dan ada beberapa perkara yang telah kita bincang dan saya ingin pengesahan. Memang proses itu perlu, maknanya kementerian akan memaklumkan secara bertulis kepada Dewan tentang rang undang-undang yang akan ditarik tetapi kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...Hari ini, pada saat ini kita dimaklumkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...Kita ada empat rang undang-undang akan ditarik, tiga. Sekurang-kurangnya kita ada ruang yang lebih panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya tidak ada keistimewaan untuk mengetahui apa perbincangan Yang Berhormat dengan Menteri. Akan tetapi di hadapan saya sekarang ini adalah untuk...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...Perbincangan untuk pemilihan, kita bincang soal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Untuk meneruskan proses perbincangan kita. Sekali lagi saya minta Yang Berhormat cukuplah, dan saya minta Yang Berhormat Menteri untuk meneruskan bacaan kali kedua.

12.57 tgh.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Silakan Yang Berhormat.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, sejak inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA diperkenalkan pada tahun 2009, kerajaan telah mencapai kejayaan di dalam inisiatif NKRA mengurangkan jenayah, di mana peratusan jenayah indeks telah menurun setiap tahun. Namun begitu, sejak kebelakangan ini kadar peratusan jenayah berat, dan jenayah terancang daripada keseluruhan jenayah indeks telah berlaku peningkatan.

Peningkatan kes-kes jenayah berat dan jenayah terancang ini sedikit sebanyak telah meningkatkan kebimbangan rakyat akan tahap keselamatan mereka berikutan keseriusan kes-kes jenayah yang berlaku seperti mana yang dilaporkan di dalam media massa iaitu:

- (i) penggunaan senjata api yang berleluasa;
- (ii) kejadian pembunuhan menggunakan senjata api;
- (iii) pergaduhan antara kumpulan ahli-ahli kongsi gelap sesama mereka untuk merebut kawasan;
- (iv) perebutan kawasan pengedaran dadah;
- (v) pengutipan wang perlindungan;
- (vi) sindiket pelacuran; dan
- (vii) sindiket perjudian.

Kerajaan amat peka akan kebimbangan yang dirasai oleh rakyat, dan mendengar rintihan mereka agar kerajaan mengambil tindakan segera bagi membanteras aktiviti-aktiviti jenayah berat dan jenayah terancang.

Justeru bagi meredakan kebimbangan ini, terdapat keperluan untuk kerajaan menimbang dan mengkaji semula usaha-usaha menangani jenayah terutamanya jenayah berat dan jenayah terancang termasuklah dengan mengkaji undang-undang yang sedia ada.

Tanpa undang-undang yang efektif, kegiatan jenayah berat dan jenayah terancang tidak dapat dibendung dengan secara berkesan dan seterusnya akan menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Dari aspek sosial, selain daripada peningkatan kadar jenayah, golongan pelajar juga akan menjadi sasaran oleh ahli-ahli kongsi gelap sama ada mereka merekrut ahli-ahli baru bagi menyertai kumpulan mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, kena sambut petang Yang Berhormat.

Yang Berhormat Gombak, Peraturan Mesyuarat 22(1) sebenarnya adalah untuk pertanyaan-pertanyaan. Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa semua sakit tekak? *[Dewan riuh]* Sila Yang Berhormat Menteri.

2.32 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak faham kenapa sebelah sana sakit tekak selepas *lunch*. Tuan Yang di-Pertua, tanpa undang-undang yang efektif kegiatan jenayah berat dan jenayah terancang tidak dapat dibendung. Tidak dapat dibendung dengan berkesan dan seterusnya akan menjadi ancaman kepada

keselamatan negara. Dari aspek sosial selain peningkatan kadar jenayah, golongan pelajar juga akan menjadi sasaran oleh ahli-ahli kongsi gelap sedia ada untuk merekrut ahli-ahli baru bagi menyertai kumpulan mereka.

Sekiranya enggan, mereka tanpa belas kasihan akan terus mengancam pelajar-pelajar ini sehingga sanggup mencederakan sesiapa sahaja yang tidak mengikut kemahuan mereka. Keadaan ini akan menyebabkan anak-anak kita berasa takut sehingga menjejaskan pelajaran mereka. Dalam masa yang sama aktiviti-aktiviti seperti penyalahgunaan dadah, perjudian, maksiat dan pergaduhan di tempat-tempat awam akan turut meningkat sehingga suasana di bandar-bandar dan kawasan-kawasan perumahan menjadi tidak aman seperti sedia kala.

Dari aspek ekonomi, kumpulan kongsi gelap yang bermaharajalela akan menjejaskan keyakinan pelabur asing dan pelabur tempatan juga. Sebagai contoh pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga akan merasa bimbang untuk menjalankan perniagaan mereka kerana dipaksa membayar wang perlindungan kepada kumpulan kongsi gelap yang memeras mereka. Kadar jenayah berat yang tinggi juga akan menyebabkan pelancong berasa tidak selamat dan tidak memilih untuk melancong ke negara ini. Akhirnya pembangunan ekonomi akan terencat dan seterusnya menjatuhkan nilai mata wang negara.

Dari sudut politik pula terdapat juga kemungkinan kumpulan-kumpulan jenayah terancang untuk mempengaruhi ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai kerajaan bagi melindungi kegiatan mereka. Sekiranya hal ini dibenarkan berlaku maka institusi-institusi kerajaan akan kehilangan kredibiliti dan kewibawaan serta seterusnya menyebabkan kerugian besar kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 yang dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini bertujuan untuk memperkasakan Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang sudah lapuk dan tidak relevan lagi dengan keadaan semasa dan arus teknologi yang berkembang pada masa ini.

Pindaan ini dibuat bagi memastikan pihak polis boleh mengambil tindakan secara lebih efektif terhadap penjenayah-penjenayah, seterusnya membendung aktiviti jenayah daripada terus meningkat. Rang undang-undang ini memperuntukkan perkara-perkara seperti berikut. Pertama akta ini akan diperluaskan pemakaiannya ke seluruh Malaysia. Akta Pencegahan Jenayah 1959 pada masa ini hanya terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja. Dengan pemakaian yang diperluaskan maka akta ini boleh berkuat kuasa di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Keduanya berhubung dengan tempoh tahanan reman. Rang undang-undang ini akan menurunkan jumlah tahanan reman daripada 71 hari kepada 59 hari yang dikeluarkan oleh majistret dan hakim Mahkamah Sesyen. Jumlah ini tidak termasuk 24 jam tempoh tahanan reman pertama yang dibuat oleh pegawai polis. Dalam masa yang sama fasal 4 rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa reman orang yang ditangkap bagi tujuan siasatan. Subseksyen 4(2) memberi kuasa untuk memerintahkan reman bagi masa *inquiry* yang akan dikeluarkan oleh hakim Mahkamah Sesyen bagi siasatan yang dikategorikan sebagai kesalahan berat.

Susulan itu seksyen 5 iaitu mengenai lanjutan tempoh tahanan reman dimansuhkan. Ketiga, bagi memastikan pemantauan yang lebih efektif, pemakaian peranti pengawasan elektronik atau *electronic monitoring device* (EMD) boleh dikenakan seperti mana yang dinyatakan dalam fasal 6. Fasal ini memperuntukkan bahawa orang-orang yang diberi jaminan dipakaikan EMD selama tempoh yang ditetapkan. Permohonan ini akan dibuat oleh timbalan pendakwa raya kepada hakim Mahkamah Sesyen.

Keempat, seterusnya bagi memastikan tiada lagi tuduhan penyalahgunaan kuasa terhadap Menteri, satu lembaga pencegahan jenayah akan ditubuhkan di bawah seksyen 11 iaitu dengan memasukkan peruntukan baru iaitu seksyen 7B dan 7C. Lembaga ini akan terdiri daripada pengerusi dan dua orang ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Kriteria pengerusi yang dilantik mestilah seorang yang pernah atau yang sedang atau yang layak menjadi seorang hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi.

Kelima, fasal 14 adalah mengenai syarat-syarat tambahan yang dimasukkan di dalam seksyen 15. Antaranya berhubung kemestian untuk mengisytiharkan peralatan-peralatan komunikasi yang digunakan oleh ketua polis negeri yang berkaitan.

Manakala yang keenam fasal 19 pula adalah mengenai pengenalan seksyen baru 15A iaitu tiada semakan kehakiman boleh dibuat terhadap keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pencegahan Jenayah kecuali mengenai pematuhan kepada prosedur yang telah ditetapkan.

Ketujuh pula adalah bagi memastikan pematuhan terhadap perintah yang dikeluarkan di bawah akta ini. Fasal 20, 21, 22 dan 24 pula dibuat bagi memperkenalkan penalti yang lebih berat terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan berdasarkan kepada akta ini.

Manakala yang kelapan, seterusnya untuk memastikan undang-undang ini adalah lebih efektif dalam pembanterasannya jenayah, maka rang undang-undang ini akan dipinda di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Justeru fasal 23 dibuat bagi memperkenalkan bahagian baru IVA iaitu untuk mengadakan perintah tahanan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun pada satu-satu masa selain daripada perintah pengawasan yang sedia ada.

Kelapan menyedari bahawa undang-undang ini digubal di bawah perkara 149 yang membenarkan penahanan individu oleh pihak polis untuk tujuan siasatan di luar norma kebiasaan tatacara jenayah dan undang-undang keterangan yang lazim, maka kerajaan telah mengambil keputusan mengadakan beberapa lindung jamin atau *safe guard* dengan izin seperti berikut:

- (a) memansuhkan fasal 19E iaitu mengenai pengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen.
- (b) Memperkenalkan *sunset clause* seperti mana yang dinyatakan di dalam fasal 19F.

Peruntukan ini memerlukan supaya bahagian IVA mengenai perintah tahanan ini dikaji semula setiap lima tahun dan hendaklah terhenti berkuat kuasa melainkan jika apabila semakan dibuat suatu ketetapan diluluskan oleh kedua-dua majlis Parlimen untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa peruntukan ini.

Yang kesepuluh, untuk menangani isu saksi takut memberi keterangan, kepentingan umum dan keselamatan saksi akan dilindungi seperti mana yang dinyatakan di bawah Fasal 21(A) yang melarang penzahiran maklumat seperti mana yang dinyatakan di dalam Fasal 25.

Yang kesebelas, akhir sekali Fasal 26 pula adalah mengenai pindaan terhadap Seksyen 22 untuk memberi kuasa kepada menteri bagi meminda Jadual Ketiga akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini terdapat undang-undang pencegahan yang digunakan di mana kuasa yang mencukupi diberikan kepada pihak polis untuk menangani kes-kes jenayah terancang dan jenayah kekerasan dengan lebih berkesan malah merupakan elemen utama dalam langkah pencegahan jenayah. Keberkesanan undang-undang tersebut juga sudah terbukti semasa Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1999 dikuatkuasakan sebelum ini. Dalam hal ini, keselamatan dan ketenteraman awam tidak sepatutnya diperjudikan semata-mata disebabkan penolakan terhadap peruntukan penahanan, pencegahan tanpa bicara yang dilihat sebagai melanggar hak asasi manusia.

Rakyat seharusnya jelas dan yakin mengenai keperluan peruntukan seumpama ini. Walaupun terdapat pihak-pihak tertentu yang mempunyai kepentingan akan menentang dan mengutuk tindakan kerajaan untuk memperkenalkan semula peruntukan tahanan pencegahan sebagai tidak berperikemanusiaan dan sebagainya namun ia masih diperlukan demi kepentingan dan keselamatan rakyat. Penahanan tanpa bicara mempunyai kelebihan dalam aspek tindakan pencegahan ke atas jenayah terancang dan jenayah kekerasan. Ini kerana jika kes seumpama itu dibicarakan di mahkamah, terdapat keperluan untuk memanggil saksi yang mana ia merupakan suatu masalah besar apabila saksi keberatan untuk tampil memberi keterangan. Terdapat banyak kes di mana saksi bagi kes-kes jenayah terancang dan jenayah kekerasan sebelum ini telah dibunuh, diugut dan sebagainya yang menyebabkan mereka takut untuk memberi keterangan.

Tuan Yang di-Pertua, antara kekangan utama dalam proses siasatan kes-kes jenayah terancang dan jenayah kekerasan ialah ketiadaan *collaboration* bagi mengukuhkan keterangan. Ini merupakan cabaran terbesar dalam memerangi jenayah terancang dan jenayah kekerasan. Kegagalan memenuhi barang kes seperti senjata yang digunakan akan menyebabkan kes tersebut tidak boleh dibawa ke mahkamah walaupun pengakuan suspek berjaya direkodkan oleh pihak polis.

Dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa ini menambah baikkan secara keseluruhan Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang termasuk peruntukan untuk penahanan pencegahan sangat diperlukan bagi mengekang secara efektif tindak tanduk penjenayah yang berada dalam tahanan serta meningkatkan kapasiti pengawasan polis.

Ini adalah penting kerana bantuan peralatan komunikasi yang canggih, penjenayah khususnya dalang kongsi gelap yang dikenakan perintah pengawasan atau tahanan pencegahan masih mampu meneruskan aktiviti jenayah melalui arahan yang boleh diberikan dengan mudah kepada ahli-ahli kumpulan masing-masing misalnya memberi amaran atau mencederakan saksi.

Sehubungan ini juga, adalah wajar dipastikan penjenayah yang dikenakan perintah pengawasan polis tidak dapat berhubung dengan pihak luar untuk memberi arahan misalnya yang boleh mengancam keselamatan saksi atau mengganggu siasatan polis.

Justeru dengan mandat yang diberikan oleh rakyat pada pilihan raya umum yang lalu, kerajaan dengan penuh kebertanggungjawaban akan memastikan semua rakyat Malaysia terlindung dan terus hidup dengan keadaan aman. Keamanan ini tinggi nilainya berbanding dengan pergolakan di beberapa buah negara di luar sana.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa penjenayah adalah buta warna dan tidak mengira siapa pun mangsa mereka. Kita perlu menerima kenyataan sungguhpun ia pahit untuk ditelan. Oleh yang demikian, saya menyeru agar semua pihak mengetepikan fahaman politik dan kepentingan diri masing-masing bagi membuat penilaian rasional demi kepentingan keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga suka saya menyatakan bahawa selepas mengambil kira pandangan pelbagai pihak dan *engagement* dengan pelbagai pihak, terdapat beberapa makluman balas yang telah diterima sebagai usaha untuk menambahbaikkan rang undang-undang yang dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya serahkan kepada kebijaksanaan Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskannya di peringkat jawatankuasa nanti.

Antara huraian-huraian yang telah dibangkitkan yang telah kami ambil kira ialah;

- (i) Supaya tempoh reman dinaikkan daripada 39 hari kepada 60 hari;
- (ii) Supaya bilangan Ahli Lembaga Pencegahan Jenayah yang bakal dibentuk ditambah kepada lima orang kesemuanya;
- (iii) Memberi kuasa kepada menteri untuk meminda, memotong dan menambah Jadual;
- (iv) Supaya kuasa menyediakan kenyataan bertulis semasa permohonan reman di mahkamah majistret dibuat oleh seorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Inspektor. Permohonan reman di mahkamah seksyen pula kenyataan bertulis oleh pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada ASP dikekalkan;
- (v) Memotong Seksyen 7C yang memperuntukkan kriteria dalam pengeluaran perintah tahanan dan perintah pengawasan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah dan;
- (vi) Supaya memasukkan peruntukan baru untuk pemasangan peranti EMD kepada mereka yang diperintahkan diletakkan di bawah pengawasan polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Saya mohon menyokong.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *I'll proposely first.*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda dan memperluas Akta Pencegahan Jenayah 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila.

2.47 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang ini yang diberikan kepada saya untuk mulakan perbahasan atas rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Pakatan Rakyat umumnya dan parti DAP khususnya membantah beberapa peruntukan yang ada dimasukkan di dalam rang undang-undang ini. Kami membantah bukan untuk membantah sahaja, membantah dengan memberi sebab-sebab atas mana bantahan itu ada diasaskan. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu keadaan darurat. Perkara 149 dalam Perlembagaan ada digunakan dalam masa lampau dan sebab-sebab ada diberi oleh kerajaan untuk membawa undang-undang ini di bawah Artikel 149. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, *The Internal Security Act*, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Itu undang-undang yang ada masa itu Tuan Yang di-Pertua tetapi satu *rehash of the Emergency Regulations* 1948. Dalam tahun 1948 kerana Tuan Yang di-Pertua ada, ancaman daripada parti *Malayan Communist (MCP)* dalam negara. Oleh itu kerajaan, penjagaan masa itu ada membuat *regulations* itu Tuan Yang di-Pertua. Ada keperluan masa itu kerana *authority high of insurgency* dengan izin, *by the MCP*. Chin Peng masa itu orang kuat tetapi dia tidak diterima oleh Tunku Abdul Rahman masa itu Tuan Yang di-Pertua.

■1450

Dalam *The Baling Talks*, syarat pertama yang diletak oleh Tunku Abdul Rahman untuk membolehkan Chin Peng dan partinya untuk kembali kepada *civil society* adalah dia bubarkan *The Malayan Communist Party (MCP)*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masa itu, apa yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman, ada diterima kerana ancaman yang kuat dan kerana syarat-syarat utama sepertimana saya sudah senaraikan tadi Tuan Yang di-Pertua, tidak diterima oleh Chin Peng. Chin Peng kembali ke hutan.

Selepas itu Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1960 Parlimen meluluskan *Internal Security Act* dan Akta Keselamatan itu Tuan Yang di-Pertua adalah dibuat di bawah peruntukan Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Adakah masa itu sebab-sebab untuk Kerajaan Perikatan meluluskan *Internal Security Act*. Darurat masa itu Tuan Yang di-Pertua, keadaan negara adalah di bawah darurat dan Tunku Abdul Rahman anggap satu keperluan untuk mengadakan Akta Keselamatan Dalam Negeri diperuntukkan di bawah Artikel 149.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi itu adalah had kepada satu keadaan di mana ada satu *emergency*, dengan izin. Dalam tahun 1989 Tuan Yang di-Pertua, Chin Peng dan pemimpin-pemimpin dalam Parti MCP ada letak senjata, *they surrendered*, dengan izin. Walaupun apa yang saya difahamkan Chin Peng ada memberi jaminan dia boleh kembali kepada negara ini, negara asal dia. Dia lahir di Setiawan. Saya *digress* kerana Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Chin Peng

meninggal dunia di Bangkok dan beberapa rayuan ada dibuat Parti DAP, parti-parti lain, parti dalam Barisan Nasional, MCA, Gerakan untuk sekurang-kurangnya sekarang selepas Chin Peng meninggal, sekurang-kurangnya kubur Chin Peng harus dibenarkan untuk kembali kepada negara ini, untuk ditanam atau letak sahaja di Setiawan.

Beberapa Ahli: Lari dari tajuk.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa ancaman kepada negara jika itu dibuat? *Cannot there be compassion on the part of the government.* Tidak payahlah tengok perkara lain Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa *directly relevant* dengan rang undang-undang depan kami petang ini. Tahun 1960, *The Emergency Regulations 1948*, dengan izin, *became the Internal Security Act 1960*. Peruntukan di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan yang digunakan dan masa itu Tuan Yang di-Pertua.

Jika saya tidak silap, Tun Abdul Razak *on the floor of Parliament* ada memberi jaminan bahawa peruntukan dalam *Internal Security Act*, Akta Keselamatan Dalam Negeri khasnya seksyen 8, yang mana boleh ada tahanan untuk dua tahun dan selepas itu *indefinitely*, dengan izin. Akan tetapi walaupun jaminan itu ada diberi dan semua ini ada direkodkan, ada dalam *Hansard*, jaminan itu tidak ditunaikan. Selepas tahun 1960 Tuan Yang di-Pertua, beberapa pemimpin *Socialist Front* termasuk Karam Singh, orang kuat satu masa dalam *Socialist Front* dan Ahli Dewan Rakyat, dia ada ditahan.

Tahun 1969 Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lim Kit Siang iaitu Ahli Parlimen Gelang Patah, dia ditahan. Dia antara beberapa pemimpin lain dalam pembangkang masa itu. Dalam tahun 1987, pada 27 Oktober khasnya, Operasi Lalang yang ada dilancarkan oleh Mahathir Mohamad. Walaupun dalam tahun 1981, apabila Tun Mahathir Mohamad mengambil alih kerajaan, dia dipilih oleh Hussein Onn sebagai pengganti dia walaupun itu satu kesilapan yang besar oleh Hussein Onn...

Seorang Ahli: Lari tajuklah [*Dewan riuh*]

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia dipilih tetapi apabila dia jadi Perdana Menteri, masih liberal. Semua, banyak daripada tahanan di Kamunting dibebaskan. Itu tahun 1981, 1987 *The Internal Security Act* sekali lagi disalah guna. Seramai 160 orang termasuk pemimpin-pemimpin daripada DAP dan parti-parti lain dalam pembangkang telah ditahan, tahan tanpa sebab yang munasabah, tanpa satu peluang diberi untuk mempertahankan diri dalam mahkamah.

■1500

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Tuan Yang di-Pertua, dia hapuskan ISA. Bukan ISA sahaja tetapi *The Emergency Ordinance 1969*, *The Proclamation of Emergency*, semua itu dia tarik balik dan keadaan dalam negara kembali kepada keadaan yang normal. Itu sama dengan keadaan apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri dihapuskan. Tidak berapa lama sebelum pilihan raya. Tidak ada laporan dibuat untuk pancing undi tetapi Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sendiri dipancingkan. Kalah besar! Pakatan Rakyat menang besar, 51% Tuan Yang di-Pertua, undi popular.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Mana ada pakai itu! Malaysia tidak pakailah. Itu pergi Amerika.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Barisan Nasional 87% *popular vote*. Siapa raja di sini Tuan Yang di-Pertua? Pembangkang atau kerajaan? Kerajaan yang palsu. 51% Tuan Yang di-Pertua, majoriti. Itu bermakna dalam negara ini Pakatan Rakyat adalah satu kerajaan majoriti. Kerajaan yang palsu. Kerajaan yang dipatuhi ini, Barisan Nasional dalam Dewan Rakyat ini Tuan Yang di-Pertua, *should not have any place* kerana tidak ada hak dan majoriti. Ini adalah majoriti Tuan Yang di-Pertua, *the majority must and has to rule and the minority must accept that rule*, dengan izin. Jangan ketawa. [Ketawa] Ini adalah realiti yang harus diterima oleh Ahli-ahli Barisan Nasional dalam Dewan yang mulia ini. Tidak malu duduk di sini jadi kerajaan apabila ada 47% sahaja undi popular.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: [Bangun]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Apa angan-angan tidak habis-habis ini?

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *I will come back* kerana ada satu keperluan mahu ajar semua ini di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Siapa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Gelugor cuma berbahas. Jadi, giliran Ahli Yang Berhormat nanti akan tiba juga. Jadi, cuma dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kalau ada nanti umpamanya hujah yang bercanggah dengan itu, buat nanti selepas ini. Jangan ganggu. Sila.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa dibuat sekarang Tuan Yang di-Pertua, selepas kalah besar, hendak kembali kepada keadaan bawah di ISA seperti dahulu. Kenapa dibuat Tuan Yang di-Pertua? Gunakan Akta Pencegahan Jenayah 1959. Gunakan itu, ubah itu, buat pindaan besar kepada undang-undang itu tetapi apa undang-undang itu Tuan Yang di-Pertua? *The Prevention of Crime Act 1959* dan sebelum itu ada akta-akta yang sama seperti *Prevention of Crime Act 1959*.

Walau pun tidak ada *preamble* dalam akta itu Tuan Yang di-Pertua, sebab tujuan kenapa *The Prevention of Crime Act 1959* telah diluluskan oleh Parlimen semasa itu. Saya baca *what is it in there*. Heading – *An Act to provide for the more effectual prevention of crime in Peninsular Malaysia and for the control of criminals, members of secret societies and other undesirable persons, and for matters incidental thereto*. Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan Tuan Yang di-Pertua, adakah keperluan sekarang *because of the increase in crime, that must be*. Dia harus mengadakan satu undang-undang yang keras, yang boleh membendung keadaan sekarang.

Saya hairan Tuan Yang di-Pertua, kenapa apa yang dibuat adalah untuk *re-model*, dengan izin, *the Prevention of Crime Act into Emergency Legislation*. Apabila Tuan Yang di-Pertua baca apa yang ada di dalam mukadimah baru kepada Akta Pencegahan Jenayah 1959. Dalam *bill* ini, fasal ketiga Tuan Yang di-Pertua. Akta itu dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 1,

mukadimah yang berikut – *“Whereas action has been taken and further action is threatened by a substantial body of persons commence both inside and outside Malaysia – satu to cause, and to cause a substantial number of citizens to fear, organized violence against persons and property; and Whereas Parliament considers it necessary to stop or prevent that action. Now, therefore, pursuant to Article 149 of the Federal Constitution it is enacted by Parliament of Malaysia as follows dan seperti itu Tuan Yang di-Pertua, adalah fasal-fasal lain.*

So, undang-undang ini adalah dianggap sebagai undang-undang yang dibuat di bawah peruntukan Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah satu undang-undang yang dimodel di atas Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Mari kita Tuan Yang di-Pertua, meneliti peruntukan Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan.

The heading, dengan izin, “Legislation against subversion action prejudicial to public order around the top on 11 special powers against subversion organized violence and act and crime prejudicial to the public and emergency powers”.

Tactically Tuan Yang di-Pertua, Article 149 comes under that part. It is under that part.

■1510

But has an element of emergency powers. Another words they must be some sort of an emergency before you can involve the provision of Article 149. Kerana itu adalah satu keperluan kerana Tuan Speaker, artikel ini adalah bawah 4(11). Kami dapat, kami baca. Kami baca Perkara 149 untuk menunjukkan, dan itu menunjukkan ini Tuan Speaker, bahawa mukadimah baru dalam Akta Pencegahan Jenayah Tahun 1959 tidak boleh dipertahankan.

Perkara 149 Tuan Speaker reads. Even an Act of Parliament recites that action has been taken or threatened by any substantial body of persons, whether inside or outside the Federation- (a) to cause, or to cause a substantial number of citizens to fear, organized violence against persons or property...” and then we have write-up Tuan Speaker, dengan izin, to (e), (f).

Dan adakah itu mencukupi untuk menggunakan apa yang ada Tuan Speaker, dalam (a) sahaja. Itu ada menunjukkan Tuan Speaker jika *that preamble is read, it only relate to that part of it. In another words, Act of Parliament which will recite (a), dan adakah itu mencukupi tanpa walaupun the board is used, but we got to get a purpose to interpretation to a state of the matter Act of Parliament.*

The Security Act, dengan izin Tuan Speaker, yang ada dibuat bahawa Perkara 149, and that reads the Internal Security Acts 1960 the preamble, dengan izin, the various section has been taken and the actions is threatened by any substantial body of persons both inside or outside Malaysia- (a) itu sama. Non of the cause or to cause a substantial number of citizens to fear, organized violence against persons and property.

Selepas itu Tuan Speaker, selepas *number (2) acts the various actions, the actions taken and threatened as ad judicial to the security of Malaysia.* Itu tidak ada dalam *preamble. Preamble* yang digunakan ke atas rang undang-undang ini. Penggunaan kita sekarang Tuan Speaker. Apa yang ada adalah selepas *an various Parliament council is used to stop or prevent the action, but that is there.*

So, dalam fikiran saya Tuan Speaker ini adalah satu situasi di mana boleh jadi, dan kami tidak mahu Tuan Speaker jika boleh, *it can be helped* untuk pergi ke mahkamah selepas rang undang-undang ini diluluskan. *In my view* Tuan Speaker, rang undang-undang ini adalah bertentangan dengan Perlembagaan, bertentangan dengan Peruntukan Perkara 149. Tidak ada dalam mana-mana mukadimah perkataan-perkataan *a various action taken and threatened is prejudicial to the security. It must be prejudicial to the security of Malaysia before Parliament.*

Saya merayu, merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam Dewan ini, untuk hantar rang undang-undang kepada satu *Select Committee* untuk satu *review*, untuk menentukan apa yang ada dalam rang undang-undang itu tidak bertentangan dengan Peruntukan 149.

Ada beberapa rayuan dibuat Tuan Speaker oleh SUARAM, Majlis Peguam, beberapa NGO, *and the civil society and general* untuk menarik balik rang undang-undang ini. Malahan Tuan Speaker Yang Berhormat Menteri ini bukan seorang peguam. Dia barangkali boleh dimaafkan tetapi Peguam Negara Tuan Speaker, bukan seorang dalam *Chambers* itu. *It has an army and army of the soldiers to help him.* Kenapa satu kesilapan besar seperti ini boleh dilakukan? Jangan lupa Yang Berhormat Menteri jangan lupa, dalam Pakatan Rakyat ada peguam-peguam yang berkaliiber, yang ada meneliti [*Dewan riu*] Ada meneliti, meneliti...

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: *That is threaten...*

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Dewan riu*]

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...Meneliti undang-undang ini... [*Disampuk*] Tidak baik keriau macam itu. *Its not going to help!*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dengar Ahli Yang Berhormat kalau nanti minat berbahas, bahas nanti dan jangan guna perkataan-perkataan yang melanggar peraturan mesyuarat. Saya dengar tadi "*liar*", "pembongong" tidak dibenarkan.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Itu menunjukkan Tuan Speaker kaliber, kaliber Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional [*Dewan riu*] Semua boleh dimaafkan kerana kaliber dia macam itu. *You can't expect anything from them. They are like that* tetapi tidak apa. Mari Tuan Speaker kami meneliti fasal-fasal lain dalam rang undang-undang ini.

Saya pergi Tuan Speaker kepada *judicial review*. Tuan Speaker fasal 19 yang memperuntukkan satu seksyen baru, seksyen 15A - 15A Tuan Speaker berbunyi, dengan izin, *if I can take the English text. The heading - "Judicial review of act or decision of Board - Section 15A(1) - There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or finding or decision made by Board in the exercise of its discretionary power in accordance with this Act..." So, no judicial review. "...except in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision."*

So there is an exception. And that exception is in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this act governing such act or decision. (2) - "In this act, judicial review includes proceedings instituted by way of -

- (a) an application for any of the prerogative orders of mandamus, prohibition and certiorari.*

Prerogative orders Tuan Yang di-Pertua, include habeas corpus in fact all prerogative orders or any reference to prerogative orders Tuan Yang di-Pertua, must includes habeas corpus.

So, tidak ada. Apa yang ada ialah Tuan Yang di-Pertua, prerogative orders of mandamus, prohibition and certiorari. Kenapa Tuan Yang di-Pertua, habeas corpus tidak dimasukkan dalam peruntukan 2(a)? Why has it been excluded? Habeas corpus Tuan Yang di-Pertua, is a remote as a remedy and exception remedy, dengan izin. A remedy which cannot be often remedy which must be..... within the restricted range of judicial review.

Judicial review, Tuan Yang di-Pertua, the moment can be only respect of a procedural defect in the making of the judicial of the board. And all you can do this to apply for mandamus such prohibition and certiorari. And all that must be limited to only a procedural defect. You, can't go into the substance. You can't go into the satisfaction of the Board. You cannot question of discretion of the board. Why? Kenapa? Saya mahu dapat sebab-sebab kenapa habeas corpus tidak dimasukkan sebagai satu prerogative orders di bawah peruntukan seksyen baru 15A(2)(a).

Saya bandingkan ini Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah modul di atas rang undang-undang ini dibuat, Tuan Yang di-Pertua. I refer to what is in 8C. 8C Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri dan itu berbunyi "in this act judicial review – dan sebelum itu barangkali 8B berbunyi dengan izin, "the heading first judicial review of act of decision of Yang di-Pertuan Agong and Minister". Sama dengan keputusan satu board.

- (1) There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have what decide any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of the discretionary powers in accordance to this act, and ini adalah relevan, Tuan Yang di-Pertua.*

(C), what is in 15A? - "except in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this act governing such act or decision. Itu ada. Akan tetapi 8C Tuan Yang di-Pertua, berbunyi dan saya baca apa yang ada dalam itu.

'Interpretation of judicial review. In this act, judicial review include proceedings instituted by way of –

- (a) an application for any of the prerogative orders of mandamus, prohibition and certiorari; dan*
- (c) a rate of habeas corpus.*

So, dalam peruntukan 8C itu, a rate of habeas corpus ada dimasukkan. Kenapa? Kenapa dalam rang undang-undang ini tidak ada rate of habeas corpus? Ini adalah Tuan Yang di-Pertua

dan Yang Berhormat Menteri. Dengar dengan baik, Yang Berhormat Menteri jika ada dalam Dewan. Ini adalah satu *fundamental defect* jika ada. Saya ingat sudah tidur.

Ada satu *main fundamental defect* dalam rang undang-undang ini. Saya tidak mahu lawan dengan Yang Berhormat Menteri. Saya mahu beri nasihat kepada Yang Berhormat Menteri. Nasihat untuk kebaikan negara. So, adalah satu keperluan untuk Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dibaca dengan teliti. Apa yang ada dalam seksyen 19A? Saya balik kepada Tuan Yang di-Pertua, fasal 19A ada dimasukkan dalam rang undang-undang ini.

19A. Di bawah 19A (1) *The Board may, after considering the report of the Inquiry Officer submitted under section 10 and the outcome of any review under section 11 direct that any registered person be detained under detention order for a period not exceeding two years and may renew any such detention order for a further period not exceeding two years at the time, if it is satisfied that such detention is necessary in the interest of public order, public security or prevention of crime.*

Ada ini Tuan Yang di-Pertua, selepas itu, (2) - *the direction of the board under subseksyen (1) shall be subject to review by the High Court.*

So apa ini sekarang? Apa *review* ini? Ini bukan *judicial review*. *It can be reviewed by the High Court.* Ini adalah satu peruntukan yang baik. *This is the good one but* bagaimana ini akan *direconcilekan* dengan peruntukan 15A jika perkataan *review* boleh dianggap sebagai *judicial review*. Adakah ini untuk *habeas corpus*? Jika itu Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri. *Review is review here been to be habeas corpus* atau satu *review*. *Review* yang meluas? Satu *review* bukan *the aspect of procedural matters* sahaja Tuan Yang di-Pertua tetapi *review among this substance*. *Can the High Court review on the substance*. Jika itu, itu bermakna *the discretion of the board can be questioned*.

Akan tetapi apa yang ada dalam 19A dan 15A Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh *direconcilekan*. Saya mendapat tahu *clarify* dengan baik apa tujuan kerajaan. Apa tujuan Peguam Negara apabila rang undang-undang ini dibawa ke Dewan yang mulia ini. Lebih baik Tuan Yang di-Pertua, jika Yang Berhormat Menteri boleh dengar dan terima nasihat bahawa untuk kebaikan semua, rang undang-undang ini ditarik balik dan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Bangun]

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...Tuan Yang di-Pertua, Peguam Negara meneliti perkara tersebut. Okey, yes.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Tadi Yang Berhormat Bukit Gelugor membuat hujah bahawa dari pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor, ada kemungkinan pindaan ini adalah melanggar Perlembagaan Persekutuan khususnya perkara 149.

■1530

Saya dapati hujah itu menarik. Akan tetapi saya hendak bangkitkan satu isu lagi dan minta penjelasan atau pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kita nampak akta ibu, saya balik kepada akta ibu. *Original* dengan izin, *Prevention of Crime Act 1959*.

Apakah skim ataupun *the scheme of the legislation*, dengan izin? Akta ibu itu dia bagi kuasa macam ini, tahanan peringkat pertama 14 hari. Selepas itu disambung 28 hari, selepas itu yang peringkat ketiga 28 hari. Jumlahnya lebih kurang 70–71 hari. Semua dibawa dan masa tempoh itu digunakan untuk proses siasatan oleh seseorang bernama *inquiry officer* yang bukan pegawai polis. Selepas itu, selepas pendapatan daripada siasatan itu, ini akta ibu ya, *the original* itu. Kuasa adalah untuk membuat dua perkara.

Satu, kalau seseorang itu didapati macam terlibat dalam kegiatan jenayah, dia boleh disenaraikan sebagai seorang penjenayah dan selepas itu boleh kalau dianggap perlu Tuan Yang di-Pertua, boleh saya guna istilah dibuang negerilah. Dia disekat, dia diarahkan, dia mesti menetap di sesuatu kampung ataupun suatu pekan. Dia tidak boleh pergi luar daripada itu dan sebagainya. Ini satu kawalan atas aktiviti dia dan juga ada kuasa untuk sekat hubungan dia dengan mungkin orang lain yang disenaraikan. Itu sahaja kuasa yang agak terhad dan fokus kepada isu jenayah sahaja. Itu kuasa yang asal.

Sekarang kita dapati, pindaan yang dicadangkan oleh kerajaan. Macam saya, ini pandangan sayalah, so macam tukar, sudah menukar akta ini kepada satu benda yang jauh beza. *It's transformed that into something completely in different*. Ini sekarang adalah kuasa untuk tahan dua tahun dengan perintah dari jawatankuasa ini. Selepas itu boleh disambung dua tahun lagi dan sambung, sambung lagi. Ini jauh beza daripada akta ibu.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor dan saya minta pandangan. Ini kalau, memang kita ada kuasa. Parlimen ini ada kuasa untuk dari semasa ke semasa kita pinda undang-undang untuk keadaan sekarang untuk menambah baik dan sebagainya. Akan tetapi kita mesti berfungsi dalam rangka undang-undang itu. Kalau kita sekarang buat satu pindaan yang menukar akta itu kepada benda yang jauh beza, adakah itu pun satu yang tidak boleh diterima?

Maksud saya, sepatutnya katakanlah kerajaan hendak buat undang-undang macam ini, ini patut digubal sebagai satu akta baru. Tidak boleh dibuat. Kita tidak boleh, kita bawa perkara A dahulu dan kita sudah ada sejak tahun 1959. Sekarang kita hendak tukar satu tikus menjadi gajah, *that is the problem*, dengan izin *Tuan Yang di-Pertua that I have*. So inilah pandangan saya. saya hendak bangkitkan isu ini dan ini pun perlu diambil kira oleh pihak kerajaan dengan penasihat undang-undang sama ada, apa yang dibuat oleh kerajaan dengan cara ini adalah satu yang dari prinsip pembentangan undang-undang, penggubalan undang-undang adalah satu masalah dan boleh dipertikaikan pada masa akan datang. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya bersetuju, bersetuju dengan Yang Berhormat Subang. Ini adalah dikatakan satu pindaan. Jika satu pindaan, itu bermakna tidak boleh pergi jauh daripada satu had, iaitu *you cannot change the nature of the original*. Seperti yang dinyatakan oleh rakan saya dari Subang. *In amendment*, pindaan. *The meaning of* pindaan. Pindaan bermakna sedikit sini atau sedikit sana. Bukan Tuan Yang di-Pertua, tukar atau *transformed the original into something different*. Jika boleh, *if I can put in that way*. Oleh itu saya dapat baca apa yang ada dalam *the Prevention of Crime Act 1959*. *It was made for A, different purpose*. Tidak

ada impian oleh sesiapa akta itu boleh ditransformedkan into satu lagi *emergency legislation*. Seperti mana Tuan Yang di-Pertua ada peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini.

Itulah saya nyatakan tadi, tarik balik ini. Tarik balik, meneliti sekali lagi peruntukan-peruntukan yang ada dalam rang undang-undang ini. *Electronic device*, ini adalah satu *innovation* Tuan Yang di-Pertua yang *humiliate, humiliate human being*, memalukan semua orang. Sebagai seorang anjing, satu anjing, letak satu *electronic tracing device*. Tidak ada macam ini dahulu Tuan Yang di-Pertua. *No doubt we are leaving in more than it*. Itu bukan bermakna Tuan Yang di-Pertua, mengadakan peruntukan seperti ini yang memalukan. Ini pun adalah satu perkara yang harus diteliti dengan baik, tarik balik itu lebih elok.

Mungkin apa yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat Menteri dan ini adalah pandangan. Pandangan, bukan pandangan saya seorang atau pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Pakatan Rakyat sahaja tetapi *civil society, across the board* dengan izin, membantah rang undang-undang ini.

So Yang Berhormat Menteri, balik ke Putrajaya, nasihat Peguam Negara atau dapat Peguam Negara nasihatkan Yang Berhormat Menteri atas kesahihan rang undang-undang ini. Tarik balik lebih baik. Apa yang saya cakap tadi Tuan Yang di-Pertua, the DAP, the Pakatan Rakyat menerima dengan keadaan dalam negara di mana jenayah, *the incident of crime is getting higher everyday. In one time, there's shooting practically everyday. Better stop. But crime of violence multiplied, have multiplied*. Kami menerima itu. Menerima, *we share the sentiment of the government* bahawa langkah-langkah harus diambil dan dibuat untuk bentuk keadaan ini.

Akan tetapi apa yang tidak boleh dilupakan adalah *a fair trial*, peruntukan-peruntukan yang munasabah bukan seperti elektronik, *tracing device* dan sebagainya. Ada beberapa undang-undang, *the Penal Code*, Kanun Keseksaan. Undang-undang lain yang boleh digunakan. *We must look character, not the symptoms but the cause or the reverse of it* kerana Tuan Yang di-Pertua, imej. Imej negara di antara bangsa itu pun adalah satu perkara yang turut didakwa, harus dilupai. Jika mengatakan adakah undang-undang seperti ini dan ini bukan Tuan Yang di-Pertua, lain daripada *the Internal Security Act* dan undang-undang *draconian* lain yang membawa satu imej negatif, imej yang tidak baik untuk negara.

■1540

And that would Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *will also effect the foreign investor*. Ini semua harus diambil kira. Banyak aspek Tuan Yang di-Pertua, apabila undang-undang seperti ini dibawa kepada Dewan yang mulia ini. *I hope*, rang undang-undang ini boleh ditarik balik, ada masa lagi. Kami baru-baru ini mulakan sahaja, tidak payah buang masa. Satu perkara yang tidak ada kebaikan untuk negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Thank you*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kinabatangan. Ahli Yang Berhormat-ahli Yang Berhormat, kalau boleh saya ingatkan. Saya mendengar dengan teliti hujah daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Walau pun ada sedikit sebanyak kadang-kadang ada elemen politik tetapi tidak keterlaluan. Jadi, bahas dengan penuh berhemah kepada apa yang sedang kita bahas

sekarang ini. Jangan campur aduk dengan politik yang nanti menimbulkan kekecohan. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

3.42 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini dengan penuh kebanggaan kepada keputusan kerajaan untuk meminda akta yang disebut, satu akta untuk meminda dan memperluas Akta Pencegahan Jenayah 1959. Saya tadi duduk satu jam hampir-hampir, Yang Berhormat Bukit Gelugor menghujahkan yang akta ini perlu ditarik balik, melanggar hak asasi manusia, melanggar perlembagaan negara. Saya ini bukan peguam Tuan Yang di-Pertua tetapi mudah untuk saya memahami akta ini iaitu akta ini yang dicegah penjenayah.

Apabila mencegah jenayah pun salah, saya rasa ada masalah dengan pihak-pihak di sana. Oleh sebab kita ini, negara ini memerlukan keamanan, rakyat negara ini memerlukan keselamatan yang kukuh, yang total. Tidak ada tolok bandingnya. Pelabur-pelabur luar negara tidak akan datang ke sebuah negara kalau negara itu kacau bilau, tidak selamat. Pelancong-pelancong pun tidak datang. Ini jelas dan negara-negara luar seperti Singapura pula mengambil kesempatan dengan menyatakan bahawa Kuala Lumpur tidak selamat, Malaysia tidak selamat untuk dikunjungi. Orang tempatan pun merasa tidak selamat.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya mengeluarkan beberapa kenyataan bahawa saya sendiri ada kebimbangan dengan keselamatan negara ini sebab saya lihat ada sahaja setiap hari manusia ditembak, dibunuh, sama ada ahli perniagaan dan orang politik, di mana-mana. Saya bertanya kepada pihak polis "*Kenapa berlaku begini?*" Dia kata "*Yang Berhormat, kita tidak ada akta untuk melakukan sesuatu terhadap pembunuhan yang sebegini.*" Saya kata "*Kalau tidak ada akta, kita buat akta di Dewan Rakyat untuk keselamatan rakyat dan negara.*" [Tepuk]

Hari ini, hari ini Yang Berhormat Bukit Gelugor, akta ini cukup kuat untuk menahan samseng-samseng, untuk menahan kumpulan-kumpulan kongsi gelap, untuk menahan kartel-kartel yang berleluasa di negara ini. Mungkin pembangkang ada hubungan dengan kartel-kartel ini saya tidak tahu, saya tidak menuduh tetapi kalau mereka terus mempertikaikan akta ini, tidak syak lagi mereka juga mungkin bersekongkol dengan kumpulan-kumpulan kongsi gelap ini Tuan Yang di-Pertua.

Saya bukan menuduh tetapi ada kemungkinan sebab yang hendak ditahan ini pun penjenayah. Yang hendak dikuatkuasakan ini penjenayah, bukan orang politik. Orang politik pun kalau dia jadi penjenayah, mesti ditahan termasuk diri saya. Tidak terkecuali kalau saya melakukan jenayah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Putatan. Saya sedang serius Tuan Yang di-Pertua sebab saya cukup marah kenapa undang-undang ini lama baru dibentangkan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Pun begitu Yang Berhormat Kinabatangan, perkataan-perkataan seperti bersekongkol, samseng, itu juga sangkaan jahat. Elakkan yang itu. Sila Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Kinabatangan apabila mengatakan kemungkinan bahawa ada golongan-golongan yang tertentu untuk melindungi penjenayah ini. Kalau terdapat, sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan, sekarang sudah berleluasa penjenayah ini, kongsi-kongsi gelap, kumpulan-kumpulan yang terancang dan sebagainya. Ramai yang terkorban hasil daripada perbuatan penjenayah inilah. Akan tetapi kalau saya melihat apabila ada penjenayah tertuduh, maka adalah golongan-golongan yang tertentu membela penjenayah-penjenayah ini.

Saya fikir kalau tiada penjenayah, tiadalah pendapatan mereka ini. Jadi, ini kemungkinan. Mungkin ini juga satu tujuan untuk membantah undang-undang yang cukup baik kepada negara kita. Setujukah Yang Berhormat, sekiranya ada orang yang membantah ini kerana kepentingan pendapatan mereka ini terutama sekali sebelah kawan-kawan saya di sana.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya ingatkan balik kalau berhujah jangan ada elemen-elemen sangkaan jahat. Bolehkah elakkan daripada itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Putatan, soalan itu memang baik tetapi saya terikat janji dengan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, biarlah pihak kementerian yang menjawab ya. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bagaimana pembunuhan terancang, pembunuhan secara berkumpulan, samun, rompak, macam-macam meningkat di negara kita. Satu ketika Tuan Yang di-Pertua, saya ini tidak suka membawa pistol sebab berat tetapi ekoran daripada tembak sana, bunuh sana, bunuh sini, saya bertekad dengan diri saya, daripada mati kena tembak, bagus mati 'bertembak.' *[Ketawa]*

Jadi, hari-hari saya bawa Tuan Yang di-Pertua untuk mempertahankan diri sebab keselamatan seolah-olah sudah tidak terjamin. Oleh sebab itu saya marah juga dengan kerajaan, kenapa terlalu lambat membawa akta sebegini? Akta ini cukup baik, melindungi keselamatan semua pihak. Keselamatan ini tidak kira pembangkang atau kerajaan. Ini kerana kita ini rakyat, rakyat Malaysia harus dilindungi. Rakyat yang menuntut akta ini. Jadi, inilah yang kita kuatkuasakan, ini pun penjenayah. Penjenayah yang terancang. Kalau penjenayah yang tidak terancang itu tidak apa.

Akan tetapi berkesempatan menonton video rakaman daripada rakaman *public* berhubung dengan pembunuhan. Siri pembunuhan mengerikan Tuan Yang di-Pertua. Lapan orang bawa, potong satu orang, potong dua orang, tembak dua-tiga orang.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya sila.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya mahu tanya, ini satu istilah dalam *English*, "*Absolute power corrupt absolutely.*" *[Dewan riu]* Adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju dengan itu kerana sini, bukan kita ini, bukan...

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Itu istilah. Seperti di sini, apa yang kita kkuatir dalam akta ini ialah tidak ada *check and balance*. Tidak ada pihak untuk pergi ke mahkamah dan soal bilik. Ini semua diserahkan kepada satu tribunal. Bukan kita takut, kita mahu...

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Ada baca. Baik-baik baca.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, jangan berdialog seperti begitu kerana kalau buat seperti begitu seolah-olah tidak ada saya duduk di atas ini.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya rasa untuk salah tafsir bantahan pihak sini kerana kita mahu sokong jenayah, itu saya ingat salah tafsir. Kita ini takut demokrasi disekat ya, di mana sesiapa itu dituduh, tiada jalan untuk bela diri. Itulah masalah dia. Kita mahu akta macam ini tetapi kita perlu *protection*, perlindungan untuk orang awam ya. Terima kasih.

■1550

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bintulu, ini apakah ini? Mencilah kah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mencilah Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mencilah.

Tuan Pengerusi: Okey, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan, ada setujukah atau tidak? Dalam akta ini, tadi Yang Berhormat Sungai Siput sudah kata, kita tidak *check and balance*. Saya tidak salah dalam akta ini, Menteri punya kuasa sudah tiada. Kita sudah ganti itu *board*, sudah lembaga, sudah ganti. Saya tidak faham, ini lagi tidak adillah. *So*, saya mahu minta Yang Berhormat Kinabatangan, ini masuk punya orang apa panggil gila kuasa? Apa panggil tidak...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Bintulu. Satu persoalan yang perlu saya perjelaskan Tuan Pengerusi. Dalam akta ini memang jelas bahawa tidak ada kuasa mutlak, tidak ada *absolute power* yang boleh mengakibatkan ada salah guna kuasa. Ini kerana apabila ada yang didakwa,...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...maka pihak penyiasatan polis akan meneliti dan mengesyorkan kepada pihak lembaga bahawa yang hendak cuba dituduh ini adalah memang menjalankan aktiviti-aktiviti jenayah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh minta?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang sudah dikenal pasti. Sekejap. Jawab dahulu. Kalau tidak putus di tengah jalan. Jadi, sekejap. Saya beri. Oleh kerana itu pada saya dan tidak akan ada melanggar pendemokrasian dalam negara kita sebab demokrasi tetap hidup, tetap unggul. Kita ada pilihan raya tiap-tiap lima tahun. Kalau pasal undang-undang ini

rakyat tolak Kerajaan Barisan Nasional, apa mahu buat? Itu demokrasi. Bolehlah pihak pembangkang mengambil kesempatan di atas mungkin undang-undang yang kita laksanakan ini. Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan mengatakan bahawa dalam undang-undang ini tidak ada *absolute power*. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan, apabila kita kata *absolute power*, ini bermakna *power* itu, kuasa itu tidak boleh dipersoalkan. Dengan lain perkataan, tidak ada mana-mana badan yang asing seperti mahkamah yang boleh mempersoalkan mana-mana kuasa yang dijalankan, dilaksanakan oleh mana-mana pihak yang diberi kuasa dalam undang-undang itu.

Soalan saya, jika undang-undang ini dengan secara spesifik melarang *judicial review*, semakan kehakiman, maknanya dilarang, mungkin untuk maklumat Yang Berhormat Kinabatangan yang tidak ada pengalaman dalam undang-undang ini, *judicial review* ini adalah suatu kuasa untuk semakan, semakan badan-badan yang membuat keputusan. Jadi, kalau sekiranya mahkamah ini... [Disampuk] Dengar dahulu, sabar dahulu. Sekarang ini kuasa itu tidak boleh dibawa *judicial review*. Bermakna, mahkamah tidak dibenarkan untuk mempersoalkan kuasa yang dibuat itu. Jadi, bagaimanakah itu yang dikatakan tidak *absolute*?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, sebetulnya kita ada lembaga, lima orang. Satu pengerusi yang dipengerusikan oleh hakim dan empat ahli Hakim Mahkamah Tinggi. Boleh buat rayuan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Keputusan jawatankuasa itu tidak boleh dipersoalkan. Itu persoalannya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Dewan riuh] Kalau dia sudah penjenayah, mahkamah pun kalau sudah buat keputusan, mana boleh dirayu lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan macam Yang Berhormat Sepang, dia pusing-pusing.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak, tidak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You* yang terpusing, terbelit.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya mendengar dengan tekun, terima kasih. Boleh mencelah? Ya. Saya suka Yang Berhormat Kinabatangan ini sebab dia lantang. Kalau kerajaan salah pun dia akan bantah. Dalam kes ini, saya hendak mendapat pandangan Yang Berhormat Kinabatangan. Sebelum ini, kami dimaklumkan bahawa EO dengan ISA tidak diperlukan. Kami dimaklumkan bahawa tahanan ini dikurangkan daripada 60 hari sehingga 30 hari kerana polis kita sudah maju, transformasi sudah berjaya. Kita berjaya. Kita sokong, kita puji ini adalah demokrasi. Yang Berhormat Kinabatangan pun puji. Selepas itu apabila pembangkang mengkritik kerajaan kata kadar jenayah naik, kerajaan kata itu masalah persepsi. Jangan

menghina polis. Polis ini tidak perlu diperlekehkan. Kalau itu betul, persepsi sahaja yang jadi masalah, kenapa kita kembali kepada undang-undang semua ini? Sebab sebelum ini kita mempertahankan kata tidak ada masalah. Transformasi berjaya, kita telah dapat mengurangkan jenayah.

Saya tidak mahu nampak Parlimen ini sentiasa dikembalikan dengan apa-apa sahaja. Kalau betul tahanan tanpa bicara ini diperlukan, ini bukan bagi saya tetapi bagi kerajaan, *backbencher*, kenapa sokong pemansuhan EO? Kekalkanlah EO. Kita jangan buang masa mansuhkan EO, kita kembali untuk memberi ini. Saya agak kita membuang masa Parlimen kalau kerajaan tidak rancang dengan betul-betul, apakah *equipment* atau *tools* yang mereka perlu untuk mengatasi undang-undang. Dalam dua tahun ini, kita kecoh sebab undang-undang itu dipinda tergesa-gesa dan itu *point* kita kenapa kita luluskan satu lagi undang-undang secara tergesa-gesa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu, *simple* sahaja. EO itu ia digubal sewaktu komunis. Sekarang ini, akta ini kita perbaharui. Tahun 1959 kita perbaharui pada tahun 2013. Untuk apa? Sebab ada rakyat menuntut kerajaan supaya mengadakan akta untuk menghalang penjenayah. Ini disebabkan rakyat sudah ada keraguan, kongsi gelap. Kalau kongsi rakyat, kita boleh sama-sama duduk, minum dan makan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kongsi gelap Yang Berhormat. Dia berkongsi dalam keadaan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Gelap, Gelap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Gelap. [Dewan riuh]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong, Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi, kita mahu. Kita mahu halang kumpulan-kumpulan kongsi gelap, *underworld in activity* ini. Ya, Silakan Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sokong apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Saya hendak sebut beberapa kes kejadian yang berlaku, yang sebenarnya membimbangkan rakyat. Satu kes yang berlaku pada 24 Julai 2013 baru-baru ini. Seorang lelaki berusia 46 tahun ditembak sewaktu hendak keluar daripada kenderaan ketika hendak pergi berjoging. Dia ditembak oleh kumpulan kongsi gelap. Ini menunjukkan bahawa kalau sesuatu tidak dilakukan, ia boleh mengancam keselamatan kita.

Yang menentang ini Yang Berhormat Kinabatangan, bukan sahaja dalam kalangan rakan-rakan kita di sebelah sana tetapi kalau kita tengok beberapa NGO, misalnya Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), kemudian kita tengok juga beberapa NGO lain. [Disampuk] Dia sebut dan dia kata bahawa "*Tiada negara demokratik yang mengamalkan undang-undang*" sebagaimana yang hendak kita laksanakan pada hari ini. Apa yang kita pelik Yang Berhormat Kinabatangan, hari ini

diagung-agungkan sangat hak dan kebebasan. Apakah makna hak dan kebebasan kalau rakyat di negara ini digadaikan? Apakah maknanya? Hendak bebas tetapi kita terancam. Kita menghadapi masalah. Kebebasan, jangan kita gadaikan hak dan keamanan yang kita perolehi hari ini.

Nanti dahulu Yang Berhormat Sepang. Mana boleh mencelah waktu ini. Celah waktu dia bangun. *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat Kinabatangan]* Belajar sedikit. Ini *lawyer* pun tidak faham *[Dewan riuh]*. Belajarlah untuk faham. *Lawyer* tidak faham-faham ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya belum bangun lagi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Undang-undang apa ini? Sebab itu Yang Berhormat Kinabatangan, dia tidak faham undang-undang ini. Undang-undang dalam Dewan ini pun tidak faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, saya hendak pergi tandas pun dia tidak bagi *[Ketawa]*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia undang-undang dalam Dewan ini pun tidak faham, sebab itu tidak faham ini. Sebab itu Yang Berhormat Kinabatangan, saya hendak sebut, bagaimana polis hendak laksanakan? Ini kerana SUARAM sebut bahawa ini menunjukkan polis tidak cekap dalam kenyataan yang beliau sebut. Bagaimana polis hendak laksanakan undang-undang kalau tidak ada undang-undang seumpama ini? Sebab itu kita sokong undang-undang ini. Saya hendak tanya pandangan dan pendapat Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya jawab dahulu Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebelum jawab. Seminit sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab itu Yang Berhormat, dia tersekat-sekat. Yang Berhormat Lenggong...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Seminit, seminit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap. Saya jawab dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Perkara yang sama. Okey terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau kita dengar tadi daripada Yang Berhormat Lenggong kata, ini ada kes pembunuhan. Maknanya, kita tangkap mengikut akta ini. Kalau kita guna logik yang sama, kenapakah kes Altantuya yang dibunuh dengan bom C4. *[Dewan riuh]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini *lawyer* kokak betullah *Dewan riuh]*.

■1600

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan kalau kita guna logik yang sama sepatutnya *[Dewan riuh]* Saya hendak cakap macam mana?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Sepang, duduklah Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau kita guna logik yang sama sepatutnya orang yang terlibat membunuh dipenjarakan [*Dewan riuh*] Sedangkan mereka juga terlibat dalam pembunuhan yang kejam. Ini menunjukkan kita...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hai! Yang Berhormat Sepang beratlah, berat!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Seseorang yang dituduh itu ada hak untuk dianggap tidak bersalah, kecuali dibuktikan bersalah. Sebab itu pergi ke mahkamah. Kalau kesalahan yang serius, yang memalukan negara pun kita bicarakan di mahkamah, kenapakah kes-kes lain kita ada diskriminasi?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu budak sekolah, dia tidak boleh masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, sebelum Timbalan saya duduk ganti saya, saya ingatkan balik, jangan ada elemen-elemen politik yang menimbulkan kekecohan [*Dewan riuh*] Saya ingatkan [*Disampuk*] Nanti dahulu Yang Berhormat. Saya ingatkan bahawa pindaan kepada akta ini ada dua.

Satu adalah pendapat secara umum iaitu mencegah jenayah dan satu lagi pendapat yang saya dengar setakat ini adalah pendapat akademik sebagai pandangan peguam. Jadi, harus dengan itu. Demokrasi, apabila berbahas ada undi. Jangan bertengkar mengenai dengan akademik dan *general* yang kamu sendiri tidak boleh putuskan dan saya sendiri tidak boleh putuskan kecuali mengikut peraturan mesyuarat. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jelas!

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, selamat datang Timbalan Yang di-Pertua. Saya mahu jawab Yang Berhormat Lenggong. Tadi Yang Berhormat Sepang saya tidak mahu jawablah sebab lari terlampau...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak boleh jawab, tidak payah jawablah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak perlu jawab. Perkara ini sudah selesai di mahkamah. Apa hendak jawab? Yang Berhormat Lenggong [*Dewan riuh*] Tuan Yang di-Pertua, kalau kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini peraturan berapa ini yang boleh bercakap....., nyek, nyek, nyek ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tengah dalam *mood* baik ini. Nanti *mood* jahat, susah.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Minta laluan, minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, nanti sekejap saya jawab dahulu Yang Berhormat Lenggong.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang sebetulnya SUARAM ini satu organisasi yang rasa saya...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini duduk dahulu. Yang Berhormat Kinabatangan tidak beri laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Belum. Saya belum beri laluan. Ia perlu dilihat oleh polis sendiri. Dia kata melanggar hak kebebasan. Hak kebebasan siapa yang dilanggar oleh akta ini? Kalau penjenayah tidak lagi ada melihat hak orang, membunuh apa hak dia?

Seorang Ahli: Kebebasan dia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Dewan riuh]* Kebebasan dia membunuh orang?... Itu kah? Kebebasan dia yang membunuh itu kah yang disokong? *[Dewan riuh]* Apabila ada kesungguhan, ada jenayah-jenayah pembunuhan yang terancang ini, polis mesti segera bertindak, dan orang yang...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kumpulan-kumpulan ini sudah terlampau membesar dan terlampau liar. Banyak betul kumpulan, Geng 8lah, 13lah, 20lah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Titiwangsa bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila,sila. Ini pendapat yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya ingin berkongsi statistik dengan Yang Berhormat Kinabatangan, dan juga Ahli-ahli Dewan, kalau kita lihat sebelum EO ini dimansuhkan, kalau kita lihat statistik menunjukkan kejadian membunuh yang telah direkodkan ialah 845 kes. Sebaik sahaja EO ini dimansuhkan, dalam masa 20 bulan dimansuhkan, EO ini telah meningkat hampir 26.04%- pemansuhan Undang-undang Pencegahan Jenayah.

Kemudian dari segi cubaan bunuh, daripada 309 kes meningkat 25% dalam masa 20 bulan. Kes samun daripada 27,500 kes meningkat kepada 28,699 kes dalam masa 20 bulan. Ini tidak masuk jenayah-jenayah pemerasan, merusuh dan ugutan yang *on average* telah meningkat hampir 6.75%. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat Kinabatangan bahawa ada sesuatu yang tidak kena apabila kita memansuhkan Akta Pencegahan Jenayah sebelum ini?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh saya? Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya jawab dahulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini sama, *point* yang sama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya jawab dahulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Titiwangsa, memang jelas! Sebab itu, kenapa akta ini digubal ataupun dipinda? Tujuannya untuk mengekang aktiviti-aktiviti penjenayah seperti begini. Membunuh, merompak, menyamun, macam-macam, peras ugut di kalangan kongsi gelap seperti kumpulan-kumpulan yang saya sebut tadi, Geng Lapan, Geng 30, Geng 20. Apa yang saya tidak dengar Geng 26. Hah, itu nombor saya!

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab tidak ada penjenayah yang sebegitu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit. Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Nombor-nombor lain semua nombor penjenayah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Nombor 02, adakah 02?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hah! Sana itu, sana, sana.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, Yang Berhormat Gopeng dahulu. Ya, sila Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Bila kita ada masalah itu, penyelesaian bukan cuma satu. Bila kadar jenayah naik tidak semestinya kita adakan undang-undang sedemikian sebab ada cara yang lain untuk kurangkan jenayah.

Soalan saya, tadi bangkit soal *check and balance*, dan Yang Berhormat Kinabatangan bangkitkan soal ada lembaga lima orang hakim yang akan mempengerusikan untuk tetapkan *Detention Order*. Akan tetapi dalam hal ini, kita tahu dalam keputusan *enquiry* itu, tidak ada peguam bela yang akan mewakili orang yang akan ditahan itu, yang pertama.

Kedua, kemungkinan kalau perlu pihak polis boleh membawa *Public Prosecutor* untuk buat keputusan, membantu untuk teruskan *Detention Order*. Jadi ini menunjukkan bahawa tidak ada *check and balance*.

Ketiga, yang penting sekali kita mesti baca rang undang-undang ini bersama akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2012.

The Criminal Procedure Act, Clause 11, berkenaan seksyen baru 399(b), di mana *evidence or report by an expert on matters will letting to organize criminal group*, akan diberikan oleh seorang pakar dan keputusan pakar ini akan diterima pakai oleh lembaga tersebut untuk memutuskan, sama ada sesuatu organisasi itu adalah *organize criminal group* kah atau tidak, dan menentukan siapa itu pakar?

Jadi ini menunjukkan bahawa dalam pelaksanaan rang undang-undang ini, ada perkara-perkara yang tidak ada *check and balance*, di mana keputusan pihak polis, pihak berkuasa boleh buat sewenang-wenangnya untuk buat keputusan untuk *detention without trial*, sebab itu saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dua perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Celahan pun janganlah panjang-panjang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Itu saya setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini hendak minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau mencelah jangan panjang-panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Soal *check and balance*. Kita dimaklumkan, dan kita lihat akta ini. Orang yang dituduh itu berhak melantik peguam. Cuma saksi-saksi yang lain, dia tidak berhak untuk melantik peguam sebab...

Beberapa Ahli: Mana ada...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada. Orang yang dituduh berhak melantik peguam. Mana boleh tidak ada, ada. Itu Yang Berhormat mungkin salah tafsiran. Itu sebab undang-undang ini masing-masing tafsirannya tetapi yang betulnya kita harus ada keyakinan kepada undang-undang itu. Dalam hidup manusia pun, Tuhan cipta neraka dan syurga. Siapa yang banyak dosa, masuklah ke sana. Siapa yang banyak amal ibadah dia jalan ke situlah. Manusia itu Tuhan sudah beri jaminan bahawa hidup manusia ini berpasang-pasang, ada siang ada malam, ada lelaki ada perempuan, ada kaya ada miskin, ada orang susah ada orang senang, ada penjenayah ada pencegah. Itulah dia.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa lagi Yang Berhormat Batu ini?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit, sedikit. Saya hendak kembali kepada Yang Berhormat Titiwangsa tadi. Yang Berhormat Titiwangsa telah menggunakan satu data yang agak berbeza daripada Perdana Menteri sebab mengikut Perdana Menteri, PEMANDU mengatakan, sejak Oktober 2012, kadar jenayah turun dan itu hanya isu persepsi. Kalau betul maksudnya Yang Berhormat Kinabatangan tidak bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri. Itu satu.

Satu lagi, Yang Berhormat Titiwangsa juga sebut tentang masalah ini adalah kerana pemansuhan EO. Sepatutnya waktu itu, *backbencher* harus menuntut kerajaan bahawa kita tidak akan mansuhkan EO sehingga kita ada gantian.

■1610

Kalau tidak ada gantian, setahun ini berapa keluarga sudah jadi mangsa. Ini pengakuan daripada *backbenches*. Siapa bertanggungjawab kerana kita yang menghapuskan EO ini, yang

menyebabkan penjenayah, maksudnya kerajaan harus memohon maaf kepada keluarga-keluarga mangsa kerana kita mansuhkan undang-undang tanpa memikirkan ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, faham Yang Berhormat Batu. Terima kasih Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu, fakta itu 2012 tetapi setelah kita ...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sejak 2012.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apabila kita mansuhkan ISA dan EO, kita ingatkan yang kita keluarkan kumpulan-kumpulan ketua kongsi gelap ini sudah insaf, sudah tidak lagi melakukan jenayah-jenayah. Apabila sudah kita bebaskan, mereka kembali ke gelanggang, bermain dengan permainan lama dan kita tidak ada akta. Mereka balas dendam sebab tidak ada akta untuk mencegah. *[Dewan riuh]*

Oleh kerana itu, selaku Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab menjaga keselamatan rakyat, maka keputusan rakyat membentuk satu Akta Pencegahan Jenayah bukan Akta ...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kerajaan ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mencegah Demokrasi Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya hendak tanya Yang Berhormat Batu, ini peraturan mana Yang Berhormat Batu pakai?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey Yang Berhormat Kinabatangan ada dua yang bangun. Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Subang di sini, Yang Berhormat Batu Gajah di belakang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi Yang Berhormat Subang dahulu tetapi mencelah jangan panjang ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan, saya hendak bantu sahaja dari segi fakta. Saya tidak mahu kita berhujah yang akademik kerana ini fakta sahaja. Jadi, saya akan sebut kenyataan daripada Perdana Menteri, pemimpin Barisan Nasional, pemimpin utama.

Apa dia kata tentang kadar jenayah sebab hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat Lenggong, dia bawa statistik kadar jenayah naik selepas EO dimansuhkan. Kita kena ingat tarikh-tarikh betul-betul ya. EO itu Proklamasi Darurat dimansuhkan di Parlimen ini pada akhir tahun

2011. Dalam tempoh enam bulan lepas itu akta itu terluputlah secara automatik. Masa itu kita kena ingat ada tempoh sembilan bulan lebih kurang daripada ucapan Perdana Menteri daripada Hari Malaysia 16 September, dia bagi isyarat yang jelas Proklamasi Darurat akan dimansuhkan sehingga pelepasan tahanan EO ini, ada sembilan bulan.

Apa yang dibuat dalam sembilan bulan itu pun jadi satu persoalan. Akan tetapi yang penting ialah kenyataan daripada Perdana Menteri tahun ini. Kita bukan tanggal 2012 semua, tahun ini dekat Pilihan Raya Ketiga belas. Perdana Menteri kata saya baca dalam bahasa Inggeris dengan izin Tuan Yang di-Pertua "*the crime rate has been falling since the GTP program against crime*" dan statistiknya, dia bagi statistik nya 27% dikurangkan di antara tahun 2009 sampai 2012 ... *down by 39.7%* dengan izin.

Sehingga April *this year*, turun lagi 3.1%. Itulah kenyataan Perdana Menteri sendiri, bukan kita. Ini fakta. So saya bagi perkara ini kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi, saya minta ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey Yang Berhormat, saya boleh jawab.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: So, ini hakikat dia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, boleh.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan, hendak bagi laluan Yang Berhormat Batu Gajah tidak?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk dahulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab dahulu. Kalau tidak terjawab dia kata kita tidak menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu jenayah-jenayah ringan, yang biasa. Yang ini jenayah terancam Yang Berhormat. Geng kumpulan kongsi gelap.

Beberapa Ahli: Betul, betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa makna kongsi gelap? Bermakna kumpulan yang terancang, ada niat kalau dia ada niat membunuh, dia bunuh. Kalau dia hendak mencuri, dia mencuri. Kalau dia hendak ugut, dia ugut lah. Jenayah yang dimaksudkan ragut, macam-macam itu biasa. Memang turun. Akta yang kita pinda ini pun untuk jenayah-jenayah berat. Yang Berhormat sebagai seorang peguam seharusnya tahu. Saya pun bukan peguam, saya tahu sebab akta ini begitu *as simple as* minum ais kacang sahaja sebetulnya. Kenapa kita tidak boleh faham?

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Kinabatangan, bagi peluang lepas itu ya? Lepas itu bagi.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Saya hendak tanya sedikit sahaja Yang Berhormat Kinabatangan. Saya baca dalam ini satu akta untuk meminda dan memperluas Akta Pencegahan Jenayah 1959. Ini tahun 2013. 1959, Sabah dan Sarawak pun belum lagi terlibat saya jangka dengan akta ini. Apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju bahawa takkan lah kita hendak tolak semua. Kalau kita dengar pihak sebelah sana tadi seolah-olah suruh tarik sahaja akta ini. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya setuju dengan ...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat, sedikit sahaja. Boleh saya sambung sedikit sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan jawab dan kata maksud you adalah *organize crime*. Ini semua kongsi gelap yang buat *crime* yang berat. Akan tetapi disebutkan juga ragut beg semua. Akan tetapi ragut beg itu semua termasuk dalam definisi *strict crime* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Itu yang disebut oleh Perdana Menteri sendiri.

Jadi, kita sekarang kena putuskan sama ada Perdana Menteri sudah cakap bohong kepada rakyat Malaysia atau pun Yang Berhormat Kinabatangan betul? Mana yang kita kena pilih siapa yang betul? Perdana Menteri betul atau you betul. Tidak boleh dua-dua betul.

So, point kita adalah ini. Semua kongsi gelap Tuan Yang di-Pertua, kalau kita katakan sekarang, kita kata kita perlu undang-undang ini sebab kongsi gelap semua ada di luar dan mesti dimasukkan balik dengan Simpang Renggam. Betul? Ini hujah kita sekarang.

Akan tetapi persoalannya ialah Tuan Yang di-Pertua sampai pertengahan 2012, apa kita buat dalam sembilan bulan itu? Kita tahu sembilan bulan itu mereka akan dibebaskan sebab undang-undang ini akan terbubar secara automatik. Masa itu apa kita buat, Menteri Dalam Negeri buat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat janji tadi sedikit sahaja.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: AG buat sebab pada masa itu kalau undang-undang ini diperlukan masa itu kena dibuat masa itu tetapi tidak dibuat sebab kita yakin dengan PDRM kita, dengan Kementerian Dalam Negeri kita. *So*, saya hendak minta penjelasan lah daripada pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, kenapa dalam sembilan bulan itu, semua ahli kongsi gelap itu duduk dalam Simpang Renggam? Kenapa tidak proses mereka, siasat mereka, bawa kes-kes mereka ke mahkamah macam kes Altantuya kita boleh bawa semua saksi. Mengapa tidak boleh buat? Itu yang saya minta penjelasan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, yang selebihnya itu saya minta ucapan Yang Berhormat itu biar kementerian yang jawab. Sebab apa yang saya tahu, setelah dibebaskan dengan harapan mereka ini kembali ke masyarakat, kembali ber manusia. Akan tetapi,

keluar sahaja mereka terus membalas dendam, mereka bermacam-macam rancangan. Jadi, itu yang berlaku.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada dua yang bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Putatan dahulu, baru Yang Berhormat Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan, Lenggong? Sila Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang budaya yang sengaja untuk membantah tanggungjawab kerajaan untuk menangani masalah jenayah yang berat yang terancam ini. Memang apa pun dibangkang oleh kawan-kawan saya di sana itu.

Yang Berhormat Kinabatangan, saya keliru dengan pilihan ini. Adakah kita menyelesaikan masalah jenayah ini kita sudah ambil tindakan atau sebelumnya? Mana pilihan yang baik ini pada pendapat Yang Berhormat? Sekiranya kita tunggu perkara itu berlaku dahulu baru ambil tindakan, maka itulah dia orang mahu. Sebab apa yang saya katakan tadi mereka mahu ada kes-kes ini di bawa ke mahkamah supaya kerja-kerja dia orang ini Tuan Yang di-Pertua membela penjenayah ini dapat diucap sebagai ... Setuju Yang Berhormat? Selain daripada mencegah

Seorang Ahli: Ada *business*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ada *business*. Banyak lagi juta-juta ringgit kepada peguam-peguam yang membela dia orang ini terutama kawan-kawan di sana itu. Tidak tahu lah kalau Yang Berhormat Subang ...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kadang-kadang masalahnya Tuan Yang di-Pertua mereka tidak tahu kekangan yang dihadapi oleh pihak berkuasa. Ini masalah yang ada pada kita. Kehairanan kita hari ini ialah dia pelik sedikit Yang Berhormat Kinabatangan. Yang patut kita bela, kita tidak bela. Yang patut kita tidak bela, sebaliknya.

■1620

Ini masalahnya, dia jadi terbalik. Faham tidak Yang Berhormat Batu Gajah? Dahulu Yang Berhormat Batu Gajah ini baik.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Nanti dahulu. Mana boleh mencelah sini? Sekejap lagi minta sana.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: You cakap dengan saya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Nanti dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong pun satu hal.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau kita tengok PCA 1959 dia hanya ada akta untuk pengawasan. Tidak ada akta untuk penahanan *detention*. Ini kekangan. Kemudian tangkapan pencegahan di bawah seksyen 105 KTJ untuk 24 sahaja. Mana cukup hendak buat siasatan dan sebagainya. Sebab itu perkara-perkara ini mesti kita lihat secara lebih baik supaya apa yang hendak kita buat ini benar-benar memberi suatu kuasa kepada pihak yang berkuasa untuk melaksanakan tanggungjawab. Yang kita hendak jaga ini ialah keamanan kita bukan hanya keamanan rakan-rakan di sebelah sini sahaja. Juga keamanan rakan-rakan di sebelah sana termasuk rakyat Yang Berhormat wakili. Sebab itu kita kena sokong. Yang kita hendak bela ini bukan hendak bela penjenayah. Ini kita jaga.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Boleh? Batu Gajah, Batu Gajah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita jawab dahulu. Inilah sebetulnya hujah yang kita nanti-nantikan sebab akta ini jelas. Akta Pencegahan Jenayah. Bermakna, kalau sudah terhantuk baru tengadah. Sudah kena bunuh baru ambil tindakan itu saya rasa sudah terlambat. Jadi lebih baik ada akta sebegini. Mana-mana polis sudah kenal pasti bahawa si anu bin si anu ketua gengster, ketua kongsi gelap tahan dia, *interrogated* dia supaya dia dedahkan siapa-siapa rangkaian dia. Kalau tidak akhirnya negara kita ini akan dipenuhi oleh kumpulan-kumpulan kongsi gelap, kumpulan-kumpulan samseng.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Batu Gajah dahulu. Yang Berhormat Gerik di belakang.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan lantang berhujah mengatakan bahawa ada *check and balance* di mana tertuduh ada peluang untuk membela diri. Mungkin semua Ahli Yang Berhormat yang lain juga ada dengar hujah daripada Yang Berhormat Kinabatangan mengatakan bahawa peguam boleh membela seseorang yang dituduh dan saya telah semak balik di dalam pindaan ini, saya tidak nampak di mana-mana pun...*[Dewan riuh]*

Saya minta penjelasan tentang perkara ini di mana, seksyen mana yang memberi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bacalah Yang Berhormat Batu Gajah, baca dahululah Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ya, bagi penjelasan. Saya hendak tahu. Tidak salah untuk saya bertanya. Saya hendak dapatkan penjelasan bagaimana dan

kenapa bila kita ada satu lembaga yang membuat keputusan kenapa kita tidak buat satu *judicial review*. Kenapa kerajaan takut sangat untuk ada *judicial review*? Itu pun saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Batu Gajah...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang lebih baik adalah terus bawa ke mahkamah kerana kita ada satu sistem keadilan. Kenapa kita takut sangat untuk bawa tertuduh itu ke mahkamah untuk hakim-hakim membuat keputusan? Terima kasih

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Batu Gajah, jelas...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik di belakang. Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Gerik di belakang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila, sila Yang Berhormat Gerik. Satu saya jawab.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan. Undang-undang Jenayah ini tahun 1959 sampailah ke 13 Mei kita wujudkan Undang-undang Darurat di mana ada EO dengan RR. Kemudian pada 22 Disember 2011 kita buang Undang-undang Darurat. Sebelum itu mana ada orang yang berani cakap soal hendak bawa balik Chin Peng ke negara kita fasal ada EO dan RR. Mungkin persepsi tidak elok. Saya tidak jadi Ahli Parlimen ketika itu tarik Undang-undang Darurat dan pada hari ini bila kita hendak menguatkan hujah kerana dalam Undang-undang Darurat mungkin ada melibatkan orang politik, kesalahan politik, kesalahan jenayah dan pada hari ini kita hendak bawa satu undang-undang yang kita lihat sudah ada 59 itu hendak ditambahbaikkan.

Manakala penjenayah-penjenayah yang kita nampak polis buat tadi dibandingkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa dalam tempoh 12 April hingga 21 Disember 2011 pembunuhan masa itu ada Undang-undang Darurat dibandingkan dengan tempoh 22 Disember 2011 hingga 31 Ogos 2013 diperbandingkan dua bukan kita buat pukul rata yang Perdana Menteri kata jatuh tadi. Bermakna kenapa kita hendak membantah satu undang-undang yang hendak memerangi penjenayah. Polis boleh tangkap tetapi apa tindakan bila dibawa ke mahkamah tidak boleh didakwa. Ramai rakyat teraniaya terutamanya gengster sendiri memerangi gengster. Kita boleh tengok gambar-gambar yang ditangkap oleh CC di tempat-tempat yang berkaitan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Kinabatangan dalam persoalan tersebut?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Kinabatangan, Jasin.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah terang lagi bersuluh.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin, Jasin di belakang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ramai peminat, sila Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sepatutnya tidak ada reaksi-reaksi negatif daripada kawan-kawan yang lain.

Sebenarnya akta yang diperkenalkan adalah untuk menyediakan langkah-langkah pencegahan yang lebih efektif lagi kerana bagi mencegah jenayah kongsi gelap dan lain-lain.

Saya sebenarnya berasa terperanjat Yang Berhormat Kinabatangan apabila seorang yang berhujah tadi seorang daripada Ahli Parlimen yang cukup senior sekali, seorang ahli peguam mempersoalkan seolah-olah kerajaan kita yang berdaulat ini sebagai sebuah kerajaan yang palsu kerana kita tidak mendapat undi popular. Selama ini sudah tiga belas kali kita mengadakan pilihan raya, kita sebenarnya menggunakan dasar *first past the post*. Ada pernah tidak dipersoalkan perkara ini? Kenapakah perkara ini dipersoalkan? Sepatutnya sebagai Ahli Parlimen kita mestilah berasa megah bahawa negara kita sebuah negara yang berdaulat yang mempunyai undang-undang dan tidak seharusnya sesiapa mempersoalkan apa yang pentadbiran pada ketika ini.

Keduanya, apabila disebut oleh kawan saya tadi Yang Berhormat Gerik tentang Chin Peng saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, Chin Peng ini sebenarnya bukan rakyat Malaysia. Jadi apa status dia hendak bawa abunya kembali ke sini. Dia adalah lambang keganasan yang telah membunuh banyak rakyat Malaysia. Kenapa kita agungkan mereka? Kalaulah orang-orang macam kita ini rakyat Malaysia yang menggubal dasar, membuat undang-undang hendak mendesak Chin Peng kembali ke tanah air, ini perkara yang boleh kita persoalan bersama. Tidak patut perkara ini ditimbulkan. Saya ada dua tiga perkara. Saya hendak jemput kalau boleh sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan ulas perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap, saya ulas dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Gerik. Memang ini jelas bahawa kerajaan kita betul-betul serius, kita betul-betul ingin menangani isu kongsi gelap ini sebab ramai nyawa yang melayang tanpa terbela. Ramai orang yang dibunuh tanpa pendakwaan. Jadi janggal pula undang-undang negara seperti kita polis sebetulnya berhak menangkap tetapi apabila dibawa untuk *proceed* ke mahkamah AG kata *no ground*. So, tidak perlu.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab itu perlu ada akta sebegini, sebab saksi-saksi yang dikenal pasti oleh pihak polis tidak berani tampil berani ke depan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab kalau mereka tampil nyawa keluarga mereka diancam, nyawa anak-anak mereka dicerobohi, dibunuh dan sebagainya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat masih belum beri penjelasan kepada saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai. Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sepetang sudah kita mendengar Yang Berhormat Kinabatangan bercakap mengenai kongsi gelap seolah-olah kongsi gelap ini baru ditubuhkan dua bulan lepas selepas EO dihapuskan. Yang saya tahu kongsi gelap paling baru 026 itu sahaja.

[Ketawa]

Yang lainnya sejak tahun 1930 pun ada. Ini bukan benda baru. Dengan EO pun kongsi gelap ini tidak boleh dapat dikawal, kenapa hari ini kita dok bercakap tentang kongsi gelap?

■1630

Apakah dengan undang-undang satu ini, kongsi gelap yang berumur 70 tahun ini akan selesai? *[Dewan riuh]* Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita bukan mencari perbatuan politik dalam perbahasan ini, seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat Lenggong. Akan tetapi saya yakin semasa kerajaan menghapuskan EO, itulah langkah politik yang diambil oleh kerajaan sempena dengan persiapan pilihan raya, cuba untuk mendapat simpati rakyat. *[Disampuk]* Akan tetapi hari ini mereka *regret*, menyesal tentang apa yang telah mereka lakukan. Masa itu pun *table-thumping* daripada sebelah BN semasa menghapuskan cukup kuat menyokong. Tidak ada seorang pun yang bantah. Yang Berhormat Kinabatangan sokong habis.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat yang lain, mencelah ini kita hendak minta penjelasan bukan memberi ucapan. Kita ada masa lagi untuk memberikan ucapan perbahasan. Sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai itu Tuan Yang di-Pertua, dia tidak bertanya. Dia berhujah iaitu dia main politik. Sedangkan saya berdiri di sini, kalau boleh saya mahu berdiri satu hari Tuan Yang di-Pertua untuk menjelaskan betapa pentingnya akta ini untuk kita sama-sama sokong. Bukan kita mahu kira politik sebab Yang Berhormat Kuala Krai, saya bukan buat andaian, satu hari nanti Yang Berhormat Kuala Krai keluar dari Dewan Rakyat ini, kumpulan kongsi gelap sudah menunggu pula.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Bagan Serai dengan Yang Berhormat Batu Gajah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau sudah terkena baru tahu.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai di sebelah belakang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bagi Yang Berhormat Bagan Serai dahulu.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Kinabatangan belum bagi penjelasan untuk saya lagi.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya bukan seorang *lawyer* tetapi saya sudah duduk di sini dua jam dan saya hairan kenapa pembangkang susah hati sangat kalau kita hendak tangkap penjenayah yang terus melakukan jenayah. Masalah rakyat sudah memang banyak.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kenapa kerajaan takut sangat hendak bawa ke mahkamah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita hendak *solve* masalah rakyat. Masalah kesusahan, masalah kesihatan, masalah rumah, masalah sakit. Hari ini masalah yang datang ialah rakyat sudah takut hendak keluar. Nyawa orang diambil dengan begitu mudah sekali dan kita didedahkan dengan lebih daripada 40 kumpulan kongsi gelap, dengan lebih 40,000 ahli dan 90% daripada tembakan ini adalah daripada bekas-bekas tahanan EO. [*Dewan riuh*] Saya lihat tadi Yang Berhormat Kinabatangan pun sudah mula bawa pistol setiap hati. Pistol apa itu? Ramai lagi orang akan berkeliaran bawa pistol. Bermakna tembak-menembak akan berleluasa.

Jadi, saya minta pendapat Yang Berhormat Kinabatangan. Sepatutnya akta ini dipercepatkan dan diambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Itulah sebetulnya inspirasi rakyat daripada Bagan Serai ada kebimbangan dan Yang Berhormat Batu Gajah, saya jawab tadi. Sebetulnya yang didakwa itu selepas siasatan polis dia boleh melantik peguam. Kalau kita bertengkar di sini tidak boleh tetapi Yang Berhormat bolehlah berjumpa dengan pihak kementerian untuk minta penjelasan sebab susah untuk saya jelaskan tetapi saya beri jaminan memang ada hak untuk diwakili oleh peguam. Jadi, saya jelaskan...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Oleh sebab itu saya hendak tahu Yang Berhormat Kinabatangan...

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *Bangun*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan hujah saya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: ...Bila Yang Berhormat Kinabatangan buat hujah, ada pembelaan, saya hendak tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kinabatangan tidak bagi laluan lagi. Yang Berhormat Sungai Siput pun...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak bagi, saya jelaskan sahaja.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Itu adalah hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Jadi, saya hendak pastikan bagaimana cara pembelaan itu. Itu adalah perkara penting.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ini adalah satu perkara yang penting sebab dia...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk kepastian, Yang Berhormat boleh berbincang dengan Menteri yang bertanggungjawab tetapi saya beri jaminan memang ada hak. Itu sahaja.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kalau Yang Berhormat Kinabatangan tidak pasti...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya pasti. Saya beri jaminan ada hak. Seksyen 19, cuba rujuk.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Okey, boleh kita bincang tentang seksyen 19 itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Betul Tuan Yang di-Pertua, kenapa perlu akta ini hendak kita luluskan di Dewan ini? Jangan kita memikirkan soal politik seperti rakan-rakan yang terlampau beremosi. Pilihan raya sudah berlalu. Kita terima hakikat. Pertama, kalau kita orang Islam, kita diminta oleh Allah SWT berusaha. Selepas berusaha kita tawakal, selepas tawakal kita redha. Masalah pembangkang, tidak redha. Berusaha sudah, tawakal sudah. Sudah kalah, kalahlah, redha lah. Itu sebab masalah, kita ini manusia kalau kita tidak redha, apa kejadian yang berlaku pada diri kita maka itulah Allah SWT akan menyesatkan kita sampai ke mana-mana. Seperti Yang Berhormat ini selalu sesat. *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh? Saya suka dengan Yang Berhormat Kinabatangan ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak izin, saya tidak benarkan Yang Berhormat ini untuk berhujah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan, kita kawan kan, bolehlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan soal kawan, ini soal penting. Pada saya, akta yang sebegini baik...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit, sedikit sahaja. Boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akta yang sebegini baik...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bolehlah Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Harus kita bincang secara bijaksana, harus kita bincang secara lebih meluas untuk memastikan bahawa rakyat di kawasan kita terjamin, terbela. Rakyat di negara ini nyawanya tidak terancam, pelancong-pelancong yang datang ke negara ini datang beramai-ramai dengan hati yang tenang. Pelabur-pelabur yang membawa wang berjuta-juta, berbilion-bilion, datang dengan pelaburan mereka tetapi apabila kongsi gelap menguasai bandar-bandar kita, kita seolah-olah berada di Colombia, kita seolah-olah berada di South Africa dan di macam-macam negara yang ditakuti. Maka sudah tentulah imbuhan ekonomi negara tidak akan menjadi dan rakyat berada dalam ketakutan. Jadi, apabila rakyat ketakutan memang sudah tentulah kerajaan yang mentadbir negara ini seolah-olah tidak bertanggungjawab.

Jadi, oleh kerana itu saya dengan rendah diri menyatakan bahawa akta ini benar-benar menjamin ketuluan, keselamatan rakyat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh minta penjelasan sedikit sebelum Yang Berhormat habis.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mencilah sedikit boleh, jangan panjang lebar. Sila, sila.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Kita akan berhujah secara bijaksana. Kita tidak payah cakap undang-undang sebab Yang Berhormat Kinabatangan selalu tegaskan pencegahan. *Your concern is prevention* dengan izin, pencegahan. Akan tetapi saya hendak ingatkan sedikit, macam Yang Berhormat Kuala Krai kata tadi kongsi gelap bukan perkara baru. Kongsi gelap sudah wujud lama. Geng-geng mereka semua ada. EO ini yang kita sudah mansuhkan tahun 2011 itu sudah mula berkesan tahun 1969 dan sepanjang tahun kegunaan itu pada bila-bila masa lebih kurang 1,000 ketua kongsi gelap ada meringkuk di Simpang Renggam. Ini bukan fenomena baru.

Walau bagaimanapun, ini yang saya hendak tanya pada Yang Berhormat Kinabatangan sama ada keberkesanan atau *the effectiveness* atau undang-undang yang sekarang kita bercadang untuk lulus. Saya baca daripada laporan Suruhanjaya Diraja yang ditubuhkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2004, yang dipengerusikan oleh Tun Dzaidin masa itu. Timbalannya adalah Tun Hanif Omar dan mereka kata ini keadaan negara pada tahun 2004. Yang Berhormat Kinabatangan, saya baca sedikit sahaja.

Cabaran dua dalam bahasa Inggeris. "*Challenges to the high incident of crime which has also increase significantly in recent years*". Ini ditulis pada 2004 bukan 2013. "*There is widespread apprehension regarding safety among members of the public and Malaysia reputation as a safe country has be undermine*". Saya baru dengar Menteri pun sebut ayat yang sama, ditulis oleh Suruhanjaya Diraja ini pada 2004. "*Drug addiction and the accompanying drug addiction offences also continue to be high. The growth in commercial crime is also consequence in the financial and commercial sector. If present trends concerning regarding crime continue there could be serious social and economic consequences for Malaysia*".

Ini ditulis dalam keadaan di mana EO sudah wujud, sudah digunakan tetapi nampak tidak berkesan sebab ini ditulis pada 2004. EO terus digunakan sehingga 2012. Mana

keberkesannya? Itu maksud kita, Yang Berhormat Kinabatangan dan Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu kita persoalkan. Oleh kerana itu pandangan kita Yang Berhormat Kinabatangan ialah Kerajaan UMNO Barisan Nasional kena fokus balik kepada isu pokok.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey Yang Berhormat, saya faham.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Faham ya? Okey, terima kasih. Minta penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, tadi cakap kesan EO dengan sebelum EO. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa mengikut laporan daripada jabatan jenayah polis, perangkaan dalam tempoh 20 bulan sebelum dan selepas penguatkuasaan undang-undang.

■1640

Kalau kita tengok perangkaan ini, kalau pembangkang hendak pertikaikan perangkaan ini, ini Kementerian Dalam Negeri kena jawab. Kalau contoh bunuh sahaja, bunuh ini kalau kita tengok 20 bulan sebelum mansuh ini, 845 kes sahaja. Lepas mansuh sahaja ia meningkat 1,065, 220 kira meningkat 26.04%. Sebab itu tengok bila EO tidak ada, bunuh sahaja meningkat dalam tempoh dua bulan, meningkat sampai 26%. Jadi, sebab itu kerajaan fikir EO walaupun tidak berkesan sepenuhnya tetapi salah satu langkah pencegahan pembunuhan. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, sudah jelas sebetulnya. Apabila kita ada Akta EO itu, maka memang kongsi gelap ini sudah lama wujud di mana-mana negara pun. Di negara kita sudah berpuluh-puluh tahun sudah ada kongsi gelap. Akan tetapi aktiviti kongsi gelap ini dibendung dengan akta-akta yang tertentu. Setelah EO dimansuhkan, bukan untuk kemenangan politik, memang kita rasa ada keperluan. Maka, dengan harapan ketua-ketua kongsi gelap ini kembali kepada masyarakat dengan sepenuhnya. Akan tetapi mereka telah kembali kepada masyarakat dengan tujuan yang tertentu, mengugut, membunuh dan sebagainya. Sebab itu kita memerlukan satu akta pencegahan untuk mengurangkan kes-kes jenayah berat, untuk tidak melindungi ketua-ketua kongsi gelap ini.

Sebab kongsi-kongsi gelap ini mereka dengan aktiviti-aktiviti yang tertentu. Mereka melakukan kes pelacuran, kes dadah, nombor ekor, macam-macam, semua dia buat sebab dia mengaut keuntungan. Mereka ini, harta mereka, menjadi kaya raya dalam sekelip mata. Oleh sebab itu kita tidak mahu, sebab itu kita perlukan akta seumpama ini. Kita mahu juga pelaksana iaitu pelaksana dia pihak polis, Polis Diraja Malaysia. Maka, Polis Diraja Malaysia juga rakyat berpesan jangan salah guna kuasa tetapi gunakan kuasa untuk melindungi rakyat. Jangan melindungi ketua-ketua kongsi gelap pula. Ini yang kita mahu sebab anggota-anggota polis pun manusia juga. Justeru itu, rasa saya kerajaan telah menyediakan sesuatu perkara yang paling baik, paling mulia. Dengan adanya akta ini, dengan tersekatnya penjenayah-penjenayah berat

seumpama ini, hidup kita pun tenteram. Mungkin kita boleh berumah tidak berpagar pun seperti di Eropah, di Amerika. Hari ini kalau rumah tidak ada pagar, alamat habislah rumah itu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh minta penjelasan sedikit.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada pagar pun, pagar makan padi juga! Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan setujuakah tidak, sepatutnya kita mahu minta Kementerian Dalam Negeri ambil perhatian juga. Selalu kongsi gelap kalau dia mahu pergi buat pembunuhan, selalu dia ambil dadah, ambil syabu lepas itu dia pergi bunuh. Ini semua ini peguam-peguam ajar sama dia orang, ini *loophole* ini. Kalau dia sudah tertangkap, bila pergi *test*, dia ambil dadah. *So*, dia pembunuhan itu masa, bukan dia bunuh, itu syabu bunuh. Sebab itu kita minta Kementerian Dalam Negeri mesti mahu ambil perhatian. Buat satu undang-undang juga atas pembunuhan ini. Setujukah tidak Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Setuju dan Menteri Dalam Negeri pun ada, sila ambil perhatian cadangan daripada Yang Berhormat Bintulu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya bagi sedikit, Yang Berhormat menjala-jala sebetulnya. Itu sebab saya macam tidak mahu bagi. Sila, sila.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan, saya hendak balik kepada isu pencegahan dan akhirnya, kita kena pegang pada isu prinsip keadilan. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan secara wajar menyebut inilah jenayah-jenayah serius, saya setuju. Bila ketua kongsi gelap, dia menyusun jenayah dengan kekerasan, menyamun dengan kekerasan. Geng dia gunakan parang, pistol, samun orang lain, memang sangat serius. Kalau kita pegang pada prinsip keadilan, apakah hukuman yang setimpal dengan itu? Bagi saya, kalau orang itu melakukan jenayah macam itu, bawa dia ke mahkamah, sabit, heret bawa ke penjara 20 tahun pun, tidak ada masalah, 15 tahun, 20 tahun.

Sebab itu jenayah yang sangat serius. Baru dia kena hukuman macam itu, itulah *deterrent*, dengan izin, untuk jenayah kepada jenayah yang lain. Macam kita buat untuk pembunuh Altantuya, kita akan gantung, itu yang akan jadi *deterrent*. Maksud saya ialah ini, kita kata ini ialah untuk jenayah berat tetapi apa hukuman dua tahun? Kita tahu daripada pengalaman kita dengan Yang Berhormat Simpang Renggam. Orang dalam Simpang Renggam, mereka uruskan hidup dia seperti biasa, ia kita tahu cara mana. Ini berlaku, ini hakikat Simpang Renggam. Bagi penjenayah ini, konon ialah penjenayah ya, mereka tidak nampak itu sebagai satu hukuman berat, tidak ada apa-apa masalah. Bagi saya, sebab itu, itulah pendekatan yang salah. Lebih baik kita kena fokus pada punca dia, lebih baik bawa ke mahkamah, buktikan kesalahan yang serius itu dan bagi hukuman yang setimpal. Bagi saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akhirnya, *I finish quickly*. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, pendekatan kita tahan tanpa bicara dua tahun ini, *actually we are being soft on crime*, kita bukan. *If you want to be really hard on crime*, dengan izin, *you will punish the correct punishment*. Maksudnya, dia bunuh, dia kena hukum bunuh, dia samun, dia kena 20 tahun, mesti itu, bukan dua tahun. *So, you* kena faham, dengan cara ini *actually are not being hard on crime*. *You are actually could be soft on crime*. Minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Pertama, saya Yang Berhormat Tanjong Karang, yang tadi statistik menunjukkan peningkatan jenayah tersebut memang benar. Apabila tidak ada undang-undang yang kuat, maka penjenayah kembali ke pangkal jalan. Sebab itu kenapa kita, kerajaan memandang serius perkara ini. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Sungai Siput iaitu kenapa tidak dibawa pergi mahkamah. Sebetulnya saya pun bertanya kepada pihak polis, kenapa sudah ada video, sudah nampak tetapi tidak didakwa di mahkamah. Polis cakup tidak ada saksi. Saksi memang ada tetapi saksi tidak mahu ke mahkamah sebab mereka takut. Dua insiden kes bunuh, tujuh orang potong satu orang. Boleh kenal, nampak di video tetapi tidak boleh didakwa di mahkamah sebab saksi tidak mahu ke depan. Inilah yang masalahnya. Sebab itu dengan adanya akta ini, polis sudah tahu inilah pembunuh dia.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akan tetapi saksi mungkin tidak ada, maka kita gunakan akta ini. Kalau di negara China, siapa bunuh, tembak. Bunuh sahaja, apa masalah dia.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap, sekejap dahulu, saya mahu jelaskan. Di China begitulah, siapa yang didapati membunuh, hukuman dia bunuh, terus *on the spot* tembak.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan oleh mahkamah. Kalau di Brazil bukan lagi oleh mahkamah Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Brazil pula sudah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ditembak begitu sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Seputeh, ini Yang Berhormat Seputeh lama-lama kena kongsi gelap juga ini. Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya bersetuju bahawa memang ada masanya memang susah hendak membuktikan kes. Jadi, kalau sekiranya ada masalah dari segi hendak pembuktian kes, bukan penyelesaiannya dengan kita mengadakan undang-undang menahan tanpa bicara. Kita boleh menggunakan mekanisme untuk kita meminda Akta Keterangan, maknanya ada mekanisme lain. Sebab kita kena faham bahawa

hak untuk dibicarakan ini adalah hak yang paling fundamental. Sebab dalam baik undang-undang sivilkah, undang-undang Islam, seorang itu, prinsip jenayah macam mana *criminal system work*, dia mesti berasaskan kepada satu prinsip yang diterima universal, seseorang dianggap tidak bersalah kecuali dibuktikan bersalah. Itu dipanggil *presumption innocent* yang juga diperkuatkan dalam undang-undang Islam. *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Ini adalah prinsip yang diterima pakai, sebab itu kita tidak boleh suka-suka menganggap apabila kita tahan orang, kita telah *reverse the presumption* itu makna seorang itu dianggap bersalah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat Sepang, saya rasa tidak ada kepentingan pihak polis menahan orang suka-suka. Polis, penguat kuasa, akan menahan seseorang itu yang disyaki memang terlibat untuk melakukan jenayah.

■1650

Di Seputeh saya tahu banyak kongsi gelap. Sebab itu Yang Berhormat Seputeh menang banyak. Hendak ulas?... Okey, sila-sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini sangkaan jahat. Yang Berhormat Kinabatangan, ya memang kita tahu yang nama akta ini adalah Akta Pencegahan Jenayah. Akan tetapi kesemua isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen di sebelah sini, adalah isu hak asasi manusia dan juga kemungkinan undang-undang ini disalah gunakan oleh pihak tertentu, termasuk juga polis. Juga saya hendak ambil satu contoh macam ISA, ISA yang sasarannya ialah untuk menangkap komunis tetapi orang macam saya, tidak bawa pistol macam Yang Berhormat Kinabatangan pun, saya pernah di tahan oleh ISA *[Dewan riuh]*.

So, saya bukan komunis. Jadi macam mana jelaskan isu macam ini, okey ISA lepas itu dibatalkan. Kita lihat isu tentang Akta Pencegahan Jenayah ini yang mana yang tidak ada *judicial review*, dua tahun tahanan *renewable* dan sebagainya....

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya masih ingat dulu kita ada satu, bila Yang Berhormat Padang Rengas menjadi Menteri jaga Parlimen tidak ada satu jawatankuasa hak asasi manusia. Jawatankuasa itu kita pernah melawat Simpang Renggam. Semua tahanan EO. Waktu itu kami juga diberitahu oleh wakil-wakil daripada tahanan yang berapa ribu dalam Kem Tahanan Simpang Renggam itu bahawa ada kes yang mana mereka itu *set-up* oleh geng mereka, ada juga yang kesalahan yang amat kecil sekali termasuk mencuri buah-buahan, dan sebagainya. Dua tahun selepas itu *renew* lagi dua tahun. Jadi itu sebabnya, peguam-peguam kita yang handal ini, kita mempertikaikan fasal-fasal yang termaktub dalam rang undang-undang ini kerana ia *it was bound to be abuse*. Ini yang kita bimbang.

Suatu hari nanti Geng 026 juga dimasukkan dalam sini, waktu itu siapa nak selamatkan Yang Berhormat?...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, Yang Berhormat Seputeh, kalau hendak menyalah gunakan kuasa ini, apa-apa juga undang-undang tidak dipakai. Boleh disalah gunakan. Yang Berhormat Seputeh selaku Timbalan Menteri Besar...

Seorang Ahli: Dalam masa dia menjalankan tugas pun sama juga kalau...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Ketawa]* Oh, Belum lagi la..

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh belum lagi. Oleh sebab itu persepsi kita mana-mana undang-undang akan di salah guna. Itu tidak boleh lah kita ada undang-undang-undang. Ini cuma tanggapan kita, apa yang kita perlukan iaitu kita ada keyakinan, kepercayaan, bak kata pepatah Melayu, "Di mana ada kemahuan, di situ ada kejayaan". So, kita berkemahuan bahawa akta ini akan memberi jaminan untuk keselamatan seluruh rakyat negara ini, pertama. Kedua ia akan membendung aktiviti gejala jenayah berat seperti kongsi gelap, pembunuhan terancang, ancaman dan macam-macam. Sebab saya selaku rakyat Malaysia, saya suka jalan sana sini, saya mahu selamat. Saya tidak tahu lah Yang Berhormat Seputeh, kalau Yang Berhormat Seputeh tidak mahu selamat..

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau selamat kenapa bawa pistol? Seperti apa yang dikata oleh Bagan Serai tadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab banyak kongsi gelap. Kumpulan ketua kongsi gelap.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Seputeh tidak bawa pistol sebab Yang Berhormat Seputeh tidak ada pistol *[Dewan riuh]*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Saya hairan kita bila mewujudkan ini rang undang-undang, pembangkang memang tidak setuju. Tadi kita dengar Yang Berhormat Seputeh kata, ini dia takut *abuse*. Kalau dia semua tidak percaya sama pegawai-pegawai atau pun pasukan polis menjalankan tugas, macam mana? Itu hari-hari kalau mencedera hari-hari kata orang *abuse*.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan itu hari Yang Berhormat Seputeh pun jadi *Exco* kan, Timbalan Menteri Besar Selangor. Saya rasa dia mungkin sudah ada, sudah ansur-ansur, mungkin sudah cuba. Itu lah dia pun saya rasa dia pun selalu salah...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, ini berniat jahat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana prasangka jahat. Orang tanya.. Hai apa punya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Saya tidak akan ulas Yang Berhormat Bintulu punya... Sebab rasa saya mana yang baik itu saya masukkan sebagai ucapan...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Putatan dahulu baru Yang Berhormat Batu Gajah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kaedah salah guna kuasa ini memang semua pun antara Ahli kita di sini memang khuatir. Akan tetapi kita harus melihat apa yang sebenar dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini memang diwujudkan pada tahun 1959, dan kita telah pun meluaskan. Dahulu mungkin kuasanya kepada Menteri dan kepada IGP. Akan tetapi di sini ada *specific section* di mana lembaga yang menasihati prinsip-prinsip atau pun *investigation*, atau pun penyiasatan ada yang dikemukakan kepada pihak lembaga penasihat. Jadi bagaimana pula kita lihat bahawa perkara ini ada unsur-unsur seperti Yang Berhormat Seputeh katakan tadi.

Saya rasa Yang Berhormat Seputeh sudah ada pengalaman... Ini bukan sangkaan jahat lah. Akan tetapi dia sudah pernah memegang jawatan dalam eksekutif di negeri Selangor. Mungkin ada unsur-unsur *abused of power* di negeri itu [Ketawa] Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kinabatangan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Eh ini tidak patutlah. Kita tengah bahas ini akta pencegahan jenayah, kalau ada apa-apa unsur penyelewengan kuasa di Selangor, bangkit kan lah. Kita ada SPRM, ada polis, ada banyak institusi lagi. Kenapa kaitkan dengan semua ini? Haiya...! Laporkah Yang Berhormat Putatan, laporkah Yang Berhormat Bintulu, laporkah [Dewan riu]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey sila Yang Berhormat Batu Gajah [Ketawa]

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan menyebut bahawa polis tidak akan menangkap sesiapa sewenang-wenangnya. Saya ingin membidas tentang perkara tersebut sebab kita tidak tahu seseorang itu benar-benar bersalah atau pun tidak, sehingga dia dibawa ke muka pengadilan. Adalah salah kalau kita membuat penaksiran di peringkat penangkapan itu sahaja mengatakan bahawa seseorang itu telah melakukan satu kesalahan dan dijatuhkan hukuman atau pun ditahan.

Tadi berhubung dengan hujah Yang Berhormat Kinabatangan tentang pembelaan yang dikatakan, di mana seseorang yang ditahan itu ada peluang dibela itu, saya hendak rujuk kepada seksyen 9D, adakah seksyen 9D ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan sebagai satu pembelaan? Seksyen 9D ini berbunyi seperti ini "Dengan memasukkan selepas subseksyen (4), subseksyen yang berikut, (5) *neither the person who is the subject of the inquiry nor a witness at an inquiry, shall be represented by an advocate or solicitor at the inquiry except when his own evidence is being taken and recorded by the inquiry officer*".

Ini sebenarnya tidak memberikan sebarang pembelaan. Hanya apabila keterangan diberi, seorang peguam bela atau pun peguam cara berada di situ. Apabila keterangan diambil daripada saksi-saksi lain, peguam bela tidak boleh berada di sana.

Kalau kita baca (6) pula, "*The public prosecutor or the deputy public prosecutor may appear at an inquiry to assist the inquiry officer.*" Bantuan diberi kepada *inquiry officer*, bukan

kepada orang yang tertuduh. Ini adalah berat sebelah, dan saya rasa ini bukanlah satu pembelaan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, kita melihat dan berharap boleh merujuk juga seksyen 15A sebetulnya. Apa yang hendak kita bincangkan pada hari ini iaitu soal-soal teknikal itu mungkin boleh diperhalusi oleh pihak kementerian itu sendiri tetapi apa yang kita hendak laksanakan pada petang ini iaitu pelaksanaan satu akta, satu undang-undang-undang iaitu Undang-undang Pencegahan Jenayah, sebab kita tidak mahu jenayah yang kecil menjadi besar, yang ringan menjadi berat, ekoran tidak ada pemantauan yang dilakukan oleh kerajaan.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya akan berhenti di sini dan saya amat bersetuju dengan hasrat dan nilai akta yang ingin kita luluskan ini sebab ia mencakupi untuk pencegahan jenayah itu sendiri.

■1700

Saya tidak percaya bahawa pihak polis ada niat jahat, ada niat yang tidak baik untuk menahan mana-mana orang atau manusia yang tidak melakukan jenayah termasuk Yang Berhormat Seputeh dan lain-lain untuk dituduh sebagai penjenayah..

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Sebab ada badan lima orang...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akhir sekali, boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Badan ini pun boleh melihat latar belakang, mesti dikaji mana satu jenayah yang dia lakukan. Kalau setakat tuduhan, tidak ada fakta jenayah orang yang dituduh ini. Rasa saya lima orang yang jadi panel ini tidak akan memihak kepada polis untuk menentukan bahawa dia melakukan jenayah. Sebab tidak ada fakta-fakta jenayah pun yang dia lakukan hanya tuduhan. Jadi itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Kinabatangan sedikit, sedikit sahaja Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:... Saya dengan ini berdiri menyokong supaya akta ini diluluskan dan pembangkang pun kalau boleh sokonglah sama-sama termasuk Yang Berhormat Gombak. Terima kasih. No 26.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]* Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Belum panggil lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh ya, kita rotate nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Tadi DAP...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: PAS lah ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: PAS. Sila Yang Berhormat Sepang.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sepang, PAS ke? Tidak macam PAS pun.

5.01ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk bersama-sama memberikan sedikit pandangan berhubung dengan akta ataupun pindaan ke atas Akta Pencegahan Jenayah ini. Saya ingin memulakan ucapan saya ini dengan memetik beberapa ayat al-Quran. Pertamanya ayat yang berbunyi [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: [*Menyampuk*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Baca al-Quran kenalah hormat sedikit. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] dan ayat yang lain berbunyi, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]. Saya sengaja *quote* dengan izin kedua-dua ayat ini sebab bagi saya ayat ini menjadi ayat sebagai kompas untuk mengarahkan ucapan saya ini. Ayat yang pertama Allah SWT menyatakan bahawa janganlah kerana kebencian kepada satu kaum, menyebabkan kamu tidak berlaku tidak adil. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*], berlaku adillah [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] kerana ia mendekatkan diri kepada ketakwaan. Ayat ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang *promote* dan mempromosikan *absolute justice*, keadilan mutlak.

Dengan erti kata lain keadilan ini harus ditegakkan dalam keadaan apa sekalipun. Sebab itu Rasulullah SAW mengatakan [*Membaca sepotong hadis*], sekiranya puteri aku yang aku boleh sayang pun mencuri, aku akan hukum dia juga. Maknanya ini menunjukkan bahawa dari segi kita hendak membuat undang-undang kah, hendak melaksanakan undang-undang kah, kita mesti ada prinsip ini. Benci macam mana sekalipun kita pada mana-mana orang, tetapi apabila dia dikenakan apa-apa tindakan kita mesti berlaku adil. Sebab itu di dalam Islam, walau kepada musuh sekalipun kita berlaku adil. Jadi di dalam konteks ayat ini. kedua ayat yang berbunyi, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Allah mengatakan mengatakan diturunkan kitab untuk dengan sebenarnya untuk menghukum sesama manusia dan janganlah kamu menjadi orang yang khianat.

Kalau kita baca Asbabun Nuzul, sebab turun ayat ini. Baik Yang Berhormat baca di dalam tafsiran apa pun, hatta tafsir dalam ulama Syiah sekalipun [*Berucap dalam bahasa Arab*] dalam Tafsir Al-Mizan. Saya belajar syariah, saya ada *degree* dalam syariah. Salah satu buku yang dirujuk ialah Tafsir Al-Mizan. Dalam ayat ini mengatakan Asbabun Nuzul kisah seorang Islam, [*Berucap dalam bahasa Arab*]. Dia mencuri baju besi dan baju itu diletakkan di rumah orang Yahudi untuk *implicate* orang Yahudi. Semasa ayat ini diturunkan, keadaan orang Islam dan orang Yahudi di dalam keadaan yang tegang. Akan tetapi ketika saat yang genting itu sekalipun apabila orang Yahudi dianiaya oleh orang Islam. Kalau kita Islam ini berdasarkan bangsa, berdasarkan kebangsaan sudah tentulah Islam memihak kepada orang Islam tetapi Islam tidak mengajar begitu. Hatta orang Yahudi yang ada sejarah buruk dengan Nabi Muhammad SAW – perjanjian, cuba membunuh nabi tetapi apabila dia dizalimi, Islam memihak kepada orang Yahudi. Inilah ajaran Islam.

Saya berharap kalau ada ustaz-ustaz, para ulama dalam Barisan Nasional nasihat sikit supaya kita dari segi membuat undang-undang ini kita juga merujuk kepada al-Quran. Ini kerana

al-Quran memberikan panduan yang paling baik untuk kita membuat apa-apa perkara. Sebab itulah saya ingin menyatakan apabila kita Pakatan Rakyat – saya hendak terangkan dari segi *preamble* nya, kita bersama dengan Barisan Nasional dari segi kita tidak suka jenayah. Kita juga bersama dengan Barisan Nasional dari segi kita juga merasa amat kesal kalau ada perbuatan-perbuatan jenayah yang apabila mereka melakukan pembunuhan kepada siapa sahaja.

Saya rasa kita tidak ada masalah menghadapi benda itu. Akan tetapi dalam masa yang sama apabila kita bercakap tentang memberikan keadilan, sebab ini berkaitan dengan hukum jenayah. Apabila hukum jenayah ini telah menjadi satu prinsip yang universal, yang diterima oleh semua prinsip undang-undang, baik undang-undang *common law*, undang-undang Islam, undang-undang apa pun bahawa kita pergi kepada satu dasar iaitu seorang itu dianggap tidak bersalah. [*Berucap dalam bahasa Arab*] Ini prinsip yang diterima pakai, undang-undang Inggeris mengatakan *presumption of innocence - a man is presumed innocent until proven guilty*.

Ini prinsip kenapakah di dalam undang-undang jenayah, kenapakah prinsip ini diadakan? Kerana kita kena faham dalam kes jenayah seorang yang ditahan, dia berlawan kerajaan. Kerajaan ada semua, ada polis, ada everything sebab itu kalau kerajaan ada kuasa, kita bagi pula satu lagi kuasa yang lebih bermakna ini akan menyebabkan orang yang ditahan ini dia akan berhadapan dengan satu keadaan yang menakutkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, Peraturan Mesyuarat - menghadap Pengerusi ataupun Speaker.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Saya akan menghadap Speaker pula. Terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Kesian saya seorang-seorang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mungkin saya baru mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Saya agak tertarik dengan ucapan beliau. Sebab itu saya hendak menghadap sedikit. Tetapi terima kasih.

Saya hendak katakan Tuan Yang di-Pertua, apabila mengadakan prinsip undang-undang ini, kita sebenarnya hendak menolong semua pihak. Sebab kita kena faham. Saya minta kalau bolehlah, Ahli-ahli Parlimen yang mungkin tidak ada pengetahuan undang-undang baca buku ini, '*Just Law*'. Daripada siapa? Helena Kennedy QC, Queen Counsel. Dia ini baca buku ini. Buku ini menceritakan tentang bagaimana kegagalan pihak British, England apabila membuat undang-undang berkaitan yang membenarkan *preventive detentions* - minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Silakan, silakan. Saya akan bagi tidak ada masalah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya Yang Berhormat ini peguam. Boleh tolong jelaskan tidak perbezaan di antara Artikel 79 dengan Artikel 149 Perlembagaan Persekutuan. Apakah bezanya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Artikel 49 – tidak ada masalah. Saya akan pergi dalam saya punya ucapan saya akan sentuh juga kenapakah undang-undang ini salah apabila kita buat di bawah Perlembagaan Persekutuan, Artikel 149. Sebab saya juga akan ambil apa yang dikatakan oleh Justice Abdul Hameed dalam *Reid Commission*. Saya tengah buat research dalam perkara ini. Akan tetapi saya akan terangkan asasnya dahulu. Supaya apabila asasnya betul, kita boleh memahami kenapakah kami Pakatan Rakyat ini bukan menentang Kerajaan Persekutuan tetapi ada beberapa bahagian yang kita rasa perlu diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak mengatakan bahawa apabila kita di dalam kes jenayah ini, kita kena faham. Saya mengakui bukan senang untuk kita berhujah ini, sebab kalau kita berdiri di atas kasut orang yang menjadi mangsa memang kita akan merasakan bahawa patut pun mana-mana orang yang melakukan jenayah ini patut dihukum. Kita boleh bersetuju. Akan tetapi di dalam masa yang sama, kita juga kena faham apa perasaan seperti mana sahabat-sahabat orang Islam diperlakukan oleh Amerika dalam Guantanamo Bay. Sebab itulah Amnesty International apabila membuat satu laporan berkaitan dengan undang-undang terrorism di UK mereka mengatakan undang-undang itu adalah Guantanamo Bay of England. Saya tidak mahu kita nanti dicop, sebab apa yang kita buat dipandang oleh semua negara di dunia ini. Kita tidak mahu nanti undang-undang ini kita dicap sebagai Guantanamo Malaysia. Malu imej kita.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Nampak tu, apabila kita kata hendak minta jaga imej pun dia marah.

■1710

Saya tidak ada marah, saya tak ada masalahlah, tak ada masalah itu. Saya nak katakan Tuan Yang di-Pertua bahawa apabila kes jenayah sehari sahaja kita tahan orang tanpa dibicarakan, dia melibatkan kebebasan seseorang. Kebebasan ini tak boleh bila kita dah tahan orang itu kita nak *recompense it*, dengan izin, tak boleh. Dia tak boleh diubah dengan wang ringgit. Berbeza dengan kes sivil. Kes sivil ini kalau sekiranya berlakunya satu kes di mana kita kalah kah, dia boleh *dicompense it* melalui wang ringgit tetapi kes jenayah tidak begitu. Sebab itu dalam kes jenayah, ia ada beberapa asas yang telah dipersetujui antaranya prinsip *presumption innocence*. Sebab itu dalam kes jenayah dia punya *burden of proof*, dia punya *standard of proof* ini adalah amat tinggi.

Dalam kes sivil, dia hanya *balance of probabilities* tapi dalam kes jenayah diletakkan sampai di peringkat *beyond reasonable doubt*. Sebab apa? Sebab kes jenayah ini adalah satu kes yang serius. Apabila kes yang serius, maka tak boleh suka-suka kita buat. Sebab kita kena faham juga diambil satu prinsip, sebab itu hakim baik dalam undang-undang Islam ataupun dalam undang-undang yang sekarang berlaku, ada satu prinsip yang dikatakan bahawa lebih baik seorang hakim tersilap membebaskan orang yang bersalah daripada tersilap mensabitkan orang

yang tak bersalah. Kalau ada 10 orang hakim tersilap jatuhkan hukuman, dia salah tapi hakim tersilap bebaskan dia lebih baik daripada tersilap seorang sahaja didapati tak bersalah tetapi hakim jatuhkan hukuman dia bersalah. Ini prinsip yang diambil daripada hadis, bukan main-main.

Jadi saya nak katakan bahawa sebab itulah kita tak boleh main-main dalam perkara ini. Kita kena faham, apabila kita tentang ini antaranya kita menentang kenapakah kalau benar mereka ini salah sekali pun, tak bawa ke mahkamah? Sebab mahkamah ini, hakim-hakim ini *ditrain* sebab itu hakim, dia tak buat keputusan berdasarkan apa yang orang cakap. Dia buat keputusan berdasarkan keterangan. Hakim ini sebab itu kalau orang menangis sekalipun dia tak...

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sepang, terima kasih bagi laluan. Saya sebenarnya saya tak berapa nak faham ini sebab saya bukan *lawyer* tetapi yang saya faham as a *layman*, undang-undang yang kita buat ini adalah untuk mencegah. Kemudian bila undang-undang ini diluluskan, digazet, semua orang tahu kata kalau kita buat macam ini, macam ini kita akan dapat macam ini, macam ini. Hukum, sebab dan akibat. Jadinya kalau kata penjenayah ini pun dia akan tahu kalau dia buat, dia akan kena macam ini, macam ini tapi kalau dia nak buat juga, saya tak nampaklah elemen rasa *victimize*, elemen dianiaya dan sebagainya.

Jadi saya melihat bahawa apa Yang Berhormat Sepang cuba nak bawa daripada sudut Islam dan sebagainya itu saya akui namun dalam elemen rang undang-undang yang dibawa ini tidak melibatkan, tidak menganiayai sesiapa kerana semua orang tahu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat dari Jerlun. Kenapa kita menentang penahanan tanpa bicara, dalam undang-undang ini dibenarkan penahanan tanpa bicara, begitu juga ISA. ISA dulu apabila kerajaan meluluskan ISA, kerajaan bagi jaminan tidak akan ada *abuse of power* tapi bila berlakunya, saya nak bagi contoh kes Mahkamah Persekutuan melibatkan antaranya Ezam Mohd. Noor dan beberapa orang yang lain yang ditahan. Apabila mereka *challenge* melalui *habeas corpus* di mahkamah dengan affidavit-afidavit yang dikemukakan, mahkamah sendiri, ini bukan saya kata tetapi mahkamah sendiri mengatakan bahawa orang-orang yang ditahan ini telah dituduh dengan tuduhan-tuduhan yang langsung tidak wujud.

Saya nak cerita sedikit apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Undang-undang kalau kita lihat ya, saya nak baca rang undang-undang ini. Kita lihat seksyen 15A, saya bacakan dalam bahasa Inggeris. "*Judicial review of act or decision of board. (1) There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or finding or decision made by the board in the exercise of its discretionary power...*" bla, bla. Okey, kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat yang pernah tengok ISA, undang-undang

ini adalah *copycat* daripada apa yang ada dalam ISA. ISA kalau tak silap saya, seksyen 8. Seksyen 8 ada berkaitan dengan *provision* seperti ini.

Saya nak ceritakan apa sejarah seksyen 8, ISA. Ia melibatkan kes yang melibatkan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Apabila beliau ditahan di bawah ISA, beliau telah cabar kes ini di mahkamah melalui *judicial review* dan mahkamah telah memutuskan bahawa penahanan Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak sah dan apabila kerajaan membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan untuk mencabar keputusan Mahkamah Tinggi itu, dalam proses rayuan itu mahkamah gunakan Parlimen, BN gunakan 2/3 untuk buat satu rang undang-undang tambahan pindaan masukkan klausa ini. Maksudnya mahkamah memperkenalkan apa yang dipanggil dalam undang-undang, ini dipanggil '**oyster**' *clause*. '**Oyster**' *clause* maksudnya kita keluarkan bidang kuasa mahkamah.

Sedangkan dalam prinsip *Westminster*, kita ini demokrasi berparlimen ini kita dah bersetuju ada tiga *branch of government*. Pertamanya, *legislative* iaitu kita semua ini. Kemudiannya ada *executive* kemudian ada *judiciary*. Peranan *Judiciary* adalah untuk sebagai *check and balance* untuk memastikan apa sahaja tindakan *legislative* kah *executive* ini mesti *within the confine of law*. Sebab itulah kita bagi kuasa untuk mahkamah *review* sebarang keputusan. Rakan saya dari Kinabatangan mengatakan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Dia percaya polis tidak akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang sekali lagi bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya, silakan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tak, saya dengar Yang Berhormat Sepang ini cakap seolah-olah negara kita sahaja yang akan mengenakan *detention without trial*. Tadi Yang Berhormat cakap *Westminster*, bolehkah Yang Berhormat bagi tahu dalam Dewan yang mulia ini selain daripada Malaysia, ada tak negara-negara lain yang menggunakan *detention without trial* ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Ada, memang ada antaranya UK sendiri. Ada beberapa akta, saya rujuk dalam buku *Just Law* ini. Apabila dibuat undang-undang itu tetapi bezanya di sana, mereka tak kenakan kepada rakyat mereka, dia kepada orang lain, kepada orang yang bukan warganegara. Itu pun undang-undang di sana telah dicabar di mahkamah. Undang-undang di sana tidak menghalang proses untuk dibawa ke mahkamah. Walaupun mereka ditahan *without trial* tetapi untuk *judicial review*, dia tidak *confine* untuk teknikal sahaja sedangkan dalam seksyen 15(A) ini dia mengatakan *judicial review* hanya *confine*, hanya terhad kepada untuk kita mempertikaikan tentang *any question on compliance of any procedural requirement*.

Bermakna kita tidak boleh mempersoalkan *the subjective discretion of any body who make decision*. Kalau dahulu Menteri, sekarang Menteri pindahkan kuasa itu kepada satu jawatankuasa,

kepada *board*. Sebenarnya ada beza, bermakna kamu cuma memindahkan kuasa yang *draconian* itu daripada satu *body* kepada satu *body* yang lain. Apa bezanya?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: [Bangun]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang ada apa lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh, tak ada masalah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya nak tanya, saya tak mahu bahas cuma nak tanya sahaja. Dekat Malaysia ini selain daripada undang-undang yang kita hendak perkenalkan ini, ada tak undang-undang lain yang kita masih amal *detention without trial*?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ulang balik.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Di negara kita, ada tak undang-undang lain yang kita masih amalkan *detention without trial* ini, ada tak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu yang saya pelik. Kalau kerajaan dah mansuhkan ISA, kita dah setuju dah mansuhkan ISA, setuju mansuhkan EO, yang kita kembalikan semula akta ini buat apa?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tak, tak bukan yang ini, yang selain daripada itu. Yang hari ini masih ada tak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya, yang saya tahu tidak ada.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ha? Ada Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ha, kalau ada itu pun kita tentang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tak apalah, saya nak tanya sahaja. Nanti saya ulaslah. Bermakna Yang Berhormat pun tak kajilah undang-undang Malaysia ini dengan begitu betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, kalau sekiranya...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ada, LLPK itu masuk ada, itu di Malaysia Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey. Kalau ada, tolong beritahu saya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tak, tak Yang Berhormat. Soalnya, pembangkang ini cakap hak asasi, *detention without trial* ini ia isu. Bila saya tanya UK, Yang Berhormat kata ada. Oh dekat UK dia gunakan untuk *non citizen*. Eh *non citizen* ke *citizen* kah *you do human rights*? Jadi kita bercakap, Yang Berhormat bercakap buat contoh di UK, Amerika ada tak? Jiran kita, Singapore ada tak? Yang Berhormat banyak tunjuk buku tebal bukan main tebal, dalam Malaysia pun masih ada kita amalkan ini. Langkah-langkah pencegahan dadah (LLPK) masih lagi *detention without trial*. Yang Berhormat tak sedarkah benda ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebenarnya, sebab itulah kami tentang undang-undang ini seperti mana kami tentang undang-undang lain. Prinsip Pakatan Rakyat adalah

sebarang undang-undang yang tidak membenarkan seseorang itu dibicarakan di mahkamah tetapi membenarkan pula seseorang ditahan tanpa bicara, kita tentang. Apa nama sekali pun, nama tak penting.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yalah, tak usahlah tunjuk sangat buku itu. Buku itu siapa yang karang? Janganlah nak *act* nak julang negara asing. Negara asing pun buat benda macam ini juga. Yang Berhormat kena praktikallah cakap. Saya pun dahulu sewaktu saya belajar, saya pun sama juga tak suka.

■1720

Apabila saya jadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, saya tahu sebab apa ada. Nanti, tunggu hujah saya. Jadi, saya hanya hendak dapat penjelasan. Saya hendak tengok Yang Berhormat ini faham atau tidak apa Yang Berhormat cakap. Itu saja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Speaker, saya rujuk buku ini. Buku ini ditulis oleh *Queen's Counsel*, yang setakat saya belajar...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya lah maksud saya, kalau dekat UK pun ada, mengapa Yang Berhormat hendak bising?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Beri saya jawab dahulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Pergi dekat UK lah, pergi salak sana. *Its a... human right or not.* Janganlah bawa di Malaysia. Bila Malaysia ini, kan heboh, apabila bercakap "*Western bagus, sana bagus, Malaysia akan malu.*" Apa Yang Berhormat cakap ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey duduk, sudah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Prinsip itu kena betul hendak cakap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bagi. Saya hendak katakan Tuan Speaker, sebenarnya apa salahnya saya rujuk satu buku yang diambil? Dalam Islam pun dia kata [*Berucap dalam bahasa Arab*] hikmah ini benda yang tercicir, ada yang benda baik sahaja pun kalau... [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, saya bukan hendak sanggah ayat *al-Quran* Yang Berhormat ini tetapi Yang Berhormat jangan salah dan menyeleweng Dewan. Apa, kalau kita gunakan undang-undang ini kita ada perkauman kah? Kalau ikut perangkaan daripada KDN, yang baru-baru ini Ops Cantas yang paling ramai ditangkap, Melayulah.

Janganlah kata apabila kita hendak kenakan undang-undang ini seolah-olah hendak kaitkan, seolah-olah kita tidak akan adil kepada bangsa-bangsa lain. Itu *statement* yang bahaya. Yang Berhormat ingat, saya tahu ayat *al-Quran* tetapi janganlah hendak menyelewengkan Dewan. Ini yang saya minta.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Speaker, dia mengacau.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jangan hendak keliru Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Biar saya terangkan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Semua orang tidak kira Melayu, Cina, India siapa pun salah, tangkap. Bukannya ISA ini untuk sesuatu kaum. Yang Berhormat buat contoh zaman Yahudi itu buat apa? Betullah Yang Berhormat cakap seolah-olah kalau ada undang-undang esok yang bukan Melayu lepas, kalau Melayu kena. Tidak boleh macam itu, menghina kita sendiri, menghina pemimpin Malaysia yang ramainya Melayu dan Islam. Janganlah hendak memalukan bangsa sendiri. Sudahlah sokong Chin Peng, tidak tahu malu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak ada masalah, saya tahu. Tuan Speaker, saya rasa semua dengar, adakah dalam ucapan saya menyentuh soal bangsa? Saya memberi contoh *asbabun nuzul*. Pertamanya, saya tanya Yang Berhormat Tanjong Karang, *asbabun nuzul* ini faham tidak dalam bahasa Melayu apa? [*Dewan riuh*] Faham atau tidak faham? Faham tidak apa dia? Apa dia? Tak tahu diamlah. [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tafsir, tafsir sendiri...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya sengaja biarkan tetapi berlarutan begini, tidak bolehlah hendak berdialog. Jangan tanya Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang jawab. Jangan pula tanya Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang jawab. Jadi, tadi Tuan Yang di-Pertua sudah ingatkan, hormati Tuan Yang di-Pertua yang ada di atas ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Tuan Sepaker, Cuma tadi saya rasa Yang Berhormat Tanjong Karang mungkin tersilap dengar tetapi yang saya cakap, tidak ada langsung cerita pasal perkauman tetapi saya cuba menceritakan sebab turun ayat, ayat Surah *an-Nisa'* 105. Ayat itu menceritakan bagaimana orang Islam menganiaya orang Yahudi.

Saya tidak cakap undang-undang ini untuk Melayu dan Cina. Bagi saya, sesiapa pun rakyat Malaysia, tidak mengira bangsa sama ada Melayu, Cina, India...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya hendak tanya Yang Berhormat, apa kena-mengena ayat dengan akta ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap, sabar dahulu. Saya bagi kemudian, sabar dulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak ada kena-mengena dengan akta. Ayat itu kalau *you* tafsirkan dengan akta ini, seolah-olah kita akan menganiaya orang lain, tidak bolehlah macam itu Yang Berhormat. Saya kalau cakap mengenai... saya dengarlah, ini hendak bercakap lebih.

Seorang Ahli: Ini *floor* siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tanjong Karang, selalu bercakap kalau bangun ikutlah peraturan mesyuarat. Dia bangun boleh pula, tetapi tidak

mengapalah, saya hendak kata begini, saya hendak kata Yang Berhormat Tanjong Karang, sebenarnya niat saya *quote* ayat *al-Quran* itu untuk hendak beritahu bahawa kita orang Islam ini ada panduan. Panduan kita, kalau kita hendak buat sesuatu perkara, jangan berlaku tidak adil. Itu tujuan saya.

Saya hendak katakan Islam ini mempromosikan keadilan untuk semua. Oleh sebab itu bagi saya, undang-undang ini yang terpakai untuk seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, kaum, agama maka sebab itu kita kena berlaku adil iaitu kita mesti memberikan keadilan. Antaranya, mereka ini kalau didapati melakukan kesalahan, apa salahnya kita bawa ke mahkamah seperti mana kita hendak beritahu kepada macam mana...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun. Hendak bagi laluan? Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Nanti, saya akan bagi kemudian. Jangan takut, saya akan bagi. Biar saya jelaskan dahulu. Saya hendak katakan bahawa dalam undang-undang ini, kita mesti jadikan mahkamah itu tempat untuk orang itu membela. Kalau tadi kata Yang Berhormat Kinabatangan, "*Saya tidak percaya polis akan bersikap aniaya orang.*" Kalau polis tidak menganiaya orang, kenapa polis takut untuk bawa kes ke mahkamah? Polis mesti bersifat – saya rasa peranan polis adalah bukan sebagai polis pendakwa dan juga hakim. Dia hanya menyiasat. Selepas dia siasat, dia kena bagi kertas siasatan kepada pendakwa untuk dibawa ke mahkamah.

Oleh sebab itu bagi kita, kita mesti bantu polis maknanya kalau ada kes-kes penjenayah yang mana polis telah tangkap dia...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tadi Yang Berhormat Sepang berkata kita tidak boleh mengambil satu sikap di mana kita kata "*Okey polis tangkap dan selepas itu terus dijatuhkan hukuman.*" Sebagai seorang peguam, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, pernah tak banyak kes jenayah yang pergi ke mahkamah, akhirnya di mahkamah telah dibuat keputusan bahawa dia tidak bersalah dan dibebaskan.

Maksudnya dalam situasi seperti itu, seseorang yang tidak bersalah dibawa ke mahkamah dan diberi pengadilan yang betul dan dibebaskan. Dalam situasi ini, apabila beliau tidak dibawa ke mahkamah, mungkin dia akan teraniaya daripada undang-undang yang kejam ini. Setuju tak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Setuju. Saya amat setuju. Oleh sebab itulah saya kata tadi mahkamah adalah forum yang paling baik, paling layak sebab mahkamah ini apabila dia dengar satu keputusan, dia tidak ada sifat prejudis, dia hanya berdasarkan *evidence* yang di *present* di hadapan dia.

Oleh sebab itu seorang hakim, macam mana dia benci dengan seseorang itu pun, dia boleh buat keputusan yang mungkin boleh memihak kepada orang itu sebab hakim berdasarkan apa – Oleh sebab itu dalam satu prinsip dalam satu perundangan Islam dia kata *[Berucap dalam*

bahasa Arab]. Saya cakap ini sebab saya belajar Syariah. Saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat Tanjong Karang belajar Syariah atau tidak. Kalau belajar, dia mungkin senang faham. Hendak saya terjemahkan? [*Berucap dalam bahasa Arab*] Hendak terjemahkan?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apalah. Saya hendak tanya, sebab itu daripada mula saya tanya tadi, soalan asal saya tetapi tidak apalah, saya tengah tunggu saja, apa beza di antara Artikel 79 dan juga Artikel 149 Perlembagaan Persekutuan? Kalau Yang Berhormat boleh terangkan dengan saya beza di antara dua. Yang Berhormat akan faham daripada mana punca undang-undang ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apa, saya kata tadi, saya belum lagi sampai ke 149. Saya akan bangkit, saya akan rujuk kepada buku... **Edward Harding** berkaitan dengan 149 ini.

Tuan Speaker, saya hendak mengatakan bahawa kenapa kita harus bawa ke mahkamah? Oleh sebab mahkamah adalah forum untuk menegakkan keadilan. Jadi, sebab itulah apabila kita tutup pintu mahkamah, kita tidak benarkan *judicial review*, bermakna kita menganggap apa sahaja yang dibuat oleh *Pardons Board* itu adalah betul. Tidak ada satu badan yang *independent*, yang boleh menentukan sama ada betul atau tidak betul.

Oleh sebab itulah dalam undang-undang, saya beri contoh kalau siapa yang biasa buat kes *industrial court*. Dalam kes *industrial court*, kita tidak boleh merayu, apa juga keputusan *chairman* tidak boleh rayu tetapi kita boleh buat *judicial review*, sebab apa? Supaya mahkamah boleh kaji sama ada keputusan Mahkamah Persekutuan itu betul atau tidak. *Judicial review* ini satu perkara yang asas sebab mana-mana keputusan ini *must* dengan izin, *subject to scrutiny by higher body*.

Dalam konteks ini, mungkin daripada 10 tangkapan, *Pardons Board* membuat keputusan yang betul. Pergi mahkamah, mahkamah sahkan. Persoalannya, kenapa kita harus takut? Kenapa kita harus bimbang untuk bawa ke mahkamah? Kalau kita bimbang bawa ke mahkamah bermakna kita takut untuk memberitahu kepada orang bahawa apa yang kita buat itu betul. Kalau kita buat itu benda yang betul, kita tidak perlu takut. Kita tidak perlu takut ada *body* yang boleh *check* atau *verify* apa yang kita buat.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jejebu]: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Oleh sebab itulah mahkamah adalah yang terbaik tetapi apabila Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Pekan mengatakan bahawa sudah sampai masanya kita hapuskan ISA bermakna Yang Berhormat Pekan sendiri mengakui bahawa undang-undang *preventive*, undang-undang tanpa bicara ini satu undang-undang yang tidak boleh dikedalkan selamanya sebab banyak berlaku penyelewengan, banyak berlaku salah guna kuasa.

Jadi kalau Yang Berhormat Pekan boleh hapuskan ISA, yang kita boleh puji tindakan tersebut tetapi konsistensi, keikhlasan. Macam mana kalau Yang Berhormat Pekan boleh hapuskan ISA, tiba-tiba roh ISA atau *spirit* ISA dikembalikan semula, ditiup masuk ke dalam akta ini, yang ini kita tidak boleh terima. Kalau kita betul-betul hendak perubahan, kita buat perubahan

sebab kita tidak mahu *judiciary* ini, kalau dia hanya boleh dengan *judicial review* dengan perkara *non compliance of technical defect*.

■1730

Ini bermakna, seperti mana yang dikatakan oleh satu mahkamah di Australia, mahkamah menjadi *appendage of executive*.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Boleh sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jelebu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Oh, *sorry* tidak nampak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Jadi, tadi Yang Berhormat Sepang ada menyatakan kenapa polis takut untuk bawa ke mahkamah. Isunya bukan polis takut. Mungkin kekeliruan timbul di sini. Isunya ialah untuk ke mahkamah, tanggungan terberat ialah soal pembuktian. Ini masalahnya yang dihadapi oleh polis dalam membawa kes-kes berkaitan dengan jenayah yang terancang ini, soal pembuktian.

Jadi, oleh kerana itu akta ini dipinda untuk memperkukuh dan memberi peluang supaya rakyat yang sekarang ini rasa tidak selamat oleh kerana EO, RR dan semua sudah dibatalkan, maka peningkatan dalam jumlah jenayah berat ini meningkat. Oleh sebab itu kerajaan membawa semula undang-undang ini dan disesuaikan. Kalau dahulu kuasa Menteri tetapi sekarang ini dipindahkan kepada kuasa Lembaga yang terdiri daripada hakim-hakim. Oleh sebab itu bukan soal takut tetapi soal pembuktian dan pembuktian itu sangat sukar untuk dilaksanakan dalam tempoh terdekat untuk dibawa ke mahkamah. Akan tetapi soal keselamatan rakyat dan polis memang jelas mempunyai keyakinan daripada sumber-sumber yang ada. Maka, sebab itu kepentingan keselamatan rakyat itu lebih utama. Oleh sebab itulah saya fikir kenapa undang-undang ini wajar kita pertahankan dan sokong. Bukan untuk menganiaya dan menidakkan soal kepentingan hak asasi manusia dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat dalam soal ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi mohon.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap. Selepas saya jawab Yang Berhormat Jelebu, saya bagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Jelebu, saya tidak kata bahawa hendak bukti satu kes ini senang. Memang ada masa-masanya polis atau pihak pendakwa ada kesukaran untuk membuktikan tetapi itu bukan menjadi jalan singkat untuk kita menafikan atau pun memadamkan prinsip yang telah diterima pakai sejak azali lagi iaitu seorang dianggap tidak bersalah kecuali dibuktikan bersalah. Kalau tidak ada prinsip ini, kita semua akan menjadi mangsa, bahaya. Mungkin sekarang kita rasa, 'oh, aku tidak ditangkap'. Cuba bayangkan. Saya pernah membuat

satu kes yang melibatkan kes rogol. Ada orang menyatakan, “*you tidak ada anak perempuan kah, macam mana you boleh bela perogol?*” Saya tanya dia balik, “*you tidak ada bapa atau abang kah?*” Dia kata kenapa? “*Cuba bayangkan abang kamu dituduh merogol dalam keadaan dia tidak merogol. Apa jadi?*” Ketika itu kamu perlukan *lawyer*. So, begitulah. Saya rasa Yang Berhormat Tanjong Karang pun sedar tentang prinsip ini kalau dia belajar undang-undang. Dia tahu. Jadi, prinsip ini adalah prinsip yang sudah lama diterima pakai.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: [Bangun]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap Yang Berhormat Jerlun. Nanti saya bagi.

Saya hendak katakan, kalau sekiranya kita merasakan pembuktian ini sukar, ada mekanisme lain. Oleh sebab itu saya tengok dalam akta ini, CPC atau Evidence Act ini, ia juga membuat pindaan. Antaranya kalau dalam kes-kes serius ini, saksi boleh memberi keterangan dalam keadaan ditutup mukanya. Ini boleh berlaku di negara lain. Juga suaranya. Dalam undang-undang berkata, “*distort voice*”. Maknanya, suara dia yang asal sebab dia takut nanti saksi, OKT ini— prinsip asal, saksi mesti beri keterangan di hadapan orang yang kena tuduh. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua memahami sebab beliau juga seorang pengamal undang-undang sebelum ini. Pernah membela kes jenayah. Dia mudah faham.

Jadi, saya hendak beritahu bahawa dalam kes jenayah ini kita boleh buat satu undang-undang, saksi beri keterangan dengan tutup muka dia. Saya pernah buat satu kes rogol yang melibatkan budak. Kita bagi keterangan melalui TP. Kes pertama di Malaysia ini di mana keterangan budak diberi melalui – tidak di hadapan OKT tetapi di hadapan sebuah bilik yang ada rakaman. Ini boleh berlaku. Jadi, kita boleh buat *revamp* dari segi undang-undang keterangan tetapi kita jangan sesekali memadamkan prinsip yang telah diterima pakai di seluruh dunia. Kita jangan *reverse* prinsip ini, sebab prinsip ini kalau kita *reverse*, satu hari ia mungkin menghantui diri kita sendiri. Oleh sebab itu kata Helena Kennedy, QC – *Queen's Counsel*. Untuk makluman, dia ini *Queen's Counsel*. Orang pandai. Saya tidak tahulah Yang Berhormat Tanjong Karang ada *Queen's Counsel* atau tidak sampai hendak mempertikaikan orang ini.

Saya hendak katakan bahawa dalam prinsip ini, dia kata kalau kita mewujudkan undang-undang ini tetapi kita tidak benarkan dibicara, kita akan *create more crimes*. Ini kerana akan wujudnya satu keadaan di mana orang tidak *trust* kepada undang-undang. Orang merasakan bahawa— oleh sebab itu jangan kita meremehkan bahawa banyak juga kes di mana orang telah disalah tuduh. Jangan kita anggap perkara ini perkara yang remeh. Saya sebagai seorang pengamal undang-undang sudah 20 tahun, saya tahu bagaimana kadangkala kerana surat khabar, kerana *public outcry*, dengan izin, maka orang telah menghukum walaupun seorang itu belum dihukum. Ini perkara biasa. Oleh sebab itu dalam kes-kes yang melibatkan juri, kadang-kadang kita lihat juri dilarang membaca surat khabar supaya dalam segi membawa kesan, ia tidak *influenced*, dengan izin, oleh apa yang berlaku di luar. Akan tetapi dalam kes kita tidak ada sistem juri di mana hakim mungkin membaca surat khabar dan akan terpengaruh. Oleh sebab itulah undang-undang amat menitikberatkan tentang *presumption innocent* ini tetapi apabila kita buat undang-undang

melarang orang dibawa ke mahkamah, bermakna secara mudahnya kita menganggap *presumption innocent* ini tidak penting.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: [Bangun]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kita menganggap tidak apa, seolah-olah kemuliaan insan tidak ada apa-apa, sedangkan al-Quran kata - [Berucap dalam bahasa Arab]. Kami muliakan Bani Adam. Oleh sebab itulah kita semua, macam mana kita tidak suka kepada seseorang itu pun, walau pun kita kata dia ini penjenayah. Macam mana kita tahu dia ini penjenayah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Macam mana kita tahu yang ditangkap itu penjenayah? Ia mesti dibuktikan. Oleh sebab itu dalam mahkamah, kita tidak panggil orang itu penjenayah. Kita panggil *accused*. Kita panggil orang kena tuduh. Bermakna, hanya kerana orang itu ditangkap, hanya kerana orang dibawa ke mahkamah, bukan dia bersalah. Dia hanya dituduh. Oleh sebab itu kita tidak boleh kata dia melakukan kesalahan. Kita kata ia dituduh melakukan kesalahan, *an alleged offence*. Oleh sebab itu saya hendak kata bahawa kalau kita tidak faham prinsip-prinsip ini, mudah untuk kita mengatakan akta ini patut dibuat. Saya akui. Yang Berhormat Kota Tinggi, silakan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sepang beri laluan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Sepang, tadi disebut akta ini ialah untuk pencegahan. Maknanya, sebelum. Kalau sudah selepas, bukan pencegahan.

Jadi, keduanya, ISA itu *direpel* sebab mungkin sudah lama tetapi yang ini khusus untuk menangani jenayah yang berat atau *organized crime*. Ini soalan sebentar tadi menyatakan kalau kita lebih baik kita salah membebaskan daripada kita salah menghukum. Jadi, pandangan saya, kalau kita salah membebaskan dan kita tahu orang ini mungkin menyebabkan kematian yang lebih. Kepada orang ramai mungkin dia dua geng, dia bergaduh. Kalau kita tahan dia, mungkin dua-dua tidak mati tetapi kalau kita tahan dia awal, mungkin dia kena tahan. Akan tetapi kalau tidak tahan mungkin dia mati, mungkin orang lain mati. Antara mati dibunuh dengan penahanan. Jadi, saya tengok ada satu perkara yang kita kena timbang taralah, yang mana satu yang *actually* kita kena buat. Itu sebab namanya pencegahan, sebelum berlaku.

Saya katakan tentang keadilan, undang-undang ini untuk menegakkan ketenteraman supaya kesejahteraan terdapat dinikmati oleh orang ramai. Kita tengok keadilan prinsip orang. Apa jadi pula kalau dia membunuh, menyebabkan ketidaktertenteraman kepada orang lain. Kita kena lihat keadilan kepada orang lain juga.

Jadi, saya ingat akta ini untuk mengekalkan kesejahteraan sesebuah negara, kepada masyarakat ramai, *civil society*. Jadi, dalam kesejahteraan ada keadilan, ada ketenteraman, ada ekonomi, pembangunan, kemakmuran. Ini semua kesejahteraan. Keadilan ini mungkin kita lihat dari sudut—saya tidak kata dari sudut kecil. Keadilan ini penting untuk semua tetapi dalam rang

undang-undang ini kita menekankan supaya keadilan dapat dinikmati oleh semua. Tidak hanya kepada golongan atau individu tertentu yang mungkin menjadi *potential* atau menyebabkan masalah kepada negara. Saya tanya pandangan Yang Berhormat Sepang. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kota Tinggi semula ya. Kita tanyalah, kalau seorang itu ditangkap, dia melakukan kesalahan. Adakah kita terus menyatakan dia bersalah? Kalau itu *you* punya pendirian, saya rasa kita kena lanjutkan prinsip itu kepada semua kes juga. Oleh sebab itu saya beri contoh tadi. Dalam kes Altantuya. Bukan saya hendak *politicise*. Dalam kes Altantuya, pembunuhan yang ngeri. Pembunuhan yang menjatuhkan imej negara kita. Patut kalau kita gunakan untuk hendak jaga nama baik kita, kita tangkap terus tembak macam kata Yang Berhormat Kinabatangan di China.

■1740

Di China pun dia tidak baca, di China pun dia dibicarakan juga. Cuma hukuman itu setelah bersalah hendaklah dikenakan hukuman tembak bukan bermakna tangkap terus tembak. Kalau kita gunakan begitu bermakna polis kita ni jadi polis, juga jadi hakim, jadi pendakwa dan juga *executioner*. Bermakna ini tidak boleh.

Kalau kita biarkan keadaan ini, ia akan membawa satu *chaos*. Maka sebab itulah kalau kita lihat, prinsip-prinsip inilah yang kita lihat agak pelik. Dan oleh sebab itulah saya yakin Peguam Negara berbeza pendapat dengan Yang Berhormat Menteri. Peguam Negara seorang yang mempunyai kelulusan undang-undang, dia tahu. Dia mengatakan sebelum ini, *preventive law* hendaklah ditiadakan.

Jadi saya khuatir. Sekarang ini kerajaan perlu merujuk kepada Peguam Negara, dan mungkin Peguam Negara mereka protes benda ini tetapi mereka sebagai pegawai kerajaan mereka tidak boleh buat apa-apa...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas bangun Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tadi hujah-hujah yang telah diujahkan tadi, saya rasa pihak Barisan Nasional menganggap, ada sikap bahawa, kalau ada tuduhan mesti sudah ada kesalahan, dan bagi saya seksyen yang hendak ditambah, seperti seksyen 25 dalam Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 ini hendak menambah satu seksyen 21(a) hinggakan *Inquiry Officer* dan juga Lembaga atau *Board* tidak boleh memberikan apa-apa fakta, ataupun dokumen, dan kenapa mereka buat keputusan sedemikian, dan seseorang itu boleh ditahan tanpa kita mengetahui apa sebab beliau ditahan sama sekali.

Jadi sebagai contoh salah guna kuasa. Sekarang di bawah *Registrar of Society*, dengan izin, tanpa undang-undang ini, sikap ROS terhadap DAP pun kerana ada tuduhan meski tiada kesalahan. Tidak ada hak untuk didengar. *Rule of natural justice* pun ROS tidak ikut, maksudnya kalau ada tuduhan mana-mana *Member*, ada kepincangan dalam suatu pilihan parti, mestilah

mendengar pihak yang lain. Setiausaha Agung DAP, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang hendak pergi jumpa pun tidak hendak. Arahkan sahaja, terus mesti buat pemilihan semula.

Jadi maksud saya ini ialah, sikap pegawai-pegawai kerajaan, dan juga mungkin *Inquiry Officer* dan lembaga, dia akan salah gunakan kuasa, kalau ada mereka yang ada minda sedemikian. Ada tuduhan sudah jadi kesalahan tanpa mendengar ataupun memberi fakta ataupun keadaan yang sebenarnya untuk memberi peluang untuk yang ditahan untuk memberi penjelasan ataupun pembelaan. Setuju tidak, ini akta pindaan yang hendak dibawa ini sudah keterlaluan?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Yang Berhormat Sepang. Tujuan akta ini ialah untuk menurunkan kadar jenayah. Saya telah menerima jawapan *Pertanyaan Jawab Lisan* dari Menteri Dalam negeri tentang aktiviti gengsterisme dan di mana pihak polis telah melancarkan Ops Cantas khas bermula 17 Ogos tahun ini, dan mengikut jawapan,

“Hasil daripada operasi yang dijalankan sehingga 18 September 2013 seramai 212,259 orang yang disyaki telah dibuat tapisan. Seramai 8,898 orang telah ditangkap, dan sebanyak 2189 senjata api dan senjata berbahaya telah pun dirampas.

Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi ini dijalankan, adalah penurunan jenayah indeks terutama kes yang melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh- yang menurun hampir 42% daripada 69 kes kepada 40 kes dalam tempoh sebulan operasi dijalankan.”

Nampaknya bila pihak polis bertindak dengan mengadakan operasi, jenayah indeks turun tanpa mengadakan tahanan tanpa bicara. Setuju atau tidak Yang Berhormat Sepang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bersetuju..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Sepang, saya mencelah sedikit boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap, okey boleh.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sekejap sahaja, ini penting. Tadi Yang Berhormat Sepang ada sebut tentang Peguam Negara, *AG Chambers* pun tidak berapa menyokong isu ini.

Saya hendak beritahu tentang Peguam Negara, Abdul Gani Patail pula nyatakan, dia telah menyatakan bahawa, setakat 24 Ogos 2013, beliau tidak mendapat sebarang bukti yang mengaitkan pemansuhan EO dengan peningkatan jenayah kini. Di mana berdasarkan statistik PDRM, hanya 263 kes daripada 1,567 tahanan. Daripada 263 tahanan daripada 1,567 tahanan sahaja yang melakukan jenayah selepas dibebaskan selepas EO dimansuhkan. So, statistik ini tidak menunjukkan pemansuhan EO ini telah mengakibatkan jenayah bertambah. Apa pendapat Yang Berhormat Sepang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas, terima kasih kepada Selayang, terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar. Kesemua ucapan ataupun pertanyaan itu saya setuju dan saya juga ingin sebagai sebahagian daripada ucapan sayalah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ada kaitan sedikit dengan Yang Berhormat Selayang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya, sila-sila.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tadi saya sokong penuhlah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Selayang. Jadi hendak tanya Yang Berhormat Sepang sama ada setuju atau tidak. Sebenarnya kalau hendak mengurangkan jenayah polis patut menyelesaikan kes jenayah, dan bukan masuk atau sumbatkan orang yang tidak atau belum lagi disabitkan kesalahan ke dalam penjara.

Baru-baru ini saya tahu Menteri Dalam negeri telah memberikan jawapan kepada Yang Amat Berhormat Bagan mengatakan bahawa, tidak perlu ada penambahan polis dalam CID, ataupun Jabatan Siasatan Jenayah, tapi saya rasa ini adalah satu maklumat yang salah sebab mengikut laporan 2005, polis sendiri telah memohon untuk menambahkan anggota dalam Jabatan Siasatan jenayah. Jadi apa yang kita perlu buat sekarang adalah untuk menguatkan polis menjadikan polis kita moden supaya boleh menyelesaikan kes jenayah dan bukannya untuk menyumbat orang yang belum lagi disabitkan kesalahannya ke dalam penjara.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam, saya amat bersetuju dan saya hendak respons sedikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kapar tadi bahawa, apabila Peguam Negara sendiri mengeluarkan satu statistik mengatakan bahawa, apa yang dikatakan penghapusan EO ini bukan menjadi punca kepada penambahan jenayah, bagi saya ini adalah satu *version* daripada kerajaan, sebab Peguam Negara ini adalah pegawai, pendakwa dan juga penasihat kerajaan.

Jadi kalau orang yang di mana kerajaan sendiri, satu institusi yang kerajaan sendiri perlu mendapatkan nasihat dia, dan dia telah memberi satu kenyataan bahawa itu bukan puncanya, saya tidak faham, dan saya betul-betul ingin dapatkan penjelasan bagaimanakah satu undang-undang boleh dimasukkan di sini, dalam keadaan Peguam Negara sendiri tidak bersetuju. Itu saya kata tadi, mungkin Peguam Negara buat undang-undang ini atas protes. Jadi kalau- sebenarnya ini satu keadaan yang berbahaya apabila kerajaan sendiri "tidak *trust*" kepada Peguam Negara sendiri.

Jadi kalau Peguam Negara tidak setuju dengan akta yang sebegini, tiba-tiba dia kena buat, keadaannya begitu berbahaya sebenarnya ni. Jadi saya risau- apabila ini mungkin berlaku lagi pada hal lain, mungkin suatu hari nanti...

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Minta penjelasan..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya, sila-sila

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih. Penjelasan. Yang Berhormat Sepang asyik menyebutkan, Peguam Negara tidak bersetuju, Peguam Negara tidak bersetuju. Jadi saya rasa kenyataan Yang Berhormat Sepang ini boleh menimbulkan kekeliruan

Dewan dan Peguam Negara tidak ada dalam Dewan ini untuk menjelaskan pendiriannya. Jadi setuju kah Yang Berhormat Sepang kalau kita minta Peguam Negara nyatakan pendiriannya tentang cadangan pindaan undang-undang ini? Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peguam Negara memang tidak ada, tetapi suara dia boleh dapat dibaca.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tidak bolehlah, tidak bolehlah. Dia tidak ada di sini kita asyik kata dia tidak setuju, dia tidak setuju. Betul kah dia tidak setuju? Saya pun tidak pernah dengar apa Peguam Negara kata, dia tidak setuju.

■ 1750

Jadi adalah lebih baik kita tanya sendiri Peguam Negara. Setuju atau tidak setuju dengan cadangan ini? Kalau tidak, kita memfitnah dia. Dia buat pindaan ini, pegawai yang bertanggungjawab kepada pindaan ini, sekarang kita kata dia tidak setuju dan sebagainya. Dia sendiri tidak boleh jawab. Jadi Yang Berhormat Sepang cuba menimbulkan keraguan kepada kredibiliti Peguam Negara sendiri. Ini satu benda yang tidak baik. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak tahulah sama ada. Ini daripada mana? Yang Berhormat Tasek Gelugor. Saya tidak tahulah sama ada dia ini mungkin orang tidak baca surat khabarkah, tidak baca internetkah saya tidak tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini kerana keadaan ini. Tentang perkara ini, dia sudah menjadi pengetahuan umum dan sampai sekarang Peguam Negara tidak pernah menafikan. Peguam Negara, dia satu institusi yang penting. Jadi kalau dia buat kenyataan yang dibaca di semua media maya ini, bermakna...

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sabarlah dulu.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Kita pun ada jumpa Peguam Negara. Peguam Negara kata setuju. Jadi sekarang ini minta Peguam Negara bagi penjelasan kepada umum tentang keadaan ini. Jangan Yang Berhormat Sepang buat andaian dan saya pun buat andaian. Jadi tidak betul. Kita tidak bagi ruang yang betul kepada Peguam Negara untuk membuktikan kedudukan sebenar.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya sudah beri ruang kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor untuk bercakap. Bagi saya peluang untuk menjawab. Saya hendak katakan kalau – saya sendiri tidak merasakan perlunya untuk saya bertanya tetapi kalau Yang Berhormat Tasek Gelugor hendak bertanya kepada Peguam Negara, silakan. Kami tidak halang. Cumanya kami percaya Peguam Negara apabila dia membuat kenyataan yang boleh dibaca di peringkat awam, tidak akanlah dia hendak menjatuhkan maruahnyanya dan selepas itu dia kata dia

tidak cakap. Sampai sekarang dia tidak pernah mengeluarkan kenyataan menafikan apa yang dia cakap itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong bangun. Yang Berhormat Kuala Krai bangun, ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sepang. Hanya untuk perhatian Yang Berhormat Sepang. Saya rujuk kepada satu kenyataan daripada Peguam Negara yang disiarkan pada 16 Julai tahun ini di mana beliau dipetik menyatakan sedemikian. Saya baca dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua.

“Attorney General, Abdul Ghani Patail today’s stress that he does not support the formation of any new law which is allowed preventive detention”.

And he said, Tuan Yang di-Pertua, ini lagi menarik. He said his chambers has not receive any draft of proposal from the Home Ministry or any government body on allow to replace the Emergency Ordinance which allowed the preventive detention.

Selepas itu, untuk kepastian Tuan Yang di-Pertua, beliau dipetik sebagai berkata *‘I will never agree to preventive detention. There is no draft or new law or anything send to my office. I making a clear statement on this for whoever said that there is’.* He told reporters in might.

So saya rasa cukup jelas bahawa beliau sudah menyebut demikian dan untuk pertanyaan tadi sama ada ada atau tidak kita hendak tanya AG menyatakan pendirian. Dua hari yang lalu, saya mengeluarkan *statement* umum minta AG untuk jawab tetapi kalau AG tidak mahu jawab, kita hendak buat apa. Mungkin Yang Berhormat Sepang boleh cadangkan kepada kerajaan yang mereka ada akses kepada AG supaya minta *AG stop this silence and* jawab. Kita tidak mahu satu keadaan di mana satu bil di bawa ke Dewan yang mulia ini di mana bil tersebut jelas ditentang secara prinsip oleh AG atau pendakwa raya tetapi oleh kerana keadaan politik atau keadaan sebagaimana pun yang sedia ada yang saya tidak tahu, beliau tidak menyokong tetapi terpaksa juga bil ini dibentangkan di Parlimen. Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menambah lagi hujah Yang Berhormat Sepang dan disokong oleh Yang Berhormat Puchong tadi. Di atas meja kita ini Tuan Yang di-Pertua, ada pindaan dalam Jawatankuasa Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 pindaan oleh Jawatankuasa diletakkan di depan kita. Perkara-perkara yang dipinda ini *major* dan tidak sepatutnya berlaku bagi satu rang undang-undang yang cukup besar dan penting. Mana boleh kalau contohnya jumlah hari, seolah-olah macam sengaja disilap-silapkan. Daripada 42 diganti dengan 59. Apakah perkara ini tidak difikirkan daripada awal? Ini perkara besar.

Banyak pindaan. Ada di depan kita atas meja ini. Belum pun kita mula hendak berbahas, pindaan sudah ada. Ertinya apa, Tuan Yang di-Pertua? Saya rasa pindaan ini dibuat dalam keadaan protes. Protes daripada *AG’s Chamber*. Buat, kena buat. Ini sudah menjadi tugas

kerajaan, tugas *AG's Chamber* tetapi menunjukkan kepada dibuat lebih kurang supaya kita nampak perkara ini seperti yang didedahkan oleh Yang Berhormat Puchong tadi. AG tidak berapa berminat dan tidak percaya bahawa rang undang-undang ini patut dibawa. Jadi maka berlakulah pindaan – terhadap pindaan yang cukup bagi sayalah buat kesekian kalinya ketidaktepatan, ketidakrapian proses membawa satu rang undang-undang ke Dewan ini. Apa pandangan Yang Berhormat Sepang?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Sepang, sebelum menjawab, boleh saya sambung isu yang sama juga? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang kerana memberi laluan. Tadi bila Yang Berhormat Kuala Krai bangun untuk membangkitkan isu, saya pun teringat bila baca ini pada pagi ini dan baca pindaan yang dicadangkan. Pindaan kepada pindaan. Saya perhatikan bahawa – tadi dalam penjelasan daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya terangkan apa yang ada dalam Akta Ibu. Akta Ibu ada tiga peringkat tahanan. 14 hari yang bermula, selepas itu 28 hari yang disambung, peringkat ketiga selama 28 hari lagi. Jumlahnya 71 hari termasuk hari pertama. Pindaan yang asal kita nampak peringkat ketiga dibatalkan. Jadi tahanan itu untuk peringkat pertama adalah 14 hari ditambah 28 hari menjadi 42 dan mungkin 43 hari. Akan tetapi sekarang kita nampak tempoh itu dipanjangkan dan secara kebetulan. Ini yang menarik. Jumlahnya tepat 60 hari. 60 hari itu bawa kita kembali kepada akta mana? ISA dan juga EO. Semua sama selama 60 hari. Ini yang – macam mana jumlah itu boleh sampai balik? 60 hari itu.

Ini yang saya hendak bawa kepada perhatian Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Kuala Krai pun sudah perhatikan. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Sepang. Apa implikasi ini?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Sepang, minta laluan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi jalan lagi, Yang Berhormat?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Sekejap. Terima kasih. Seperti mana yang diulas oleh Yang Berhormat Puchong, *Attorney General* pun tidak setuju. Bila kita tengok rang undang-undang yang dibahas ini, dia kata dalam seksyen 2, dia kata bahawa Akta ibu dalam akta ini dipinda dalam tajuk panjang dengan menggantikan perkataan '*in Peninsular*' dengan perkataan '*throughout*'. Dengan izin, *I feel* Tuan Yang di-Pertua bahawa Sabah ada undang-undang tersendiri. *This is always Peninsular* punya undang-undang. *It has nothing to do with Sabah*. Selain daripada itu, saya sudah mendapat pengesahan daripada *Sabah Law Association*. Mereka pun tidak pernah di *consult* oleh kementerian ataupun Peguam Negara berkenaan dengan pindaan ini.

It has a big effect. A big remedification bagi orang-orang Sabah. *Although*, kita setuju bahawa kita mesti *prevent crime*. Hanya undang-undang ini tidak ngam bagi negeri Sabah sebab kita tidak pernah ada undang-undang macam ini di Sabah. Jadi *I hope* Yang Berhormat Sepang memberi pandangan kenapa Sabah dan saya rasa Sarawak tidak di *consult*kan sebelum pindaan ini di *submit* kepada Parlimen. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada semua. Kepada Yang Berhormat Puchong, kepada Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Subang dan juga Yang Berhormat Penampang khususnya kepada Yang Berhormat Puchong, rakan saya yang telah menunjukkan satu kenyataan. Saya harap Yang Berhormat Tasek Gelugor bolehlah – kalau tidak ada internet saya boleh pinjamkan dan boleh akses maklumat itu. Jadi, tadi dikatakan Peguam Negara tidak mengeluarkan kenyataan dan diam sahaja. Tidak ada satu prinsiplah. '*Sukud 'alamatul redha'*'. Apabila kita diam, bermakna dia setuju.

■1800

Jadi saya anggap Peguam Negara dia tidak mahu buat kenyataan kerana dia bersetuju ataupun dia mengekalkan pendirian itu. Seperti mana Yang Berhormat Kuala Krai tadi kata, saya merasa amat bimbang bila suasana yang ini berlaku. Kita tidak mahu Peguam Negara walaupun kita mungkin berlainan ideologi dan sebagainya, tetapi di dalam sebuah kerajaan, bagaimanakah seorang Peguam Negara sebagai penasihat kerajaan tidak bersetuju dengan satu undang-undang, tiba-tiba disuruh pula buat undang-undang itu?

Jadi saya harap sama ada dualah, sama ada Yang Berhormat Menteri letak jawatan ataupun Peguam Negara letak jawatan. Salah seorang mesti tak betul ini, bahaya ini. Keadaan ini berbahaya untuk Kerajaan Barisan Nasional ini walaupun mereka memerintah, walaupun dengan bukan undi popularkah, tetapi mereka memerintah, kita akui. Jangan wujudkan keadaan ini, berbahaya sebab kalau Peguam Negara selepas ini mungkin dia akan protes, dia pergi mahkamah, dia mungkin buat kes main-main, dia akan menyebabkan banyak berlaku perkara-perkara yang tidak baik. Bayangkan kalau dia memberi nasihat untuk kes-kes luar negara, tiba-tiba dia tidak puas hati, dia protes. Ini akan mewujudkan satu suasana yang tidak baik.

Oleh sebab itu saya harap kerajaan mesti bersikap telus. Kalau betul Peguam Negara seperti mana yang dikatakan tidak bersetuju, sepatutnya jangan bawa dulu ke sini. *Settle* itu dulu dengan Peguam Negara. Ini Peguam Negara tidak dirujuk, Majlis Peguam, walaupun kita benci sekali dengan Majlis Peguam sekali pun, mereka ini adalah peguam. Takkan hendak buat undang-undang ini, kita harapkan Yang Berhormat Kinabatangan beri pandangan? Bukan saya kata dia tidak pandai tetapi dia tidak didedahkan dengan undang-undang. Macam mana, bagaimana proses undang-undang itu berjalan? Saya pun mengharapkan tadi orang yang sepatutnya beri ucapan pertama tadi bukan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Mungkin orang-orang yang ada kelulusan undang-undang seperti Yang Berhormat Pengerang dan sebagainya. Sebab mereka ini adalah orang-orang yang mungkin lebih mudah untuk memahami undang-undang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tak boleh perkecilkan ini. Kita sama-sama Ahli Parlimen.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, Tidak, saya tak berniat memperkecilkan. Saya hendak katakan. Saya minta maaf kalau dia terasa. Akan tetapi saya tidak berniat begitu. Akan tetapi saya hendak katakan, sepatutnya orang-orang yang ada kelulusan undang-undang ini memberi input kepada kerajaan, memberikan pendapat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau itu digunapakai, cuma yang doktor itu cuma boleh cakap perubatan. Yang *train teachers* itu cuma boleh cakap pendidikan. Tidak bolehlah macam itu ya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan, bukan Tuan Yang di-Pertua, saya akui. Akan tetapi dalam kes ini, ini melibatkan spesifik. [*Dewan riuh*] Ini melibatkan undang-undang yang agak kalau kita tidak memahami secara prinsip-prinsip itu, kadang-kadang kita bercakap seolah-olah kita, susah kita hendak ini. saya bukan kata mereka tidak layak bercakap, mereka boleh bercakap. Akan tetapi apabila mereka bercakap, kadang-kadang mereka tidak faham benda asas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah bangun. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya? ya, Yang Berhormat Kuala Kedah. Doktor...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ha, ini tak boleh cakaplah ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh, bukan tak boleh cakap. Tuan Yang di-Pertua pun jangan salah faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ha, okey, okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bukan macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh, boleh, boleh. Hendak bagi berlari pun boleh.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya cuma hendak menambah sedikit yang saya dengar tadi dan minta penjelasan bagi yang ada pengalaman. Kalaulah Peguam Negara tidak bersetuju dengan pindaan ini daripada *statement* yang telah dia keluarkan, apa implikasinya di masa depan? Apa yang saya bimbang ialah akan berulang balik apa yang telah berlaku iaitu EO pada pandangan saya telah dimansuhkan tanpa membuat perkiraan yang betul. Jadi akhirnya ada masalah. Jadi kalau kita juga dengan tergesa-gesa membuat pembaharuan perubahan yang akhirnya ada implikasi negatifnya pula, kita akan berada dalam keadaan yang sama. *We are entry a vicious circle*, silap satu dan silap balik. Jadi itu yang perlu kita elakkan.

Saya rasa pada prinsip semua orang bersetuju bahawa pencegahan itu penting, pencegahan jenayah. Akan tetapi yang kita tidak bersetuju ialah penahanan tanpa bicara kerana ini adalah prinsip yang berlawanan dengan prinsip keadilan. Itu yang perlu kita perhalusi. Jadi persoalannya ialah, saya minta pandangan Yang Berhormat Sepang, kalau “diperbaiki” dengan izin, dan daripada input-input yang kita bagi ini, adakah kita bersetuju supaya diluluskan perubahan-perubahan yang kita rasa progresif tetapi dalam masa yang sama tidak menafikan prinsip keadilan iaitu tidak ada penahanan tanpa bicara. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Sepang, boleh tanya sikit?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh, boleh, boleh, tentu boleh. Mesti boleh.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tadi saya terdengar Yang Berhormat Sepang mempersoalkan kenapa saya turut berbahas. Nampaknya Yang Berhormat Sepang terlalu prejudis. Apakah Yang Berhormat Sepang berfikir bahawa cuma peguam-peguam sahaja yang boleh layak berbicara soal akta ini? Ini bermakna Yang Berhormat Sepang terlalu cetek pemikiran dia. Bukan semua pun peguam yang rasa saya boleh dihormati oleh rakyat. Jadi lain kali Yang Berhormat Sepang, orang Melayu cakap, "*cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar*". Belajarlah dahulu, jangan memperlekehkan orang lain. kalau tidak, belajar lagi. [Tepuk]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya mohon maaf jika apa yang saya kata tadi mungkin Yang Berhormat Kinabatangan merasa satu yang *offended* ya? So, saya maksudkan bukan begitu. Apa yang saya maksudkan tadi, sepatutnya saya tidak kata, saya tahu kadang-kadang Yang Berhormat Kinabatangan pun boleh membuat kenyataan-kenyataan yang baik. Akan tetapi saya hendak kata, ini spesifik sebab ada benda-benda tadi kadang-kadang apabila kita tidak didedahkan dengan undang-undang, kadang-kadang mungkin kita susah hendak memahami. Itu yang saya maksudkan.

Jadi sebab itulah saya mengharapkan peguam, orang-orang yang dia ada *point* undang-undang ini lebih dahulu memberi ucapan, itu yang saya maksudkan. Akan tetapi bagaimanapun ucapan telah pun dibuat. Oleh sebab itu saya pun tidak ada masalah. tentang Yang Berhormat Kuala Kedah tadi nampak, walaupun seorang doktor, dia boleh memahami. Mungkin dalam Pakatan Rakyat, dia mudah memahami. Akan tetapi dalam Barisan Nasional, benda yang mudah pun dia susah hendak faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengatakan bahawa Peguam Negara seperti mana dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Puchong, ini satu keadaan yang begitu bahaya tetapi saya tidak bercadanglah untuk label *on that point* lagi. Cuma saya hendak katakan pada permulaan akta ibu ini diperkenalkan tahun 1959, ketika itu, dan saya ada *Hansard* tahun 1959 ini. Undang-undang itu kata, "*The bill is a strong medicine*". Maknanya, ketika itu pun mereka mengatakan undang-undang ini satu undang-undang, ubat yang paling kuat mujarab. Akan tetapi tengoklah tahun 1959 sampai tahun 2013, tidak dapat selesaikan masalah.

Apa jaminan bila kita buat undang-undang yang baru ini, selepas itu kita letak pula dengan izin, *curtail the rights of the accuse, the detainees*, apa jaminan dia akan menjadi satu penawar yang boleh menyelesaikan masalah? Oleh sebab itu kita mesti ada pendekatan holistik. Sebenarnya, salah satu sifat dalam mana-mana negara yang, ini kenyataan yang ramai orang buat. Mana-mana negara yang mereka ini dikatakan negara yang bersifat diktatorik, mereka banyak undang-undang. Ini salah satu, salah satu sifat negara itu. oleh sebab itu bagi saya, sebenarnya *penal code* kita ini, kanun keseksaan telah mewujudkan satu undang-undang yang sudah cukup dah untuk kita banteras jenayah. Isunya bukan isu tak ada undang-undang.

Isunya adalah keberkesanan pelaksanaan. Bagaimana kita hendak *empower*, dengan izin kita hendak *empower* kita punya *police force* ini supaya kita boleh dan kita tengok rancangan CSI, bagaimana teknologi terkini mereka dapat untuk dengan izin *gather evidence*. Jadi ini prinsip-prinsip yang patut kita kena boleh perkenalkan dalam undang-undang kita. Oleh sebab itu saya kata tadi, ada beberapa perkara yang kita boleh ubah dalam undang-undang tetapi jangan kita *compromise*, dengan izin. Jangan kita *compromise* apa yang dipanggil *certain* ataupun prinsip-prinsip tertentu yang telah diterima pakai berkurun-kurun yang...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang telah menjamin Undang-undang Jenayah ini ataupun sistem jenayah ini boleh berfungsi dengan baik. Akan tetapi kalau kita, sekejap ya, sekejap ya Yang Berhormat Sungai Petani. Kalau kita mula padam satu per satu prinsip ini, ia bukan menyelesaikan masalah, kita akan mewujudkan masalah yang baru pula. Ini yang kita khuatir. Ya, silakan Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Setujukah Yang Berhormat Sepang dengan saya mengatakan bahawa apa yang kita perlukan ialah mempunyai satu pasukan polis yang betul-betul profesional, yang betul-betul didedahkan dengan ilmu-ilmu apatah lagi dalam zaman yang serba moden dan canggih ini. Maksudnya kerajaan harus memberikan sepenuh latihan di dalam dan di luar negara memberikan semua fasiliti kepada polis dan mengurangkan kerja-kerja yang tidak sepatutnya mereka kerjakan. Itu yang pertama.

Yang kedua, banyak graduan undang-undang kita yang sebenarnya boleh diajak masuk untuk menjawat jawatan-jawatan sedemikian supaya kebolehan mereka sebagai IO dan sebagainya itu dipercepatkan. Saya rasa ini akan membantu untuk melaksanakan apa juga undang-undang yang kita ada daripada kita membuat pindaan demi pindaan, akhirnya menjadi masalah di masa depan. Apa pandangan Yang Berhormat Sepang?

■1810

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Isu yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya hendak kongsi pendapat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi, nak minta pandangan daripada Yang Berhormat Sepang.

Sebab kita lihat tadi, saya ada sebut, ada masalah ada seribu satu penyelesaian. Kita ada masalah jenayah, kita ada penyelesaian yang berbeza, bukan setakat undang-undang tahanan tanpa bicara. Contohnya seperti bagaimana kita mempertingkatkan upaya polis untuk *implementation*, pelaksanaan. Misalannya, kalau kita berikan peralatan yang canggih supaya mereka boleh kesan penjenayah-penjenayah dan buat siasatan seperti gunakan DNA. Kita ada *bill* DNA. Kita boleh beri peralatan untuk cap jari, *identification* cap jari, sebab kita memang ada *database* yang lengkap untuk seluruh rakyat Malaysia dan juga untuk PATI, untuk warga asing dan sebagainya. Jadi ini bukan masalah yang susah.

Kita pun boleh lengkapkan pasukan polis dengan misalannya *face recognition software*, sebab kesemua rakyat Malaysia apabila dapatkan Mykad, ada gambar yang dalam Jabatan Pendaftaran Negara. Jadi kalau ada *face recognition software*, sebaik sahaja kita dapat dalam

CCTV dan sebagainya, kita tahu siapa yang penjenayah itu. Jadi kalau kita beri sedikit sebanyak kelengkapan yang lebih baik, bukankah lebih senang untuk kita kurangkan jenayah. Sekian.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bersetuju dengan kedua-dua pandangan daripada sahabat saya daripada Yang Berhormat Sungai Petani dan juga daripada Yang Berhormat Gopeng. Jadi itu yang saya maksudkan tadi. Maknanya kita mesti mempertingkatkan.

Walaupun kami di Pakatan Rakyat ini kadang-kadang sering diperlakukan oleh polis, kadang-kadang kita pergi berhimpun kita kena pukul dan sebagainya, tapi kita tetap, saya hendak ulangi, kita tetap memperjuangkan nasib dan kepentingan pihak polis. Kita mahu polis dibagi gaji yang munasabah, yang sesuai untuk mereka jalankan tugas. Kita tahu tugas ini tugas yang mulia. Tugas membanteras jenayah ini satu tugas yang mulia. Sebab itu kita mahu polis bersikap profesional. Kita mahu polis betul-betul Polis Diraja Malaysia. Kita hendak polis ini bertindak dengan profesional *without fear and favor*. Sebab itulah kita tidak— walau kita mungkin ada rasa mungkin tidak seronok, kita kena sembur air dan sebagainya, tapi kita tetap menganggap polis ini mesti profesional dan mestilah diberi bantuan.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: [Bangun]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau kita Pakatan Rakyat boleh membantu, kita akan membantu. Kita hanya boleh membantu dari segi memberi pandangan, polis-polis dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan yang terbaik untuk mereka boleh membantu kita semua menjaga keselamatan kita.

Kita tidak suka juga apabila pihak polis apabila ada seorang kanak-kanak diculik, hendak tangkap penjenayah pun memakan masa yang lama, sampai kadang-kadang tidak jumpa langsung. Kita ingat dalam kes adik-adik kita yang jadi mangsa, mereka ini tidak dibunuh oleh gengster pun, oleh kongsi gelap, tapi pun polis tidak dapat tangkap juga. Bermakna, memang itulah realiti.

Segala masalah ini kita jangan lihat dari segi undang-undang semata-mata. Maknanya banyak lagi faktor-faktor yang menyebabkan kenapa seorang penjenayah tidak boleh dibawa ke mahkamah. Antaranya kekangan *support system* yang mungkin tidak cukup untuk pihak polis. Sebab itu kita mesti melihat dari segi sudut yang holistik. Pendekatan ini ialah pendekatan yang berbahaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Besar bangun, Yang Berhormat.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Boleh sikit?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sila.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tadi Yang Berhormat Sepang membicarakan soal polis dan keadilan. Jadi saya ingin bertanya, sebab apabila Yang Berhormat cakap tentang polis, seolah-olah kita ini membuat undang-undang ini— maknanya kita bagi cadangan.

Sebenarnya Yang Berhormat Sepang, AG sudah bagi tahu pada kita bahawa setiap peruntukan undang-undang itu dibincangkan bersama polis, dan mereka ini adalah orang yang berpengalaman, polis yang berpengalaman. Jadi polis meminta penahanan tanpa bicara ini adalah kerana mereka ingin ruang waktu dan masa supaya mereka dapat mendapatkan bukti-bukti untuk mereka bawa ke mahkamah. Ini bukan cadangan kita, ini cadangan pihak polis. Cadangan pihak polis sendiri yang telah berbincang dengan AG. Kita sebagai badan yang profesional seperti polis yang kita sebut tadi kena profesional, polis ini berpengalaman, kita perlu mendengar dan kita perlu bersetuju dengan cadangan yang diberikan oleh polis.

Dan bab yang kedua, apabila ada Akta ISA dulu, jenayah amat kurang dan undang-undang yang dibuat, selepas itu kita mansuhkan dan kita lihat jenayah makin meningkat dengan mendadak. Jadi kita perkenalkan undang-undang baru. Saya setuju mungkin kata tidak Islamik, saya setuju tidak Islamik. Tadi Yang Berhormat Sepang mengeluarkan tentang hujah-hujah dan dalil-dalil Al-Quran tentang keadilan tapi dari segi keadilannya, saya dengar tadi, kita lihat ISA ini lebih Islamik. Kenapa lebih Islamik? Kerana kuasanya terletak pada pemimpin.

Sebab zaman Rasulullah SAW, kebanyakan undang-undang ataupun apa pertikaian diputuskan oleh pemimpin, oleh Rasulullah SAW sendiri dan begitu juga zaman khalifah. Dan mana ada peguam bela, peguam cara dan seorang Yahudi menjadi peguam bela pada yang lain. Contoh sekarang, kalau kita bersalah, kita boleh ambil Yang Berhormat Karpal Singh sebagai peguam bela. Tapi zaman Rasulullah SAW tidak boleh. Kalau Yang Berhormat Karpal Singh ada pun tidak boleh, sebab dia tidak ada bicara pembelaan. Segala apa-apa yang diberikan adalah melalui saksi dan juga hukuman yang ditetapkan oleh pemimpin.

Jadi ISA ini, kita lihat Menteri Dalam Negeri kuasanya terletak pada pemimpin dan kalau kepada Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah yang baru ini, kita lihat kepada *Board*, dan saya setuju tidak Islamik. Sepatutnya diberikan kembali kepada Menteri Dalam Negeri. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Padang Besar, saya tidak tahulah Yang Berhormat Padang Besar belajar daripada mana yang kata Islam boleh *compromise* dengan penahanan tanpa bicara. Saya tidak tahulah. Mungkin dia ada mengaji kitab atau ulama-ulama yang lebih besar. Akan tetapi saya yang ada Ijazah dalam syariah ini, saya tidak pernah pula mendengar yang begitu.

Sebab kalau kita lihat dalam zaman Sayidina Omar, apabila orang dituduh, Sayidina Omar melantik Sayidina Ali sebagai peguam untuk membela orang itu. Jadi, banyak kes ini. Kalau kita baca dalam buku *Turuq Al-Hukumiyah, Siyasa Ahl-Syar'iyah Ibnu Jaziah*, ini buku teks yang kami gunakan di UIA, menunjukkan banyak insiden di mana peguam ini satu institusi. Walaupun tidak nama peguam, bernama *muhami* dalam bahasa Arab, tapi itu bukan bermakna institusi peguam ini satu institusi yang tidak penting, yang tidak *directly*. Kita kena faham... [*Menyebut perkataan dalam Bahasa Arab*] *Ibrah* itu pendekatan berdasarkan umumnya lafaz, bukan berdasarkan suatu sebab yang khusus. Sebab itu kita kena memahami perkara ini.

Islam tidak boleh sekali menerima sebab apabila kita menahan orang tanpa berbicara, kita telah *reverse presumption* itu. Maknanya kita menganggap orang itu sudah bersalah, dan masalahnya dia tidak boleh membuktikan dia tidak bersalah dalam mahkamah. Mana ada undang-undang yang boleh terima. Kalau Islam terima macam ini, rosaklah nama Islam. Takkanlah Islam boleh menerima orang yang ditahan, dipisahkan anak dan isteri. Sebab itu dalam Islam, hukuman penjara itu satu hukuman yang paling tidak di...

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Sepang, polis minta tempoh masa. Dia minta tempoh masa untuk penahanan tanpa bicara sementara dibawa ke mahkamah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tapi takkan sampai dua tahun? Cubalah Ahli Parlimen daripada Padang Besar ini, cuba *you* dipisahkan dua tahun. Tengok Yang Berhormat Bukit Katil, tidak buat jenayah pun, ditinggalkan pun jadi isu dalam Parlimen. Itu tidak buat jenayah itu, isteri dipisahkan melalui Laut China Selatan pun dah resah dah. Bayangkan kalau seorang suami yang sebagai *breadwinner*, bagaimana seorang yang ada anak yang ditahan, masa ditahan dalam keadaan bayi dan hanya dilepaskan dalam keadaan anak pun mungkin dah tidak kenal bapa dah. Ini semua....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa suruh dia jadi penjenayah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini masalahnya Yang Berhormat Kinabatangan. Macam mana kamu hendak kata dia penjenayah sedangkan tidak dibuktikan. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau Yang Berhormat Kinabatangan ditakdirkan tidak melakukan jenayah, tiba-tiba ditangkap terus. Di *airport* kamu didapati melakukan jenayah. Ketika itu, saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, *you put yourself in that category*, macam mana?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak nampak polis ada niat jahat dengan orang awam yang tidak bersalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan mungkin tidak nampak sebab Yang Berhormat Kinabatangan tidak ada pengalaman terlibat dalam mana-mana satu kes pun yang melibatkan tahanan polis. Kami ini sudah 20 tahun terlibat, melihat bagaimana polis memberi keterangan di mahkamah. Kita boleh lihat macam mana keterangan-keterangan yang terpaksa dipalsukan. Ini bukan saya kata, mahkamah sendiri boleh kata.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ya, betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau kita baca keputusan mahkamah, banyak di mana mahkamah menyatakan polis begini, polis begini. Bermakna, bukan polis tidak baik, tetapi mungkin dengan *stress* kerja, dengan *pressure*, mereka akan— apatah lagi kalau sekarang dalam keadaan jenayah yang begitu banyak, polis dikatakan tidak dapat menyelesaikan masalah. Maka polis pun kata, jalan penyelesaiannya tangkap, kita tembak saja. Sebab itu, ini bahaya. Okey, silakan. Ini *last* ya, pasal saya pun sudah habis, saya hendak sembahyang.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Sepang, dalam Operasi Lalang, 109 pemimpin negara termasuk Ketua Menteri Pulau Pinang, semua Ahli-ahli Parlimen dan mereka yang sayangkan negara ditangkap. Itu memang jelas boleh disalahgunakan, bukan?

■1820

Saya masih ingat Ketua Menteri Pulau Pinang mengatakan bagaimana anaknya di sekolah menangis kerana orang kata bapa dia orang jahat kerana digari oleh polis. Ini memang sesuatu yang kejam yang akan berlaku kepada keluarga yang memang baik. Setuju atau tidak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memang. Apabila kita ditahan ini, walau kita ditahan sahaja, stigma itu walaupun kita tidak bersalah. Sebab itu kita kena letakkan diri kita dalam itu, sebab itu antara sebab kenapa *presumption innocence* adalah satu prinsip yang patut kita pertahankan. Ini kerana kita bukan sahaja hendak membanteras jenayah tetapi dalam yang sama kita juga hendak supaya keadilan ini dilakukan kepada semua. Orang yang ditahan ada haknya, ada dia punya yang hak yang patut kita pertahankan. Sebab itu saya mulakan tadi [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Jangan kita bencikan dia, walaupun dia ini seorang yang jahat. Walau bagaimanapun, dia masih dianggap tidak bersalah. Kalau kita kata dia bersalah, sila buktikan. Bawa keterangan. Kalau keterangan susah hendak dibuktikan, kita pinda akta keterangan. Itu yang patut kita buat.

Jadi saya rasa, saya tidak bercadanglah untuk— sebab saya pun hendak pergi sembahyang Asar ini Tuan Yang di-Pertua, maka saya berhenti di sini dahulu. Saya mengucapkan terima kasihlah dan saya harap kerajaan boleh menilai semula cadangan. Oleh sebab itu kami Pakatan Rakyat telah mengemukakan cadangan-cadangan, *counter proposal*. Ada beberapa *provisions* dalam akta ini yang kami minta supaya dibuang supaya- kita tidak buang semua. Kita hendak juga dikekalkan sebahagiannya tetapi ada sebahagian itu, khususnya yang berkaitan dengan *detention without trial*. Ini kita tidak boleh kompromi [*Disampuk*] Tahanan tanpa bicara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Silam.

6.21 ptg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin melibatkan diri dalam perbahasan iaitu suatu akta untuk meminda dan memperluaskan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum, peperangan dengan penjenayah-penjenayah yang terancang ini sebenarnya adalah satu peperangan yang amat besar. Kalau kita membaca peperangan-peperangan yang dibuat oleh FBI dengan mafia telah mengambil masa lebih 40 tahun. Jadi, peperangan ini memang susah. Sebenarnya, kalau kita membaca kes-kes yang telah dilakukan oleh *Director of FBI*, Edgar Hoover, dia mengambil masa yang lama untuk berperang dengan mafia ini tetapi akhirnya dia juga memenangi peperangan-peperangan ini dan ramai juga daripada ketua-ketua mafia ini telah ditangkap.

Saya percaya demikian juga di Malaysia ini, kita melihat telah banyak perkembangan yang terkini yang mana kongsi-kongsi gelap ini yang juga seperti mafia telah menunjukkan taring-taring mereka. Mereka telah berani menunjukkan, berarak di khalayak ramai dengan menunjukkan identiti mereka. Kalau sebelum ini mereka tidak melakukannya dan ini telah menunjukkan bahawa mereka telah berani dan berani menunjukkan kepada kerajaan dan polis bahawa mereka tidak takut kepada polis.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang bangun Yang Berhormat.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Sabar. Saya habiskan dahulu ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okey.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Semasa kita membuat persediaan untuk merayakan Hari Kemerdekaan ke-56 dan juga semasa kita membuat persediaan kita untuk di Sabah untuk menyambut Hari Malaysia ke-50, kita telah dikejutkan dengan peristiwa-peristiwa tembak-menembak berlaku di Pulau Pinang, Kelantan, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, baru pertama kali tembakan seperti ini berlaku di Kota Kinabalu. Tidak pernah dalam sejarah berlaku tembakan-tembakan di khalayak ramai, ditembak dan lari. Seolah-olah tidak ada apa yang berlaku. Ini pertama kali berlaku di Sabah. Jadi, saya amat bersetuju undang-undang ini mesti diperluaskan ke Sabah dan Sarawak. Sebabnya kalau tidak, maka mereka ini akan masuk ke Sabah dan mengadakan budaya seperti ini di Sabah.

Di Sabah Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Silam, saya masih tunggu.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Untuk makluman, tidak apa. Nanti *I will give you the chance.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Berilah. *Just* penjelasan sedikit sahaja.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Beri saya *chance* untuk saya habiskan dahulu *issues*. Di Sabah Tuan Yang di-Pertua, along-along yang pergi menagih hutang daripada orang-orang yang berhutang, dibelasah oleh orang-orang yang berhutang. Di sini berbeza. Along-along yang membelasah orang yang meminjam tetapi di Sabah berbeza. Kita tidak mahu itu berubah dan kita tidak mahu budaya itu diadakan seperti di Semenanjung ini. Jadi, kita amat bergembira sebabnya undang-undang ini telah diperluaskan ke Sabah dan kita berharap kerajaan di Sabah akan memastikan Imigresen di Sabah akan memastikan orang-orang yang tidak diingini ini, jangan masuk ke Sabah. Sebab kita ada undang-undang menyekat mereka supaya tidak masuk ke Sabah untuk membawa kerja-kerja yang tidak bagus ke Sabah ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita dikejutkan oleh tembakan-tembakan di seluruh Malaysia ini, saya melihat poster-poster dipasang di Wangsa Maju, di kawasan-kawasan Kuala Lumpur ini mengatakan seolah-olah Malaysia ini tidak aman. Masalah keamanan sudah berlaku dan kita tidak lagi tenteram. Saya melihat sebenarnya budaya-budaya ini saya telah mula ikuti semasa saya

menghadiri satu pilihan raya kecil di Permatang Pauh. Apabila kita ke Permatang Pauh, saya seolah-olah terkejut melihat cara-cara orang-orang pembangkang ini menakut-nakutkan orang Barisan Nasional [*Dewan riuh*] dan itu sebenarnya perkara yang mengingatkan saya bahawa budaya itu adalah budaya-budaya samseng. Bukan budaya orang Malaysia. Budaya samseng. Jadi, saya teringat bahawa berkemungkinan orang-orang samseng yang telah dipakai untuk mengerjakan kerja-kerja ini.

Jadi, saya melihat...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Saya melihat bahawa...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Peraturan mesyuarat. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Itu kemungkinan. Berkemungkinan. Saya tidak ada mengatakan dia adalah orang...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak faham kah? Dia tidak faham peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak beri jalan Yang Berhormat. Dia tidak ada niat untuk menunjukan kepada sesiapa.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kalau dia keluarkan kenyataan liar macam itu,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Saya tidak menunjukan kepada sesiapa.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...kita pakai samseng macam ini, tidak boleh. *You have to caution him, at least.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebelah sini pun ada juga sindir-menyindir tetapi...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *No*, tetapi tuduhan macam itu iaitu Pakatan Rakyat pakai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya ingatkan agar Yang Berhormat – Yang Berhormat Silam, tumpukan kepada rang undang-undang Yang Berhormat. Tidak payah sakit hati, sakit-menyakiti hati Ahli yang lain.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seolah-olah melihat perkara ini *orchestrated* bagi orang-orang tertentu untuk menimbulkan huru-hara di negara ini. Apabila Ops Cantas ini Tuan Yang di-Pertua, telah dilaksanakan dan telah membendung – kita tengok *underground* di sini, kongsi gelap ini telah lesu, lemah dan tidak bermaya. Sekarang ini kita lihat mereka senyap, pihak yang sama bercerita polis kejam, polis telah menekan, *human rights* tidak dilaksanakan. Seolah-olah mereka ini bersekongkol dengan pihak-pihak yang melaksanakan jenayah ini [*Disampuk*]

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada menyebut Ops Cantas telah melesukan aktiviti jenayah. Jadi, apa perlunya undang-undang ini sekarang? Apabila ada Ops Cantas, pelaksanaan [*Disampuk*]

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ini boleh melesukan aktiviti jenayah, tidak perlu ada pindaan seperti ini.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Tuan Yang di-Pertua, saya belum beri izin. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pembangkang ini sebenarnya dia tidak konsisten dengan pendiriannya [*Dewan riuh*] Ini kerana pembangkang menyalahkan kepada kerajaan kenapa dihapuskan ISA dan EO yang akhirnya akan menimbulkan masalah. Itu tuduhan mereka tetapi siapa yang meminta supaya ISA dan EO ini dihapuskan? Pembangkanglah! [*Dewan riuh*] Selama ISA dan EO ini ada, mereka tidak henti-henti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Mahu dihapuskan. Ini kejam, ini undang-undang adalah tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dengar sahaja Yang Berhormat, apa yang bising-bising ini?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [*Bangun*]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Akan tetapi apabila kerajaan menghapuskan ini, mereka menuduh kerajaan mengapa dihapuskan ini.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sejak bila Barisan Nasional ikut pembangkang ni?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima cadangan pembangkang ini.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Itu sebabnya pembangkang tidak konsisten dengan pendirian mereka [*Dewan riuh*]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu bangun Yang Berhormat [*Disampuk*] Yang Berhormat Silam tidak beri jalan Yang Berhormat, tidak beri jalan.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Akta Pencegahan Jenayah 1959 memang harus diperbetulkan sebabnya memang ada kelemahan-kelemahan yang berlaku. Kita tahu, sebagai peguam saya tahu. Memang bukan senang untuk memberikan saksi-saksi, membawa saksi-saksi untuk membuktikan di mahkamah. Polis mempunyai banyak masalah. Itu sebabnya ketua-ketua atau pun *Kingpin* kepada kongsi gelap ini selalu terlepas daripada ditangkap oleh polis, sebab mereka pandai. Mereka tidak akan terlibat. Mereka memberi arahan sahaja...

■1830

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [*Bangun*]

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Mereka memberi arahan sahaja.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Beri ruang sedikit, minta penjelasan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Silam.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kita ada perbincangan di sini Yang Berhormat Silam.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Orang-orang di bawah yang ditangkap oleh polis.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kenapa datang ke Parlimen tidak pernah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mahu beri jalan Yang Berhormat?

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Okey, Yang Berhormat Titiwangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, beri Yang Berhormat Titiwangsa. Yang Berhormat Subang duduk Yang Berhormat.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Silam, setuju kah Yang Berhormat Silam, kalau kita lihat negara-negara maju seperti Amerika, UK dan juga *Singapore for example*, kita lihat undang-undang *detention without trial* ini masih dikekalkan dalam negara mereka.

Kalau kita lihat di *Singapore* contohnya, pada Disember 2001, mereka telah menahan 15 orang warga mereka yang mereka anggap tidak dapat bukti jenayah yang dilakukan. Kemudian, pada Ogos hingga September 2002, 21 orang warganegara *Singapore* ditahan atas akta yang sama. Kemudian, Februari 2006 juga ada tiga warganegara ditahan atas akta yang sama tanpa *trial*. Apa yang saya hendak tekankan ialah dalam masa yang sama, negara *Singapore* ini disenaraikan dalam *Global Piece Index*- 16 daripada 122. Di dalam Asia, ia terletak nombor satu dari segi kedudukan *peaceny*.

Jadinya, apakah pendapat Yang Berhormat Silam bahawa sebenarnya, *holistic approach* untuk kita menjaga keamanan ini, bukan sahaja kita terpaksa teruskan Operasi Cantas tetapi kita juga kena ada undang-undang yang boleh menangani masalah-masalah kekurangan bukti, yang kita tahu mereka ini adalah penjenayah-penjenayah yang *master mind*, yang duduk di dalam rumah atau di pejabat tanpa keluar menggunakan *Hitman* untuk melakukan jenayah ini. Terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Titiwangsa. Sebenarnya data-data yang diberi memang benar, dan sebenarnya saya percaya, *we must instill fear among these people*, supaya kita boleh bergerak. Kalau kita tidak takutkan mereka, mereka akan melaksanakan kerja-kerja jahat mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, jadi itu sebabnya pindaan ini perlu dibuat. Mereka akan takut. *Kingpin* ini akan takut apabila dia tahu, dia boleh ditangkap dan dimasukkan dalam jel. Jangan kita bercerita tentang undang-undang asas.

Saya juga seorang peguam, saya tahu. Undang-undang asas seseorang itu mesti didapati bersalah sebelum disabit. Jadi perkara ini memang benar, tetapi dalam keadaan kita menghadapi kongsi gelap ini, kita tidak boleh gunakan undang-undang yang biasa. Mereka ini adalah orang-orang yang kaya, punya banyak duit. Mereka punya wang, dan banyak pengaruh. Jadi kita tidak boleh gunakan ini dan dia boleh gunakan peguam-peguam yang canggih-canggih seperti daripada sebelah, untuk membela mereka. Jadi ini Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh digunakan undang-undang biasa. Kita mesti *instill fear*...

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiawangsa bangun Yang Berhormat.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Kita mesti takutkan mereka ini supaya mereka akan takut.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak membawa sedikit *experience* diri saya. Hatta kita mahu menolak atau menerima akta ini tetapi kita harus berhati-hati dekat mana kita membuat keputusan untuk menerima atau menolak. Tiga bulan lepas, kakak ipar saya keluar daripada klinik dan ditetak. Semua habis, jari hilang dan sebagainya. Sehingga sekarang, terlantar di hospital dan masih belum baik lagi.

Saya hanya hendak bawa ini kepada tahun 2001 di mana sebaik sahaja ada *attack on America*, ada *Patriot Act 2001. America under attack* pada 11 September kemudian *Patriot Act* keluar. *That we are call* - kemudian ada *Patriot Act introduced*. Sebelum dibentangkan dalam Kongres ada dua pandangan iaitu mereka yang menyokong kepada *Patriot Act* ini mengatakan bahawa ini undang-undang terbaik untuk *America at War* semasa itu. Bermakna apa juga yang perlu untuk Kerajaan Amerika digunakan dilepaskan begitu cepat tanpa menggunakan- bukan hanya ingin menghukum tetapi *at that point of time* terpaksa untuk menggunakan itu.

Dan siapa pula menentang kepada undang-undang ini, mereka ini pula kata, mereka yang menolak kata, ianya melanggar *civil right* dan melanggar *individual right*. Akan tetapi apa yang saya hendak katakan sekarang ialah, dalam keadaan *Malaysia at war* tetapi bukan *at war* dengan *terrorisms* tetapi dengan *criminal*, maka undang-undang yang begitu ketat untuk sekarang ini, adakah Yang Berhormat Silam bersetuju dengan saya bahawa, ini adalah *price* yang kecil yang harus dibayar untuk ketenteraman awam secara keseluruhannya? Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Silam, boleh minta penjelasan sedikit, berkaitan...

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Berkaitan?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya, berkaitan. Terima kasih. Tidak boleh mencelah sedikit?

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Tidak boleh.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sedikitlah, sedikit. Berkaitan. Jawab sekali.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat Setiawangsa. Itu satu pandangan yang baik seperti yang saya katakan, dengan izin, *we must instill fear among these people*.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Orang-orang yang jahat ini mesti ditakutkan. Kalau tidak dia akan terus melaksanakan kerja-kerja yang jahat ini.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Silam, hendak beri penjelasan sedikit tentang *Patriot Act*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mahu beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *Patriot Act* ini bukan guna untuk jenayah tetapi untuk *terrorist*. Ada beza. Beza yang amat besar sekali. Ia tidak pernah digunakan untuk penjenayah.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Silam, saya perkatakan tadi memang benar tetapi *at that point of time, war against terrorism*, itu benar. *Trial* itu *Patriot Act* tetapi apa yang saya hendak katakan dalam undang-undang jenayah ini ialah perkara yang sama. Kita ada *war* tetapi dengan *criminal*. So dengan sebab itulah kita mencadangkan undang-undang ini. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya rasa kita kena bezakannya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Saya faham, saya faham yang itu.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Konsep itu.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya undang-undang ini hanya ditujukan kepada penjenayah-penjenayah terancang. Itu sahaja. Dia tidak terlibat orang-orang politik dan jangan kita takut, sebenarnya dan polis tidak akan menganiaya sesiapa. Polis ada *standard operating procedure* mereka. Kalau mereka salah menjalankan tugas, boleh diambil tindakan.

Jadi ini sebenarnya, semua rekaan spekulasi daripada pembangkang bahawa polis akan melaksanakan kekejaman dengan undang-undang yang ada, tidak! Ini undang-undang hanya dikhaskan kepada kongsi gelap, itu sahaja. Kenapa kita mahu bela? Kenapa mahu bela kepada kongsi gelap? Sepatutnya kita bersatu hati semua untuk membanteras kongsi gelap ini sebab mereka melaksanakan kerja-kerja yang tidak betul. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca di surat khabar baru-baru ini, dan saya terkejut sebabnya ada beberapa orang politik di Pulau Pinang telah terbukti bahawa mereka ini disokong dan dibiayai dalam pilihan raya oleh kongsi gelap. Hah, ini!...

Seorang Ahli: Siapa, siapa?...

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Bacalah surat khabar. Dalam surat khabar. Wakil rakyat di sana dibela. Saya minta undang-undang, Menteri Dalam Negeri saya minta pinda juga undang-undang ini. Mana-mana Wakil Rakyat yang dibiayai oleh kongsi gelap, tidak boleh bertanding dalam Pilihan Raya. Kalau mereka menang, mereka juga kena kosongkan Kerusi mereka. Sebab ada bukti, dan saya minta polis supaya siasat ini sebenar-benarnya. Kalau betul-betul mereka ini dapat wang daripada kongsi gelap...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Silam, laluan.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: ...Maka mereka harus mengosongkan Kerusi mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Tidak, saya akan habiskan sekejap lagi.

Seorang Ahli: Takut kah?... Takut!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak beri. Duduklah tidak beri jalan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Hendak sokong ini.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Saya rasa sudah lewat maghrib. Saya ucapkan terima kasih, dan saya menyokong penuh kepada pindaan undang-undang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai

6.39 ptg.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang di dalam debat atau perbahasan ini yang begitu penting bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejak petang tadi berjam-jam telah kita dengar, sehingga sekarang saya belum dengar satu pun *argument* yang munasabah, mengapa perlu tahan tanpa bicara untuk mencegah jenayah. Tidak ada satu alasan yang munasabah. Tuan Yang di-Pertua, berpuluh negara di dunia ini yang dapat menjaga keamanan tanpa menahan, tanpa bicara.

■1840

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]: Minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat Padang Serai, sebelum pergi ke topik lain. Tadi kita dengar beberapa pandangan yang menyatakan bahawa dengan pindaan terhadap Akta Pencegahan Jenayah itu boleh mewujudkan suatu suasana yang takut. Boleh tidak Yang Berhormat Padang Serai jelaskan, apakah dengan tahanan tanpa bicara ini boleh meningkatkan ketakutan daripada penjenayah melakukan jenayah? Terima kasih.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya akan menjawab isu itu. Seperti yang saya katakan, langsung tidak ada sebab mengapa tahanan tanpa bicara caranya untuk mencegah jenayah. Mengapa bukan cara lain? Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tadi, apakah cara sebenar kita hendak mencegah jenayah?

Better policy, dengan izin. Naikkan taraf dan *competence* tenaga polis kita. Pastikan mereka ada dengan izin, *resources* yang mencukupi. Pastikan *facilities* saintifik dan forensik yang diperlukan untuk menjalankan siasatan yang rapi yang boleh membawa kepada pendakwaan yang kukuh itu diberi kepada mereka? Itu caranya untuk mencegah jenayah. Bukan menangkap, tidak beritahu mereka apa kesalahan mereka. Sumbat di satu tempat, simpan dua tahun. Selepas itu, lanjutkan lagi dua tahun. Itu adalah cara ISA dan EO yang Perdana Menteri berjanji 16 September 2011 kita akan tinggalkan. Akan tetapi tidak, dibawa kembali sekali lagi.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Tadi persoalannya, seolah-olah macam *why* tahan tanpa bicara? Yang Berhormat Padang

Serai menyatakan *better policy is the best method*. Kalau *better policy* kita perlukan ada alat atau pun *tools*. Kita ada banyak *tools* untuk *better policing*. Saya kira memperketat undang-undang, memperkasakan undang-undang adalah *one of the tools*. Adalah salah satu daripada alat-alat untuk kita menjaga keselamatan. Macam mana Yang Berhormat Padang Serai?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat, rang undang-undang ini bukan memperketat Undang-undang Jenayah. Ini menahan tanpa bicara. Itu lain. Memperketat undang-undang, kita secara prinsip tidak pernah menolak kerana kita pun mahu memastikan bahawa rakyat dapat hidup di dalam keadaan aman tanpa diancam oleh penjenayah. Akan tetapi, yang kita kata itu bukan caranya menahan tanpa bicara.

Sebentar tadi, ada banyak komen mengenai *Patriot Act* bahawa seolah-olah di UK ada tahanan tanpa bicara, Singapura dan sebagainya. Saya hendak nyatakan secara jelas di sini. *Patriot Act* itu bukan mengenai tahanan tanpa bicara. *Patriot Act* itu bukannya sama seperti ISA dan mana-mana rakyat Amerika tidak boleh ditahan tanpa bicara. Ini adalah satu maklumat yang silap. Tidak faham. Bukan, itu bukan *Patriot Act* dan juga oleh kerana perkara ini pernah diulangi berkali-kali oleh Menteri, pemimpin daripada pihak kerajaan, saya hendak perelaskan di sini di UK pun tidak ada *Anti Terrorist Law* yang sama seperti ISA, EO atau pun rang undang-undang yang baru ini. Tidak ada.

Di UK apa dia? Selama 14 hari. Dahulu 28 hari. Sekarang 28 hari tahanan di dalam kes-kes yang melibatkan *terrorist* dikurangkan. Sana trend dia kurangkan. Sini tambah. Daripada 70 hari di bawah PCA dahulu, lompat kepada dua tahun dan boleh campur dua tahun, dua tahun, dua tahun lagi. Di sana kurang, jadi 14 hari. Australia di kes-kes di mana *Imminent Terrorist Act* 14 hari. Itu sahaja. Di Kanada dahulu 72 jam sahaja di dalam kes-kes *terrorist* dan itu pun telah dimansuhkan. Jadi, di negara maju mana yang kita ada tahanan tanpa bicara *style* ISA, EO atau pun rang undang-undang seperti ini? Yang saya hendak tanya...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Minta pandangan. Yang Berhormat Padang Serai, minta...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Padang Serai sebab yang Barisan Nasional tunjukkan adalah *Patriot Act*, *Anti Terrorist*. Itu *Nation Act War*, itu adalah *terrorist*. Akan tetapi yang kita hadapi sekarang *sweet crime*, samun, *gangster*. *This is not terrorist*. Ini *crime*. Kadang-kadang saya rasa mereka *confuse*, mereka tidak dapat bezakan antara *terrorist* dengan *criminal*. Ini masalah yang mereka hadapi dan saya minta pandangan Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Padang Serai, isu yang sama. Boleh saya minta penjelasan sebelum ucapan diteruskan? Saya pun tertarik tentang perbandingan dengan isu *terrorism* dengan jenayah. Tadi ada Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional saya terlupa yang bangkitkan contoh mafia di Amerika Syarikat, dan macam mana J Edger Hoover berjaya akhirnya mengatasi masalah jenayah tersusun oleh Mafia. Itu betul, contoh itu tepat Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi apa yang boleh kita belajar daripada itu ialah apakah sistem perundangan yang digunakan dan macam mana polis digunakan. Yang penting sekali, sistem perundangan mereka pada masa itu sampai sekarang untuk mencegah jenayah ialah kuasa untuk tangkap dan tahan seorang jenayah dan bawa ke mahkamah berapa lama? 24 jam. Itu sahaja, 24 jam. Bukan kes *terrorist*. *Terrorist* itu lain. *Terrorist* itu macam Yang Berhormat Padang Serai sebut untuk orang-orang yang bukan Amerika Syarikat mungkin boleh tahan tanpa bicara. Warganegara mereka tidak boleh tangkap tanpa bicara.

Akan tetapi, untuk kes jenayah mereka mengatasi mafia dengan undang-undang yang hanya benarkan polis tangkap, tahan 24 jam, mesti bawa ke mahkamah dan bicara. Itu yang berlaku. So, you kena faham. So, apakah di Malaysia sistem perundangan sekarang, Kanun Tatacara Jenayah memberi kuasa untuk polis kita, PDRM kita tangkap seorang yang disyaki melakukan jenayah berat, bawa ke majistret dan boleh reman 14 hari. Jadi, tempoh lengkapnya 15 hari. Selama 15 hari hanya untuk siasat sahaja, tidak perlu bawa ke mahkamah. Selepas itu, baru boleh bawa ke mahkamah. Jadi persoalannya kenapa? Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Padang Serai dan ini mesti difahami oleh semua Ahli Yang Berhormat di sini.

Kuasa yang dipegang oleh PDRM sekarang cukup teruk, cukup besar. Sebanyak 50 sehari *you* ada untuk simpan seorang dalam reman hanya untuk siasatan. Kenapa polis kita tidak boleh membuat tugas mereka. Tugas mereka, kita beri kuasa *you* boleh tangkap atas *reasonable suspension*, tangkap siasat. Kenapa tidak boleh buat kerja mereka secara profesional. Di sinilah patut jadi tumpuan kita melengkapkan mereka supaya mereka boleh buat kerja itu lebih baik dan bawa mereka ke penjara.

Saya beri satu contoh sebelum saya akhirkkan pencelahan saya. Contoh yang terbaik adalah dalam jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tadi yang masih berada dengan kita. Bila dia menjawab rakan saya daripada Selayang, jawapannya baru keluar 1 Oktober. Ini contoh yang sangat terbaik. Bila kita tanya apakah alternatif, macam mana polis kita boleh menangani masalah yang kita ada, kita tahu ada masalah, ada penjenayah. Ini contoh dia.

Operasi kita gunakan contoh Ops Cantas itu sendiri. Ops Cantas dibuat. Tiba-tiba mereka buat intensif aktiviti yang bagus lebih kurang sebulan. Okey, saya baca daripada jawapan ya. Hasil daripada operasi yang dijalankan sehingga 18 September 2013, seramai lebih kurang 212,000 orang yang disyaki telah dibuat tapisan. Sebanyak 8,898 orang telah ditangkap. Bagus, kita ucap syabas kepada polis. Ini penting, sebanyak 289 senjata api dan senjata berbahaya telah dirampas. Lebih baik, kita ucap syabas.

■1850

Sekarang, satu langkah sahaja bawa ke mahkamah dan tuduh sebab saksi siapa? Orang yang ditangkap itu saksi, yang tangkap senjata itu adalah polis, tidak perlu apa-apa lagi. Bawa ke mahkamah, tuduh dan hantar ke penjara. Itu sahaja, apa salah. Jangan berhenti sekarang, buat secara berterusan. Minggu depan, bulan depan jangan berhenti, itu cara dia. Jadi persoalan saya juga, kenapa buat sekarang sahaja? Kenapa tidak dibuat lima tahun dahulu, empat tahun dahulu, tiga tahun dahulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kembalikan *mike* kepada Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Baik, jadi saya hantar balik kepada Yang Berhormat Padang Serai. Inilah cara sebab ada soalan yang dibangkit oleh beberapa Yang Berhormat, apakah opsyen dia? Soalan daripada Yang Berhormat Titiwangsa memang wajar, ia nampak macam tidak ada jalan lain. Kita perlu pergi kepada *detention without trial*. Saya kata tidak boleh, tidak perlu dan saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Padang Serai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Subang. Mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru, memang undang-undang seperti tahanan tanpa bicara ini tidak boleh digunakan untuk mencegah *street crime* ataupun jenayah biasa. Ini adalah jelas daripada peruntukan Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Saya akan buktikan sekejap lagi bahawa memang undang-undang ini adalah menyalahi perlembagaan dan adalah sebenarnya *unconstitutional*.

Mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Subang, di *New York City*, Rudolph Giuliani pada masa itu mematahkan mafia dan *organize crime* yang begitu kuat pada satu ketika. Bagaimana Rudolph Giuliani lakukan perkara ini? Apakah beliau menggunakan ISA, EO dan tahanan tanpa bicara? Tidak.

Ini *New York City*, semua orang boleh beli pistol, *revolver*, *sub machine gun* dan sebagainya. Bukan seperti negara kita, di negara kita kalau ditangkap dengan sepucuk revolver, hukumannya gantung. Bukan seperti itu di Amerika tetapi walaupun begitu Rudolph Giuliani dapat kesan yang begitu baik dalam percubaannya ataupun dalam inisiatifnya untuk mematahkan *organize crime* di tempat itu. Jadi, apa maknanya? Maknanya ialah boleh dilakukan tanpa undang-undang yang melebihi batas seperti ini. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, adalah jika kita sekali lagi membawa *specter* dengan izin, tahanan tanpa bicara kepada negara kita. Masalahnya ia tidak akan menyelesaikan isu jenayah, tidak akan.

Sebelum ini pun kita ada EO, berapa lama? Adakah isu jenayah diselesaikan? Tidak sebab itu masalahnya, ia tidak akan menyelesaikan. Jadi, akhirnya kita akan memberi keyakinan yang palsu kepada rakyat, *false confident and false expectation*. Bahawa seolah-olah masalah jenayah sedang diselesaikan disebabkan undang-undang baru tahanan tanpa bicara telah dibawa. Ini seolah-olah memperdaya rakyat kerana akhirnya mereka rasa seperti selamat tetapi sebenarnya tidak kerana tahanan tanpa bicara tidak akan mencegah jenayah di negara kita.

Isu yang dibangkitkan, saya kembali kepada isu menarik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi. Kalau kita tengok, saya kata tadi ia undang-undang tahanan tanpa bicara tidak boleh digunakan. Tidak boleh digunakan untuk jenayah biasa. Fasal 149 adalah jelas *sub version, substantial body or person threatening the federation*. Saya baca di sini, saya ada di sini ucapan oleh Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak bin Hussein daripada *Hansard* yang

membuat ucapan pada pembacaan kedua *Internal Security Bill* di Dewan Rakyat pada 21 Jun 1960. Amat menarik Tuan Yang di-Pertua.

Saya baca di sini, *"I come now to part I of the bill and particular to chapter II which provide powers of preventive detention. The principal of preventive detention has been debated frequently in this House and was debated at full length in connections with the amendment to Article 149 of the constitution at the last sitting of this House. Let me make it quite clear once again that the object of detention is to safeguard the security of country and not to punish persons for crime. A person is detained for what it is considered he may reasonably expected to try to do but not what he is proved beyond doubt to have done. He is detained because he represents a risk to the security of the country and not because he is a member of a lawful political party."*

Ini adalah janji manis yang kita dapat daripada Kerajaan Barisan Nasional semasa itu Kerajaan, iaitu Persekutuan. Janji yang dibuat oleh Tun Abdul Razak Hussein di tempat ini tetapi bukan bangunan ini, semasa itu belum ada lagi, 1960 janji yang sama dibuat bahawa ahli *political party* tidak akan ditahan. Akan tetapi apa yang berlaku selepas itu Tuan Yang di-Pertua?

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh mencelah satu minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Padang Serai. Sebenarnya kita memang dipihak sini pun memuji kerajaan kerana bertindak dengan tegas dalam Ops Cantas. Itulah satu-satu cara mengatasi masalah jenayah kerana daripada laporan yang kita terima, setiap mereka yang ditangkap itu mungkin sepuluh lagi sudah pun hilangkan diri. Penjenayah-penjenayah ini sudah hilangkan diri dan cuba melindungi diri daripada tindakan polis. Maksud saya ialah kalau polis bertindak dengan tegas, kita boleh banteras jenayah dengan senang. Apa yang penting mesti bertindak. Jadi maksud saya ini, memang jenayah yang menggunakan kekerasan ini segelintir kecil sahaja. Kalau kita tangkap segelintir kecil daripada segelintir kecil ini, semua akan hilangkan diri kerana ketakutan kepada polis.

Jadi, pada pandangan saya itulah cara untuk mengatasi jenayah di Malaysia dan bukan menggubal undang-undang yang menghakis hak asasi rakyat Malaysia. Setuju atau tidak kerana kita takut dan kluatir undang-undang sedemikian akan menghakis hak asasi rakyat jelata di Malaysia yang perlu dilindungi, seperti yang dilindungi di bawah Perlembagaan Persekutuan kita. Setuju atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Merbok juga bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Yang Berhormat Padang Serai, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Padang Serai dan dalam Dewan yang mulia ini. Daripada sumber *Global Peace Index (EPI)* 2013 melaporkan Malaysia adalah negara yang ke-29 paling selamat daripada 162 negara di seluruh dunia. Di mana UK adalah yang ke-44, Korea Selatan ke-47, USA ke-99, Thailand ke-130, China ke-101, India ke-141. Jadi, saya yakin in kerana ISA yang kita amalkan dahulu, di mana kita berada dalam keadaan yang selamat sampai hari ini.

Saya rasa apa yang kita hendak sembahkan ini, kita rasa untuk keselamatan kita semua. Jadi yang hanya akan terlibat penjenayah yang terpencil sahaja. Apakah Yang Berhormat Padang Serai tidak fikir tentang keselamatan kita yang terancam baru-baru ini kerana penembakan oleh segelintir manusia jahat? Sekian Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, kalau betul di tempat ke-29, mengapa perlu kita undang-undang baru ini untuk menahan tanpa bicara? Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua adalah saya nampak kawan-kawan kita daripada belah sana, premis mereka itu salah. Bila bermula berucap mengenai isu, apa yang ada dalam fikiran dia tidak ada cara lain untuk mencegah jenayah kecuali dengan tahanan tanpa bicara. Itu premis dengan mana ucapan dibuat sebab itu semua salah. Oleh kerana premis dia, basis dia itu pun sudah salah. Tidak ada apa-apa keterangan empirikal, tidak ada apa-apa bukti yang menyatakan tahanan tanpa bicara dapat mencegah jenayah, dengan pastinya tidak.

■1900

Saya kembali kepada apa yang saya hujahkan tadi iaitu ucapan Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, iaitu Tun Abdul Razak Hussein yang menyatakan, "*He is detained because he represents a risk to the security of the country and not because he is a member of a lawful political party.*" Ini janji yang diberi. Akan tetapi adakah janji itu ditepati? Tidak. Apa yang berlaku selepas itu? ISA 1966. Siapa yang kena tangkap? Yang Berhormat Permatang Pauh. Siapa lagi? Yang Berhormat Bukit Gelugor...

Seorang Ahli: ...Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Pasir Salak ya. Siapa lagi? Yang Berhormat Gelang Patah. Siapa lagi? Yang Berhormat Bagan...

Seorang Ahli: Bagan Datok.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Siapa lagi? Jiran saya di sini, Yang Berhormat Nibong Tebal, masuk ISA juga. Siapa lagi? Yang Berhormat Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gombak tidak masuk?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Bagan Datok. Oh ya, kena jugak. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Kena dua, tiga hari, saya ingat lagi tahun 1998. Semasa itu...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Pada masa itu dia sebelah kita. Baik, siapa lagi?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ramai lagi. Yang Berhormat Batu, tidak ada. Yang Berhormat Sungai Siput, baru-baru ini di bawah EO iaitu sama dengan ISA. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagaimana keadaan kita. Ini janji yang diberi oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Padang Serai, jadi daripada apa Yang Berhormat katakan tadi, setuju kah Yang Berhormat jika kita katakan bahawa sebenarnya kita bukan seperti yang didakwa oleh pihak Barisan Nasional bahawa kita tidak mempercayai polis tetapi kita tidak percaya kepada pemerintah yang memang menunjukkan mereka pernah menyalahgunakan kuasa polis. Ini diakui sendiri oleh bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan. Setuju kah Yang Berhormat?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya, itulah sebabnya Yang Berhormat Bukit Mertajam, kita perlu meletakkan...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Padang Serai, boleh saya mencelah, Kuala Kangsar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kangsar di belakang.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Biar saya jawab dahulu. Saya jawab dahulu. Itulah sebabnya kita perlu meletakkan kepercayaan kita bukan ke atas pemimpin dan manusia tetapi ke atas undang-undang dan perlembagaan. Dengan izin, *we put our trust not in man, but in the laws*. Sebab itu kita kata *rules of law* dan mungkin seorang pemimpin yang membawa undang-undang seperti ini pada masa ini mungkin tidak salah guna kuasa. Akan tetapi jika undang-undang itu ada, ya mungkin pada suatu hari nanti akan disalahgunakan. Apa lagi di mana Kerajaan Barisan Nasional malangnya telah banyak kali menyalahgunakannya seperti yang baru saya sebut nama-nama yang telah menjadi mangsa bagi ISA. Ya, tadi...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Kuala Kangsar.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Tuan Yang di-Pertua, pada satu sudutnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat Padang Serai bahawa kita perlu memperkasakan polis. Akan tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Serai, orang yang memperlekehkan polis adalah pihak pembangkang juga. Telah disebutkan di dalam Dewan.

Bagaimanakah apabila kita melihat perhimpunan BERSIH, budak-budak terus tidak menghormati polis, menendang polis, memanjat kereta. Itu sebenarnya lebih kritikal daripada apa yang kita bincangkan. Bukan soal jenayah tetapi lebih daripada itu. Soal anarki, elemen-elemen anarki yang telah ditanamkan. Ini lebih berbahaya daripada apa yang kita bincangkan. Jadi, pada saya, *tool* yang kita perkenalkan ini adalah satu *tool* yang begitu sederhana kerana elemen-elemen yang ditanamkan. Seperti mana yang disebut dan seperti mana yang dibuat, adalah bercanggah. *You are very hypocritical in that sense.*

Kalau kita lihat, kalau pendekatan kepada operasi. Apakah makna OPS? OPS ialah operasi, satu perkara yang kita buat secara intensif. Adakah Yang Berhormat menyatakan setuju hendak menggunakan cara itu setiap bulan? Operasi Januari, Februari, seterusnya sampai Disember ke Januari tahun hadapan? Adakah kita sakit, kita terus pergi *operation every- so prevention is still better than cure*, dengan izin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih. Yang Berhormat, adalah langsung tidak benar bahawa pembangkang memperlekehkan pegawai polis ataupun PDRM. Tidak pernah. Apa yang kita kata? Kita menyoal setiap salah guna kuasa mahupun dipihak pemimpin kerajaan ataupun MACC ataupun PDRM atau sesiapa yang menyalahgunakan kuasa, sesiapa yang menindas rakyat, kita soal.

Setiap kali kita mengkritik polis adalah dengan tujuan apa? Supaya dapat memperbaiki badan polis kita, PDRM kita, untuk memperbaiki supaya kita ada satu lagi institusi, kita hendakkan institusi yang menjadi *world class*. Kita mahu dunia bangga dengan institusi-institusi yang ada di dalam negara kita termasuk Dewan ini, MACC dan badan kehakiman. Sebab itu kita kritik. Kalau kita tidak kritik, yang salah kita tutup mata. Apa akan jadi kepada institusi polis? Itu dia.

Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tahu saya sudah bertahun-tahun mengkritik PDRM mengenai isu mati dalam tahanan polis. Akan tetapi saya hendak beritahu, sampai hari ini apabila saya berjumpa pegawai-pegawai polis, termasuk yang tinggi dan rendah, mereka begitu *cordial* dengan saya. Mereka kata, ya ada juga isu-isu ini, baik juga kita timbulkan sebab susah mereka yang ada di dalam PDRM sendiri hendak kritik tetapi mereka tahu ada benda yang berlaku, yang tidak betul. Jadi, apabila kita mengkritik itu adalah sesuatu yang baik dan bukan bermakna kita ada tujuan yang buruk terhadap PDRM. Mengapa kita perlu buat seperti itu? Tidak benar langsung.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Padang Serai...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Boleh saya mendapat pandangan Yang Berhormat tentang...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Subang, boleh bagi laluan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Subang.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Maksud saya tadi tentang tidak menghormati undang-undang. Di manakah Yang Berhormat letakkan *degree* di antara jenayah *terrorism* dengan anarki.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Saya rasa isu anarki tidak timbul. Isu anarki tidak timbul, siapa yang melakukan perkara anarki? Jika ada sesiapa yang melakukan sesuatu yang menentang undang-undang di dalam mana-mana perhimpunan aman, ambil tindakan. Sebelum setiap perhimpunan aman yang kita jalankan, kita kata kalau ada yang membuat perkara yang tidak betul, yang melanggar undang-undang, ambil tindakan.

Akan tetapi apa yang kita lihat, orang yang datang mengambil bahagian dalam perhimpunan aman, mereka yang diperlakukan dengan cara yang salah, menjadi *victim* ataupun

mangsa kepada *police brutality* dan sebagainya. Itu yang kita lihat, bukan terbalik seperti ini. Ya, Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Padang Serai memberikan laluan. Penjelasan yang saya minta adalah berkaitan dengan apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sebab di sini Yang Berhormat Kuala Kangsar menyebut anarki dan Yang Berhormat Padang Serai telah menjelaskan apa bezanya.

Anarki itu *actually* sebenarnya adalah satu perkataan *emotive*. Apa anarki ini— ini pandangan subjektif kepada satu orang ke satu orang. Apa lebih— baik *terrorism* adalah konsep yang lebih jelas. Akan tetapi *terrorism*, kita dalam Dewan ini pun sudah luluskan undang-undang dan ini penting, kita kena ingat untuk kes-kes *terrorist*. *Terrorist* adalah orang yang sanggup membunuh orang, mencederakan orang, musnahkan harta awam di atas ideologi, itu yang dia sanggup buat. Ini yang paling serius. Kategori jenayah tetapi kategori itu pun, undang-undang yang diluluskan di sini. *Security Offences (Special Measures) Act* iaitu SOSMA, mewajibkan pihak berkuasa bawa mereka ke mahkamah, selepas tahanan sebulan mesti dihadapkan ke mahkamah dan dibicarakan. Kita boleh buat itu dengan *terrorist*. Kenapa kita tidak boleh buat dengan— yang kita tuduh adalah penjenayah, itu satu.

Isu tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar...

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Padang Serai telah memberikan contoh bagaimana ISA mula-mula dibentangkan, diluluskan pada tahun 1960 dengan tujuan menjaga keselamatan negara. Akan tetapi akhirnya, kita lihat contoh-contoh dengan jelas disalahgunakan. Akan tetapi untuk undang-undang ini pun— sebab sekarang dibangkitkan, kita bawa atas nama mencegah jenayah. Akan tetapi saya hendak ingatkan, kita balik kepada akta ibu. Kita lihat jadual pertama, apa definisi kategori orang yang boleh diliputi oleh undang-undang ini. Ini kita kena baca sebab bahasa yang digunakan adalah— saya baca dalam bahasa yang asal ini. Menggunakan istilah “...*the registrable categories, all members of unlawful societies which...*”, then ada perenggan yang kedua, “...*are constituted, are used for purposes involving the commission of offences that are seizable under the law*”.

■1910

Bahasa macam itu dengan mudahnya boleh disalah gunakan juga sebab ada satu masa tidak lama dulu BERSIH digelar sebagai pertubuhan yang haram- *unlawful society*...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Subang, celahan panjang sangat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: So, maksud saya adalah kita sudah ada bukti macam mana ISA disalah gunakan, dengan bahasa macam ini ada juga sebab kuasa yang diberi adalah kuasa besar, tahan tanpa bicara dua tahun dan boleh disambung. So, saya tanya kepada Yang Berhormat Padang Serai, adakah kemungkinan sebab ini lah kuasa yang cukup besar. Adakah

kemungkinan juga dengan bahasa macam ini dalam undang-undang ini, kuasa ini pun boleh disalah gunakan. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi kah Yang Berhormat Padang Serai?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ada lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Subang. Mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Subang memang cara *Prevention of Crime Act* itu telah di rangka definisi jenayah dan sebagainya begitu luas. Bermakna ia mempunyai potensi yang amat besar untuk disalah gunakan. Ia boleh digunakan untuk menyatakan dengan cara yang amat mudah. Ia boleh digunakan untuk menangkap sesiapa pun, untuk menangkap sesiapa pun, kerana kuasa itu ada.

Soalan yang kita perlu pertimbangkan pada hari ini, adakah kita hendak memberi kuasa yang begitu besar, begitu luas kepada pihak penguat kuasa yang di bawah Kementerian Dalam Negeri? Adakah kita mahu memberi kuasa tersebut? Saya juga meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri memikir semula adakah *provision* seperti ini, "tahanan tanpa bicara" sesuatu yang sihat untuk negara kita, sesuatu yang selamat untuk negara kita? Adakah ia benar-benar menjaga kebaikan rakyat negara kita? Atau pun adakah ia memudaratkan membawa bahaya dan ancaman kepada rakyat negara kita?

Saya minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mempertimbangkan kembali kerana perkara ini adalah perkara yang amat penting, dan ia akan memberi kesan untuk mungkin bertahun-tahun selepas ini. Ia juga bukan sahaja memberi kesan mengenai isu pencegahan jenayah, dan sebagainya tetapi ia memberi kesan kepada perjalanan demokrasi negara kita.

Kita mahu maju, kita tidak mahu *one step, two steps forward, fourth steps back...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit sahaja Yang Berhormat Padang Serai. Saya hendak minta penjelasan tentang rang undang-undang ini khususnya dalam seksyen 7C daripada yang dinyatakan dalam bahasa Inggeris dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*In determining whether to issue detention order under section 19A in the interest of public order, public security or prevention of crime or a supervision order under section 15, the Board should apply the following criteria*". Cuma saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Padang Serai, apakah dengan masuknya perkara-perkara seperti *public order, public security or prevention of crime* ini, boleh menyebabkan ruang lingkup rang undang-undang ini terpakai, bukan sekadar untuk pencegahan jenayah tetapi juga tindakan-tindakan politik yang lain. Terima kasih.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Satu soalan yang amat baik kerana kalau kita rujuk kepada 7C, apabila disebut "*...in the interest of public order, public security...*", dan sebagainya, jika bulan depan BERSIH menyatakan

bahawa akan adakan satu lagi perhimpunan aman, *provision* ini atau pun peruntukan ini boleh digunakan untuk terus menangkap Dato' Ambiga, boleh dilakukan bukan sahaja tetapi seluruh *committee* boleh ditangkap di bawah 7C. Tidak ada apa-apa yang dapat menghindar kuasa itu digunakan seperti itu dan itu adalah - bukan, saya tidak kata bahawa Menteri Dalam Negeri akan berbuat demikian tetapi potensinya ada, kuasanya ada. Kalau pun Menteri Dalam negeri pada hari ini itu baik orangnya tetapi mungkin pada masa yang lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, saya ingat Yang Berhormat Padang Serai tidak baca habis undang-undang ini. Daripada tadi saya dengar Yang Berhormat mengatakan, salah guna bagi contoh, seolah-olah kita menggunakan kuasa-kuasa politik kita ini bagus. Sebab dikaitkan dengan Menteri Dalam Negeri.

Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional sudah cukup baik dah. Dahulu ada kuasa Menteri yang menahan. Sekarang ini kita tidak ada kuasa Menteri, kita bagi kepada satu badan bebas. Badan bebas yang terdiri daripada orang-orang profesional. Mana ada kuasa politik di situ lagi. Dan kalau Yang Berhormat persoalkan kuasa ini, ini ialah kuasa polis dan juga *Board* ini adalah kuasa-kuasa profesional. Berbeza dengan dahulu, dahulu betul boleh salahkan Menteri sebab Menteri tahan, baru pergi kepada Lembaga Penasihat. Sekarang ini sudah tiada kuasa Menteri. Kalau Kerajaan Barisan Nasional memikirkan kepentingan politik seperti yang Yang Berhormat cakap, kita tetap akan adakan kuasa Menteri di situ. Akan tetapi kita *abolished* kuasa Menteri. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang, soalan yang baik saya jawab terus.

Kalau kita lihat seksyen 7B yang baru, ia menyatakan bahawa ahli *Board* tersebut akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Iaitu tiga orang, seorang pengerusi dan dua orang lagi. Akan tetapi kita semua tahu bahawa di bawah fasal 40 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hanya dapat melantik atas nasihat Menteri. Jadi akhirnya Yang Berhormat Menteri di sana juga akan melantik tiga orang di dalam *Board* ini. Manakala tiga orang di dalam *Board* ini tidak mempunyai apa-apa *security of tenure*.

Maknanya mereka boleh dikeluarkan, mungkin kontrak mereka tidak disambung lagi. Mereka tidak, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang bebas, memang tidak bebas. Ini adalah lantikan oleh Menteri. Bila kita kata "bebas", itu mahkamah. Kita mesti memastikan bahawa ada akses kepada mahkamah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat baca baik-baiklah siapa yang lantik. Jangan lah buat persepsi negatif. Sampai kuasa Yang di-Pertuan Agong pun Yang Berhormat hendak persoalkan. Beritahu saya tolong baca kalau ada kuasa Menteri yang ada kuasa untuk melantik *board*. Tolong baca Yang Berhormat.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Okey, terima kasih. Okey saya jawab, saya jawab.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kalau Yang Berhormat pertikai, semua macam itu. Hakim pun Yang di-Pertuan Agong lantik, semua pengerusi Yang di-Pertuan Agong lantik...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Okey saya jawab, saya jawab. okey terima kasih saya jawab.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi Yang Berhormat ini Tuan Yang di-Pertua, ini mempersoalkan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong. Ini sudah salah dalam peraturan mesyuarat ini. Kita dalam Dewan tidak boleh mempersoalkan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong [*Tepuk*]

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Saya jawab ya, saya jawab.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat kena tarik balik. Yang Berhormat jelas, kalau saya tidak puas hati, saya hendak minta supaya hakim mempertimbangkan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Mungkin...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tidak mengapa, biar saya jawab dulu.

Yang Berhormat Tanjong Karang mesti baca Perlembagaan Persekutuan dulu sebelum berhujah [*Dewan riu*] Fasal 40, Yang di-Pertuan Agong akan membuat lantikan atas nasihat Menteri. Ini Perlembagaan Persekutuan dan Yang di-Pertuan Agong tahu tugas Tuanku, Yang di-Pertuan Agong tahu tugas. Yang di-Pertuan Agong kita selalu turut Perlembagaan. Yang tidak menurut perlembagaan adalah ahli Barisan Nasional [*Dewan riu*] Baca dahulu Perlembagaan Persekutuan itu. Jangan duduk saja...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini yang tidak faham perlembagaan.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat duduk sahaja.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Hendak minta ini, ini peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Padang Serai duduk, duduk dulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat 36(8)

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Duduk dulu

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini Peraturan 36(8) saya *gentleman*, saya sebut peraturan dulu. Bukan macam Yang Berhormat, sebut peraturan mesyuarat tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah, sudah..

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Jangan cakap macam gengster. Relaks la. Jangan cakap macam itu. Relaks. Sabar sedikit. Relaks, sabar. Apa macam apa ini? Hendak gaduh kah apa?...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa ini?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Luah secara sopan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Peraturan mesyuarat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat, ini Yang Berhormat Subang ini. Nama sahaja peguam tetapi peraturan mesyuarat pun tidak faham. Dengar lah saya hendak baca. Ini yang duk melompat tidak tentu hala fasal apa?

Seorang Ahli: Okey *straight to the point...*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini Peraturan 36(8), “Kelakuan atau sifat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja-raja Melayu...” dan sebagainya, “...atau Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata...” dan sebagainya, “...tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud-maksud itu.” Tidak boleh lah macam itu. Ini kuasa Yang di-Pertuan Agong - kita mempersoalkan. Betul, kita yang cadang tetapi jangan mempersoalkan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong. Ini sudah melanggar peraturan. Mohon Tuan Yang di-Pertua, dapat pertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang terhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, biar saya jawab dulu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

■1920

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Tanjong Karang mesti faham. Saya tak persoalkan *conduct of character of the* Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya baca apa yang tertulis dalam perlembagaan. Macam mana dia boleh *evoke* Peraturan Mesyuarat 36(8)? Langsung tak relevan, buang masa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Beruas, tak apa. Tak apa, tak apa. Duduk, duduk. Teruskan ucapan Yang Berhormat Padang Serai. Tak apa, saya buat ruling. Teruskan ucapan, teruskan ucapan.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak ada, saya dah buat ruling. Teruskan ucapan. Ya, teruskan ucapan.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kembali kepada isu tadi ya, saya juga nak baca sedikit lagi daripada ucapan Tun Abdul Razak bin Hussein. Pada bahagian ucapannya beliau mengatakan, “*let me make it quite clear that it is no pleasure for the government to order the detention of any person*”. Ini kita sokong, bagus, sentimen yang bagus. *Now will this power be abused?* Itu adalah janji jelas yang diberi oleh Tun Abdul Razak Hussein, janji yang mereka tidak dapat menepati. Apakah moral daripada semua ini?

Tahun 1960, mungkin apabila Tun Abdul Razak Hussein membaca ucapan ini, mungkin beliau percaya bahawa kuasa itu tidak akan disalahgunakan. Mungkin beliau percaya tetapi adalah sifat undang-undang seperti itu dan sifat pemerintah bahawa jika dibenarkan kuasa seperti itu, ia akan disalahgunakan. *Power corrupt an absolute power corrupt absolutely*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Itu jadi masalah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Padang Serai, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang kah Yang Berhormat Subang? Mana nak bagi?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Subang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang, dia bagi kepada Yang Berhormat Subang.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Serai. Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang, saya rasa dia bangkitkan satu, pandangan dia memang saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini mengenai apa? Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong?

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Kebebasan komiti inilah yang dalam undang-undang baru ini sebab, okey itu satu perubahan daripada akta ibu. Akta ibu, kuasa diberi kepada Menteri so sekarang perubahan dibuat, kuasa diletak dalam jawatankuasa yang dipengerusikan oleh seorang hakim dan dua orang lagi tapi pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang ialah ini adalah bebas. Itu yang tadi Yang Berhormat Padang Serai cuba menjelaskan dan ini saya tak tahu Yang Berhormat Tanjong Karang sama ada peguam, saya tak tahulah tapi saya anggap kita bincang perlembagaan kita kena bacalah dan faham apa itu.

Apa-apa yang disebut, mana-mana pelantikan dalam mana-mana undang-undang yang dikatakan dibuat atas nama Yang di-Pertuan Agong jelasnya adalah dibuat atas nasihat, *is made on advice*, dengan izin, Perkara 40, Perlembagaan bermaksud Tuanku tidak buat keputusan sendiri. Kabinet buat, Jemaah Menteri buat atau Menteri sendiri buat, itu jelas. Saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang kena baca, kalau tak faham itu kena dapat *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Subang, isu ini dah selesai, sudah selesai. Jangan panjang-panjangkan lagi. Yang Berhormat Subang pun faham bahawa tafsiran kadang-kadang berbeza. Kita ini di mahkamah pun berbeza *point of law*, fakta dan sebagainya. Jadi, tak perlu kita memberikan penjelasan untuk memuaskan hati rakan kita yang lain. Biarlah, biarlah. Yang Berhormat Subang, duduk. Yang Berhormat Subang dinasihatkan duduk, Yang Berhormat Padang Serai jangan berpanjang-panjangkan lagi. Sila teruskan ucapan.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya nak teruskan kepada satu lagi isu yang penting yang...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bagi jalan? Tadi saya bangun.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Apa lagi?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tak, saya nak tanya. Tadi saya dah bangun tapi bagi kepada Yang Berhormat Subang.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Apa lagi? Isu lain ya, bukan isu sama.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, saya tanya.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Isu lain ya isu lain.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya. Tadi saya dengar banyak kali Yang Berhormat Padang Serai mengatakan bahawa salah guna kuasa. Boleh tak spesifik siapa yang akan salah gunakan kuasa apabila akta ini kita luluskan nanti, itu yang pertama. Akan tetapi saya masih lagi Tuan Yang di-Pertua, walaupun tafsiran saya berbeza. Perlembagaan, saya pun ada perlembagaan juga. Bermakna tidak bolehlah mempersoalkan kuasa-kuasa yang ada di dalam perlembagaan. Kalau macam itu, apa juga suruhanjaya ataupun apa juga yang dilantik oleh Agong atas nasihat Menteri bermakna akan sentiasa dipertikaikan. Kita menghormati perlembagaan.

Jadi apa yang dah ada dalam perlembagaan, kita kena hormatlah. Janganlah kita terlampau prejudis ataupun kita rasa secara yang negatif. Ini tak boleh, kita tak boleh biar ini. Kalau kita biarkan Tuan Yang di-Pertua, apa juga yang kita buat semuanya kata dia ada kepentingan politik. Begitu juga yang kata siapa yang akan salah guna kuasa nanti. *To be specific* supaya dapat dirakam dalam *Hansard*, siapa yang akan salah guna kuasa ini. Polis kah, Menteri kah, hakim kah, siapa? Tolong jelaskan dengan lebih spesifik jangan terlampau *general*.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak apa, tak apa. Ini saya minta Yang Berhormat Padang Serai, saya dah *ruling* tadi jadi saya tidak beranggapan bahawa Yang Berhormat Padang Serai ini mempertikaikan kuasa Agong tetapi dia menyebut bahawa atas nasihat Menteri di bawah perlembagaan, itu jelas dan Yang Berhormat Tanjong Karang pun bersetuju bahawa atas nasihat Menteri. Jadi tidak ada pertikaian mengatakan kita mempertikaikan kuasa Agong dan tidak menghormati Agong dan saya ingat Yang Berhormat Bayan Baru, tak perlu kita panjangkan dan Yang Berhormat Padang Serai pun beralih kepada tajuk yang lain.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini lain isu ya. Minta penjelasan Yang Berhormat Padang Serai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini isu lain. Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang dia bangkitkan tentang siapa akan *abuse power*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Tanjong Karang dia tanya Yang Berhormat Padang Serai. Biarlah Yang Berhormat Padang Serai yang menjawab.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak perlu bantu kawan yang ini. Kawan kita ini, Yang Berhormat Padang Serai ini ada maklumat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta penjelasan Yang Berhormat Padang Serai tentang satu isu perspektif yang penting tentang isu PCA ini, adalah tentang isu martabat negara kita di seluruh dunia sebab pada tahun 2011, saya nak *quote* ini daripada satu *International World Justice Project Rule of Law Index 2011* dan dilaporkan oleh *The Star*, ini akhbar Barisan Nasional ini. Dia kata *Malaysia came in second to last globally on human rights record*. Maksudnya, kenapa dia *quote* di sini, sebab dia tonjolkan beberapa isu tentang *human rights abuse* melalui undang-undang dan kalau kita tengok *Human Rights Report* daripada *Human Rights Watch*, tiap-tiap tahun dia membangkitkan isu Malaysia kerana ada *detention without trial*, ada tahanan tanpa bicara.

Ini menyebabkan Malaysia begitu teruk di seluruh dunia, *second to last*. Kita daripada 66 buah negara [*Dewan riu*] Bacalah, dengar dulu. Daripada 66 buah negara pada tahun 2011 buat *survey*, Malaysia kedua paling rendah. Mungkin yang *last* sekali itu Zimbabwe. Jadi kita menghadapi satu masalah dan kita berterima kasih kerana pada tahun 2012, kita berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana kata mengumumkan bahawa akan mansuhkan ISA, mansuhkan EO dan di sini, *Human Rights Watch* dia ada kata, saya *quote*, "*Prime Minister Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak announces government intention to repeal ISA, revoke 3, Emergency Proclamation*" dan *Human Rights Watch* sudah *acknowledge* dan kita mungkin naik tapi sekarang tahun 2013, kalau kita bawa balik ini PCA, apa masalah? Kita akan *drop* teruk kerana kita *move* satu *forward*, *two step back*. Jadi kita akan... [*Dewan riu*]

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bayan Baru, saya beberapa kali telah tegur bahawa pencelahan jangan panjang-panjang, kita ada masa untuk kita berucap. Minta penjelasan kepada apa yang telah dibincang atau dibahaskan oleh Yang Berhormat Padang Serai dengan cara yang ringkas dan padat. Kalau masih lagi berpanjang-panjang celahannya, saya tidak akan benarkan lagi celahan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

■1930

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Padang Serai, saya hendak tanya sedikit sahaja. Hendak mohon penjelasan tentang peranan semak dan imbang ataupun *check and balance* khususnya di dalam seksyen 7B ini iaitu *prevention of crime board*. Apakah ada elemen semak dan imbang di dalam penubuhan Majlis ini atau Lembaga ini? Apakah ianya boleh mengganti peranan semak dan imbang di dalam sistem kehakiman. Terima kasih.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang meminta *clarification* tadi. Saya bermula dengan apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Bayan Baru. Inilah antara sebab mengapa kita minta supaya jangan diteruskan lagi dengan undang-undang yang membenarkan tahanan tanpa bicara kerana akhirnya ia pasti merosakkan imej negara kita di mata dunia antarabangsa. Walau bagaimanapun kita di sini cuba membetulkan pula bahawa...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Peraturan Mesyuarat 35(1). Yang Berhormat ini, dia tidak faham-faham peraturan mesyuarat. Dia berhujah, dia berpusar, berputar macam kipas Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya dia menghadap Tuan Yang di-Pertua. Ini dia menghadap ke kiri, ke kanan. Seharusnya dia tegak menghadap Tuan Yang di-Pertua. Jadi, peraturan mesyuarat baca [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya pun sudah tegur tadi dan Yang Berhormat Kinabatangan pun sudah register sebelah malam, terima kasih. Sila.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ini adalah satu *point* yang remeh yang ditimbulkan tetapi tidak mengapa [*Dewan riuh*] Seperti saya katakan kepada Yang Berhormat Bayan Baru tadi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, dia menghina peraturan mesyuarat.

Beberapa Ahli: Tarik balik.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tidak apa, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Kinabatangan, ya saya faham. Yang Berhormat Padang Serai tarik baliklah. Itu tidak bolehlah. Peraturan Mesyuarat 35(1) mesti berucap mengarahkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Bukan peraturan mesyuarat itu remeh.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: ...Ya [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dia tarik balik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, begitulah.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Berbalik kepada isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru, adalah bahawa isu imej negara kita di antarabangsa. Kita sudah berkali-kali menyatakan bahawa jika perkara seperti ini, tahanan tanpa bicara dibenarkan dengan pasti menggugat imej dan tadi disebut Singapura. Singapura sebagai seolah-olah satu contoh yang baik.

Saya tidak mahu menyatakan apa-apa mengenai negara jiran semasa perbahasan Dewan tetapi kita perlu ingat bahawa Singapura dikritik dengan hebat oleh media antarabangsa, oleh negara-negara barat dan negara-negara lain. Walaupun mereka berada di tahap *global peace, initiative* dan sebagainya tetapi memang imej mereka telah terjejas bertahun-tahun disebabkan oleh tahanan tanpa bicara. Mengenai isu yang ditimbulkan...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulim Bandar Bahru bangun. Yang Berhormat Kulim Bandar baru bangun, hendak bagi? Sila.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Padang Serai, saya cuma hendak minta pendapat Yang Berhormat Padang Serai. Saya rasa daripada awal perbincangan kita di Parlimen, masalah yang paling besar di depan kita ini ialah masalah *crime rate*. Kita semua bercakap betapa pentingnya untuk kita mengekalkan keamanan negara.

Jadi, antara kita hendak dapatkan satu laporan baik daripada agensi-agensi yang konon-kononnya kita perlukan untuk meletakkan Malaysia di tahap yang paling tinggi ataupun kita hendak mengekalkan keamanan negara kita ini supaya seperti Singapura juga. Walaupun dia dihina, diletakkan di tempat yang paling tercorot dalam *certain sector* tapi dia maju. Jadi, antara perbezaan ini Yang Berhormat Padang Serai, di mana Yang Berhormat Padang Serai rasa perlu diimbangkan supaya *insya-Allah*, 2020 ini kita menjadi negara maju dan keamanan ini merupakan perkara yang paling penting untuk apa saja tindakan kita di depan. Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pokok Sena, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Saya pun tidak bercakap apa lagi. Saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat Padang Serai dan juga Yang Berhormat Bayan Baru yang mengatakan bahawa kalau kita lulus ini, ia akan menjejaskan imej negara. Tindakan yang dibuat oleh pihak kerajaan iaitu menghapuskan ISA dan undang-undang tanpa bicara sebelum pilihan raya dan sebagainya, satu usaha untuk memenangi hati rakyat dan juga memenangi masyarakat antarabangsa.

Selepas itu, apabila dibawa balik hal yang berkaitan dengan tahan tanpa bicara ini, menunjukkan bahawa Barisan Nasional ini cukup hebat menipu satu Malaysia, satu dunia. *[Disampuk]* Saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat kerana ini kehebatan sebagai sebuah kuasa baru Asia, menipu satu Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Fahamlah itu. Maksudnya sudah faham. Yang Berhormat Pokok Sena, baru minum teh dengan Menteri tadi. Sudah hentam Menteri. Sila.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, tadi ditanya, siapakah akan salah guna kuasa. Jawapannya mudah sahaja, berapa ratus orang telah ditindas di bawah tahanan tanpa bicara, beratus. Kalau saya hendak ambil contoh yang terbaik sekali Yang Berhormat Sungai Siput yang ada dalam Dewan ini. Yang Berhormat Sungai Siput baru dua tahun yang lalu ditangkap di bawah EO. Bukan ISA tetapi mereka menggunakan EO kerana pada masa itu bantahan keras terhadap penggunaan ISA dan Yang Berhormat Sungai Siput, seorang Ahli Dewan Rakyat ditangkap, disimpan. Tidak ada apa-apa tuduhan yang dibuat.

Sehingga hari ini pihak kerajaan tidak mempunyai jawapan mengapa Yang Berhormat Sungai Siput ditahan tanpa bicara beberapa bulan, tidak ada jawapan. Tanya mengenai salah guna kuasa, itu dia satu contoh yang begitu jelas mengenai salah guna kuasa tahanan tanpa bicara. *Argue* lah dengan cara apa pun, bagaimana kita boleh justifikasi tahanan tanpa bicara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan lagi. Saya lihat masalahnya dengan pemimpin kerajaan dan ahli-ahli daripada parti Barisan Nasional adalah ini, seolah-olah isu hak asasi, *fundamental liberty*, dengan izin. Isu hak asasi, hak rakyat itu seolah-olah sesuatu yang remeh dan tidak penting, cara hujahan, *point* yang ditimbulkan adalah, “*Oh! Itu isu hak asasi*”. Malah Menteri pun semasa ucapannya menyatakan bahawa ketenteraman awam tidak sepatutnya diperjudikan semata-mata disebabkan penolakan terhadap peruntukan penahanan tanpa bicara yang dilihat sebagai melanggar hak asasi manusia. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, hak asasi manusia dan hak rakyat negara ini bukan sesuatu yang boleh diperkecil. Ia adalah sesuatu yang amat penting dan ia perlu diingati sebelum mana-mana undang-undang digubal atau dibawa kepada Dewan Rakyat ini.

Hak asasi ini bukan sesuatu yang diimport daripada barat, bukan. Ia terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan kita. Mula-mula Perlembagaan Persekutuan daripada fasal 5 sehingga fasal 10 adalah *fundamental liberty*. Ini bukan *Declaration of Independent of The United State of America*, bukan. Ini bukan *Bill of Rights, United Kingdom*, ini bukan *The Declaration of the Right of Man* di Perancis. Ini adalah Perlembagaan Persekutuan negara kita sendiri tetapi malangnya hak-hak di bawah fasal 5 hingga fasal 10 sentiasa atau selalu dinafikan dengan menggunakan undang-undang seperti ini dan akta-akta yang menindas. Itu yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap ada satu pendekatan baru oleh kawan kita daripada pihak Barisan Nasional. Ini adalah sesuatu yang penting. Selalu menyatakan bahawa ia adalah seolah-olah satu perkara daripada ciptaan barat tetapi sebenarnya untuk 1,000 tahun yang dulu, semasa Eropah masih dalam zaman kegelapan, masa itu adalah zaman kegemilangan beberapa negara Islam yang berpusat di *Cairo*, di *Istanbul*, di *Baghdad*, di *Iran*, di *India* dan di *Sepanyol*. Semasa kegemilangan kerajaan-kerajaan Islam itu, masa itu pun mereka telah pun sebut mengenai hak untuk bersuara.

Saya bagi satu contoh Khalifah Abdul ar-Rahman III daripada Cordoba, kurun ke-10 telah sebut mengenai hak bersuara. Jadi maknanya apa? Maknanya hak asasi itu bukan sahaja hak orang barat, ia adalah legasi kita, ia adalah tamadun timur juga dan ini sesuatu yang perlu difahami oleh rakan kita daripada belah sana. Ya.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Paya Besar, sila.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih. Kita bercakap pasal hal asasi manusia tetapi di mana hak asasi orang yang kena rompak, orang yang kena bunuh, di mana hak asasi keluarga mereka? [*Tepuk*] Kita bercakap hak asasi kerana kita ditahan. Akan tetapi bagaimana keluarga orang yang kena bunuh? Keluarga orang yang dirompak? Yang menjadi mangsa? Cuba fikirkan ini semua.

■1940

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, dari awal kita mengatakan bahawa kita komited untuk memastikan negara aman dan jenayah dicegah cara yang betul dengan menggunakan teknik polis yang betul, dengan menggunakan undang-undang yang

sedia ada. Apa yang kita bantah adalah menggunakan undang-undang yang tidak akan membawa manfaat dan tidak sebenarnya mencegah jenayah. Undang-undang tahanan tanpa bicara sudah lama ada. Ia tidak membawa kepada pengurangan atau pun penyelesaian masalah jenayah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sedikit mengenai rang undang-undang ini. Pada permulaan undang-undang iaitu fasal 3. Fasal 3 rang undang-undang iaitu *recital* iaitu di bawah Artikel 149 yang menyatakan, "*Whereas action has been taken and further action is threatened by a substantial body of persons*". Tuan Yang di-Pertua, siapakah *substantial body of persons* ini, siapa dia? Beberapa geng di negara? Apakah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan boleh digunakan seperti ini apabila kita tahu memang tidak benar pada masa ini ada satu *substantial body of persons* yang sedang mengancam negara ini tetapi masih kerajaan membawa atau pun meletakkan *recital* ini walaupun tahu perkara ini tidak benar. Ini adalah satu fiksyen.

Apa yang dinyatakan di sini adalah satu fiksyen. Apabila peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 149 digunakan dengan cara begitu ia secara automatik menyebabkan fasal dan rang undang-undang ini menjadi *unconstitutional* iaitu melanggar perlembagaan. Adakah kita di Dewan ini dengan mengetahuinya meluluskan satu rang undang-undang yang pastinya tidak mengikuti lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan. Adakah kita akan melakukan perkara itu? Bila jelas perkara ini— ini adalah untuk kes seperti pemberontakan komunis dalam tahun 1940-an di mana ada satu *organized body, army* dan sebagainya yang sedang mengancam negara ini dan bukan gengster atau jenayah biasa hendak gunakan Artikel 149.

Selepas itu Tuan Yang di-Pertua, kita lihat— ini penting. Fasal 19, seksyen 15A yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor dan juga oleh Yang Berhormat Sepang tadi. Akan tetapi yang penting di sini apa? Apakah kita pada tahun 2013 masih membawa undang-undang ke Dewan Rakyat ini yang menyebabkan *ouster* kuasa mahkamah? Apakah kita masih melakukan perkara ini? Apabila peruntukan dibawa yang menyatakan bahawa hanya isu prosedur boleh diambil kira oleh mahkamah, bermakna kita menggunakan apa yang dikatakan sebagai *subjective approach*. Maknanya kalau Yang Berhormat Menteri kata benda itu epal, benda itu epal sahaja. Kalau oren atau apa tidak kira. Maknanya kita tidak boleh soal apakah asas keputusan yang dibuat oleh Menteri di sini, *Board* atau pun Lembaga ya. Tidak boleh soal. Apakah *subjective approach* ini? Adakah ia digunakan lagi di dunia? Tidak. Kita ambil *subjective approach* ini daripada United Kingdom.

Kes Karam Singh dalam tahun 1969 adalah *locus classicus*. Memang dalam kes Karam Singh, *subjective approach* ini digunakan. Oleh itu kita tidak boleh soal kuasa Menteri untuk tangkap kecuali dalam isu prosedur. Akan tetapi kes Karam Singh itu adalah berlandaskan kes *Liversidge vs. Anderson* tahun 1942 daripada United Kingdom, masa Perang Dunia Kedua. Sejak itu England tidak lagi mengikut *subjective approach* tetapi *objective approach*. Apa itu *objective approach*? Maknanya hakim atau mahkamah mesti menilai fakta yang diberi untuk melihat adakah ia mempunyai asas atau tidak dan membuat keputusan ke atasnya. Itu adalah *approach*nya. Sudah lama di sistem perundangan United Kingdom di mana kita ambil sistem ini daripada sistem

perundangan United Kingdom telah di *jettison ex-parte Rossminster* (1980). Itulah kes yang telah dibuang ke tong sampah sejarah, sistem atau pun *subjective approach* ini.

Jadi soalnya Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita masih mengikuti apa yang diikuti oleh sistem Britain tahun 1942? Mengapa kita tidak bergerak ke hadapan? Kalau pun hendak peruntukan seperti ini benarkanlah mahkamah untuk menilai keseluruhan keterangan termasuk asas bagi mana-mana tangkapan. Takkan prosedur sahaja. Itu masalah yang besar. Ini merupakan satu retorik.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini pun mahkamah memang ada hakim yang tidak suka *approach* ini kerana mereka boleh lihat bahawa perkara ini membawa kepada ketidakadilan. Apabila mahkamah mula sedikit demi sedikit menyoal asas penangkapan dalam tahun 1980-an terus menerus Kerajaan Barisan Nasional membawa pindaan kepada ISA (Pindaan) 1989. Sama seperti Singapura juga di mana kuasa untuk menyoal asas tangkapan telah dimansuhkan iaitu hanya isu prosedur boleh disoal. Jadi hakim-hakim pun tahu dan sedar bahawa prosedur ini adalah tidak adil dan tidak betul. Sekali lagi kita membawa prosedur seperti ini dan ini adalah satu *precedent* yang amat buruk dan perlu ditolak sepenuhnya.

Klausu 23 – perintah tahanan tanpa bicara di bawah seksyen 19A yang baru iaitu tahanan tanpa bicara bagi dua tahun; “*and may renew any such detention order for a further period not exceeding two years at a time, if it is satisfied that such detention*”. *If he satisfied*. Bermakna apa yang *board* putuskan itu sahaja yang kita terpaksa terima kecuali ada kesilapan prosedur. Mengapa perlu peruntukan seperti ini? Mengapa kerajaan tidak mempercayai kebolehan hakim untuk menilai asas tangkapan seperti ini? Mengapa mengambil kuasa daripada pihak kehakiman? Ini adalah satu trend Tuan Yang di-Pertua, kerana dahulu pun apabila pihak Kerajaan Barisan Nasional di bawah Tun Dr. Mahathir pada masa itu membawa pindaan kepada perlembagaan untuk mengambil kuasa kehakiman – *the judicial power of the Federation* daripada badan kehakiman dan meletakkannya kepada kuasa kerajaan. Ini adalah satu pindaan yang memberi kesan yang amat buruk ke atas negara dan kebebasan serta hak rakyat.

Sekali lagi perkara yang sama berlaku. Apa kesan pindaan seperti ini? Ini juga memberi kesan kepada badan kehakiman. Ia mengambil kuasa daripada badan kehakiman dan ia sekali lagi melemahkan badan kehakiman. Pindaan-pindaan seperti ini melemahkan badan kehakiman dan sepatutnya tidak dilakukan. Itulah sebabnya bila kita sampai kepada isu tahanan tanpa bicara di bawah 19A, kita lihat bahawa semua kuasa untuk menyoal, untuk *challenge* tahanan ini telah diambil daripada kita. Lagi teruk kalau kita tengok fasal 25– *disclosure of information* di mana *Board* atau pun *enquiry officer* mempunyai kuasa untuk tidak mengemukakan atau pun mendedahkan dokumen-dokumen...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat Yang Berhormat Padang Serai berminat juga untuk berucap di peringkat Jawatankuasa mengenai fasal-fasal.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jadi tidak perlu kita panjangkan.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Saya tidak masuk mengenai *detail*. Hanya prinsipalnya isu tahanan tanpa bicara di bawah 19A yang baru yang dibaca bersama dengan 21A menyebabkan apa keadaan orang yang ditangkap di bawah rang undang-undang ini. Beliau tidak mendapat apa-apa maklumat. Semuanya adalah rahsia.

■1950

Apabila pergi kepada *Board, Board* mempunyai kuasa mutlak untuk menahannya untuk dua tahun, dan selepas itu dua tahun lagi, dan seterusnya, dan hanya kalau dia hendak soal isu prosedur, itu sahaja. Jadi apakah keadaan seorang yang katalah, yang tidak bersalah yang ditangkap. Apakah kita hendak menyatakan bahawa semua orang yang telah ditangkap oleh polis adalah tidak bersalah? Jikalau itu benar, memang tidak ada *acquittal* lagi kepada mahkamah kita. Hari-hari ada *acquittal*. Mengapa ada *acquittal*? Ini kerana bukan semua orang yang ditangkap oleh polis adalah bersalah.

Ini saya rasa rakan-rakan kita mungkin Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun akan bersetuju bukan semua yang ditangkap adalah bersalah. *So*, kalau begitu bukankah benar ada orang yang tidak bersalah akan dibawa ke hadapan *Board* ini. *Board* ini dengan kuasa mutlaknya akan menghantar mereka ditahan dua tahun. Kalau minta *information*, juga akan dihalang di bawah fasal 25, apa akan berlaku?

Tuan Speaker ini adalah seperti di dalam novel sastera yang masyhur oleh Frank Kafka, "*The Trial*". *The Trial* ini di mana kita dapat perkataan '*Kaf's cast*' iaitu Joseph K di dalam cerita itu, tidak tahu apa tuduhan terhadap beliau, semuanya dijalankan secara rahsia, dan akhirnya beliau diberi hukuman mati tanpa mengetahui apakah kesalahan yang dilakukan, dan kalau peruntukan seperti ini dibenarkan, kita akan mencipta satu keadaan yang boleh dinyatakan dalam '*Kaf's cast*' seperti yang saya nyatakan seperti yang saya terangkan sebelum ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Padang Serai sekejap sedikit sahaja.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tentang *detention order*, adakah Yang Berhormat Padang Serai bersetuju dengan saya, undang-undang ini ada berkaitan sedikit dengan ISA, di mana ISA juga ia melibatkan *detention order* yang dikeluarkan. Sebab itu ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ambil contoh dalam kes yang melibatkan Yang Berhormat Bukit Gelugor, di mana apabila beliau ditahan di bawah ISA, dalam *detention order* itu dinyatakan bahawa dalam satu tuduhan dalam *detention order* menyatakan pada sekian-sekian hari bulan dia sedang berucap mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam. Sedangkan pada tarikh yang disebut dalam *detention order* itu beliau sedang berada di dalam Mahkamah. Itu yang menyebabkan Mahkamah meng*issued*, dengan izin, *habeas corpus* tetapi selepas dipinda tidak boleh lagi *judicial review*.

Jadi setuju tidak dengan saya bahawa, keadaan ini mungkin akan juga akan berlaku dalam undang-undang ini? Itu yang pertama, dan yang keduanya saya hendak cerita ada seorang hakim Amerika dalam satu *judgement* dia mengatakan, dia kata, hatta bila Nabi Adam dikeluarkan..., ini hakim Amerika ini. Hatta bila Nabi Adam dikeluarkan daripada syurga pun dia tahu sebab kesalahannya iaitu makan buah 'Khuldi'. Maknanya dia tahu sebab. Ini kalau ditahan tanpa diberitahu sebab, macam manakah dia hendak membela diri. Setuju tidak dengan saya? Terima kasih.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sebenarnya Tuan Speaker, kepada peguam yang pernah membawa kes *habeas corpus* di dalam kes ISA, apabila kita melihat alasan penahanan itu memang mengejutkan. Tidak ada apa. "Abu menyatakan nampak anda di satu kawasan". Siapa Abu, siapa Awang itu, siapa Muniandy yang menyatakan yang memberikan keterangan itu? Kita tidak tahu. Kita tidak diberi akses, nama penuh pun tidak ada dalam alasan penahanan yang diberi bagi kes-kes ISA dan juga kes EO yang pernah kita buat, dan di bawah undang-undang yang sama ini, keadaan yang sama akan berlaku. Tuduhan-tuduhan yang kabur, alasan-alasan yang begitu kabur, dan menjadi lebih teruk apabila dibaca bersama dengan seperti yang saya kata tadi, seksyen 21A yang baru yang merupakan satu seksyen yang telah dimasukkan sedikit sahaja di sana tetapi mempunyai impak yang begitu besar ke atas perbahasan rang undang-undang ini.

Jadi Tuan Speaker, saya hendak menggulung dengan menyatakan bahawa sebelum ini pun seperti yang saya katakan, janji yang sama diberi. Hari ini isu ini bukan mengenai mencegah jenayah. Kita semua di Pakatan Rakyat komited supaya tindakan yang cekap dan efisien diambil untuk menjaga keamanan negara dan juga kebaikan semua rakyat dapat meneruskan kerja-kerja harian mereka tanpa diganggu oleh mana-mana elemen jenayah. Itu telah jelas. *No compromise* mengenai isu itu tetapi dua soal yang timbul, adakah undang-undang ini akan membawa keamanan dan mencegah jenayah? Jawapan daripada saya, tidak.

Seterusnya, adakah undang-undang ini akan membahayakan hak asasi dan kebebasan semua rakyat negara ini? Jawapannya, ya. Oleh itu saya minta supaya kerajaan menarik balik rang undang-undang ini pada kadar segera. Terima kasih [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Yang Berhormat Baling.

7.55 ptg.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. Yang dihormati Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua.

Saya ini bukanlah peguam, kalau tengok sebelah sana tadi daripada permulaan, awal sampai sekarang peguam, peguam, peguam. Kalau semua peguam duduk di dalam Dewan

Rakyat yang mulia ini sudah jadi mahkamah. Kalau semua doktor jadi 'Hospital Parlimen' jadi itulah kita perlu ada. Kalau semua ustaz, jadi Tabung Haji.

Apa pun, pertama sekali saya hendak mengucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan ini. Saya juga hendak mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah begitu peka, begitu- demi mendengar keluh-kesah rakyat yang sentiasa mendapak aspirasi massa. Oleh kerana itu, hari ini kita dapat membincangkan yang mana berhubung kait dengan akta yang mana kita hendak membuat pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, macam saya katakan tadi, saya ini pejuang. Pejuang hak asasi manusia. Saya ini melaksanakan kerja-kerja pembelaan. Jadi sudah tentunya saya boleh memberi sedikit pandangan dalam konteks perbincangan kita dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa pada sesi yang lalu, pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil ketetapan untuk memansuhkan beberapa akta seperti AUKU, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Kediaman Terhad, Akta Buang Negeri, Penggubalan Akta Perhimpunan Aman termasuk pemindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

Hari ini kita mendengar dan saya juga turut bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang sejak inisiatif bidang keberhasilan utama negara- NKRA diperkenalkan, kerajaan berjaya untuk mencapai kejayaan di dalam inisiatif NKRA mengurangkan jenayah, di mana peratusan jenayah indeks turut menunjuk akan menurun setiap tahun.

Jadi saya hendak ucapkan syabas dan tahniah kepada Dato' Menteri Yang Berhormat Bagan Datok kerana tidak ada kepentingan peribadi. Dan kerana itu telah memberi ruang dan peluang kita wujudkan sebuah *Board* yang mana kita memberi ruang dan peluang kepada orang lain untuk membuat keputusan.

Saya juga di kesempatan ini saya hendak nyatakan bahawa kita semua daripada tadi, kita bincangkan berkaitan dengan perundangan, bagaimana kita melaksanakan, bagaimana harus ianya mendapat kekangan daripada rakyat, daripada- ini semua untuk kita secara langsung, hendak membantu penjenayah tegar yang di mana hari ini, kalau kita tengok statistiknya, tidak sampai tiga bulan, kena tembak mati pun 21 orang, yang cedera pun 22 orang. Anak kecil, isteri yang tidak berdosa, daripada Timbalan Ketua Pengarah Kastam, sampailah penarik kereta kena tembak. Kita tidak tahu sebabnya. Apa yang kita tahu, tiap-tiap hari ada sahaja orang meninggal dunia kena tembak.

Jadi mungkin ini tidak berlaku kepada kita. Ini berlaku kepada rakyat. Jadi kita tidak tahu kesengsaraan rakyat. Bagaimana mereka kehilangan ahli keluarga. Bagaimana seorang Timbalan Ketua Pengarah Kastam yang ditembak mati di Putrajaya waktu beliau hendak melaksanakan tanggungjawab tugas harian dan saya juga dengar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sahabat saya Silam tadi berkaitan berleluasanya kes *Ah long*. Di pejabat saya tiap-tiap hari orang datang menyatakan bagaimana *Ah long* mendesak, mengugut hendak membunuh dan sebagainya kerana pinjam RM1,200, kena bayar RM22,000. Jadi ini semua berlaku...

■2000

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling, boleh minta?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sekejap. Saya tidak ada masa hendak layan Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang sudah bercakap lama. Duduk, duduk. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta penjelasan.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak payah, tidak payah. Saya bukan *lawyer*. Tidak apa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bercakap saya bagi penjelasan.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak apa, terima kasih. Saya tidak pernah minta pun dengan Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang duduk. Jangan ganggu saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa yang takut ini?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, pasal ah long.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Adakah kita pernah fikir kekangan-kekangan yang dihadapi oleh Polis Diraja Malaysia.

Beberapa Ahli: Duduklah! Orang tidak bagi laluan.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau kita tengok bagaimana kekangan-kekangan siasatan terhadap kongsi gelap yang sedang menular. Jenayah kekerasan iaitu bagaimana pengadu, mangsa atau saksi enggan memberi laporan, enggan memberi percakapan kerana takut akan keselamatan diri, keluarga dan sebagainya. Saksi tidak konsisten, saksi masyarakat tidak mahu melibatkan diri. Saya pernah menonton satu CCTV yang ditunjukkan. Tidak silap saya di Johor. Dalam sebuah restoran, depan khalayak ramai, dua orang datang, si mati tengah minum, terus tembak dan jatuh. Ramai saksi di situ. Saya tanya kepada polis dan polis menyatakan tidak seorang pun yang berani datang hendak menjadi saksi.

Kita juga harus ingat. Dalam penjenayah-penjenayah tegar ini, ada dalang, ada *mastermindnya*. *Mastermindnya* yang mempunyai pangkat, darjat dan dalam politiknya pelbagai. *Mastermind* dalang ini wujud. Ini juga mengaburi mata rakyat. Ini juga kekangan polis. Dalam siasatan juga, polis mempunyai pelbagai kekangan. Contohnya pegawai-pegawai penyiasat yang tidak mencukupi. Kesnya begitu banyak dan tidak mendapat kerjasama. Hari ini kalau kita baca akhbar. Saya tertarik dalam satu *statement* di mana Allahyarham Hussain iaitu seorang, *the founder of Arab-Malaysian Bank* (AmBank) di mana saya melihat dalam gambar surat khabar itu polis membawa suspek tadi menunjukkan tempat di mana mereka buang senjata api. Ini terbukti nyata dan jelas kalau ada peruntukan undang-undang sedemikian rupa, dapat ditahan baru kita dapat menghasilkan bagaimana mereka melaksanakan pembunuhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini telah mendapat beberapa statistik. Tadi Yang Berhormat Beruas pun menyatakan. Saya dengar ucapan beliau yang menyatakan sepuluh orang, kalau seorang kena dalam Ops Cantas ini, sepuluh akan lari. Akan tetapi saya berpendapat sebaliknya. Bila seorang terlepas daripada Simpang Renggam di mana angka yang diperoleh berdasarkan 2,600 orang suspek yang dibebaskan di Penjara Simpang Renggam yang berhubung, sepuluh orang kanan mereka menjadi 26,000. Kalau 2,600 kali sepuluh, jadi 26,000. Kali sepuluh, kali sepuluh, sehingga hari ini ada 260,000 penjenayah yang berada di luar.

Kalau kita tengok apa yang dinyatakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Setiawangsa. Kakak ipar beliau yang mana depan rumah disamun dan ditetak. Seorang wanita yang tidak mempunyai apa-apa kekuatan, tidak ada senjata api dan sebagainya ditetak dan sehingga hari ini beliau merasa bahangnya sebagai keluarga.

Jadi saya ingin menyatakan di sini, kalau kita tengok kes menembak ini begitu berleluasa. Memang satu peruntukan undang-undang harus kita lakukan. Oleh kerana itulah saya mencadangkan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasaan) 2013 dapat dilaksanakan.

Saya dengar ucapan-ucapan dari rakan-rakan. Semua tidak setuju. Akan tetapi kalau kita duduk renung sejenak. Fikir secara holistik. Hari ini siapa yang menjadi mangsa? Rakyat. Kanak-kanak di sekolah sudah mula menjadi ahli kongsi gelap. Kalau dulu ada EO. Kawasan saya, Baling terkenal dengan hantar semua orang buang daerah, pergi ke Baling. Semua buang daerah, pergi ke Baling. Jadi itu sebabnya satu pandangan yang saya melihat apabila dilontarkan oleh pihak polis dan Kementerian Dalam Negeri yang mana mereka akan mengguna pakai satu sistem yang mana EMD ini dapat dilakukan, boleh dipasang di kaki atau di tangan untuk memastikan kita tahu di mana pergerakan penjenayah-penjenayah itu.

Saya lihat dalam konteks apa yang ada pada hari ini, bukannya masalah. Kalau peruntukan undang-undang ada 71 hari. Kalau Kerajaan Barisan Nasional hendak lakukan, kita boleh pakai 71 hari tetapi kita berfikir secara holistik, 60 hari. Dan kita juga ada *special panel board* yang ada lima orang. Seorang *chairman* dan empat orang ahli. Ini juga dilantik oleh pihak yang kita tahu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan melaksanakan pelantikan tersebut. Sama juga SPRM. Pesuruhjaya tidak dipertikaikan. Hari ini kalau kita tidak memberi ruang langsung, maka dengan ini mana mungkin kita dapat melaksanakan.

Kita pada hari ini belum lagi, *nauzubillahi min zalik*, salah seorang daripada kita ditembak mati. Kalau kita salah seorang ditembak mati, baru masa itu kita hendak meloncat. Saya ingat lagi baru-baru ini bilamana rumah Menteri Belia dan Sukan dimasuki pencuri. Saya ingat. Berkali-kali sahabat daripada pembangkang telah mengutarakan. Kesian, Yang Berhormat Tuan Khairi. Kesian Yang Berhormat Rembau. Pencuri sudah masuk rumah beliau. Akan tetapi kita? Kalau hari ini kita kena tembak. Salah seorang daripada kita, *nauzubillahi min zalik*, baru kita hendak memikirkan. Nasi sudah menjadi bubur. Bubur sudah basi.

Di kesempatan yang diberikan kepada saya pada hari ini, saya melihat banyak perkara-perkara dari sudut jenayah dan kita patut memberi pengupayaan ini kepada polis. Kita harus

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai kekangan tetapi mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dengan jaya dan baiknya. [Tepuk]

Saya tengok pihak pembangkang takut. Takut. Oh, ISA. *Allergic* ataupun paranoid dengan ISA. Kalau kita tengok dalam konteks ISA...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Baling.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ampang.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang yang pernah ditahan dalam ISA. Syabas dan tahniah, beliau berjaya dalam politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ampang bangun.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita ada di sini Menteri kita pun di sini, Menteri Besar Perak, Menteri Dalam Negeri dan semua. Ini satu proses bukannya untuk menahan, menangkap, memukul, mengikat dan membuat pelbagai tuduhan yang dilemparkan oleh pihak pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ampang bangun, Yang Berhormat Baling.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Baling.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sabar, saya tidak habis lagi. Saya baru hendak mukadimah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sudah lama mukadimah.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak apa, tidak apa. Saya punya mukadimah lain. Orang Baling. Sila duduk.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sikit bolehlah. Tadi kata pejuanglah hak asasi kemanusiaan. Saya hendak tanya sikit. Boleh?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak apa, sekejap lagi saya akan bagi. Sekejap lagi saya bagi.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Boleh?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sekejap lagi saya bagi. Sekejap lagi saya bagi. Ucap terima kasih. Sekarang ini saya bagi tilam dahulu dekat Yang Berhormat Ampang. Sekali *cover*.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tilam?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jadi saya hendak minta di sini. Kalau kita tengok baru-baru ini. Baru-baru ini juga kita melihat pihak pembangkang iaitu Ketua Pembangkang telah keluar dalam akhbar mengajak kerajaan untuk duduk sama untuk berbincang hala tuju semua berkaitan dengan kes-kes yang sedang berlaku. Kalau waktu itu mereka mengajak kita, pada 19 September, kita telah mendapat jemputan untuk kita membuat meja rundingan untuk berbincang berkaitan dengan hala tuju masa depan negara kita. Apa yang saya

cadangkan di sini, kita sudah menyatakan kepada pembangkang, marilah kita berbincang perkara tersebut dalam Dewan yang mulia ini.

Akan tetapi, saya melihat pada 16 September. Maaf, pada 16 September lalu mereka dengan secara jelas mendesak kerajaan agar sama-sama berbincang. Memberikan ruang dan peluang untuk turut sama berbincang dan cari penyelesaian yang terbaik untuk rakyat. Akan tetapi hari ini belum apa-apa lagi sudah semua bangkang. Tidak bahas langsung. Daripada permulaan, daripada Yang Berhormat Tuan Karpal Singh bermulanya tadi sampailah sekarang – Yang Berhormat Bukit Gelugor sampailah kepada sahabat saya, *my neighbour* iaitu Yang Berhormat Padang Serai, tidak selesai-selesai. Tidak mahu langsung. Ini terbukti nyata dan jelas kita tidak mahu terima langsung. Jadi saya mengajaklah. Kita ketepikan pandangan peribadi. Ayuh kita atas nama yang saya nyatakan tadi, hak asasi manusia dalam konteks pembelaan masyarakat, kita harus memberi peluang...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Boleh? Hak asasi manusia?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sekejap, sekejap. Kita harus memberi peluang kepada semua untuk berbahas dan akhirnya kita membuat keputusan. Ini jangan tidak bagi langsung. Tidak bagi langsung ruang dan peluang untuk bercakap. Terus tidak mahu. Maka itu nyata dan jelas kita sudah ada niat, kita tidak mahu langsung kita hendak bincang hal perlembagaan ini. Silakan, Yang Berhormat Ampang.

■2010

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, silakan Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya teringat tadi tilam. Saya kata dia sebut tilam, pasal apa dia sebut tilam? Saya ingat dia angkat tilam Yang Berhormat Permatang Pauh dulu, ya? Yang Berhormat Baling angkat tilam Yang Berhormat Permatang Pauhkah dulu?

Akan tetapi saya teringat, rupanya waktu banjir di Ampang, kumpulan daripada, dia sebagai apa? NGO yang membantu, *what is the NGO call, I can't remember?* Yang menolong untuk membawa tilam. Itu adalah kewajipan NGO yang dibawa oleh Pemuda UMNO yang diberikan peruntukan daripada kerajaan. So, jangan hendak sebut-sebut, hendak ungkit-ungkit. Kalau banding dengan kami membuat kerja ini, kita cari duit sendiri. *[Dewan riuh]* Kita *collect* daripada *public* untuk kita berikan, menolong rakyat.

Yang Berhormat Baling jangan berbangga-bangga kerana Yang Berhormat Baling mendapat peruntukan daripada kerajaan untuk menjalankan tugas ini, untuk menyelamatkan anak dara orang, hendak menyelamatkan apa dan apa juga negara. Okey, Yang Berhormat Baling, ini peringatan kepada Yang Berhormat Baling. *[Disampuk]* Saya hendak sebut, tentang dia kata. Kita tidak pernah menafikan bahawa pihak polis menjalankan tugas dengan elok. Memang tidak kita nafikan, mereka menjalankan tugas dengan elok.

Akan tetapi apa yang saya hendak memperingatkan kepada Yang Berhormat Baling bahawa pada satu ketika selepas 11 September, beratus orang telah ditangkap di bawah ISA

tanpa sebab. Bila ditanya kerana apa, memberikan wang, *donation* atau sumbangan dan menghadiri kelas-kelas agama. Mereka ditangkap tanpa sebab. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Serai, tanah air sini ditahan tanpa sebab. Tahu tak Yang Berhormat Baling, keluarga-keluarga mereka, anak-anak mereka bertempiran, hidup tanpa kebajikan, tanpa pembelaan, tak ada wang. Adakah wakil-wakil rakyat Barisan Nasional pernah ditemui oleh mangsa-mangsa, isteri-isteri ini untuk meminta daripada Barisan Nasional pertolongan?

Saya pernah bawa mereka berjumpa mantan Menteri Dalam Negeri untuk membantu mereka tetapi mereka tidak dapat pembelaan langsung daripada Barisan nasional. Para isteri dan anak-anak berapa tahun ditinggalkan? Tidak dapat menemui dengan bapa atau suami mereka dan kebajikan mereka. Itu yang paling penting. Kalau Yang Berhormat Baling kata memperjuangkan hak asasi manusia, Yang Berhormat Baling patut terlibat dalam membela nasib-nasib mereka yang para suaminya ditahan tanpa sebab.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: 'Bagi betis nak paha. Bagi paha nak ketiak'. Inilah dia. Cakap sedikit, bagi sedikit, cakap lama-lama.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *[Ketawa]* Ya... Malaysia dan *preventive act* ini patut dipertimbangkan balik – hak asasi manusia balik. Terima kasih.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih, Yang Berhormat Ampang. Kalau tidak tahu siapa bantu pun tadi, jenuh cari siapa, "*NGO mana? NGO mana?*" Nampak sangat Yang Berhormat Ampang ini tak peka. Itulah. Maknanya ini bukan duit kerajaan ya. Hendak betulkan balik. Ini adalah inisiatif kita sendiri. Datang bantu. *[Tepuk]* Esok kalau anak awak lari pergi Lombok, beritahu saya. Saya tolong carikan ya. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar, Kapar...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sekejap. Kalau hendak tuduh, jangan main tuduh-tuduh. Dapatkan fakta dulu. Saya cuma cakap tadi, yang saya bantu dulu pun tidak ucap terima kasih. Sebagai Ahli Parlimen, apa salah kita ucap terima kasih kepada orang datang bantu kita? Salah atau tak salah? Sebab kita bantu di tempat lain, mesti Ahli Parlimen datang ucap terima kasih kepada NGO tersebut.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kita sudah tahu daripada...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tilam yang dibawa bukan sedikit. Sebanyak 2,500 dan itu bukan duit kerajaan...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Usul *allocation* peruntukan Yang Berhormat Baling dapat, saya tahu daripada mana Yang Berhormat Baling.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bukan duit kerajaan, duit inisiatif NGO. Jadi tak apalah, kita balik kepada tajuk kita.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Baling, itu kerajaan. Pergi Palestin, pergi ke Aceh, pergi ke mana, semua daripada kerajaan. Bukan daripada duit cari sendiri, kita tahu.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Inilah dia talam dua muka. Inilah dia talam dua muka!

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Dan saya juga dalam misi kemanusiaan, saya lihat bagaimana...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tadi dia beritahu pihak Menteri KDN tidak peka...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Baling dan kumpulan membelanjakan wang itu, tinggal di hotel-hotel yang mewah. Makanan yang mewah [*Dewan riuh*]

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa ini, apa ini? *Allahu Akbar!*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya tahu ini, ini adalah maklumat yang saya dapat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ampang, bawa bersabar Yang Berhormat Ampang, bawa bersabar.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Istighfar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya sengaja biarkan. Sudah lama tak dengar suara Yang Berhormat Ampang dalam Dewan.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa yang Yang Berhormat cakap tadi mengatakan, oh! Pihak KDN tidak pernah ambil tahu pasal keluarga dan sebagainya. Tadi jelas nyata apa yang dinyatakan oleh pihak Yang Berhormat Karpal, telah menyatakan bahawa kisah Chin Peng. Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi, Yang Berhormat Bukit Gelugor, minta maaf. Yang Berhormat Bukit Gelugor mengatakan kisah Chin Peng, Tun Dr. Mahathir dan apa yang sedang berlaku semua pada hari ini.

Yang Berhormat Ampang kena sedar orang Baling ramai jadi mangsa pembunuhan komunis. Kami pun ada keluarga punya banyak yang di situ. Di Baling masih lagi menderita. Jadi, pihak pembangkang hendak memperjuangkan, bawa masuk abu mayat Chin Peng ke dalam negara ini. Jadi, Yang Berhormat jangan jadi talam dua muka. Sana sokong, sini kata kita tidak ambil peduli berkaitan dengan kebajikan isteri-isteri atau keluarga penjenayah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sedikit ya, saya hendak ingatkan sedikit. Lupa kah peristiwa Ibrahim Libya di Baling?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Cukuplah, saya tak ada masa. Pukul 8.30 malam hendak berhenti, saya hendak habis. Saya ada banyak lagi...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Itu satu peristiwa juga yang harus difikirkan.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya ada banyak lagi, tak apa terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Memali incident*, nanti ingatkan Memali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hendak bagi laluan kepada Yang Berhormat Ampang?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Nanti menangis, beri...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau bagi laluan, panjang-panjang, boleh sambung esok.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya cuma hendak ingatkan sedikit, jangan sebutkan pasal Chin Peng. Tentang Memali juga di situ...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tak bagi dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak bagi?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya, bagi, bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, bagi, sila Yang Berhormat Ampang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Lepas ini Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Baling, jangan lupa.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya sudah bercakap, saya kata, *you* hendak bandingkan dengan Chin Peng dan sebagainya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling duduk dulu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Di Baling juga ada satu kes, di Memali yang mana satu pejuang juga telah dianiaya dan berapa banyak yang telah terbunuh dalam insiden itu? Jadi apa jawapan yang itu?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa kena mengena Chin Peng dengan kes Memali? Yang Berhormat Ampang...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Precisely, what have you have got to do with what I am saying?*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Ampang beritahu kebajikan keluarga Memali, sebelum jadi Ahli Parlimen, saya sudah jaga, saya sudah bela. Sehingga hari ini cikgu Non bersama dengan kita kerana mereka telah tahu kebajikan. [*Tepuk*] Istiqamah yang telah dilakukan oleh bukan Ahli Parlimen waktu itu. Saya penyelaras Parlimen. Yang Berhormat, *get your facts first*. Dapatkan fakta.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang itu saya tak boleh pertikaikan, saya tak pernah nampak Yang Berhormat baling ketika itulah, *sorry* lah. Saya tidak pernah nampak.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini bukan jual buah di tepi jalan. Hendak bercakap pastikan ada fakta. Pergi periksa asal usul saya di Baling. Bagaimana saya jaga kebajikan, baru boleh sebut. Kalau saya boleh pergi ke Ampang, boleh bagi bantuan kepada Ampang. Sudah semestinya saya tahu juga Baling.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling lahir di Baling ya?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya. Walau bagaimanapun kita... Silalah Yang Berhormat Kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Silalah Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Hebat Yang Berhormat Baling berdebat. Saya hendak tanya tentang kerjasama Pakatan Rakyat, meminta hendak berbincang dengan pemerintahan Barisan Nasional dan sebagainya. Yang dikatakan di sini tadi kita bahas menolak terus dan sebagainya. Apa yang ditekankan oleh Ketua Pembangkang, hendak berbincang itu semua adalah sebenarnya hendak membawa undang-undang sebegini, kita bincang pada konsep dasar. Bukan setelah dikemukakan di sini. Bermaksud, pada awal-awalnya kita bincang dengan Majlis Peguam sebagai contoh, kita ada Ahli Parlimen di bawa untuk berbincang, sebelum kita ada pindaan ini. Sudah bawa ke tahap ini, mesti kita kena bahas. So, pada dasarnya, saya rasa Yang Berhormat Baling tidak faham dengan apa yang Ketua Pembangkang sedang bawa tempoh hari, yang disebut tadi.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat daripada Kapar. Saya faham, saya tahu, saya jelas perkara tersebut. Saya tidak akan cakap benda yang saya tidak tahu. Saya hendak menyatakan kepada Yang Berhormat Kapar, kalau hendak bincang sebelum pergi buat, *black* apa..., 505 itu *black* apa? Bukan *black Maria*, *Black* apa?...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Baling. Itu tak ada kena mengena Yang Berhormat Baling. Ini, kita cakap fasal rang undang-undang.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Maksud saya, kita kena bincang dulu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: / tak bawa Chin Peng, / tak bawa pergi Memali, / bincang pasal ini. Kita bincang fasal dasar.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Waktu itu kita patut bincang waktu itu. Ya, ya, betul, patut kita bincang waktu itu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kamu yang cakap, Yang Berhormat yang cakap.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bukan kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar dengan Yang Berhormat Baling, tadi nampak baik. Tiba-tiba meletup ini, apa hal? Okey...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: ...Dasar dan saya tekankan apa yang patut disampaikan tadi. Ini patut dibincangkan Tuan Yang di-Pertua, bukan terus bawa di sini dan bahas.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tahu. Kalau...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sini ada perbincangan pendapat. Jauh, jaraknya memang jauh. Sana ada, ini ada beberapa wakil rakyat di sebelah sana pun tidak setuju

dengan benda ini. Lompang, nampak sangat keluasan itu terbuka [*Dewan riuh*] So, saya minta kita bincang sebelum, buka bawa dekat sini. Itu *point* saya.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya rasa saya bercakap dengan dia dalam bahasa Ibundalah, lagi dia senang faham [*Berucap dalam bahasa Tamil*] Dengan izin ya [*Ketawa*] Saya mengingatkan kepada beliau Yang Berhormat Kapar kenapa pergi buat 505?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Wah! Ini sudah cabar saya. [*Ketawa*] [*Kedua-dua Ahli Yang Berhormat berucap di dalam bahasa Tamil*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar dengan Yang Berhormat Baling... [*Ketawa*][*Dewan riuh*] Okey, sambung bahasa Ibunda di luar ya, saya pun tak faham.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itulah maksud saya tadi, kalau hendak bincang. Kita patut bincang sebelum mereka melakukan *Blackout 505*, pergi satu negara, pergi stadium, itu semua patut kita bincang sebelum itu. Bukan sekarang.

■2020

Bila dekat hujung-hujung baru hendak minta bincang. Jadi kita kata ayuh kita bincang dalam Parlimen. Itu sebab, kita bentangkan kertas ini untuk perbincangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar bangun lagi.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: [*Bercakap dalam Bahasa Tamil*]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Wait* lah. Boleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada beza di antara *Black Out 505* dengan rang undang-undang ini. Jangan samakan Dengan rang undang-undang, *come on*. Apa ini. Tidak ada pokok tidak ada buah. Ini rang undang-undang *come on*.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Semua bising, semua bising. Bagi dia peluang bercakap, bagi dia bahas dengan saya. Yang bising buat apa. Adoi!

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau hendak ajak berbincang, bincang daripada awal-awal, bukan sekarang. Kalau kita tengok, balik pada tajuk kita kalau hendak tengok apa yang kita telah memperjuangkan untuk selama ini, kita bukan hendak bawak balik ISA. Janganlah paranoid. Janganlah takut. Sebab tidak akan ditangkap, jadi jangan takut. Mereka ini takut buat *Black Out 505*, Bersih dan depa takut kena tangkap [*Disampuk*] Jadi saya harap kita tidak payah hendak risau.

Kita hari hendak tekankan di sini berkaitan dengan penjenayah tegar yang begitu berleluasa dan kita hendak bincang bagaimana kekangan-kekangan Polis Diraja Malaysia. Kita sebagai ahli dalam Dewan yang mulia ini boleh membantu pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengurangkan jenayah. Itu yang kita hendak bincang. Kita tidak payah bawa mari kes Chin Peng, kita tidak payah bawa mari kes pelbagai yang tidak ada berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik bangun. Bukan Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Gerik bangun. Sila.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu kakanda saya, kena bagi laluan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Baling, kita dalam Dewan ini bukan semuanya *lawyer*. Ada daripada profesion doktor, cikgu dan pelbagai lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling, duduk Yang Berhormat Baling. Bagi rehat dulu.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Bermakna kalau kita dengar daripada mula Menteri bentang rang undang-undang sampai la ini, kita dapat dari segi pandangan *lawyer* saja dan sebenarnya kita dalam Dewan ini menjadi tukang buat dasar. Bermakna yang kita dok cerita semua ini, bukan yang seperti mana yang hendak pertahankan tidak hendak membentangkan ini. Kita sudah faham sudah. Rang Undang-undang Jenayah ini yang 1959 bukan soal Rang Undang-undang Darurat. Ada pindaan-pindaannya.

Jadi kita hendak bagi kuasa polis betul, kalau ada polis tidak betul kita tidak setuju. Bermakna Yang Berhormat Baling sudah bagi satu pandangan yang bukan daripada peguam. Pada pandangan Yang Berhormat Baling dapat tidak mempengaruhi kami semua ahli Dewan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Sikit lagi tambah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Yang Berhormat Baling, *the champion of human rights*, dengan izin. Tadi saya nampak ada kerisauan di pihak pembangkang. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Baling bahawa apakah benar-benar mereka memperjuangkan kebebasan rakyat ataupun membela kebebasan kongsi gelap yang antaranya ditaja oleh sesiapa saja termasuk mungkin daripada pihak orang *businessman* ataupun pembangkang ataupun siapa-siapa saja yang boleh membelakangi kongsi gelap ini.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar di atas pengiktirafan tersebut. Untuk rekod, 32 buah negara saya pergi membawa panji-panji bendera Malaysia.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kawan-kawan kita di sana satu negara pun tidak pernah pergi kot. Pernah pergi Somalia, Mesir? Yang bawa balik anak-anak kita 7,282 orang, Ops Pyramid, siapa yang bawa balik?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kamu ditaja UMNO. Kami siapa taja?... Tidak ada orang taja.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saudara-saudara Yang Berhormat di sini ikut. Tidak ada siapa saja. Jangan cerita fasal saja. Keberanian itu, keikhlasan itu untuk memperjuangkan. Ada?

Beberapa Ahli: [Tepuk]

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Anak rakan-rakan saya dalam PAS, PKR kita pun bawa balik. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, pada Tuan Yang di-Pertua, 32 buah negara bukan satu perkara yang mudah. Persimpangannya adalah nyawa, bukannya main-main. Akan tetapi kalau hari ini datang sedap duduk, bilik *air-cond* bercakap. Semua orang boleh bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sekejap kakanda, sekejap saya bagi. Saya hendak jawab sahabat saya dua orang tadi belakang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk dulu Yang Berhormat Sungai Petani.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Memang betul, kalau kita melihat trend, cara, kaedah, hujah-hujah yang dibawa oleh pihak pembangkang, peringkat awal lagi mereka hendak tolak mentah-mentah tanpa dibahaskan. Itu jelas, nyata buktinya mereka hendak membela penjenayah-penjenayah. Itu pada pandangan saya. Oleh kerana itu, saya bukan *lawyer*, saya bukan majistret, saya hanya seorang insan kerdil yang memperjuangkan hak asasi manusia apabila kita melihat hari ini penjenayah menembak dengan begitu rambang, peluru tidak kenal siapa, anak kecil, isteri orang, ibu orang dan sebagainya. Itu sebabnya inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian Dalam Negeri harus kita iktiraf dan mengucapkan terima kasih, setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada KDN dan pihak Polis Diraja Malaysia kerana berani dan tampil ke hadapan untuk mengutarakan.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Silakan Yang Berhormat Sungai Petani.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Baling ini, ada klausa dalam rang undang-undang ini menyatakan bahawa penahanan akan berlaku dua tahun, lepas itu kalau *Board* setuju dan ditambah, disambung lagi dua tahun dan seterusnya. Isunya sekarang, adakah dengan penahanan tersebut kita mengharapkan pihak polis yang selama ini profesional, kita yakin. Akan tetapi kita mengharapkan bahawa polis akan terus buat *investigation* dan kalau mereka didapati ada kes yang cukup yang jelas, mereka boleh dibawa ke mahkamah.

Jadi isu yang kita bincangkan sekarang ini ialah kita memberikan kuasa kepada banyak dalam rang undang-undang ini untuk terus tahan dan tahan dan tahan. Sedangkan kita tidak

perlu kalau sekiranya kita terus memberikan keyakinan kepada pihak polis terus buat siasatan dan selepas dua tahun contohnya, terus bawa mereka ke mahkamah. Itu saja, kita tidak pernah mengatakan bahawa kita tidak setuju untuk menahan tetapi mesti ada had dan tempohnya. Setujukah Yang Berhormat Baling terhadap itu.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sungai Petani. Syabas dan tahniah. Itu satu hujah yang hebat. Setelah saya masuk, bila bercakap fasal kemanusiaan, bila saya sudah bercakap fasal *human rights*, baru saya nampak reda. Semua mula hendak bercakap dengan fakta. Alhamdulillah saya setuju apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi dan sekarang kita harus bincang, kita hujah dalam Dewan yang mulia ini kaedah-kaedahnya. Makna dengan itu daripada tidak buka langsung, daripada *no, no, no* sudah mula buka.

Sekarang ini sudah mula bincang fasal dua tahun, lepas itu dibawa kepada muka keadilan. Itu kita boleh hujah tetapi yang saya hendak nyatakan di sini kalau apa sekalipun kita harus mengupayakan. Kita percaya pada polis. Kita percaya, kita menghormati. Kalau kita tidak percaya polis, hari ini kita gigit polis pun, polis masih berkawan dengan kitalah. Itulah kesimpulannya. Kita panjat atas kereta polis, kita buat polis pun,...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita masih lagi bersama polis, polis masih jumpa kita, Yang Berhormat, assalamualaikum Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat di *salute*. Padahal kita gigit dia.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itulah kehebatan polis yang patut kita memberi pengiktirafan. Silakan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Sungai Petani cadangan kata dua tahun tahan. Nampak apa yang Yang Berhormat Sungai Petani pun, Yang Berhormat Baling setuju tidak dengan saya pihak sana dia memang tidak faham betul undang-undang ini. Kalau sudah kena tahan dua tahun, yang akan membuat *assessment* ini bukannya polis lagi. Dia sudah ditahan dua tahun, jadi yang akan buat penilaian sama ada dia ini boleh dibebaskan atau tidak ialah pihak penjara bukannya pihak polis. Sebab dia dua tahun ditahan di dalam penjara.

Jadi itu nampaknya mereka tidak faham mengenai undang-undang yang dibuat ada maksud tahanan dua tahun itu yang ditimbang bukannya polis. Itu ialah dia dalam tahanan. Kalau dalam tahanan, kelakuan dia baik, maka dia akan dibebaskan oleh *Board*. Tidak kena mengena dengan polis lagi...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Oh, ini bahaya.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ini amat-amat bahaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini, ini Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Sungai Petani nanti, saya hendak tanya Yang Berhormat Baling bagi celahan kepada Yang Berhormat Sungai Petani.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sungai Petani orang baik. Bagi dia peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ini amat bahaya Tuan Yang di-Pertua. Maknanya andaian kita ialah mereka ini ditahan untuk buat tujuan siasatan. Oleh kerana tidak ada bukti-bukti yang cukup, mereka ditahan dahulu tetapi siasatan mesti berlaku. Maknanya dalam kes ini, polis tidak mahu ambil tindakan, polis tidak akan buat *investigation*. So sumbat lepas itu *Board* kata sambung lagi. Maknanya harus berlaku siasatan. Sebab itu kita kata mungkinlah tahan mereka untuk satu ketika waktu tetapi *investigation* mesti berlaku kerana mungkin orang ditahan itu orang yang teraniaya. Tidak mungkin polis lepas tangan kalau tidak ada *inquiry*. Amat bahaya Tuan Yang di-Pertua.

■2030

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sungai Petani, kita kena baca *case study* itu dengan mendalam. *Investigation happen*, dengan izin. Penyiasaan berlaku 21 hari itu apabila ditahan 24 jam, dan ditahan lagi, memanglah ada *investigation*. Selepas itu, baru dia akan membuat *inquiry*. Selepas *inquiry* itu dia hantar kepada *Board*, *Board* ini kan orang yang bijaksana. Tidak ada kena-mengena dengan Kementerian Dalam Negeri, tidak ada kena-mengena dengan mana-mana Menteri. Mereka ini adalah satu badan individu, mereka boleh membuat keputusan. Saya yakin dan percaya mereka tidak akan menganiaya. Apa sebab mereka hendak menganiaya? Mereka tidak kenal pun penjenayah ini. Mereka akan berlaku adil atas fakta yang mereka peroleh.

Jadi saya berpendapat di sini, kita harus memberi ruang, kita harus memberi ruang dan peluang kepada *Board* ini tadi sebab kalau tidak, tidak mungkin...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling, panjang lagi tidak?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ada lagi. Banyak lagi. Baru separuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau panjang, kita sambung esok. Usul Menteri. Nanti sambung esok, ya?

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**Kenaikan Caj Perkhidmatan IWK****8.31 mlm.**

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang bagi saya menyampaikan ucapan penangguhan ke atas isu kenaikan caj perkhidmatan IWK dalam Dewan yang mulia ini. Mulai 1 Julai 2013, IWK telah meningkatkan kadar caj bagi perkhidmatan pengosongan enapcemar dari tangki jenis tandas curah iaitu kerek, palong, *pour flush*, untuk premis-premis domestik iaitu RM230 bagi kapasiti yang tidak melebihi 2.5 meter padu, dan RM360 bagi kapasiti yang melebihi 2.5 meter padu sehingga 4.5 meter padu atas alasan untuk membantu IWK meneruskan dan meningkatkan perkhidmatan yang lebih efisien kepada pelanggan.

Sebelum itu, caj perkhidmatan sebegini adalah RM48 setiap sekali. Dengan kadar baru yang dikenakan, maka caj perkhidmatan telah melambung 379% hingga 650%. Kadar baru yang melampau tinggi tersebut adalah tidak adil terhadap 894,859 pengguna tangki jenis tandas curah yang melibatkan kurang 4.47 juta orang. Manakala pengguna-pengguna yang mendapat menikmati loji rawatan kumbahan hanya perlu membayar caj RM8 sebulan.

Ini juga merupakan suatu beban berat ke atas pengguna-pengguna yang perlu mendapatkan perkhidmatan enapcemar daripada IWK khususnya yang lebih dua kali setahun. IWK merupakan sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Walaupun IWK adalah sebuah syarikat utiliti yang diswastakan, namun Kerajaan Persekutuan yang merupakan pemilik syarikat tersebut haruslah mempertimbangkan sebarang impak kenaikan caj perkhidmatan terhadap pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendesak supaya Kementerian Kewangan mengarahkan IWK untuk membekukan serta mengkaji semula keputusan tersebut dengan serta-merta. Sebarang kerugian yang perlu ditanggung oleh IWK, bolehlah dibiayai dengan lebihan keuntungan yang diperoleh daripada sumber-sumber lain melalui konsep pensubsidian silang (*cross subsidization*) dan tidak haruslah dipindahkan kepada pengguna-pengguna jenis ini.

Kegagalan untuk golongan tersebut menikmati loji rawatan kumbahan yang lebih baik dengan kadar tarif yang jauh lebih rendah bukanlah alasan untuk IWK mengenakan caj

perkhidmatan yang lebih tinggi terhadap mereka. Dalam aspek ini, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada SPAN dan Jabatan Perkhidmatan Pembetulan, agaknya bila kah kesemua tangki jenis tandas curah yang sedia ada dapat digantikan dengan sistem yang lebih baik dan efisien.

Dalam jawapan yang saya baru dapat, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menasihatkan pengguna-pengguna supaya menggunakan khidmat kontraktor swasta yang berdaftar dengan SPAN supaya tekanan pasaran dapat memaksa IWK untuk mengkaji semula caj perkhidmatannya. Saya berasa ini bukan suatu sikap yang ada pada sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

8.34 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera, salam 1Malaysia. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Untuk makluman Yang Berhormat, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. sentiasa memberi perhatian dalam memberi perkhidmatan sistem pembetulan yang lebih cekap dan efisien demi kesejahteraan serta kesihatan rakyat keseluruhannya.

Bagi tujuan berkenaan, salah satu daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh IWK adalah pengosongan enapcemar daripada tangki jenis curah yang mana kadar caj perkhidmatan dikenakan sebelum ini adalah sebanyak RM48 bagi setiap pengosongan tandas curah yang tidak melebihi 2.5 meter padu. Kadar caj berkenaan telah dinaikkan mulai 1 Julai 2013 iaitu sebanyak RM230 untuk kuantiti kumbahan tidak melebihi 2.5 meter padu dan RM360 untuk pengosongan yang melebihi 2.5 meter padu tetapi kurang daripada 4.5 meter padu.

Faktanya ialah kadar caj berkenaan adalah setara dengan kadar caj yang dikenakan oleh operator-operator lain. Tambahan lagi, kadar caj IWK sebanyak RM48 adalah kadar caj yang lama, dan tidak dinaikkan sehingga bulan Julai 2013. Caj baru ini dinaikkan setelah 16 tahun sejak 1 Mac 1997 berada pada kadar yang lama berbanding dengan operator-operator lain yang telah lama mengenakan kadar caj dalam lingkungan RM100 hingga RM400.

Perkhidmatan pengosongan enapcemar daripada tangki jenis tandas curah ini bukanlah satu perkhidmatan wajib-mandatori yang perlu disediakan oleh IWK, tetapi lebih kepada merupakan perkhidmatan sokongan atau tambahan yang boleh disediakan oleh mana-mana kontraktor yang diberi lesen oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, oleh pihak seperti Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, dan SPAN.

Memandangkan perkhidmatan yang ditawarkan ini, dengan izin adalah, *non-regulated services*, dan boleh disediakan oleh mana-mana kontraktor yang berlesen, pengguna diberi pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan berkenaan daripada mana-mana kontraktor pemegang lesen yang berdaftar. Kontraktor-kontraktor berdaftar ini pula telah menetapkan caj perkhidmatan

masing-masing dan tidak terikat dengan caj yang ditetapkan oleh IWK, serta mungkin berbeza dengan kadar caj perkhidmatan IWK.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah tangki jenis tandas curah di seluruh negara yang berada dalam kawasan operasi IWK adalah dianggarkan sebanyak 826,388. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada jumlah pengguna pada tahun 2012, hanya 43,998 daripada 826,388 pengosongan tandas curah telah dilaksanakan oleh IWK. Angka berkenaan menunjukkan bahawa hanya 5% pengguna yang menggunakan perkhidmatan pengosongan tangki tandas curah yang disediakan oleh IWK.

Selain itu, mengenai penggantian tandas curah kepada sistem yang lebih baik seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan penggunaan tandas curah terutamanya di kawasan bandar mencapai tahap sifar bagi memenuhi hasrat untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Namun demikian, tandas curah yang masih ada sekarang kebiasaannya digunakan oleh rumah-rumah terutamanya di kawasan perkampungan, pedalaman dan setinggian yang dibina oleh pemilik tanpa mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Justeru, sebarang perancangan untuk menukar sistem tandas curah kepada sistem tangki septik individu, atau sistem pembetulan bersambung, perlu dirancang dengan rapi dan teliti, kerana sistem tandas curah ini perlu dikorek serta digantikan dengan sistem lain yang lebih sesuai. Ini akan memberi implikasi kewangan yang besar. Ia juga dijangka akan memberi risiko yang lebih tinggi kepada struktur bangunan jika tidak dilaksanakan dengan berhati-hati, cermat dan teratur. Di samping itu, pemilik rumah juga perlu memberi persetujuan terhadap sebarang jenis penukaran serta implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh mereka bagi kerja-kerja penukaran berkaitan.

Walaupun bagaimanapun, sistem tandas curah ini masih boleh terus digunakan melainkan terdapat keperluan penting untuk ia ditukar sekiranya terdapat rangkaian paip pembetulan awam yang baru dibina di kawasan premis yang terlibat atau terdapat risiko kesihatan yang tinggi terhadap penduduk sekitar, sehingga boleh mengakibatkan pencemaran alam sekitar ke tahap yang berbahaya. Terima kasih.

Ancaman Kepada Kebebasan Bersuara Rakyat

8.39 mlm.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ancaman kepada kebebasan bersuara rakyat daripada kuasa Kerajaan Barisan Nasional. Setiap rakyat Malaysia lahir dengan kebebasan-kebebasan asas yang tidak boleh dirampas atau diancam oleh kerajaan.

■ 2040

Hak-hak asasi ini telah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Fasal 10 menjamin kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat dan kebebasan berhimpun. Akan tetapi sejak

negara mencapai kemerdekaan, pada tahun 1957, parti pemerintah telah mencabul dan menafikan kebebasan-kebebasan asas tersebut. Sehingga tahun lalu senjata utama Kerajaan Barisan Nasional dalam mendiadakan suara rakyat adalah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1990. Akta ini digunakan bukannya untuk menjaga keselamatan negara tetapi untuk memenjarakan mereka yang menentang salah laku BN.

Ahli-ahli BN perlu memahami bahawa undang-undang menindas, membahayakan semua rakyat termasuk mereka sendiri. Mengapa BN tidak cintakan kebebasan? Atas tekanan rakyat, ISA telah akhirnya dimansuhkan. Akan tetapi pemansuhan ISA tidak memberikan kebebasan asas kepada rakyat. Undang-undang terus disalah gunakan oleh Kerajaan BN untuk tujuan politik. Undang-undang yang terutamanya disalahgunakan untuk menafikan kebebasan bersuara adalah Akta Hasutan 1948.

Definisi hasutan di bawah akta ini begitu luas sehinggakan apa-apa kenyataan mengkritik kerajaan menjadi satu jenayah. Baru-baru ini ramai pemimpin serta Ahli Parlimen pembangkang telah dikenakan tuduhan di bawah akta tersebut. Akta Hasutan 1948 adalah akta zalim dan lapuk yang merupakan ketinggalan daripada zaman penjajah. Malah, penjajah sendiri tidak pernah menggunakan akta tersebut terhadap rakyat negara ini. Apakah kita lebih bebas di bawah penjajah *British* berbanding dengan di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional? Hak berhimpun masih disekat.

Undang-undang baru iaitu Akta Perhimpunan Aman (APA) tidak memulihkan hak berhimpun rakyat. Seksyen 9, APA disalahgunakan oleh pihak berkuasa untuk membawa tuduhan di mahkamah terhadap pembangkang dan rakyat yang tidak sehaluan dengan Kerajaan BN walaupun perhimpunan berjaya diadakan secara aman. Seterusnya, kekerasan dan gas pemedih mata digunakan untuk menakutkan rakyat daripada berhimpun secara aman. Berkaitan dengan kebebasan bersuara adalah hak untuk media bebas atau *free press*.

Walaupun dipinda pada tahun 2012, namun Akta Mesin Cetak 1984 masih menindas disebabkan lesen menerbitkan masih diperlukan bagi surat khabar harian. Kerajaan masih enggan memberi lesen surat khabar harian kepada pembangkang atau mana-mana pihak yang hendak menerbitkan surat khabar harian yang berpotensi mengkritik Kerajaan BN dan pemimpinnya.

Media bebas adalah hak mutlak rakyat. Kerajaan juga tidak membenarkan RTM yang dimiliki rakyat untuk memberi liputan adil dan sama rata kepada pembangkang dan mereka yang tidak sehaluan dengan kerajaan. Dewan yang mulia ini perlu menggesa Kerajaan BN terutamanya Kementerian Dalam Negeri membuat perubahan *legislative* dan *policy* supaya rakyat dapat menikmati kebebasan asas mereka di bawah fasal 10, Perlembagaan Persekutuan. Kebebasan bersuara adalah hak rakyat Malaysia dan Kerajaan BN mesti menghormatinya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya mengucapkan kepada Yang Berhormat Padang Serai di atas ucapan penangguhan yang telah dibangkitkan tersebut. Untuk

makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dakwaan Ahli Yang Berhormat Padang Serai bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 iaitu ISA digunakan untuk memenjarakan mereka yang menentang salah laku BN adalah tidak benar sama sekali.

Sehingga ISA dikuatkuasakan pemansuhan itu pada 31 Julai 2012. Kesalahan tahanan-tahanan adalah melibatkan penyeludupan manusia dan keganasan dan tidak yang melibatkan dengan tahanan politik. Undang-undang baru yang menggantikan ISA iaitu Akta Keselamatan 2012 juga menjamin tidak ada orang yang boleh ditahan sebabkan kepercayaan dan aktiviti politik.

Oleh itu, dakwaan bahawa undang-undang terus disalah guna oleh Kerajaan BN bagi tujuan politik tidak sepatutnya ditimbulkan. Berhubung dengan dakwaan bahawa Akta Hasutan 1948 disalah guna untuk menafikan kebebasan bersuara sehingga apa-apa kenyataan mengkritik kerajaan menjadi satu jenayah juga adalah tidak berasas. Kesalahan-kesalahan yang telah didakwa atas siasatan di bawah akta ini adalah melibatkan kenyataan menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Institusi Raja-Raja dan juga menyentuh isu-isu keagamaan yang mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum ataupun golongan penduduk yang berlainan di Malaysia. Pada masa yang sama kerajaan juga sedang mempertimbangkan untuk menggubal undang-undang baru iaitu Akta Keharmonian Nasional bagi menggantikan Akta Hasutan 1948 demi memelihara kewujudan dan keharmonian juga perpaduan di dalam negara. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita ditangguhkan dan bersidang semula pada jam 10 pagi hari Rabu, 2 Oktober 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.46 malam]